

Bil. 20

**Khamis
15 Disember 2011**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN NEGARA**

**PARLIMEN KEDUA BELAS
PENGAL KEEMPAT
MESYUARAT KETIGA**

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
RANG UNDANG-UNDANG: Rang Undang-undang Perbekalan 2012	(Halaman 21)
USUL: Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 36)

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang
2. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Armani binti Haji Mahiruddin (Sabah)
3. “ Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman (Dilantik)
4. “ Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Dilantik)
5. “ Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop (Johor)
6. “ Tuan Ahmad bin Hussin (Perlis)
7. “ Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu (Dilantik) –*Timbalan Menteri Luar Negeri I*
8. “ Datuk Dr. Awang Adek Hussin (Dilantik) –*Timbalan Menteri Kewangan I*
9. “ Dato' Azian bin Osman (Perak)
10. “ Tuan Baharudin bin Abu Bakar (Dilantik)
11. “ Tuan Boon Som a/l Inong (Dilantik)
12. “ Puan Chew Lee Giok (Dilantik)
13. “ Tuan Chiew Lian Keng (Dilantik)
14. “ Datuk Chin Su Phin (Dilantik)
15. “ Datuk Chiu Tiang Chai (Dilantik)
16. “ Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg (Sarawak)
17. “ Dato' Donald Lim Siang Chai (Dilantik) –*Timbalan Menteri Kewangan II*
18. “ Puan Doris Sophia ak Brodi (Dilantik)
19. “ Datuk Hajah Fatimah binti Hamat (Terengganu)
20. “ Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah (Dilantik)
21. “ Tuan Gan Ping Sieu (Dilantik) - *Timbalan Menteri Belia dan Sukan II*
22. “ Datuk Heng Seai Kie (Perak) – *Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat*
23. “ Dato' Sri Idris Jala (Dilantik) – *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
24. “ Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum (Dilantik) – *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
25. “ Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh (Dilantik)
26. “ Dato' Dr. Johari bin Mat (Kelantan)
27. “ Tuan Khoo Soo Seang (Johor)
28. “ Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon (Dilantik) – *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
29. “ Tuan Lee Cheam Choon (Melaka)
30. “ Tuan Lihan Jok (Sarawak)
31. “ Datuk Maglin a/l Dennis D'Cruz - *Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan II*
32. “ Datuk Maijol Mahap (Sabah)
33. “ Dr. Malasingam a/l Muthukumar (Dilantik)
34. “ Puan Mariany binti Mohammad Yit (Dilantik)
35. “ Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim (Dilantik) –*Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri*

36. Yang Berhormat Dato' Maznah binti Mazlan (Dilantik) – *Timbalan Menteri Sumber Manusia*
37. “ Tuan Mohamad Ezam bin Mohd. Nor (Dilantik)
38. “ Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah (Negeri Sembilan)
39. “ Dato Sri Dr. Mohd. Effendi bin Norwawi (Dilantik)
40. “ Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad (Perlis)
41. “ Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin (Kedah)
42. “ Tuan Muhammad Olian bin Abdullah (Dilantik)
43. “ Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawli (Kelantan)
44. “ Dato' Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff (Pulau Pinang)
45. “ Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai (Dilantik)
46. “ Tuan Ng Fook Heng (Pahang)
47. “ Puan Hajah Noriah binti Mahat (Dilantik)
48. “ Puan Norliza binti Abdul Rahim (Dilantik)
49. “ Dato' G. Palanivel (Dilantik) – *Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi*
50. “ Tuan Pau Chiong Ung (Dilantik)
51. “ Datuk Paul Kong Sing Chu (Dilantik)
52. “ Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin (Dilantik) – *Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar*
53. “ Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah (Selangor)
54. “ Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal (Dilantik)
55. “ Datuk Hj. Saat bin Hj. Abu (Melaka)
56. “ Tuan Saiful Izham bin Ramli (Kedah)
57. “ Dato' Sri Shahrizat binti Abdul Jalil (W. P. Putrajaya) – *Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat*
58. “ Datuk Subbaiyah a/l Palaniappan (Dilantik)
59. “ Tuan Subramaniam a/l Veruthasalam (Dilantik)
60. “ Dato' Syed Ibrahim bin Kader (Dilantik)
61. “ Dr. Syed Husin Ali (Selangor)
62. “ Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim (Pulau Pinang)
63. “ Dato' Dr. Yeow Chai Thiam (Negeri Sembilan)
64. “ Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus (Dilantik)
65. “ Puan Hajah Zainun binti A. Bakar (Terengganu)
66. “ Dato' Zaitun binti Mat (Pahang)

DEWAN NEGARA

Ketua Pentadbir Parlimen

Dato' Ngah Senik

Setiausaha Dewan Negara

Datuk Zamani bin Haji Sulaiman

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)

Encik Che Seman bin Pachik

PETUGAS-PETUGAS PENYATA RASMI (*HANSARD*)

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd Hassan

Rosna binti Bujairomi

Nurziana binti Ismail

Suriyani binti Mohd. Noh

Aisyah binti Razki

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan

Hafilah binti Hamid

Siti Norhazarina binti Ali

Mohd. Shahrul Hafiz bin Yahaya

Mulyati binti Kamarudin

Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli

Saipul Rizal bin Wahid

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Azmir bin Mohd Salleh

Nur Nazihah binti Mohd. Nazir

Noraidah binti Manaf

Mohd. Fairus bin Mohd. Padzil

Mohd. Izwan bin Mohd. Esa

Nor Kamsiah binti Asmad

Siti Zubaidah binti Karim

Aifarina binti Azaman

Noorfazilah binti Talib

Farah Asyraf binti Khairul Anuar

Julia binti Mohd. Johari

Ainuddin bin Ahmad Tajuddin

Syahila binti Ab Mohd Khalid

Siti Norlina binti Ahmad

Hazwani Zarifah binti Anas

MALAYSIA**DEWAN NEGARA****Khamis, 15 Disember 2011****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA***[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]***JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Puan Doris Sophia ak Brodi** minta Perdana Menteri menyatakan, pencapaian terkini intipati NKRA yang ke-7 iaitu menangani kos sara hidup yang telah dilancarkan baru-baru ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon]: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Doris Brodi kerana bertanya soalan yang memang amat relevan ini. Trend atau kecenderungan kos sara hidup yang terus meningkat, sememangnya merupakan satu fenomena sedunia yang melanda hampir semua negara. Ia adalah akibat daripada beberapa faktor seperti kenaikan harga minyak mentah, disebabkan oleh perang, kenaikan harga makanan, disebabkan oleh malapetaka semula jadi, kawalan pasaran atau sumber tertentu yang dimonopoli dan sebagainya.

Berbanding dengan beberapa negara yang lain, peningkatan harga barangan di Malaysia adalah sederhana rendah di mana indeks harga pengguna atau *consumer price index* adalah di lingkungan 2 peratus setahun. Ini adalah kerana Kerajaan Malaysia di bawah Barisan Nasional, sememangnya sangat prihatin terhadap tanggungjawab kita untuk mengawal dengan rapi harga barangan keperluan asas, termasuk makanan supaya meredakan tekanan inflasi terhadap rakyat kita.

Di samping itu, kerajaan telah dan sedang memberi banyak subsidi kepada beberapa kategori barangan, bagi tahun 2011, adalah dianggarkan bahawa jumlah subsidi untuk petrol, diesel dan gas cecair termasuk gas makan, berjumlah RM16 bilion yang dapat mengurangkan dan mengekalkan harga petrol RON95 pada RM1.90 setiap liter berbanding dengan harga asal RM2.75, setiap tong 14 kilogram gas masak dikekalkan pada RM26.60 berbanding dengan harga asalnya RM48.02.

Pelbagai subsidi untuk harga padi, baja dan benih bagi para petani untuk beras, gula, minyak masak, tepung gandum berjumlah RM4 bilion serta pelbagai insentif bagi petani padi dan nelayan berjumlah di lingkungan RM500 juta.

Subsidi dan insentif ini memang membantu meringankan beban petani dan nelayan dan juga beban kos makanan bagi rakyat jelata, terutamanya bagi golongan isi rumah berpendapatan rendah. Subsidi turut diberi untuk pampasan dan pengangkutan udara luar bandar di lingkungan RM450 juta, subsidi kadar elektrik sebanyak RM150 juta, subsidi perbezaan kadar faedah termasuk pinjaman dari bank pembangunan dan bank SME bagi pengusaha kecil dan sederhana lebih daripada RM1.5 bilion.

Jumlah besar bagi subsidi-subsidi tersebut dianggarkan melebihi RM22 bilion bagi tahun ini. Ini tidak termasuk program biasiswa institusi pengajian tinggi dan pelbagai bantuan pelajar sekolah yang berjumlah RM7 bilion serta pelbagai jenis bantuan kebajikan bagi keluarga miskin, orang kurang upaya (OKU), warga emas dan sebagainya, termasuk Program Kebajikan Rakyat 1Malaysia (KAR1SMA) yang berjumlah RM2 bilion.

Di samping itu, *National Key Result Area (NKRA)* di bawah Program Transformasi Kerajaan, GTP telah membelanjakan lebih daripada RM400 juta untuk menangani kemiskinan tegar melalui bayaran bantuan dan juga program 1AZAM iaitu memberi pekerjaan dan juga menyokong perniagaan bagi golongan ini. Pelbagai subsidi dan bantuan tersebut disalurkan dan diuruskan oleh beberapa kementerian dan agensi yang berkenaan.

Selaras dengan Gagasan 1Malaysia yang mendahulukan rakyat, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telah memperkenalkan Klinik 1Malaysia di mana bayaran rawatan hanyalah RM1, Kedai Rakyat 1Malaysia dengan harga barangan yang rendah.

■1010

Menu Rakyat 1Malaysia dengan harga makanan yang murah serta Program Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) bersama dengan Program Perumahan Rakyat (PPR) dan Skim Rumah Pertamaku untuk membekalkan lebih banyak lagi rumah mampu beli bagi isi rumah yang berpendapatan rendah dan sederhana.

Pada bulan Julai tahun ini Tuan Yang di-Pertua, Jemaah Menteri telah memutuskan untuk menjadikan kos sara hidup sebagai *National Key Result Area* (NKRA) yang ketujuh di bawah Program Transformasi Kerajaan. NKRA ini dipacu oleh sebuah *Delivery Task Force* (DTF) yang dipengerusikan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri disertai dan diuruskan bersama oleh para Menteri dan pegawai kanan yang berkenaan dan dipantau oleh *Performance Management and Delivery Unit* (PEMANDU) di bawah Jabatan Perdana Menteri. Ini sebenarnya merupakan kesinambungan kepada Jawatankuasa Kabinet untuk bekalan dan harga barangan yang dahulunya juga dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita.

Selaras dengan pendekatan baru ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ucapan Bajet 2012 pada bulan Oktober tahun ini telah mengumumkan beberapa langkah baru tambahan untuk meringankan beban rakyat iaitu Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) dalam bentuk pemberian RM500 secara *one-off* kepada isi rumah berpendapatan bulanan RM3,000 ke bawah, yang dijangka akan memanfaatkan 5.2 juta isi rumah. Bantuan persekolahan sebanyak RM100 setiap orang kepada 5.3 juta pelajar sekolah rendah dan menengah, serta pemberian baucar buku bernilai RM200 kepada 1.3 juta pelajar warganegara di institusi pengajian tinggi. Langkah-langkah ini sedang dalam pelbagai peringkat pelaksanaannya.

Oleh itu, adalah jelas bahawa kerajaan Malaysia di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak dan Barisan Nasional memang komited dan akan terus berikhtiar untuk membantu rakyat jelata supaya dapat menghadapi dan menangani beban dan desakan harga sara hidup yang kian meningkat. Terima kasih.

Puan Doris Sophia ak Brodi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan yang diberi kepada soalan saya tadi. Saya cuma ingin bertanya sedikit lagi iaitu bagaimanakah kerajaan melihat mereka-mereka yang boleh kita kategorikan dalam golongan *urban poverty*, dengan izin, yang disebabkan *cost of living* yang tinggi ataupun kos sara hidup yang agak melampau di bandar. Sehingga menyebabkan mereka-mereka ini terpaksa berhijrah kembali ke kampung halaman masing-masing, hingga menyebabkan kita kekurangan tenaga kerja di bandar dan terpaksa diganti oleh tenaga kerja warga asing. Apa pandangan pihak kementerian? Terima kasih.

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Tuan Yang di-Pertua, pihak kerajaan memang amat peka terhadap para penghuni di kawasan bandar khususnya bandar raya yang menghadapi kos sara hidup yang lebih tinggi kalau berbanding dengan kawasan luar bandar. Maka oleh itu seperti yang telah saya huraikan tadi, kita mempunyai beberapa strategi termasuk juga program untuk isi rumah berpendapatan rendah melalui e-Kasih di mana kita menyalurkan bantuan bulanan kepada isi rumah termasuk di dalam kawasan bandar.

Di samping itu, sememangnya kita mempunyai program perumahan seperti yang telah saya sebutkan iaitu PR1MA dan Program Perumahan Rakyat (PPR), di mana kita memberi subsidi di dalam kos pembangunan di kawasan bandar. Maka program ini akan giat dilaksanakan di atas beberapa tapak tanah di dalam Bandaraya Kuala Lumpur dan juga di bandar-bandar di sekitar negara. Maka itulah cara kita untuk membantu mereka di samping apa yang telah saya sebutkan iaitu subsidi terhadap petrol, makanan dan berbagai-bagai lagi subsidi yang juga telah memanfaatkan rakyat di kawasan bandar.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, selamat datang kepada pelajar-pelajar Universiti Kolej KUSZA, Terengganu... [Tepuk] Soalan tambahan saya. Sampai bilakah kerajaan akan mengekalkan subsidi dan insentif ini?

Adakah kerajaan bercadang untuk memberhentikan subsidi menjelang negara maju tahun 2020 atau selepas tahun 2020 adakah kerajaan masih lagi hendak memberi subsidi dan insentif itu? Terima kasih.

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Tuan Yang di-Pertua, sememangnya pemberian subsidi dan pelbagai jenis bantuan mencerminkan komitmen kerajaan Barisan Nasional terhadap rakyat. Apatah lagi ini datangnya dari sumber-sumber negara yang sebenarnya boleh dikatakan kepunyaan rakyat. Walau bagaimanapun, kami juga amat peka bahawa sekiranya subsidi ini tidak dikawal dan diuruskan dengan baik, ianya akan terus menyebabkan defisit belanjawan kerajaan dan defisit negara dan akan menjejaskan keutuhan ekonomi negara kita.

Oleh itu keutamaan yang diberi oleh kerajaan selain daripada memberi subsidi untuk membantu rakyat yang perlu dibantu, maka kita juga akan terus menjanakan pembangunan ekonomi di negara supaya kita dapat mencapai status negara yang berpendapatan tinggi. Apabila sampai tahun 2020, dalam tempoh sembilan tahun lagi, maka adalah diharapkan bahawa pada waktu itu pendapatan rakyat kita akan mencapai satu tahap yang cukup tinggi, di mana mereka mampu untuk menanggung kos yang tinggi sepertimana yang berlaku, di negara-negara yang maju.

Maka kita mungkin pada waktu itu boleh mengurangkan subsidi tetapi masih terus akan menyokong golongan-golongan yang memerlukan bantuan termasuk juga mereka yang masih berpendapatan rendah secara perbandingan. Ini kerana kita peka bahawa di negara-negara maju pun, memang ada golongan berpendapatan rendah dan juga mereka yang kurang bernasib baik, yang harus terus diberi bantuan dan sokongan oleh kerajaan yang bertanggungjawab.

Maka itulah secara kasarnya adalah gambaran dan perspektif jangka masa panjang dalam tempoh sembilan hingga sepuluh tahun yang akan datang ini, yang mana kita berharap bahawa dengan sokongan dan penyertaan rakyat secara bermakna, kita akan mencapai status negara maju dan berpendapatan tinggi, di mana subsidi bukan menjadi satu isu yang besar lagi.

■1020

Oleh itu, sebagai kerajaan yang bertanggungjawab, maka kita hendaklah terlebih dahulu menjanakan pertumbuhan ekonomi ini. Maka, kita memerlukan satu suasana yang aman dan damai dan juga satu suasana yang boleh dikatakan mesra *business* untuk menarik lebih ramai lagi pelabur dari dalam dan luar negeri. Terima kasih.

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertanyaan tambahan saya ialah seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi bahawa kerajaan menanggung subsidi lebih daripada RM22 bilion petroleum, minyak, beras, tol, pengangkutan, elektrik dan sebagainya. Jadi, tidakkah kerajaan bercadang untuk menstrukturkan semula pemberian subsidi ini agar hanya mereka yang layak sahaja, yakni 40 peratus daripada rakyat kita yang berpendapatan rendah menerima subsidi ini. Ini kerana RM22 bilion ini bukan sahaja diraih oleh 40 peratus ini, bahkan oleh semua rakyat Malaysia yang menggunakan bahan-bahan tersebut.

Keduanya, adakah kerajaan tidak bercadang untuk menyediakan satu pelan tindakan yang bersepadu dalam bentuk jangka panjang untuk membantu atau membimbing rakyat yang berjumlah 40 peratus tadi yang berpendapatan rendah supaya kos sara hidup mereka ini bersesuaian dengan pendapatan mereka. Terima kasih.

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Tuan Yang di-Pertua, sememangnya apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Haji Muhamad Yusof tadi dari pihak pembangkang memang agak munasabah. Saya berharap bahawa pendirian seumpama ini akan menjadi konsisten supaya dapat menyokong langkah-langkah positif yang akan diambil oleh pihak kerajaan. Kita tidak menafikan bahawa subsidi sebanyak RM22 bilion ini adalah dinikmati oleh semua rakyat tanpa mengira pendapatan. Misalnya, subsidi untuk petrol RON 95, kita tidak membezakan sesiapa yang datang ke stesen minyak untuk mengisi minyak. Kita tidak *check* apakah jenis kereta dan sebagainya. Akan tetapi kalau kita berdasarkan kepada prinsip keadilan sosial, maka mungkin kita boleh menerima hujah seperti yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bahawa kita perlu menstrukturkan semula. Mungkin mereka yang memakai kereta *Mercedes* atau lebih hebat lagi seperti *Jaguar*, mampu untuk menanggung kos sepenuhnya dan tidak sepatutnya diberi subsidi.

Akan tetapi kita masih belum bersedia untuk berbuat demikian kerana kita mahu supaya negara Malaysia kita ini mencapai tahap berpendapatan tinggi. Maka, pada waktu itu kita boleh dengan secara sistematik dan dengan fahaman daripada rakyat dan sokongan daripada pihak pembangkang secara konsisten, maka kita mungkin boleh melaksanakan penstrukturan semula seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Senator tadi.

Maka oleh itu, saya berharaplah bahawa isu subsidi ini pada masa hadapan akan dapat ditangani bersama oleh semua pihak secara rasional dan berdasarkan kepada kepentingan negara dan kepentingan rakyat dan bukanlah seolah-olah kepentingan politik. Terima kasih.

2. Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman minta Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar menyatakan, status terkini projek pembangunan Plaza Rakyat di Pudu Sentral.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar [Datuk Saravanan a/l Murugan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Plaza Rakyat Sdn. Bhd. (PRSB) telah didapati gagal menyiapkan projek dalam tempoh yang ditetapkan. Sehubungan dengan itu, pada 21 April 2010 yang lalu, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah menamatkan perjanjian usaha sama dengan PRSB.

Walau bagaimanapun, Plaza Rakyat Sdn. Bhd. telah mendapatkan perintah injunksi, *ex parte order*, daripada mahkamah yang menghalang Dewan Bandaraya Kuala Lumpur daripada mengambil milikan tapak projek. Perkara ini telah dibawa ke mahkamah dan mahkamah telah mencadangkan agar Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan pihak Plaza Rakyat Sdn Bhd. berunding bagi penyelesaian di luar mahkamah.

Mahkamah pada 23 Februari 2011 telah memutuskan supaya perintah injunksi oleh pihak Plaza Rakyat Sdn. Bhd terhadap Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dikekalkan. Lanjutan itu, pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah mengemukakan rayuan ke Mahkamah Rayuan pada 3 Mac 2011. Status terkini, Mahkamah Rayuan telah memutuskan permohonan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk mengetepikan perintah injunksi adalah tertakluk kepada keputusan prosiding timbang tara (*arbitration*), dengan izin.

Bagi prosiding timbang tara, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah melantik penimbang tara iaitu Encik Robert Lazar daripada Tetuan Shearn Delamore, manakala PRSB telah melantik Profesor Dato' Seri Vishnu Sinnadurai. Kedua-dua penimbang tara ini telah pun bersetuju melantik penimbang tara ketiga iaitu Y.Bhg. Dato' Ghazi Ishak bagi mencapai keputusan *anonymous* atau majoriti, dengan izin, di akhir prosiding timbang tara ini.

Seterusnya, sesi perbicaraan bagi prosiding timbang tara akan diadakan pada 16 Januari 2012, 26 dan 27 Mac serta 16 dan 17 Mac dan 20 April 2012 di *Kuala Lumpur Regional Arbitration Centre*, Jalan Conlay, Kuala Lumpur. Terima kasih.

Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman: Terima kasih. Soalan tambahan saya, di dalam rancangan untuk memulihkan semula projek ini, adakah kajian terperinci dibuat untuk memastikan projek yang akan dimula semula ini tidak tergendala sekali lagi? Terima kasih.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa lawatan kerja beliau ke kawasan Puduraya pada 25 April 2009 telah meninjau projek Plaza Rakyat dan meminta supaya masalah pembangunan ini dapat diselesaikan dengan segera.

Selanjutnya, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam perutusan khas beliau dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 29 April 2009 meminta Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan menyelesaikan perkara ini dalam masa tiga bulan.

Satu perbincangan telah diadakan di antara pihak Jabatan Peguam Negara, Kementerian Wilayah Persekutuan dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur pada 4 Mei 2009. Pihak JPN telah memberikan ulasan dan pandangan berhubung draf surat persetujuan dari DBKL bagi pelepasan projek ini oleh Plaza Rakyat Sdn. Bhd. kepada Global Upline Sdn. Bhd.

Kementerian Wilayah Persekutuan dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur perlu mengemukakan surat kelulusan daripada Unit Penswastaaan dan PFI Jabatan Perdana Menteri bagi mendapat pertimbangan dan kelulusan bagi mencadangkan pelantikan Global Upline Sdn. Bhd. sebagai syarikat yang meneruskan projek ini. Terma-terma komersial akan dibincangkan dalam perjanjian usaha sama yang baru. Walau bagaimanapun, sebarang keputusan akan diadakan selepas kita menerima keputusan mahkamah pada bulan ini. Terima kasih.

3. Tuan Mohamad Ezam bin Mohd. Nor minta Menteri Kewangan menyatakan, sejauh manakah dakwaan 40 Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) yang mencatatkan kerugian terbesar sebanyak RM0.71 bilion, termasuk syarikat pengendali pengangkutan awam, Syarikat Prasarana Bhd., Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) dan Aset Global Network Sdn. Bhd. dan apakah langkah-langkah strategik untuk memastikan GLC terus bersaing di peringkat global.

Timbalan Menteri Kewangan I [Datuk Dr. Awang Adek Hussein]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan kepada Laporan Ketua Audit Negara 2010, terdapat 19 buah syarikat daripada 47 buah syarikat di mana Menteri Kewangan Diperbadankan memiliki saham melebihi 50 peratus pegangan saham telah mencatatkan jumlah kerugian sebelum cukai berjumlah RM0.71 bilion bagi tahun kewangan berakhir 2009.

Di antara syarikat yang mengalami kerugian tersebut adalah Syarikat Prasarana Negara Berhad sebanyak RM367.12 juta, Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) sebanyak RM92.59 juta dan Assets Global Network Sdn. Bhd. (AGN) sebanyak RM41.05 juta.

■1030

Kerugian yang dicatatkan oleh ketiga-tiga syarikat tersebut adalah disebabkan di antaranya perbelanjaan tinggi dalam kos pelaburan, impak melalui perbelanjaan susut nilai (*depreciation*) dan kos operasi meningkat dengan kadar tambang yang dikenakan pula rendah serta pembayaran faedah pinjaman yang tinggi. Sebagai syarikat yang ditubuhkan untuk memenuhi obligasi sosial dalam menyediakan kemudahan awam ataupun sebagai syarikat *special purpose vehicle*.

Ketiga-tiga syarikat tersebut di atas bukanlah beroperasi bermotifkan keuntungan semata-mata. Sebahagian besar daripada syarikat berkaitan kerajaan GLC memberikan fokus kepada pelaburan dalam negara untuk memenuhi tanggungjawab selaku peneraju pembangunan negara.

Walaupun bagaimanapun, selari dengan hasrat program transformasi GLC yang menyasarkan untuk melahirkan beberapa jaguh serantau menjelang tahun 2015. Serta sebagai usaha bagi meningkatkan kadar keuntungan dan nilai pemegang sahamnya, beberapa GLC utama telah memperluaskan skop pelaburan ke luar negara. Setiap pelaburan yang dibuat oleh GLC di luar negara dilakukan secara berhemah dan mengambil kira kepentingan komersial dan strategik kepada negara. Beberapa buah GLC telah pun mengukuhkan kedudukannya di peringkat serantau contohnya Axiata Group Berhad, CIMB Group Holdings Berhad dan Malaysia Airport Holdings Berhad. Di antara langkah-langkah strategik yang diambil oleh GLC ini untuk terus bersaing di peringkat serantau dan global adalah seperti berikut:

- (i) penyatuan dan pengambilalihan syarikat. Sebagai contoh Axiata kini mempunyai kepentingan dalam beberapa syarikat telekomunikasi di sembilan buah negara dengan pelanggan berjumlah kira-kira 160 juta orang;
- (ii) membuka cawangan-cawangan baru di seluruh rantau ASEAN. Sebagai contoh CIMB membuka cawangan di Indonesia, Thailand, Republik Rakyat China dan Kemboja; dan
- (iii) terlibat dalam projek-projek pembangunan infrastruktur. Sebagai contoh Malaysia Airport telah melabur kira-kira RM350.9 juta di empat buah lapangan terbang yang diuruskan di luar negara.

Terima kasih.

Tuan Mohamad Ezam bin Mohd Nor: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan

Menteri Kewangan di atas jawapan yang cukup komprehensif. Cuma mohon sedikit penjelasan lagi sebab Jun tahun ini Yang Berhormat Datuk Idris Jala sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Ketua Unit PEMANDU, ada mengumumkan tentang langkah penyusunan semula *GLC Nationalization*. Jadi yang saya mohon penjelasan ialah dari sudut penyelarasan antara unit pemandu dan Kementerian Kewangan, apakah ada pertindihan peranan atau *overlapping roll*, dengan izin. Juga apakah untung rugi ini menjadi salah satu daripada kayu ukur dalam penyusunan semula ini? Terima kasih.

Datuk Dr. Awang Adek Hussein: Terima kasih Yang Berhormat. Usaha untuk memperbaiki prestasi GLC ini baik melalui penyusunan semula ataupun melalui penjualan anak-anak syarikat seperti mana yang dicadangkan adalah satu usaha yang berterusan, supaya GLC ini sentiasa kukuh dan ini adalah sebahagian daripada program transformasi GLC. Sudah tentu satu pertimbangan utamanya ialah untuk mengelakkan GLC-GLC yang mempunyai masalah kewangan. Ini kerana GLC yang mempunyai masalah kewangan sudah tentu tidak boleh berdaya tahan, *sustainable* dalam jangka masa panjang.

Jadi ini satu proses yang berterusan. Kita lihat bahawa seperti mana yang telah diumumkan kerap kali dari segi penambahbaikan ini sudah pun semakin terserlah. Umpamanya dari segi pendapatan GLC keseluruhannya telah meningkat 80 peratus, dari segi *market cap* dengan izin, modal pasaran telah meningkat 100 peratus, dari segi pulangan kepada pemegang saham telah berada pada tahap 13.6 peratus yang merupakan satu kedudukan yang baik. Dari segi menepati KPI yang ditetapkan, GLC juga telah pun semakin mencatatkan prestasi yang semakin meningkat. Dari segi koordinasi antara Kementerian Kewangan dan Pemandu ini adalah sesuatu yang sentiasa diutamakan.

Supaya apa yang dilakukan oleh satu-satu ranting kerajaan tidak bertentangan dengan apa yang dilakukan oleh badan-badan lain. Saya rasa akhirnya Kabinet sudah tentu merupakan badan yang tertinggi untuk menyelesaikan sekiranya ada apa-apa pandangan yang berbeza di antara agensi dan badan-badan kerajaan dalam mencapai matlamat negara. Terima kasih.

4. Dato' Dr. Johari bin Mat minta Perdana Menteri menyatakan, apakah langkah-langkah yang telah dan sedang diambil terhadap gejala-gejala ajaran atau fahaman atau ism yang sedang menular dalam masyarakat seperti hubungan atau perkahwinan sejenis dan seks bebas.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum]: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Tuan Yang di-Pertua, kerajaan secara berterusan bagi menangani pelbagai jenis gejala sosial ataupun ajaran dan fahaman menyeleweng yang menular dalam masyarakat dalam usaha menangani masalah sosial dan maksiat seperti seks bebas, pelacuran dan seumpamanya. Kerajaan mengambil dua pendekatan iaitu penguatkuasaan undang-undang dan pendidikan pencegahan. Dalam aspek penguatkuasaan undang-undang telah pun memperuntukkan secara jelas dalam Akta Kesalahan Jenayah Syariah Wilayah-Wilayah Persekutuan 1997 Akta 559 dan boleh dikuatkuasakan kepada orang Islam. Antara peruntukan-peruntukan yang berkaitan adalah seperti berikut:

- (i) seksyen 21 – kesalahan pelacuran yang boleh didenda tidak melebihi RM5,000 dan penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun;
- (ii) seksyen 22 – kesalahan muncikari ataupun dalam istilah biasa disebut 'ibu ayam' ataupun 'bapa ayam'. Selain daripada itu juga, Akta Kesalahan Jenayah Syariah Wilayah Persekutuan 1997, Akta 559 seksyen 21 berkaitan dengan pelacuran. Begitu juga dengan seksyen 22 muncikari;
- (iii) seksyen 25 Akta Kesalahan Jenayah Syariah Wilayah-Wilayah Persekutuan Akta 559 memperuntukkan seperti berikut iaitu berkaitan dengan liwat;

- (iv) seksyen 26 Akta Kesalahan Jenayah Syariah Wilayah-Wilayah Persekutuan Akta 559 yang berkaitan dengan *musahaqah* ataupun lesbian;
- (v) seksyen 29 iaitu perbuatan tidak sopan di tempat awam di mana perkataan tidak sopan ini membawa maksud mana-mana orang yang bertindak atau berkelakuan tidak sopan bertentangan dengan hukum syarak di mana-mana tempat awam adalah melakukan suatu kesalahan. Apabila disabit boleh didenda tidak melebihi RM1,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya; dan
- (vi) begitu juga dengan Seksyen 28 iaitu orang lelaki yang berlagak seperti perempuan, boleh juga dihukum. Seksyen 377(A) - Kanun Keseksaan memperuntukkan iaitu persetubuhan yang bertentangan dengan aturan luar tabii, seksyen 377(B) - hukuman kerana melakukan persetubuhan yang bertentangan dengan aturan tabii, seksyen 377(D) - melanggar kesopanan.

Ini adalah merupakan persiapan-persiapan undang-undang bagi tindakan kepada mereka yang melakukan perkara-perkara yang menyeleweng daripada ajaran dan juga termasuk daripada gejala-gejala sosial. Sehubungan yang sama kerajaan dan kerjasama pihak berkuasa agama negeri mengambil tindakan undang-undang terhadap pihak terbabit sekiranya didapati melanggar mana-mana peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa di negeri yang telah mewartakan kesalahan penyebaran sesebuah ajaran ataupun fahaman yang menyeleweng. Selain itu, tiada peruntukan undang-undang malah mana-mana agama di negara ini yang membenarkan bukan hanya sekadar agama Islam, termasuk mana-mana agama di negara ini yang hubungan sejenis, seks bebas dan perkahwinan sejenis

■1040

Manakala bagi tujuan pendidikan pencegahan pula antara langkah yang diambil oleh kerajaan bagi membendung ataupun ajaran menyeleweng ini disekat melalui berikut:

- (i) mengadakan majlis-majlis penjelasan bahaya fahaman atau ajaran menyeleweng dengan kerjasama Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, Jabatan-jabatan Agama Negeri ataupun ringkasnya JAIN, agensi kerajaan lain serta pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan;
- (ii) melakukan pemantauan dan kajian terhadap apa jua program yang dibuat oleh organisasi atau individu tertentu yang mempunyai unsur-unsur penyelewengan agama;
- (iii) memantau mengkaji laman-laman web dan blog yang menyebarkan fahaman-fahaman sesat;
- (iv) meningkatkan kerjasama antara agensi agama dan kementerian-kementerian; dan
- (v) bekerjasama dengan Jabatan Agama Islam Negeri dan Jabatan Mufti dalam mengkaji seterusnya mengeluarkan fatwa yang berhubung kait dengan amalan perbuatan yang diamalkan oleh mereka yang menyeleweng.

Terima kasih.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucap terima kasih banyak kepada Yang Berhormat Menteri yang telah memberi jawapan yang panjang lebar dan telah menjelaskan soalan yang telah dikemukakan. Soalan tambahan saya, siapa yang berhak menyatakan sesuatu aliran fahaman ataupun perbuatan yang telah dilakukan dibawa masuk dalam masyarakat atau berlaku dalam masyarakat salah atau silap atas asas apa perbuatan tersebut dikira salah.

Dengan itu setakat ini berapakah jumlah amalan-amalan atau ajaran-ajaran yang menular dalam masyarakat kita yang muncul yang telah dikenal pasti yang telah menyeleweng. Kemudian, pihak mana pula yang diamanahkan oleh pihak kerajaan untuk memberitahu masyarakat tentang penyelewengan ajaran-ajaran tersebut.

Begitu juga saya baca dalam akhbar, akhir-akhir ini ada disebut bahawa ajaran *Wahabi* adalah menyeleweng. Ini disebut di dalam akhbar saya baca. Kalau sekiranya ajarannya menyeleweng, apa nasihat kerajaan kita kepada jemaah haji dan umrah yang pergi ke Saudi dan bersolat di belakang imam-imam tersebut. Kalau sekiranya dia tidak menyeleweng, maka apa pula nasihat kerajaan kepada orang-orang yang menyelewengkan mereka. Jadi saya mohon penjelasan. Terima kasih.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Dr. Johari bin Mat. Ini guru saya masa belajar dahulu. Saya ingin menegaskan bahawa bila kita bercakap soal siapakah yang berhak untuk mengatakan sesat dan tidak sesuatu ajaran termasuk ianya menyeleweng ataupun tidak. Pendekatan yang digunakan oleh pihak kerajaan oleh kerana apabila menghubungkan kaitkan sesuatu ajaran dan pegangan ia menjadi sesat ia bukan sekadar perkara yang enteng. Ia bukan hanya sekadar perkara yang boleh dianggap perkara akademik biasa tetapi ianya memerlukan kepada penelitian agama yang dalam, maka sebab itu kerajaan menggunakan mekanisme yang paling tinggi iaitulah menggunakan melalui segala keputusan penyelewengan dan sebagainya diputuskan oleh pihak Majlis Fatwa Kebangsaan.

Sebelum daripada itu sebelum diangkat kepada Majlis Fatwa Kebangsaan pihak negeri sendiri masing-masing oleh kerana mempunyai jawatankuasa fatwa di peringkat negeri biasanya akan diangkat kepada Muzakarah Fatwa Kebangsaan dan kemudian diangkat kepada Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan yang dilantik oleh Raja-Raja. Inilah kemudian keputusan dibuat.

Selain daripada itu juga selepas daripada itu saya minta izin mengenai jumlah yang Yang Berhormat Dato' minta tadi akan saya berikan kemudian secara bertulis kerana saya tidak bawa jumlah ajaran-ajaran yang menyeleweng. Selain daripada itu juga perkara yang berkaitan siapakah yang akan memberitahu pihak JAKIM selaku urus setia kepada muzakarah dan juga kepada Majlis Fatwa Kebangsaan akan mewartakan dan memaklumkan dan kemudian pihak negeri-negeri pula akan balik ke negeri-negeri masing-masing untuk mewartakan. Sebab apabila dia tidak diwartakan di negeri masing-masing dia tidak mempunyai status undang-undang. Maka di peringkat negeri perlu mewartakan ajaran-ajaran tadi sehingga apabila diwartakan menyeleweng dan sesat maka peruntukan undang-undang di bawah seksyen-seksyen yang telah saya sebutkan awal boleh mengambil tindakan kerana setelah diwartakan bahawa ianya menyeleweng.

Selain daripada itu juga Yang Berhormat Dato' tentang ajaran *Wahabi*. Saya, Tuan Yang di-Pertua masih ingat di dalam Dewan ini pada sesi Dewan Rakyat yang lalu pada kali ini Dewan Negara, saya telah pun menjawab tentang ajaran *Wahabi*, ia dalam Majlis Fatwa dan juga Muzakarah Fatwa dan juga disebut Majlis Fatwa Kebangsaan tidak menyentuh bahkan ajaran yang diamalkan. Ia sebenarnya di Malaysia lebih disebut dengan ajaran *Wahabi* tetapi dalam konteks meluas ia disebut *Salafi* ataupun *Al Sunah Wal Jamaah* tidak terkeluar termasuk kelompok yang dianggap menyeleweng dan sesat.

Berbalik kepada Yang Berhormat Dato' sebutkan tadi kalau timbul kesesatan, bagaimana pula kita yang bersembahyang yang pergi ke Mekah, Madinah yang berimamkan daripada mereka yang mengamalkan ajaran *Wahabi*. Saya suka menarik perhatian kepada semua Ahli Dewan. Oleh kerana atas sifat kita sentiasa berharmonis dalam komunikasi dan perhubungan, sebab itu kita melihat pada tahun ini kita pernah menjemput Imam Sudais daripada Imam Mekah untuk datang melawat ke negara Malaysia dan mengimamkan sembahyang termasuk membaca khutbah di Masjid Wilayah Persekutuan dan dia menyampaikan khutbah dalam bahasa Arab walaupun tidak ramai kita yang dapat memahami tetapi saya melihat pada hari itu semangat dan cara angguk jemaah itu maka maknanya fahamlah itu.

Jadi kita meyakini bahawa hubungan dan juga komunikasi yang harmonis ini membina satu hubungan yang baik. Jadi tidak timbul kalau kita sebutkan kata menyeleweng dan juga diharamkan.

Maka sebab itu kita jemput bahkan kerajaan begitu terbuka sehingga di dalam Anugerah Tokoh Maal Hijrah peringkat antarabangsa bagi tahun ini 1433 Hijrah baru yang lalu, kita telah mengumumkan Dr. Fuad Al-Farisi, Menteri Haji Arab Saudi. Ini bukan kerana saya menteri agama saya pilih dia, tidak. Jadi nanti Yang Berhormat-Yang Berhormat fikir kata sebab menteri agama tidak tetapi kriteria pemilihan tokoh Maal Hijrah Antarabangsa ialah kerana sumbangan agama yang tinggi di peringkat antarabangsa.

Kita melihat salah satu sumbangan yang diberikan oleh Dr. Fuad Al-Farisi, Menteri Haji Arab Saudi menyantuni seluruh jemaah haji di seluruh Malaysia dan bahkan seluruh dunia maka ini sumbangan yang besar kita berikan sumbangan. Dalam erti kata maknanya sumbangan ini kita beri sebagai pengiktirafan Tokoh Maal Hijrah 1433 daripada Arab Saudi maknanya hubungan harmonis ini memang berjalan dan saya akan mengambil perhatian Yang Berhormat Dato' sebutkan tadi bahawa dia tidak salah maka apa pula tuduhan mereka yang mengatakan salah tadi dan kita akan saya akan berhubung dengan Yang Berhormat Dato' untuk tujuan mendapat kumpulan yang menyebut kata salah tadi supaya kita boleh memberikan ingatan dan juga peringatan supaya jangan sampai kita terkeluar batas. Yang Berhormat Dato' ini biasa, kadang-kadang untuk hendak bercakap orang itu haram, orang ini berdosa, orang ini keluar Islam dan sebagainya ia mudah keluar dari pelbagai mulut Yang Berhormat Dato'.

Jadi kita akan mengambil perhatian supaya dia bukan kata di luar negara sahaja termasuk di dalam negara pun dia ada benda-benda yang macam ini tetapi Ahli-ahli Yang Berhormat seperti Yang Berhormat Dato' Dr. Johari sebagai guru saya melihat saya sebagai anak murid yang baik jadi kita senang untuk berhubung komunikasi dalam Dewan ini. Terima kasih.

Tuan Ahmad bin Hussin: Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang menjawab. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya amat-amat terpenggillah dalam kes ini. Oleh itu saya lihat soalan saya ialah sebelum soalan ada sedikit *statement*. Perlakuan seks bebas atas nama kebebasan tidak mungkin Yang Berhormat Dato' tidak ada lagi istilah anak dara atau anak teruna semasa berkahwin. Saya takut. Saya bukan, ini satu *statement*. Jadi soalan saya Yang Berhormat Dato' berbunyi begini.

■1050

Apakah kaedah pada pandangan kerajaan yang terbaik untuk mengekalkan institusi perkahwinan dan kekeluargaan yang kita lihat mulai luput dari semasa ke semasa dalam masyarakat kita akibat terlalu terikut-ikut dengan budaya Barat? Mungkin akhirnya ramai di kalangan kita tidak tahu siapa bapa masing-masing satu hari nanti. Itu yang pertama. Itu soalanlah.

Soalan yang kedua, langkah Jawatankuasa Fatwa mengharamkan pengkid adalah tepat pada waktunya ketika gejala yang berlaku sekarang bukan isu baru. Sebaliknya ianya telah menjadi ikutan remaja sejak beberapa tahun lalu. Soalannya ialah apakah tindakan kerajaan terhadap sekumpulan masyarakat yang mengutuk fatwa itu? Walhal, adalah tidak wajar orang bukan Islam memberikan pandangan mereka dengan membantah fatwa tersebut. Apatah lagi mereka langsung tidak ada kaitan dengan agama Islam. Sekian, terima kasih.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum: Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Ahmad bin Hussin yang telah..., yalah bukan setakat terpenggil untuk soalan ini sahaja. Memang kena panggil pun sebab Dewan bersidang, sebab kita Ahli Senator. Apa-apa pun saya mengucapkan ribuan terima kasih atas perhatian dan juga pengamatan tinggi berdasarkan masalah gejala sosial. Saya amat berasa begitu prihatin untuk kita semua mengambil rasa tanggungjawab. Ini kerana dalam situasi dunia yang tanpa sempadan, situasi Order Baru Dunia yang berkembang yang disebut dengan dunia yang sudah terbuka langitnya, pelbagai maklumat yang dapat digunakan, diakses atau pun didapati oleh pelbagai kelompok masyarakat dengan dunia baru yang ada pada hari ini mendedahkan kepada masalah-masalah dan gejala sosial.

Lebih menghambat keadaan apabila ada kelompok-kelompok yang bangun untuk mempertahankan termasuk Seksualiti Merdeka dan sebagainya, kebebasan atas hujah yang begitu rapuh, dan hujah yang tidak wajar untuk dipertahankan iaitu atas sifat hak asasi.

Sepatutnya dia bukan berhujah atas sifat hak asasi lalu memberikan, mengiakan kehendak-kehendak yang terkeluar daripada tabii dan naluri manusia. Sebagaimana yang disebut LGBT, ia terkeluar daripada naluri kemanusiaan yang biasa.

Sepatutnya apabila kita bercakap mempertahankan hak asasi, bukan tujuan kita membenci kelompok ini tetapi kita menyayangi mereka dengan berusaha menarik kembali. Itu pengertian yang dimaksudkan dengan hak asasi. Akan tetapi agak malang. Apabila kita bercakap hak asasi, lalu kita ingin membiarkan. Akhirnya masalah gejala sosial berkembang, runtuhnya institusi kekeluargaan. Bahkan bukan setakat runtuh, menularnya penyakit-penyakit yang sampai hari ini tidak dapat diubati seperti mana AIDS yang berpunca daripada hubungan-hubungan yang seperti ini.

Atas sifat kesedaran ini, bukan hanya sekadar agama Islam sahaja bahkan semua agama di Malaysia ini tidak membenarkan perhubungan dan perkahwinan atau pun kemerdekaan diberikan dalam pengertian mudah - kebebasan untuk semua kelompok ini. Jadi, penekanan kepada mempertahankan peruntukan perundangan ini harus juga berjalan. Dalam masa yang sama juga, sebagaimana yang saya sebutkan pada jawapan asal Yang Berhormat Datuk Dr. Johari Mat iaitu kita sentiasa menggunakan pendekatan atau *approch* pendidikan, pencegahan kepada mereka. Dalam masa yang sama juga, bukan hanya sekadar pihak berwajib agama atau pun badan sosial, NGO yang berkaitan kekeluargaan tetapi semua peringkat bermula daripada institusi kekeluargaan, masyarakat setempat melebar kepada daerah, negeri dan juga peringkat negara.

Selain daripada itu juga ialah berkaitan dengan fatwa pengkid yang telah disebutkan - memang kita merasakan sesuatu yang tidak wajar ataupun bahkan melebihi daripada bidang yang telah kita persetujui bersama dalam Perlembagaan negara bahawa agama Islam yang kita sebut dalam Perlembagaan, Perkara 3, Islam sebagai agama yang disebut sebagai agama Persekutuan, *religion of the Federation*, dengan izin. Kemudian begitu juga dengan Jadual Kesembilan Perlembagaan negara menyebut bahawa, hak agama adalah di bawah bidang kuasa negeri masing-masing. Jadi, bidang kuasa negeri dalam pengertian ialah Raja sebagai penaungnya.

Bahkan kalau Ahli-ahli Yang Berhormat mengamati, angkat sumpah yang di-Pertuan Agong yang baru dilantik telah pun mengangkat sumpah - antaranya dengan kalimah, "*Wallaahi wabillaahi wataallaahi*" - mempertahankan di antaranya agama Islam.

Jadi, dalam pengertian bahawa harus kita fahami bahawa persetujuan yang telah kita persetujui bersama sejak daripada awal kemerdekaan sehingga sampai sekarang haruslah kita pertahankan secara harmonis demi untuk negara Malaysia yang tercinta, untuk semua rakyat yang kita katakan, '1Malaysia - 'Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan'. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

5. Tuan Khoo Soo Seang minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, sama ada pemaju perumahan berhak memaksa pembeli rumah bersetuju untuk tidak menuntut pampasan lewat serah kunci sebagai syarat untuk menyiapkan rumah-rumah terlewat dari tarikh yang dinyatakan dalam perjanjian jual-belinya.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Seri Chor Chee Heung]: Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Khoo Soo Seang yang telah pun mengemukakan soalan kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada pagi ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemaju tidak boleh memaksa para pembeli rumah untuk tidak membuat sebarang tuntutan. Ini kerana tuntutan tersebut merupakan satu hak mutlak kepada pembeli di bawah surat perjanjian jual beli yang telah pun ditandatangani oleh kedua-dua pihak. Sekiranya pihak tribunal tuntutan pembeli rumah menerima aduan daripada pihak yang menuntut iaitu pembeli rumah bahawa pemaju ingkar *award* yang dikeluarkan oleh TTPR, maka pihak TTPR akan mengambil tindakan untuk merekodkan *award* tersebut di Mahkamah Majistret atau pun mahkamah sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 16, Akta Pemajuan Perumahan Kawalan dan Pelesenan 1966.

Salinan *award* telah pun direkodkan akan diserahkan kepada pihak yang menuntut untuk tindakan prosiding pelaksanaan di mahkamah. Tindakan prosiding pelaksanaan ini boleh dilakukan oleh pihak yang menuntut sama ada secara sendiri atau pun melalui khidmat peguam. Ingin saya juga menegaskan bahawa bagi kes-kes ingkar *award* Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah termasuk membayar pampasan lewat serah kunci ianya merupakan satu kesalahan dan boleh didakwa di bawah seksyen 16 dalam akta yang sama oleh pihak kementerian.

Sekiranya disabitkan kesalahan, pemaju boleh dikenakan denda yang hendaklah tidak kurang RM5,000 tetapi hendaklah tidak melebihi RM10,000 atau pun penjara tidak melebihi dua tahun atau pun kedua-duanya. Sekian, terima kasih.

Tuan Khoo Soo Seang: Tuan Yang di-Pertua, saya amat berterima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana datang sendiri untuk menjawab soalan ini. Ini amat penting kepada saya kerana sebaik sahaja habis sidang ini saya kena balik ke kawasan Tebrau dan menghadapi satu kumpulan pembeli rumah lebih 100 orang. Masalah ini agak tenat oleh kerana saya telah berjumpa peguam daripada parti MCA pun tidak boleh berikan nasihat yang membina kepada saya. Kesnya begini - pemaju itu memang pemaju yang banyak masalah dan saya sudah atasi banyak masalah. Akan tetapi kali ini dia lewat serah rumah hampir setahun. Jadi, pampasan yang perlu dibayar itu agak besar dan bilangan pembeli rumah yang terlibat juga besar. Dia sudah tidak mampu.

Saya difahamkan projek itu dia sudah jualkan kepada pihak yang ketiga. Jadi, sekarang ada pembeli rumah yang pergi ke tribunal perumahan dan sudah menang kes. Walaupun begini, pun dia tidak bayar. Apabila itu berlaku semua pembeli rumah semua marah kerajaan. Kata kerajaan lemahlah, kenapa kes macam itu pun tidak boleh paksa...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, soalan ya.

Tuan Khoo Soo Seang: Jadi, saya hendak minta nasihat daripada Menteri sendiri apakah yang boleh saya buat kerana balik sahaja saya kena berhadapan dengan mereka, saya kena beritahu apa yang mereka boleh buat?

Datuk Seri Chor Chee Heung: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Khoo Soo Seang. Memang kita sentiasa menghadapi masalah dengan pemaju-pemaju yang tidak bertanggungjawab.

■1100

Dalam kes yang disebutkan oleh Yang Berhormat seperti di dalam jawapan asal saya ini sekarang didapati tribunal telah pun memberi *award* kepada pihak penuntut ataupun pembeli-pembeli. Selepas itu kalau pihak pemaju ingkar hendak menepati apa yang telah pun diputuskan oleh tribunal maka pihak pembeli bolehlah membawa kesnya kepada Mahkamah Majistret kalau di bawah sekian jumlah dan jika lebih daripada itu mungkin ke Mahkamah Sesyen. Di kedua-dua mahkamah ini memandangkan telah pun ada hukuman *award* dari tribunal maka kita bolehlah mengambil tindakan *execution proceeding*. Ini memang memerlukan khidmat dari firma guaman sebab ini bukan satu perkara yang mudah tetapi kalau kita buat demikian saya percaya pemaju akan takut. Mereka ini mungkin akan bayar ataupun cari kita untuk menyelesaikan masalah sama ada bayar dengan penuh ataupun kemungkinan selepas perbincangan bayar 70 peratus ataupun jumlah yang boleh diterima oleh pembeli. Sekian, terima kasih.

6. Tuan Baharudin bin Abu Bakar minta Menteri Pelajaran menyatakan, apakah pihak Kementerian bercadang untuk memberi subsidi kepada bas sekolah dengan ini tambang bas sekolah dapat dikurangkan dan seterusnya mengurangkan bebanan kepada ibu bapa yang mempunyai ramai anak yang menggunakan perkhidmatan bas sekolah ini.

Timbalan Menteri Pelajaran I [Datuk Dr. Wee Ka Siong]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat penetapan tambang bas sekolah bukan di bawah bidang kuasa Kementerian Pelajaran Malaysia. Namun difahamkan bahawa sebarang kenaikan tambang bas perlu mendapat kelulusan kerajaan atau lembaga pelesenan kenderaan perdagangan sebelum ini ataupun yang terbaru ialah Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat. Di samping itu, penetapan subsidi pula di bawah kawalan kerajaan.

Walau bagaimanapun, Kementerian Pelajaran prihatin dengan beban yang dihadapi oleh ibu bapa termasuklah berkaitan dengan kadar tambang bas yang berubah-ubah dari semasa ke semasa khususnya di kawasan bandar.

Sehubungan itu, apabila berlaku cadangan kenaikan tambang bas di awal persekolahan seperti yang berlaku pada awal tahun 2011, Kementerian Pelajaran memberi pandangan dan cadangan kepada pihak yang berkaitan untuk mempertimbangkan cadangan tersebut agar tidak membebankan ibu bapa.

Selain daripada itu, Kementerian Pelajaran turut menyediakan pelbagai bentuk bantuan yang melibatkan peruntukan sebanyak RM3.11 bilion setahun kepada murid sekolah yang layak bagi memastikan mereka dapat mengikuti pendidikan dengan sempurna. Antara bantuan yang telah diberikan adalah:

- (i) Biasiswa Kecil Persekutuan;
- (ii) Biasiswa Kecil Persediaan Universiti (BKPU);
- (iii) Rancangan Makanan Tambahan;
- (iv) Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM); dan
- (v) bayaran sukan dan bantuan kokurikulum sekolah dan sebagainya.

Terima kasih.

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Terima kasih jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Jadi di sini saya ingin ucapkan dahulu tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Menteri Pelajaran kerana begitu prihatin tentang kedudukan masyarakat terutamanya ibu bapa yang mempunyai anak-anak yang ramai bersekolah. Tentang bantuan pelajaran yang baru-baru ini kita dapat RM100 dan juga untuk pelajar-pelajar yang lain.

Jadi soalan tambahan saya berkenaan dengan sekolah-sekolah yang di luar bandar. Kalau kita lihat masih lagi ada sekolah-sekolah yang di luar bandar ataupun di kawasan pedalaman yang masih lagi kekurangan dari segi kemudahan-kemudahan tertentu termasuk tenaga pengajar dan guru-guru yang terlatih. Maka dengan ini saya ingin tahu apakah tindakan pihak kementerian di dalam menyelesaikan permasalahan ini kerana pada kita anak-anak murid ini apabila menduduki peperiksaan tidak ada *special question* dari segi kategori-kategori tertentu, dengan izin. Jadi maka dengan itu apabila mereka menjawab soalan yang sama untuk setiap peperiksaan jadi sekurang-kurangnya mereka ini harus juga diberi perhatian dari segi kemudahan pembelajaran, guru-guru yang terlatih dan juga kemudahan-kemudahan yang lain. Jadi dengan itu saya mohon pihak kementerian kalau boleh tolong beri penjelasan.

Datuk Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Pertama, memang benar Kementerian Pelajaran telah banyak memberi bantuan kepada pelajar. Kalau saya hendak sebutkan bilangan ini, jumlahnya saya sudah sebutkan.

Jumlahnya ada 22 jenis bantuan dan antara yang paling popular ialah KWAPM di mana 700,000 kanak-kanak atau pelajar kita menerima bantuan. Rancangan makanan tambahan pun 700,000 dapat dan saya rasa ini adalah jumlah terbesar untuk kita membantu masyarakat luar bandar supaya anak-anak mereka dihantar ke sekolah. Walaupun kita tidak beri tambang atau subsidi tambang dalam bentuk itu tapi apabila kita beri KWAPM bermaksud sebelum bermulanya sesi persekolahan mereka akan dapat RM200 dan setiap bulan kalau sekolah menengah dan sekolah rendah masing-masing sudah mendapat RM50 dan RM60 dan inilah satu cara untuk kita menghindar mereka daripada tercicir dalam sistem pendidikan. Itu yang perlu kita lakukan. Kalau tidak, jurang perbezaan antara bandar dengan luar bandar akan menjadi ketara.

Kedua, apabila Yang Berhormat sebut tentang pengumuman baru-baru ini ada satu aspek bukan sahaja RM100 yang kami bagikan kepada pihak sekolah kepada semua pelajar. Satu lagi yang semalam kita sudah putuskan mengikut Bajet 2012 yuran yang sebelum ini kena bayar RM24.50 untuk setiap pelajar sekolah rendah itu juga telah dimansuhkan dan kita bayar RM150 juta kepada semua sekolah supaya kos ini diserap oleh kementerian. Begitu juga dengan sekolah menengah RM33.50 tidak payah bayar lagi. Ini menunjukkan bahawa kita memang prihatin disebabkan oleh kos yang meningkat.

Ini memang kita kena jaga dan masyarakat luar bandar mungkin tidak mampu apabila anak mereka sudah ada lima orang yang belajar dalam waktu yang sama.

Jadi berbalik pada soalan bagaimana kita hendak memastikan kualiti guru yang kita hantar ke luar bandar itu dapat memberikan yang terbaik kepada masyarakat luar bandar. Ingin saya memberi jaminan bahawa Kementerian Pelajaran apabila kita menghantar guru kita ke kawasan pedalaman kita mempunyai satu formula di mana elaun mengikut tahap kesusahan itu kita berikan. Saya beri satu contoh. P1, P2, P3 kalaulah mereka ke tempat yang memang jauh mereka akan mendapat satu elaun RM1,500 sebulan tambahan daripada bonus dan juga gaji yang mereka terima. Kedua kalau yang sederhana dapat RM1,000 sebulan dan yang paling kurang pun RM500. Ini untuk kita memberi galakan kepada guru supaya dengan adanya imbuhan tambahan ini mereka dapat memberi perkhidmatan yang terbaik.

Dari segi latihan guru pula untuk makluman Dewan yang mulia ini sebenarnya di Sabah dan Sarawak kita telah mengambil satu keputusan latihan guru itu berdasarkan kepada keperluan tempatan dan ramai dari Semenanjung mungkin tidak sesuai dengan mereka apabila berkhidmat di kawasan pedalaman di Sarawak dan Sabah. Mereka tidak biasa jalan kaki sampai empat jam.

Jadi inilah sebabnya kita telah mengambil keputusan supaya kalau ada anak Sarawak atau anak Sabah yang layak mereka diberi keutamaan untuk dilatih di IPG tertentu dan dengan cara ini kita dapat menghindar sekiranya berlaku kekurangan guru saya rasa merekalah dapat mengisi kekosongan itu dan ini telah dilakukan sejak dua tahun.

Jadi secara kesimpulannya apa yang kita lakukan sekarang kita hendak merapatkan jurang perbezaan dan keputusan UPSR, PMR dan SPM membuktikan bahawa tidak ada jurang perbezaan yang ketara antara bandar dan luar bandar. Sebagai contoh sebuah SK di Sarawak, Lebai ini adalah satu sekolah yang dapat memenangi anugerah di peringkat Komanwel dan ini adalah satu kawasan pedalaman tetapi ini sebagai satu teladan kepada sekolah lain. Walaupun tempatnya jauh Ulu Lebai namanya dia mendapat satu pengiktirafan antarabangsa disebabkan guru yang sama yang kita hantar dan mereka komited dan menjadi sekolah berprestasi tinggi. Itu yang kita hendak lihat. Terima kasih.

Tuan Muhammad Olian bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya dengan peningkatan kos sara hidup sekarang ini yang berpunca daripada keadaan global yang tidak tentu apakah pihak kerajaan bersedia untuk mewujudkan satu sistem bas sekolah yang dikendalikan sepenuhnya oleh pihak PIBG memandangkan PIBG adalah satu-satunya badan yang akan lebih mengutamakan keselamatan serta kebajikan anak-anak kita sambil dapat memastikan satu pengurusan murid yang lebih kompeten.

■1110

Datuk Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Secara idealnya, kalau semua PIBG dapat berperanan sebegini, memang kita alu-alukan. Akan tetapi dari segi praktikalnya, ada sekolah kurang murid ataupun ada sekolah yang mana jauh di pedalaman, itu bukan mudah kita hendak uruskan. Saya bagi satu contoh, bas sekolah yang membawa pelajar sekarang, tidak membawa pelajar untuk satu sekolah sahaja, mungkin sekolah-sekolah berdekatan. Jadi, dalam konteks ini, kita kena melihat kalaulah kita memberi kelonggaran ataupun meminta PIBG yang menguruskan pengangkutan, kita kena lihat secara logik dan *practicality* nya sama ada ia dapat dikatakan *sustainable*. Kalau tidak ia akan membawa masalah kepada pelajar juga.

Kedua, walaupun sepertimana yang saya katakan, kita tidak beri tambang atau beli bas untuk pelajar. Kadangkala kita pun dalam keadaan serba salah, kalaulah kita lihat di kawasan pedalaman, saya bertanya sama ada perlu atau tidak kita bayar tambang bas dan sebagainya. "*Yang Berhormat, bas pun tidak sampai, kena jalan kaki, bas nombor 11.*" Maksudnya dia kena jalan kaki satu jam setengah. Jadi, orang yang naik bas tidak semestinya orang yang paling miskin, yang paling miskin jalan kaki sampai sekolah. Jadi, apabila kita bagi tambang bas, ia tidak selesai masalah, bagaimana mereka yang berjalan kaki.

Oleh sebab itulah kita ada satu sistem tabung kemiskinan, KWAPM, rancangan makanan tambahan, kita sediakan keperluan makanan untuk satu pertiga, keperluan sehari itu lebih daripada 35 peratus datangnya daripada rancangan makanan tambahan.

Kita bayar RM1.80 satu hari, 20 menu dan itu yang kita buat. Yang menjadi peserta rancangan makanan tambahan ini lebih daripada 700 ribu orang. Jadi, dengan cara ini kita dapat menggalakkan walaupun tidak secara spesifik kepada bas, subsidi bas tetapi dengan cara yang lain kita meringankan beban ibu bapa. Terima kasih.

7. Tuan Boon Som a/l Inong minta Perdana Menteri menyatakan, apakah persiapan yang telah dibuat oleh Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negara bagi menghadapi kemungkinan banjir besar melanda enam negeri di Semenanjung, termasuk Perlis dan Kedah.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan Yang Berhormat Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit bernombor 22 pada hari ini dan juga soalan Yang Berhormat Tuan Saiful Izham bin Ramli bertarikh 20 Disember 2011 kerana isu yang dibangkitkan adalah merupakan isu yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Meteorologi Malaysia meramalkan bahawa beberapa negeri di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak akan menerima lebih hujan di antara 20 peratus hingga 40 peratus daripada biasa berbanding tahun lepas dalam bulan November 2011 hingga Mac 2012. Berdasarkan ramalan ini dan sekiranya intensiti hujan yang tinggi turun dalam masa singkat serta ditambah pula dengan fenomena air pasang besar maka situasi banjir dijangka menjadi lebih buruk daripada banjir yang berlaku pada penghujung tahun 2010 dan juga awal 2011.

Sehubungan itu, Kerajaan Persekutuan telah melaksanakan beberapa siri mesyuarat penyelarasan antara kementerian-kementerian dan juga agensi-agensi bagi memastikan pengurusan bencana banjir dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan untuk menghadapi kemungkinan banjir luar biasa seperti yang telah berlaku di negara Thailand. Semua agensi telah bersedia dari segi kekuatan anggota dan juga aset darat, air dan udara. Aset-aset seperti bot penyelamat, trak, kenderaan pacuan empat roda, helikopter, pam, set jana kuasa elektrik dan sebagainya telah di selenggara dengan baik dan diletakkan di tempat-tempat strategik berdekatan dengan kawasan yang berisiko banjir supaya mudah digerakkan bagi tujuan menyelamatkan mangsa banjir.

Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan melalui Jabatan Penerangan dan Media Elektronik swasta diminta supaya menyediakan slot kesedaran kepada masyarakat dan juga bekerjasama dengan JMN serta Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) untuk memberikan ramalan cuaca dan amaran dari semasa ke semasa kepada rakyat melalui media. Pada 15 November tahun ini, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah melancarkan portal banjir, Majlis Keselamatan Negara, laman sosial *Facebook* dan juga *Twitter* – informasi bencana. Melalui portal dan laman sosial ini orang ramai dapat mengetahui situasi semasa banjir serta amaran-amaran yang telah dikeluarkan oleh pihak berkuasa. Khususnya maklumat-maklumat penting seperti maklumat paras air, ramalan cuaca, pusat pemindahan yang dibuka dan penutupan jalan.

Kerajaan juga menyambut baik penglibatan sukarelawan dan juga pihak badan bukan kerajaan (NGO) yang ingin membantu kerajaan dalam pengurusan bencana lebih-lebih lagi dalam pengurusan pusat pemindahan. Jenis-jenis bantuan yang boleh diberikan oleh sukarelawan dan juga NGO adalah seperti berikut:

- (i) bantuan aset, logistik dan komunikasi,
- (ii) bantuan barangan makanan dan tenaga kerja di pusat pemindahan,
- (iii) bantuan rawatan kecemasan dan kesihatan, dan
- (iv) bantuan wang tunai.

Kerajaan juga sentiasa mengambil berat dan juga ambil prihatin terhadap masalah dan juga kesulitan yang dihadapi oleh rakyat akibat daripada kejadian bencana. Bantuan yang diberikan adalah telus tanpa mengira kaum, agama dan juga latar belakang politik mangsa yang terdampak. Bagi tujuan tersebut, kerajaan telah pun mewujudkan Kumpulan Wang Amanah Bantuan Bencana Negara (KWABB) iaitu satu dana khas yang ditubuhkan di bawah Akta Kewangan 1957 bagi membantu mangsa-mangsa bencana.

Bantuan ehsan bencana ini diberikan bertujuan untuk meringankan beban mangsa akibat sesuatu kejadian bencana dan bukan merupakan bayaran ganti rugi atau pampasan.

Kerajaan tidak memperuntukkan secara spesifik jumlah peruntukan kepada negeri-negeri kerana bantuan ihsan bencana ini diberikan berdasarkan kepada sesuatu keadaan bencana berlaku. Bagi memastikan Kumpulan Wang Amanah ini ditadbir dengan baik, selaras dengan peraturan dan prosedur kewangan kerajaan, Majlis Keselamatan Negara (MKN) telah mewujudkan garis panduan bantuan ihsan kepada mangsa-mangsa bencana dengan menetapkan kadar bantuan yang seragam, prosedur pemprosesan permohonan dan juga tanggungjawab agensi-agensinya yang terlibat bagi memastikan bantuan dapat disalurkan dengan cepat kepada mangsa.

Bantuan ini tidak termasuk bantuan barangan daripada agensi lain seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat dan juga Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah yang turut disalurkan kepada mangsa banjir. Selain itu, untuk mengatasi masalah banjir, kerajaan juga menyediakan peruntukan pembangunan untuk rancangan tebatan banjir. Peruntukan pembangunan ini adalah di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Sekian Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Tuan Boon Som a/l Inong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya adalah – terima kasih kepada kerajaan yang telah begitu rapi bagi menghadapi kemungkinan banjir besar. Pada tahun lepas kita juga menghadapi banjir yang sama. Saya hendak tanya di sini, berapakah kos kerajaan menampung banjir tahun lepas, yang dihadapi oleh Perlis, Kedah dan sebagainya termasuk infrastruktur. Terima kasih.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Boon Som a/l Inong atas soalan tambahan ini. Mengenai kos yang ditanggung oleh kerajaan, buat setakat ini Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada statistik yang diberikan kepada saya, saya akan bekalkan kepada Yang Berhormat nanti. Akan tetapi untuk makluman Yang Berhormat, untuk musim banjir pada tahun ini, kerajaan telah pun menyalurkan bantuan wang ihsan dengan segera kepada mangsa yang terlibat.

■1120

Sehubungan dengan itu, Kerajaan Pusat telah menyalurkan bantuan wang ihsan kepada 1,106 keluarga di negeri Kelantan melibatkan peruntukan daripada Kumpulan Wang Amanah Bantuan Bencana Negara sebanyak RM553,000. Di negeri Terengganu pula melibatkan 1,438 keluarga di mana wang ihsan yang terlibat ialah RM719,000 yang telah pun diagihkan. Pada setakat ini, Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed Nazri bin Tan Sri Abdul Aziz sendiri juga telah pun menyumbangkan wang ihsan tersebut di negeri Kelantan dan juga di negeri Terengganu bermula daripada kelmarin, hari ini dan juga esok yang melibatkan keluarga yang saya telah pun sebutkan tadi. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua.

8. Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) statistik hutang kerajaan negeri kepada Kerajaan Pusat bagi tempoh lima tahun yang lepas dan apakah tindakan Kerajaan Pusat untuk mengutip balik hutang-hutang ini dan;
- (b) berapakah rizab yang telah dimiliki setiap negeri untuk tempoh lima tahun yang lepas.

Timbalan Menteri Kewangan I [Datuk Dr. Awang Adek Hussein]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman, hutang kerajaan negeri kepada Kerajaan Persekutuan adalah seperti berikut. Pada akhir tahun 2006, sejumlah RM14,870 juta. Pada akhir tahun 2007, RM16,173 juta. Tahun 2008 sebanyak RM17,767. Tahun 2009 sebanyak RM18,155 juta. Tahun 2010 sebanyak RM15,565 juta. Pinjaman tersebut disalurkan untuk membiayai projek-projek pembangunan bagi meningkatkan taraf hidup rakyat seperti projek bekalan air, perumahan awam kos rendah, projek pembetungan dan penyediaan infrastruktur untuk industri. Langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Pusat untuk mengutip semula hutang-hutang kerajaan negeri adalah seperti berikut:

- (i) notis bayaran balik dikeluarkan kepada kerajaan negeri sebanyak dua kali iaitu dalam tempoh enam bulan sebelum tarikh matang pembayaran dan seterusnya notis kedua bagi tempoh dua bulan sebelum tarikh matang pembayaran. Sekiranya kerajaan negeri masih gagal melunaskan hutang, maka surat peringatan bayaran balik pinjaman dikeluarkan kepada kerajaan negeri dalam tempoh 30 hari selepas tarikh matang pembayaran;
- (ii) pengeluaran pinjaman baru akan ditahan kepada kerajaan negeri yang mempunyai tunggakan tinggi sehingga cadangan penyelesaian dikemukakan atau bayaran balik tunggakan pinjaman dibuat;
- (iii) penjadualan atau penstrukturan semula pinjaman dibuat sekiranya kerajaan negeri menghadapi masalah kewangan dan tidak berupaya membuat bayaran balik pinjaman mengikut jadual; dan
- (iv) membuat potongan daripada pemberian geran tahunan kepada kerajaan negeri sebagai usaha mendapatkan bayaran balik pinjaman.

Untuk makluman Yang Berhormat, maklumat mengenai rizab kerajaan negeri adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Kerajaan Persekutuan tidak mempunyai maklumat mengenainya. Oleh yang demikian, Yang Berhormat bolehlah merujuk kepada kerajaan negeri masing-masing untuk mendapat maklumat berkenaan. Terima kasih.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Datuk timbalan menteri. Soalan tambahan saya ialah saya nampak semua negeri yang diperintah oleh Pakatan Rakyat ada tambahan pendapatan dalam tahun 2010. Seperti Selangor meningkat RM266.91 juta, Kelantan sebanyak RM52 juta, Kedah sebanyak RM22 juta, Pulau Pinang sebanyak RM34 juta. Rizab pun naik juga dalam negeri-negeri yang diperintah oleh Pakatan Rakyat. AG pun beri kepujian kepada negeri-negeri Pakatan Rakyat.

Jadi, adakah timbalan menteri setuju bahawa negeri-negeri yang diperintah oleh Pakatan Rakyat lebih cekap dan cermat dalam pengurusan kewangan, itu soalan (a). Soalan (b) ialah oleh sebab itu, adakah lebih baik Kerajaan Pusat mengalih peruntukan-peruntukan untuk projek-projek seperti apa yang diberitahu oleh Datuk Timbalan Menteri melalui negeri berbanding dengan sekarang seperti di Kelantan dan lain-lain di mana Kerajaan Pusat mengalirkan peruntukan terus melalui agensi-agensi yang didirikan oleh mereka sendiri. Terima kasih.

Datuk Dr. Awang Adek Hussein: Yang Berhormat, sebenarnya tidaklah tepat untuk dikatakan bahawa pengurusan kewangan negeri-negeri di bawah pembangkang adalah lebih baik. Kalau pun daripada segi pengurusan hutang, kalau saya boleh sebut daripada segi hutang kerajaan negeri kepada Kerajaan Pusat, jumlah negerinya kalau kita sebut yang negeri pembangkang ini pun banyak sebenarnya. Kedah sebanyak RM2.5 bilion, Kelantan sebanyak RM1 bilion, Melaka sebanyak RM769, Negeri Sembilan sebanyak RM272 dan Selangor sebanyak RM1.032 bilion. Jadi, tidaklah. Ada negeri Pembangkang yang banyak juga hutang, ada juga negeri yang diperintah oleh kerajaan Barisan Nasional yang sedikit hutang.

Jadi, tidak ada masalah tetapi apa yang dilihat hari ini ialah pengurusan hutang negeri setakat ini adalah terkawal. Kerajaan Pusat setiap tahun kita ada mesyuarat Majlis Kewangan Negara di mana isu-isu seperti ini dibincangkan. Daripada segi penyaluran perbelanjaan Kerajaan Pusat kepada negeri-negeri. Amalan sekarang akan diteruskan kerana apabila perbelanjaan itu adalah untuk tujuan projek-projek Kerajaan Pusat, maka kita mahu pastikan perbelanjaan itu berjalan dengan lancar. Ada negeri-negeri di mana apabila wang ini disalurkan, penggunaan mereka juga tidak begitu telus seperti di setengah-setengah negeri pembangkang yang saya tak perlu sebutlah Yang Berhormat. Jadi, kita jangan anggap bahawa yang pembangkang itu semuanya lebih baik. Ada juga situasi di mana yang pembangkang itu tidak baik sama sekali. Terima kasih.

9. Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai minta Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi menyatakan, apakah tindakan yang boleh diambil oleh Kementerian bagi membasmi kemiskinan di kalangan pekerja-pekerja ladang terutamanya kaum India dan nyatakan langkah-langkah jangka panjang untuk mengatasi masalah tersebut.

Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi I [Dato' Hamzah bin Zainudin]: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Nalla di atas soalan yang diajukan. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan amat prihatin kepada usaha-usaha untuk membasmi kemiskinan dan meningkatkan taraf hidup pekerja-pekerja ladang.

Usaha ini adalah satu usaha untuk menentukan semua pekerja ladang mendapat perhatian dan kerajaan juga mengamalkan sistem terbuka tanpa amalan diskriminasi kepada mana-mana kaum tambahan pula dengan slogan, "*Rakyat Didahulukan dan Pencapaian Diutamakan*". Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kadar upah di sektor perladangan ditetapkan melalui perjanjian bersama atau *collective agreement* di antara *The Malaysian Agriculture Producers Association* (MAPA), dengan izin, dengan *National Union of Plantation Workers* (NUPW).

Berdasarkan kepada CA atau *collective agreements* tadi, kadar upah asas sebanyak RM13.50 sehari dibayar kepada pekerja di sektor sawit berdasarkan kepada produktiviti pekerja. Ini tidak termasuk insentif atau *praise bonus*, elaun kedatangan dan elaun rumah. Pada masa sekarang, kadar upah bagi pekerja am ladang, pemotong rumput dan penyembur racun atau baja adalah sebanyak RM25 sehari dengan mengambil kira kadar upah asas dan insentif dan ditambah dengan elaun kedatangan sebanyak RM32 yang memberikan pendapatan bulanan pekerja ladang menjadi sebanyak RM657.

■1130

Walau bagaimanapun, MAFA bersetuju untuk membuat bayaran dan upah minimum kepada pekerja-pekerja tempatan sekurang-kurangnya RM850 keseluruhan sebulan. Pada kebiasaannya, pihak pengurusan ladang menyediakan kemudahan asas seperti tempat tinggal, kemudahan elektrik dan air, pengangkutan, perkhidmatan perubatan dan kemudahan persekolahan.

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

Kemudahan ini dianggarkan bernilai RM360 sebulan. Oleh yang demikian, pendapatan keseluruhan bagi pekerja ladang adalah di antara RM1,017 kepada RM1,300 sebulan. Penuai buah sawit pula akan menikmati pendapatan yang lebih tinggi berbanding pekerja ladang bergantung pada produktiviti. Seorang penuai yang menggunakan kereta sorong mampu mendapat pendapatan bulanan dari RM735 hingga RM1,035 bergantung pada harga semasa minyak sawit mentah dan produktiviti. Sekiranya seseorang pekerja dibekalkan dengan alat mekanisasi seperti mini traktor, pendapatan bulannya akan bertambah seiring dengan pertambahan produktiviti dengan mengambil kira insentif kemudahan asas sebanyak RM360 sebulan, pendapatan penuai adalah di antara RM1,095 hingga RM1,395 sebulan.

Sehubungan dengan itu, jumlah pendapatan yang diperolehi oleh seorang pekerja ladang melebihi pendapatan garis kemiskinan iaitu RM720 sebulan di Semenanjung Malaysia, RM960 sebulan di Sabah dan RM830 sebulan di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian akan meneruskan usaha-usaha bagi menggalakkan para majikan perladangan untuk menyediakan lain-lain kemudahan bagi meningkatkan kebajikan para pekerjanya. Ini termasuk menaik taraf kemudahan jalan raya di kawasan ladang, penyediaan bekalan elektrik serta air dan lain-lain kemudahan asas. Sekian, terima kasih.

Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, apakah pendapat Yang Berhormat Menteri terhadap sumbangan kaum India di dalam pembangunan sektor perladangan dan komoditi ini dalam membantu Malaysia menuju ke arah negara maju pada tahun 2020, minta pendapat?

Dato' Hamzah bin Zainudin: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan Yang Berhormat Senator Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai ini, saya hendak beritahu di sini bahawa sebenarnya di dalam sektor komoditi ia tidak terbahagi hanya kepada kaum India, kaum Cina, kaum Malaysia. Semuanya membantu bagi menentukan bahawa sektor komoditi akan menjadi satu-satunya sektor yang memberi pulangan yang begitu besar sekali untuk kepentingan negara. Contohnya, dalam eksport komoditi negara kita telah pun mencapai satu angka yang agak besar, tahun ini sahaja kita jangkakan RM120 bilion daripada pendapatan eksport negara.

Maka saya bersetuju ada kaum India yang telah pun berkecimpung begitu lama sekali, daripada dahulu, daripada mula kita merdeka sehingga hari ini ramai juga daripada kalangan kaum India yang memberi sokongan untuk membantu ladang-ladang di seluruh negara. Akan tetapi bukan bermakna hanya kaum India semata-mata, semua kaum telah pun memberi satu sokongan yang begitu kuat sekali untuk menentukan supaya sektor ini benar-benar akan menjadi satu-satunya sektor yang boleh menaikkan negara kita untuk mencapai sebagai sebuah negara maju pada tahun 2020. Terima kasih.

Dr. Malasingam a/l Muthukumar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan pekerja-pekerja ladang ini mempunyai satu ruang masa yang lebih serta minat dan pengalaman yang mendalam dalam sektor pertanian, apakah kerajaan dapat bekerjasama dengan Kementerian Luar Bandar dan Wilayah supaya dapat membantu dan menyediakan satu sistem ladang berkelompok seperti mana yang disediakan kepada usahawan tani untuk pekerja-pekerja ladang yang berminat mencari nafkah tambahan dalam industri pertanian sambil membantu mempertingkatkan ekonomi pekerja-pekerja ladang. Terima kasih.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Itu adalah satu pandangan yang baik untuk kita menentukan supaya ada pendapatan dari segi meningkatkan pendapatan pekerja-pekerja ladang. Akan tetapi kita kena sedia maklum bahawa pekerja-pekerja ladang ini, mereka mempunyai *employers*, dengan izin.

Oleh sebab itu kita tidak boleh semata-mata mengambil alih kuasa untuk menentukan supaya mereka ini diberikan pendapatan tinggi dengan memberikan peluang-peluang lain. Walau bagaimanapun, untuk bekerjasama dengan ladang-ladang yang ada, kita sentiasa menentukan supaya dalam konsep integrasi perladangan kita tentukan supaya mereka juga diberikan peluang-peluang seperti untuk membela kambing, lembu dan sebagainya di ladang-ladang. Itu yang sedia kerajaan bantu bukan hanya melalui Kementerian Luar Bandar dan Wilayah, kementerian kita sendiri juga menjalankannya. Begitu juga dengan beberapa bantuan-bantuan lain yang telah kita berikan untuk menentukan supaya mereka mendapat pendapatan lebih dari semasa ke semasa. Sekian, terima kasih.

10. Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, jumlah projek perumahan yang terbengkalai di seluruh negara dari tahun 2000 sehingga tahun 2011 dan perbelanjaan kerajaan dalam memulihkan semua projek tersebut.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Seri Chor Chee Heung]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersekali dengan soalan Ahli Yang Berhormat Senator Puan Chew Lee Giok bertarikh 22 Disember 2011 kerana ia menyentuh perkara yang sama iaitu berkaitan dengan projek-projek perumahan swasta yang terbengkalai.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Oktober 2011, bilangan projek perumahan swasta yang terbengkalai di Semenanjung Malaysia adalah sebanyak 167 projek yang melibatkan seramai 34,768 pembeli. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga walaupun Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tidak mempunyai bidang kuasa ke atas projek-projek perumahan swasta di negeri Sabah dan Sarawak kerana perbezaan punca kuasa dan akta, kementerian turut memantau secara tidak langsung perkembangan projek-projek perumahan swasta di Sabah dan Sarawak di samping berkongsi kaedah-kaedah dan inisiatif berkaitan khususnya bagi projek perumahan swasta yang terbengkalai.

Bagi negeri Sabah sehingga 31 Oktober 2011 terdapat sebanyak empat projek perumahan swasta terbengkalai melibatkan 95 pembeli manakala negeri Sarawak mempunyai sebanyak tujuh projek perumahan swasta terbengkalai yang melibatkan 147 orang pembeli. Untuk maklumat Dewan yang mulia ini, pecahan status bagi 167 projek perumahan swasta terbengkalai di Semenanjung sehingga 31 Oktober 2011 adalah seperti berikut:

- (i) 83 projek ataupun 50 peratus telah berjaya disiapkan atau diselesaikan;
- (ii) 62 projek ataupun 37 peratus berada di pelbagai peringkat pemulihan; dan
- (iii) 22 projek ataupun 13 peratus masih dalam perancangan awal pemulihan ataupun dalam usaha mendapatkan pemaju penyelamat.

Untuk maklumat Dewan yang mulia ini, sehingga 31 Oktober 2011, kementerian telah pun membelanjakan sebanyak RM3.1 juta peruntukan kerajaan dalam memulihkan projek perumahan swasta terbengkalai dan peruntukan ini adalah memulihkan pemulihan sebanyak dua projek kos rendah iaitu satu projek di Negeri Sembilan dan suntikan dana sebanyak RM1.4 juta dan satu lagi projek di negeri Selangor dengan suntikan dana sebanyak RM1.7 juta dan baki sebanyak 81 projek yang telah berjaya dipulihkan atau diselesaikan adalah menggunakan dana sedia ada di dalam projek tersebut. Sekian, terima kasih.

Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah kerajaan akan mempertimbangkan, mengambil langkah yang lebih drastik untuk melindungi pembeli seperti yang mewajibkan sistem bina dan jual atau dalam bahasa Inggeris dengan izin, *build and sell*, di mana hanya menyumbang 10 peratus daripada harga semasa pembelian dan 90 peratus yang selebihnya apabila projek itu selesai ataupun meminda undang-undang untuk menjadikan tindakan membengkalakan projek sesuatu perbuatan jenayah. Selain itu, adakah kerajaan akan memastikan syarikat-syarikat yang membengkalakan projek tidak mendaftar syarikat baru selepas gulung tikar. Terima kasih.

■1140

Datuk Seri Chor Chee Heung: Terima kasih Yang Berhormat Mulia atas soalan tambahan. Mengenai langkah-langkah kerajaan sama ada kita hendak mewujudkan kaedah ataupun sistem bina kemudian jual ataupun *build and sell*, ini adalah kaedah yang kita sedang bincang. Walaupun demikian, saya telah pun mengumumkan pada awal tahun ini bahawa jika kita akan menggunakan kaedah *build and sell*, ia akan dilaksanakan pada tahun 2015. Sebab apa 2015 Yang Berhormat ialah buat masa ini kita masih lebih senang dan sudah biasa dengan kaedah *sell and then build*. Jual dahulu, selepas itu bina. Akan tetapi kalau kita hendak mengadakan satu *overhaul* yang begitu besar seumpama ini maka banyakkah kita kena buat kerja-kerja supaya kita kena memastikan bahawa institusi-institusi kewangan siap sedia untuk memberi pinjaman dalam kaedah *build and sell*. Oleh sebab itulah saya ada umumkan tahun 2015 baru kita akan mulakan dengan kaedah sedemikian.

Kedua, sama ada pemaju ini kalau mereka ini dengan sengajanya membengkalakan projek-projek perumahan mereka. Baru-baru ini, saya telah pun membuat pembentangan di Parlimen, Dewan Rakyat untuk meminda beberapa peruntukan kepada Akta Pemajuan Tanah Perlesenan dan Pengawalan. Dalam pindaan tersebut, jika seorang pemaju atau sesebuah syarikat pemaju jika mereka ini dengan sengajanya membengkalakan projek perumahan mereka, mereka ini boleh disiasat dan jika didapati salah, mereka ini akan didakwa ke mahkamah. Mereka ini kemungkinan akan dipenjarakan juga.

Selain daripada itu, bagi kes-kes projek perumahan yang terbengkalai, setakat ini kerajaan telah mengambil langkah untuk menyenaraihitamkan mereka dalam rekod Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Bukan sahaja syarikat malahan semua ahli-ahli pengarah juga disenaraihitamkan. Mereka ini tidak boleh memajukan apa jua projek kecuali mereka ini dapat menyelesaikan masalah-masalah yang berlaku semasa mereka menjadi pemaju. Sekian.

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri menyebut 167 projek terbengkalai di seluruh negara. Soalan tambahan saya, adakah jumlah projek tersebut termasuk juga pemaju-pemaju agensi kerajaan seperti SPNB sebab SPNB pun ada projek yang terbengkalai. Kedua, sejauh mana kerajaan-kerajaan negeri membantu untuk sama-sama menyelesaikan masalah-masalah yang timbul daripada projek terbengkalai ini kerana bidang kuasa contohnya soal tanah, adalah dalam bidang kuasa kerajaan negeri. Terima kasih.

Datuk Seri Chor Chee Heung: Terima kasih Yang Berhormat. Memang SPMB merupakan pemaju juga dan pernah projek-projek perumahan yang dimajukan oleh SPMB pernah terbengkalai dan buat masa ini Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tidak bercampur tangan dalam projek perumahan yang terbengkalai akibat masalah SPNB sebab SPNB merupakan salah sebuah agensi kerajaan di bawah Kementerian Kewangan dan kami bergantung kepada Kementerian Kewangan untuk melakukan segala langkah untuk memulihkan projek-projek yang masih terbengkalai oleh SPNB.

Soalan tambahan yang kedua ialah selama ini jarang kerajaan negeri campur tangan untuk membantu memulihkan projek-projek perumahan yang terbengkalai kecuali projek-projek yang terbengkalai ini adalah projek di bawah kerajaan negeri. Pada keseluruhannya, semua projek terbengkalai yang dipulihkan adalah dari sumbangan Kerajaan Persekutuan dan buat masa ini kita memberi tumpuan kepada semua projek-projek yang terbengkalai yang melibatkan rumah-rumah kos rendahlah. Bagi kos harga sederhana, kos tinggi ini kita masih belum mempunyai dana yang mencukupi untuk membantu mereka. Kita rasa bagi rumah-rumah kos rendah ini kita perlu bantu sebab mereka ini adalah golongan yang cukup mendesak sekali. Sekian, terima kasih.

Tuan Khoo Soo Seang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya berkenaan dengan bina dan jual ini di antara perkara yang saya hendak sebutkan dalam perbahasan semalam tetapi oleh kerana kesuntukan masa. Sebenarnya, saya pernah dijumpai oleh beberapa orang pemaju. Mereka agak tidak puas hati dengan program bina dan jual. Mereka kata oleh kerana segelintir pemaju yang bermasalah, semua dihukum dan ini akan membebankan pembeli selain daripada pemaju. Apakah pandangan Yang Berhormat Menteri?

Datuk Seri Chor Chee Heung: Memang ada ramai yang mempunyai pendapat yang berlainan. Di kalangan pemaju juga, ada sesetengah yang kata ini bagus. Ada sesetengah yang kata ini memang tidak begitu baik sebab ia membebankan pemaju-pemaju. Walau bagaimanapun, yang paling penting ialah perlindungan kepada pembeli-pembeli adalah yang mustahak sekali. Selepas kita mengambil segala faktor-faktor dalam pertimbangan kita, kita rasa jika tidak ada cara lain misalnya tidak ada syarikat insurans yang ingin tampil ke hadapan untuk memberi perlindungan kepada pembeli-pembeli dalam urusan beli dan jual, sistem kaedah beli dan jual, maka kita terpaksa melaksanakan pemajuan-pemajuan projek perumahan di negara ini dan masa yang akan datang itu melalui kaedah bina kemudian jual. Ini yang paling baik sekali. Kita tidak boleh kata kita semua kena jaga semua. Akan tetapi yang paling penting itu ialah hak dan perlindungan kepentingan pihak pembeli adalah cukup penting sekali. Terima kasih.

11. Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi [Di bawah P.M. 23(2)] minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, apakah langkah yang diambil oleh kementerian untuk menyediakan sekurang-kurangnya lima juta pekerja berkemahiran tinggi untuk mencapai taraf negara maju pada tahun 2020.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Maznah binti Mazlan]: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan selamat pagi. Salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas soalan tersebut. Menjelang tahun 2020, diunjurkan sejumlah 3.3 juta pekerjaan baru akan diwujudkan melalui 131 program di bawah inisiatif Program Transformasi Ekonomi.

■ 1150

Bukan 5 juta yang disebut di dalam soalan Tuan Yang di-Pertua, daripada 3.3 juta ini 60 peratus atau 1.8 juta adalah tenaga berkemahiran tinggi dan profesional. Kementerian Sumber Manusia dan beberapa kementerian lagi dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan pelbagai program untuk menjana tenaga berkemahiran tinggi ini.

Di antara program di bawah Kementerian Sumber Manusia adalah satu, melalui Jabatan Pembangunan Kemahiran, kita mewujudkan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan atau biasa dikenali sebagai NOSS, *National Occupational Skill Standard* iaitu dokumen rujukan yang menggaris standard keterampilan atau kompetensi untuk panduan pengiktirafan dan persijilan. Setakat ini, 2,730 dokumen berkenaan telah diwujudkan.

Kedua, Kementerian Sumber Manusia juga melatih sepenuh masa di pusat-pusat latihan dan Kementerian Sumber Manusia ada dalam 28 pusat latihan. Akan tetapi ini tidak mencukupi.

Kita menggabungkan semua kementerian dan agensi yang mengeluarkan Sijil Kemahiran Malaysia terdapat 354 pusat latihan bertauliah awam dan 645 pusat bertauliah swasta yang boleh menjana dalam 120,000 tenaga mahir kemahiran tinggi tiap-tiap tahun dan menjelang tahun 2020 dijangka dapat menjana dalam 1 juta.

Ketiga, kita ada lagi satu program yang kita panggil latihan kemahiran melalui Sistem Latihan *Dual National* iaitu latihan di pusat latihan 30 peratus dan 70 peratus dengan industri. Ini telah dilaksanakan dan sehingga ini telah menjana 26,000 tenaga berkemahiran dan menjelang tahun 2015 dijangka seramai 25,000 untuk *apprentice* yang berkelayakan dan juga tenaga belia yang tercicir.

Lagi satu yang jarang didengari tetapi telah dilaksanakan ialah Program Pentauliah Pencapaian Terdahulu ataupun dengan izin, *Recognition of Prior Learning* iaitu mereka yang telah mengamalkan kemahiran-kemahiran untuk berniaga ataupun yang sedang bekerja boleh ditauliahkan, boleh disijilkan melalui program ini dan mereka boleh memohon kepada Jabatan Pembangunan Kemahiran untuk disijilkan setelah dibuat penilaian. Ini adalah antara program-program.

Akhir sekali iaitu melalui Perbadanan Sumber Manusia Berhad, Kementerian Sumber Manusia tiap-tiap tahun melatih semula atau memberi latihan baru kepada tenaga kerja yang sedia ada melalui syarikat-syarikat dan majikan-majikan yang membayar levi kepada Perbadanan. Sehingga ini dalam satu tahun, mereka mampu melatih dalam 700,000. Ini adalah sebahagian daripada usaha-usaha Kementerian Sumber Manusia di dalam menjana tenaga kerja berkemahiran tinggi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Oleh kerana masa tidak mengizinkan, saya rasa setakat itu sahaja soal-soal lisan pada pagi ini. Sekarang saya mempersilakan untuk upacara seterusnya.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2012

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dan usul-usul dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang."**[14 Disember 2011]**

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang gilirannya bagi pihak Menteri-menteri menjawab dari pihak kementerian. Izinkan saya memberi pandangan sedikit kepada semua Ahli Yang Berhormat termasuk kepada Ahli-ahli Dewan yang mulia ini termasuk juga kepada pihak-pihak kementerian. Kalau boleh sila seberapa boleh membuat satu rumusan yang boleh dikatakan jangan terlalu panjang-panjang sangat untuk menjimatkan masa.

Di samping itu, kementerian terpaksa juga menjawab apa jua perkara yang dibangkitkan. Andainya ada persamaan di antara soalan-soalan itu, cuba rangkaikan hanya kepada satu rumusan. Andainya ada pertanyaan satu topik isu dan pihak kementerian tidak payah ulang-ulang lagi dan ini saya rasa akan menjimatkan masa. Tanpa buang masa lagi saya mempersilakan Menteri di Jabatan Perdana Menteri untuk menjawab. Silakan Yang Berhormat.

11.55 pg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum]: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Sebagai membuka tirai dan penggulungan bagi Belanjawan 2012, saya mengucapkan sekali lagi terima kasih ke atas penyertaan dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2012 yang menyentuh berkaitan hal ehwal Islam. Saya meneliti isu-isu yang telah dibangkitkan sesungguhnya Jabatan Perdana Menteri menghargai keprihatinan, pandangan, teguran, cadangan serta saranan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, isu berkaitan Lembaga Tabung Haji telah menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat semasa perbahasan Bajet 2012 di Dewan yang mulia ini. Yang Berhormat Datuk Abdul Rahman bin Bakar telah menyarankan supaya ditetapkan giliran menunaikan haji diberikan kepada mereka yang telah tiga tahun mendaftar haji dan telah juga meminta kerajaan berusaha untuk menaikkan kuota haji. Suka untuk saya tegaskan bahawa pemilihan bakal haji untuk menunaikan fardu haji setiap tahun adalah berdasarkan proses pendaftaran bakal haji mengikut tarikh dan juga masa daftar haji mereka. Dalam erti kata mudah, pendaftaran yang dahulu didahulukan dan kemudian dikemudiankan.

Sistem ini kita namakan dengan Sistem Pendaftaran Haji Terbuka. Di bawah sistem ini juga, umat Islam di negara ini digalakkan merancang dan juga mendaftar lebih awal untuk menunaikan haji. Mereka tidak hanya mendaftar pada tahun semasa atau menghampiri musim haji dengan harapan untuk pergi pada tahun yang sama. Mereka yang mendaftar lebih awal akan mendapat peluang pergi haji lebih awal.

Selain daripada itu juga mengenai kuota haji sebagaimana yang telah diputuskan dalam Mesyuarat OIC, Pertubuhan Negara-negara Islam pada tahun 1978 di Aman, Jordan pihak Kerajaan Arab Saudi telah menetapkan kuota haji pada kadar 0.1 peratus. Saya ulang 0.1 peratus daripada penduduk Islam sesebuah negara berdasarkan, berasaskan perangkaan prospek populasi dunia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, *United Nations World Population Prospects* bahkan sedikit keistimewaan untuk negara Malaysia 0.1 peratus di Malaysia dengan mengambil kira penduduk yang termasuk bukan Islam.

Dalam masa yang sama, Kerajaan Malaysia sentiasa mengambil langkah untuk mendapat pertambahan kuota haji berdasarkan jumlah terkini penduduk negara Malaysia atas kerjasama antara Tabung Haji, Jabatan Perangkaan dan Wisma Putra. Perangkaan terbaru penduduk Malaysia telah pun diambil maklum oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk perangkaan dalam *world population prospects*. Hasil usaha berterusan kerajaan *alhamdulillah* maka pihak Kerajaan Arab Saudi telah melalui perjumpaan antara Menteri Haji Arab Saudi dan juga Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Saya sendiri pada 4 Mei 2011, Kerajaan Arab Saudi telah bersetuju menaikkan kuota rasmi Malaysia yang berasaskan perangkaan penduduk daripada 26,000 jemaah haji kepada 27,900 orang jemaah haji.

Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz bin Md. Nawi telah pula mengemukakan banyak cadangan bagi menambah baik urusan haji khususnya secara *muassasah*. Maklum balas penjelasan Tabung Haji terhadap cadangan Ahli Yang Berhormat adalah seperti berikut. Cadangan kursus sahabat haji diadakan lebih awal, pemilihan sahabat haji adalah berdasarkan sukarela dan peranannya adalah hanya dari segi membantu petugas-petugas Tabung Haji. Oleh itu sesi penerangan semasa di tanah suci serta lawatan tapak ke perkhemahan Arafah-Mina dan juga interaksi dengan petugas-petugas Tabung Haji secara kerap memadai untuk mereka memahami buat masa ini apa yang perlu dibuat.

Tidak perlu untuk mengganggu ibadat peribadi mereka kerana mereka hanyalah sekadar sukarela. Keduanya ialah kenapa ziarah luar diswastakan? Sebenarnya dalam tawaran pakej haji untuk bagi golongan *muassasah* ia tidak termasuk di dalam tawaran untuk ziarah. Walau bagaimanapun, ziarah luar ini dia melibatkan jemaah haji Malaysia. Maka peranan *Muassasah* Arab Saudi ada perbezaan di mana *Muassasah* Malaysia dan muassasah Arab Saudi telah pun diberikan peranan supaya mengelak daripada jemaah haji menguruskannya sendiri akan menimbulkan masalah-masalah sampingan.

■1200

Jadi pihak *Muassasah* Arab Saudi melantik syarikat-syarikat di bawah panel mereka untuk menguruskan jemaah haji ini. Jemaah haji mempunyai pilihan untuk ziarah luar mengikut kesesuaian masa mereka.

Ketiga, cadangan pengangkutan ke Masjidilharam khususnya selepas wuqf memandangkan kebanyakan bangunan penginapan jemaah haji adalah berdekatan dengan Masjidilharam lingkungan 600 ke 1,000 meter, maka tidak bersesuaian untuk mengadakan *shuttle service* kerana memerlukan laluan tertentu supaya tidak mengganggu pergerakan jemaah berikutan projek pembesaran Masjidilharam. Bagi bangunan yang jauh 2 hingga 5 kilometer cadangan tersebut sesuai untuk dilaksanakan. Bagaimanapun untuk tujuan pengangkutan ke Masjidilharam khususnya selepas wuqf, jemaah terpaksa bergerak ke Mina untuk berada di Mina sepanjang tempoh masa hari-hari tasyrik, maka keadaan yang diuruskan di Mina adalah bukan di bawah pengurusan Tabung Haji tetapi di bawah pengurusan pihak *Muassasah* Arab Saudi. Jadi mereka hanya menyediakan *shuttle* atau pun menyediakan bas untuk pulang selepas hari yang terakhir daripada hari-hari *tasyrik*.

Keempat, cadangan supaya kakitangan kesihatan diberi cuti yang munasabah. Untuk maklumat, bilangan petugas kebajikan mahupun perubatan adalah terhad kepada bilangan keseluruhan visa petugas yang dibenarkan dan bilangannya tidak mencukupi. Dengan itu nisbah petugas adalah rendah berbanding bilangan jemaah dan terdapat keperluan untuk bekerja setiap hari. Bagaimanapun kebanyakan petugas dia hanyalah petugas dalam tempoh masa atau pun jumlah harinya 45 ke 40 hari dan ini masa yang dikira untuk mereka terpaksa melakukan tugas. Walau bagaimanapun, setiap petugas ada waktu rehatnya 12 tengah hari sehingga 4.30 petang dan 6 petang hingga 7 petang, dan waktu tidur. Akan tetapi waktu-waktu malam 10 sehingga 7 pagi adalah masa untuk mereka berehat dan waktu-waktu ini dikira sebagai waktu yang boleh diberikan masa untuk rehat kepada petugas-petugas. Dalam kursus persediaan setiap petugas telah diberikan taklimat tentang suasana kerja operasi yang sedemikian. Kebanyakan petugas pula adalah yang berpengalaman dan cukup faham akan situasi kerja di tanah suci.

Kelima, jadual penerbangan ditambah baik. Kita pihak kerajaan amat memahami khususnya Tabung Haji tentang penerbangan dan bagaimanapun kita juga tidak terlepas daripada penerbangan jemaah haji yang *dichartered* ataupun ditempah mengikut jadual tertakluk juga kepada kelulusan *General Authority of Civil Aviation Arab Saudi* dengan izin yang telah melihat dan juga mengambil kira kesibukan Lapangan Terbang Jeddah dan Madinah dengan mengambil kira keperluan umat Islam seluruh dunia.

Selain daripada itu juga semasa tiba semula di fasa dua, bagasi jemaah penerbangan domestik di *check in* terus ke tingkat lima KLIA atau disimpan dan dijaga oleh petugas Tabung Haji sekiranya *check in* belum dibuka. Jika jemaah haji menaiki penerbangan, tempahan MAS semasa di Jeddah atau Madinah bagi bagasi mereka akan *dicheckkan* terus untuk ke tempat masing-masing.

Setibanya jemaah haji tersebut di KLIA, mereka ditawarkan untuk menginap di Kelana Jaya. Walau bagaimanapun jumlah atau pun sebahagian kecil sahaja daripada mereka yang memilih untuk ke Kelana Jaya dan ada yang memilih untuk bermalam di KLIA atas sebab-sebab tersendiri. *Insya-Allah* dengan siangnya nanti Kompleks Tabung Haji bersebelahan Masjid KLIA *insya-Allah* akan memberikan ruang dan kemudahan kepada jemaah haji di masa akan datang.

Keenam, cadangan supaya jadual makan diawalkan bagi membolehkan jemaah bersolat jemaah di masjid. Pihak Tabung Haji mengambil kira semua pandangan. Bagaimanapun, makanan yang disediakan adalah secara pek ataupun bungkusan. Ia boleh diambil sebelum ke masjid atau pun setelah balik.

Pek makanan boleh dipanaskan dengan pemanas yang disediakan sepanjang masa di tempat penginapan masing-masing. Bagi jemaah haji pakej mereka akan mengekalkan secara bufet atau pun selepas waktu isyak.

Ketujuh, cadangan menambah jumlah tandas di Mina dan juga bagi mengatasi isu ini dicadangkan pihak Tabung Haji dalam pada masa yang sama juga, cadangan untuk Tabung Haji menggalakkan jemaah mengadakan Nafar Awal. Permintaan bilangan tandas sentiasa dibincangkan daripada semasa ke semasa. Apa pun, kita wajar memahami bahawa kekangan kawasan Arafah, Mina berbanding permintaan bilangan jemaah haji di seluruh dunia. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sama ada di Arafah atau pun juga sepanjang berada di Mina, tempat penginapan dan juga termasuk tandas adalah di bawah kuasa mutlak bukan Tabung Haji tetapi kuasa mutlak *Muassasah* Arab Saudi. Jadi kita hanya mengikuti tempat dan duduk di tempat yang telah disediakan.

Bagaimanapun, selaku Menteri yang bertanggungjawab pada saban tahun saya mengutarakan pandangan-pandangan untuk ditambah baik tentang tandas yang perlu diperbanyakkan. Mungkin barangkali sudah lama berjalan hal yang seperti ini. Mungkin tidak banyak pandangan-pandangan. Akan tetapi daripada tahun ke tahun saya melihat ada perubahan pindaan-pindaan yang baik ke arah untuk menyediakan tandas di Arafah dan juga di Mina.

Mengenai nafar awal, suka saya perelaskan bahawa bagi tujuan untuk jemaah haji muassasah, pihak Kerajaan Arab Saudi tidak menyediakan untuk nafar awal bagi pengangkutan sebab pengangkutan adalah merupakan urusan juga muassasah Arab Saudi bukan muassasah daripada Tabung Haji. Jadi pengangkutan untuk bergerak balik nafar awal adalah hanya disediakan untuk pakej sahaja. Untuk *muassasah* ia tidak disediakan kerana ia diuruskan oleh pihak *Muassasah* Arab Saudi.

Selain daripada itu juga yang kelapan memperkenalkan pengambilan air zamzam di pejabat Tabung Haji negeri atau pun daerah. Untuk makluman, air zamzam adalah sebenarnya sumbangan daripada syarikat penerbangan dan jika hendak dihantar ke Pejabat Tabung Haji Negeri atau daerah ini akan menambahkan kos dan juga mengambil masa. Air zamzam tidak boleh dihantar awal sebenarnya. Pada masa pemergian jemaah haji contohnya Kerajaan Arab Saudi tidak mengizinkan keadaan ini berlaku.

Bahkan untuk tahun ini bagi maklumat, saya sendiri selaku Menteri dijemput ke Pejabat Menteri Haji untuk memaklumkan untuk tahun ini dan juga tahun-tahun yang akan datang, berat lima gelen daripada air zamzam itu sudah tidak dibenarkan. Ia ditambah 10 gelen dan juga ia hanya akan dikeluarkan melalui satu sumber sahaja sebab Tuan Yang di-Pertua, ada penipuan-penipuan air zamzam yang dicampur dan juga ada yang air bukan setakat dicampur, diakui sebagai air zamzam tetapi bukan air zamzam. Jadi Kerajaan Arab Saudi mengambil pendekatan atas arahan Raja Arab Saudi tidak ada lagi tong-tong yang biasa tetapi melainkan tong yang dikeluarkan oleh satu syarikat sahaja oleh Kerajaan Arab Saudi.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Boleh minta penjelasan?

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun Yang Berhormat Menteri.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum: Saya minta saya habiskan dahulu hal Tabung Haji ini. Sebenarnya ada 20 lebih. Jadi akan ada termasuk nanti dan kemudian kalau yang tercicir kita bincang.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, Yang Berhormat Menteri.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum: Kesembilan, saya ada 20 lebih lagi Tuan Yang di-Pertua. Cadangan ditambah *mutawwif* dan juga dilatih daripada kalangan rakyat di Malaysia. Perkhidmatan *mutawwif* adalah dikawal dan dipertanggungjawabkan kepada pihak *Muassasah* Arab Saudi. Mutawif perlu mempunyai permit yang tertentu dan tidak ramai rakyat Malaysia penduduk Makkah yang mempunyai permit tersebut. Bahkan pelajar Malaysia pula tidak dibenarkan untuk bekerja di Arab Saudi. Sebagai satu contoh yang terbaik ada juga pelajar kita yang ditangkap kerana duduk di sana atas visa pelajar tetapi dia berniaga. Kerajaan Arab Saudi merasakan tidak patut kerana dia telah pun diberikan biasiswa oleh pihak Kerajaan Arab Saudi dan mengambil kesempatan untuk perniagaan. Jadi ini melanggar peraturan tempatan negara lain, maka ada yang telah ditahan oleh pihak Kerajaan Arab Saudi.

Kesepuluh, mencadangkan satu seminar melibatkan Ahli Parlimen wanita khusus bagi membincangkan masalah jemaah haji wanita. Ini disebabkan oleh Yang Berhormat wanita kita minta supaya masuk. Akan tetapi sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, permasalahan jemaah haji wanita ini adalah satu perkara yang saban tahun dibincangkan dalam muzakarah khas yang kita adakan.

Sebahagian pakar-pakar rujuk yang ada di dalam pihak pakar rujuk Tabung Haji ini terdiri daripada cendekiawan- cendekiawan termasuk wanita dan setakat hari ini ada empat orang profesor doktor daripada kalangan wanita yang mewakili pihak wanita. Kita telah pun menyediakan pada setiap maktab itu ada permasalahan untuk seorang wanita untuk disoal. Ini kerana kadang-kadang masalah lelaki ini senang untuk dibuat keputusan tetapi wanita apabila sampai masa hendak tawaf terutamanya hendak ke masjid dia datang bulan. Jadi sebab itu soalan-soalan ini cukup popular. Jadi kita beri pakar rujuk wanita untuk menjawab di sana.

Selain daripada itu juga pelan khas jemaah berisiko berpenyakit ditempatkan di tempat penginapan yang berdekatan dengan Masjidilharam. Kita juga ada pelan ini tetapi pada asasnya diadakan pemeriksaan kesihatan bakal haji. Daripada awal sebelum pergi dia perlu ada *certificate* kesihatan dan daripada *certificate* itu *panel doctor* dapat mengesahkan tahap kesihatan bakal haji.

■1210

Jadi, mereka yang diluluskan seharusnya dijaga oleh keluarga sendiri yang pergi bersama. Jadi ada timbul masalah seperti ini daripada awal. Namun Tuan Yang di-Pertua, saya suka hendak maklumkan juga ada yang menghilangkan kad kesihatan ini. Ada juga yang tidak hilang, doktor ini tidak luluskan untuk pergi, dia pergi jumpa doktor lain pula. Ini pun satu hal juga. Saya tidak mahu letaklah bahawa mahu pergi haji pun tipu. Namun itulah benda yang berlaku. Hakikatnya, sehingga timbul masalah. Bila sampai di sana, masalah kesihatan sebab cuaca berubah.

Jadi apa pun, kita mengambil perhatian. Tuan Yang di-Pertua, ini kerana saya suka hendak maklumkan pada tahun ini sahaja pun kita hampir 3,000 orang jemaah haji yang berumur 70 tahun ke atas. Jadi, maknanya untuk menguruskan 28,000 orang umpama macam kalau kita buat kenduri, Tuan Yang di-Pertua, sehari untuk menyantuni 28,000 orang. Ini bukan kenduri tetapi 40 hari duduk di Makkah. Pindah Makkah, Madinah. Balik Makkah balik, Arafah, Mina, balik ke Makkah balik, balik ke Jeddah dan balik ke Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, jemaah haji memilih penerbangan tertentu mengikut jadual masing-masing. Pada masa yang sama setiap penerbangan telah ditetapkan bangunan penginapannya atas pertimbangan logistik dan nombor maktab yang ditetapkan oleh pihak *muassasah*. Walau bagaimanapun, di setiap bangunan yang telah ditetapkan oleh jemaah tersebut, Tabung Haji sentiasa berusaha memperuntukkan bilik di lantai yang bersesuaian.

Kedua belas, berapakah jumlah bangunan yang dibeli oleh Tabung Haji di Makkah dan Madinah? Untuk makluman Dewan sekalian, berdasarkan undang-undang Arab Saudi, pemilikan hartanah di Makkah dan di Madinah hanya boleh dimiliki oleh warga Arab Saudi sahaja. Justeru, Tabung Haji hanya boleh menyewa atau memajak bangunan-bangunan di Makkah dan Madinah sama ada dalam tempoh jangka pendek dan juga jangka panjang.

Ketiga belas, cadangan ditambah ATM bank tempatan untuk kemudahan pendeposit Tabung Haji. Mulai 15 April 2008, Tabung Haji telah menjalinkan kerjasama strategik dengan Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) dan Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad. Kerjasama ini membolehkan pelanggan tabung haji menggunakan mesin ATM, CDM serta kaunter-kaunter BIMB, BKRM. Bank Rakyat dan juga Bank Islam. Selain daripada itu, menyedari kepentingan dan bagi meluaskan lagi akses masyarakat ke atas perkhidmatan Tabung Haji, pada 8 Disember 2011, Tabung Haji telah menjalin satu lagi kerjasama strategik baru-baru ini dengan Maybank Islam Berhad (MIB). Kerjasama ini membolehkan pelanggan Tabung Haji menggunakan mesin ATM dan CDM Kumpulan Maybank bagi mengakses kepada perkhidmatan Tabung Haji. Dengan kerjasama strategik melalui BIMB, BKRM dan juga MIB, rangkaian perkhidmatan Tabung Haji bertambah kepada lebih 6,000 tempat di seluruh negara. Peningkatan rangkaian kemudahan pelanggan berurusan dengan Tabung Haji.

Keempat belas, cadangan supaya Tabung Haji mengadakan perjanjian MoU dengan bank-bank bagi menambah kemudahan pengeluaran wang di Arab Saudi. Dimaklumkan bahawa had pengeluaran harian menggunakan kad ATM Bank Islam Malaysia Berhad semasa di Tanah Suci berjumlah RM3,000 dengan lima transaksi maksimum RM1,500 bagi setiap transaksi. Walau bagaimanapun, sedikit maklumat tambahan, pada tahun ini. Oleh kerana Kerajaan Arab Saudi memikirkan ada usaha ataupun kalangan yang tidak bertanggungjawab yang menggunakan kaedah ataupun cara pendekatan *money laundering*, dengan izin, menyebabkan tahun ini saya terpaksa menyelesaikan – mengambil tempoh tiga hari hingga empat hari berurusan dengan Kerajaan Arab Saudi kerana tidak dibenarkan untuk kita mengeluarkan wang di kaunter Tabung Haji. Tuan Yang di-Pertua, ini kerana apabila kita nasihatkan jemaah haji kita jangan bawa duit *cash* banyak supaya dia simpan dahulu dalam Tabung Haji, dia pergi ambil di Arab Saudi dengan duit Arab, *convert*. Ditukarkan di dalam kaunter kita sendiri.

Namun apabila sampai di sana, tahun-tahun yang lalu okey. Tahun ini oleh kerana dibimbangkan ada *money laundering*, tidak dibenarkan sedangkan transaksi – untuk maklumat Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan, sepanjang jemaah haji kita berada di Arab Saudi, mereka telah mengeluarkan sebanyak RM120 juta untuk tahun ini dan begitulah trend pengeluaran di sepanjang musim haji tahun-tahun yang lalu. Sekitar RM120 juta hingga RM150 juta.

Jadi kaunter-kaunter Tabung Haji kena keluarkan. Namun bila kita sehari, secara harian iaitu purata, kita kena ambil sekitar RM10 juta hingga RM15 juta daripada bank. Jadi, Arab Saudi bimbang, keluarkan banyak ini untuk tujuan *money laundering* dan sebagainya. Pada tahun ini, dia keluarkan arahan tidak dibenarkan kita *cash* nilai yang tinggi daripada bank mereka. Jadi, tempoh masalah dalam tempoh seminggu dan ia berjaya diselesaikan.

Yang kelima belas, pengeluaran KWSP untuk pendaftaran haji. Selaras dengan pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia semasa pembentangan bajet, skim ini akan dilaksanakan pada 1 Januari 2012. Pada ketika ini – ini barangkali Yang Berhormat pada masa itu ada di Makkah. Tidak sempat tengok pembentangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Beliau telah pun memasukan dalam ucapan Belanjawan 2012, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyatakan bahawa tahun depan, pihak KWSP, pencaerum-pencaerumnya yang melebihi simpanan daripada RM1,300 dibenarkan untuk mendaftar haji di mana-mana kaunter Tabung Haji dan mereka hanya perlu hadir bersama penyata KWSP semasa urusan pendaftaran haji. Maksudnya tidak perlu bawa duit *cash* sebanyak RM1,300. Memadai tunjuk penyata KWSP bahawa dia sudah ada simpanan sebanyak RM1,300. Maka dia boleh mendaftar sebagai orang yang akan menunaikan ibadat haji.

Cadangan yang keenam belas ialah membenarkan parabola atau memberikan pilihan kepada Astro untuk membuat satu saluran khas siaran bagi jemaah haji. Semua informasi yang berkaitan dengan ibadat dan pengurusan haji serta berita-berita mengenai haji disiarkan melalui saluran televisyen dalaman yang dipasang di bangunan penginapan jemaah haji manakala siaran langsung daripada Tanah Suci ke Malaysia dibuat secara berkala oleh media termasuk RTM, TV3 dan juga TV Al-Hijrah.

Ketujuh belas ialah memastikan bekalan ubat yang mencukupi. Berdasarkan statistik tahun-tahun sebelum ini, bekalan ubat khususnya ubat batuk adalah mencukupi. Jika terdapat gangguan, ia adalah bersifat sementara dan ia akan diatasi dengan kadar segera.

Kelapan belas ialah menambah bilangan pembimbing semasa di Makkah. Keperluan pembimbing di Tanah Suci amat bergantung kepada faktor-faktor seperti berikut:

- (i) keperluan di setiap maktab mengikut bilangan jemaah haji dan juga bilangan bangunan;
- (ii) modul bimbingan yang perlu disampaikan di Tanah Suci; dan
- (iii) bilangan visa yang terhad untuk pembimbing diambil kira untuk tujuan keperluan tersebut.

Hasil kajian yang dibuat, bilangan pembimbing buat sekarang ini adalah dikira memadai.

Kesembilan belas ialah apakah status kedudukan ataupun hukum kepada jemaah haji Malaysia mengenai *mabit* di Mina bagi jemaah yang berada di Muassim kerana Muassim difahamkan di luar daripada Mina.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mulai musim haji 1404 Hijrah, hari ini 1433 Hijrah. Maknanya 29 tahun yang lalu, Kerajaan Arab Saudi telah pun mewartakan kawasan tersebut untuk jemaah *bermabit* termasuk jemaah haji di Malaysia. Pihak Kementerian Haji Arab Saudi mengesahkan Muassim adalah termasuk Mina dan ulama-ulamanya pun juga sudah ijmak mengatakan Muassim ini termasuk daripada Mina. Perkara ini telah dibincangkan dan dibuat kajian oleh Majlis Muzakarah Pembimbing, diperkukuhkan lagi oleh muzakarah pembimbing ibadat haji dengan merujuk kepada kitab-kitab yang telah digunakan dan muzakarah telah bersetuju bahawa Muassim adalah termasuk di dalam kawasan Mina.

Cadangan yang kedua puluh ialah supaya kuliah dan taklimat diadakan pada sebelah pagi. Jadual kuliah dan taklimat diatur berdasarkan kepada jadual kemasukan KT jemaah haji kecuali bagi program ceramah khas seperti forum perdana haji dan yang melibatkan pakar rujuk diadakan pada sebelah malam dan pandangan-pandangan diambil kira. Selain daripada itu, Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi juga menyarankan supaya Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji diperkasakan bagi penguatkuasaan haji dan umrah.

Dalam usaha memantapkan dan memartabatkan peranan JAWHAR berhubung aspek penguasaan umrah, jemaah Menteri pada 27 Februari 2009 telah memutuskan supaya JAWHAR diberi kuasa oleh Yang Berhormat Menteri Pelancongan untuk menjalankan kuasa-kuasa penguatkuasaan berhubung dengan pengendalian pelancongan berlesen yang mengendalikan pakej umrah mengikut seksyen 40, Akta Industri Pelancongan 1992, Akta 482. Bagi penguatkuasaan urusan haji, pihak Lembaga Tabung Haji adalah merupakan badan yang bertanggungjawab sepenuhnya ke atas urusan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Hajah Fatimah binti Hamat pula telah meminta penjelasan mengenai isu Tabung Haji khususnya mengenai pendeposit dan penjelasannya seperti berikut. Yang pertama, apakah bilangan pendeposit yang menyimpan minimum dan simpanan yang mencukupi untuk menunaikan haji. Berdasarkan perangkaan pendeposit Tabung Haji pada 15 November 2011 iaitu baru-baru ini, jumlah keseluruhan penyimpanan pendeposit Tabung Haji berjumlah 6.8 juta orang.

■1220

Jumlah ini akan terus meningkat selaras dengan usaha Tabung Haji mendapatkan satu juta ahli baru pada setiap tahun sehinggalah 2012. Dari jumlah itu, dua juta pendeposit iaitu 29 peratus, dua juta penyimpan tabung haji mempunyai simpanan minimum RM1,300. Jadi, maknanya dua juta yang layak untuk menunaikan ibadah haji.

Manakala 0.5 juta ataupun 500 ribu orang mempunyai simpanan mencukupi bagi menunaikan haji kerana simpanan melebihi daripada RM10 ribu. Maknanya, 500 ribu yang telah mencukupi daripada RM10 ribu sebagai tambang untuk menunaikan ibadah haji. Soalan kedua, sejauh mana polisi Tabung Haji yang mengutamakan pendeposit berumur lebih 50 tahun dan belum menunaikan haji. Sebagai mana yang saya telah jelaskan awal tadi, dasar pemilihan utama adalah berdasarkan yang mendaftar dahulu di dahulukan. Pertimbangan khas diberikan dalam bilangan yang terhad kepada mereka yang lanjut usia dan belum pernah menunaikan haji.

Memandangkan jumlah bakal haji yang lanjut usia adalah pada jumlah yang besar pada ketika ini, keutamaan diberikan kepada bakal haji yang berumur 80 tahun ke atas. Pertimbangan ini mengambil kira nisbah petugas yang membantu jemaah haji lanjut usia serta kemudahan perubatan yang terhad.

Ketiga, mencadangkan Tabung Haji mengutamakan pendeposit yang cukup simpanan lebih awal setahun. Oleh kerana dasar pemilihan utama adalah berdasarkan yang dahulu didahulukan, maka setelah terpilih bakal haji diberikan satu tempoh untuk mencukupkan wang belanja haji mereka.

Keempat, mengapa terdapat jemaah haji yang dipanggil di saat-saat akhir? Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman, tidak semua pen deposit mendaftar untuk menunaikan haji. Dalam erti kata yang mudah saya per jelaskan Tuan Yang di-Pertua, 6.8 juta adalah pen deposit Tabung Haji tetapi mereka tidak daftar untuk pergi haji.

Mungkin sama ada simpanan masa selesa, mungkin menyimpan merasakan Tabung Haji boleh diyakini dan dipercayai, mungkin merasakan bahawa ada pulangan dividen bonus yang baik, maka mereka menyimpan tetapi tidak memohon untuk pergi haji.

Jadi, ini sebanyak 6.8 juta orang. Jadi, yang memohon untuk pergi haji adalah sekitar pendaftarannya 733 ribu orang yang mendaftar untuk menunaikan ibadah haji. Di kalangan bakal haji yang terpilih, akan ada yang membatalkan pemergian haji di saat-saat akhir. Bila ini berlaku, maka penggantian di saat-saat akhir juga terpaksa dibuat. Selain daripada itu, suka saya menambah, atas usaha dan semangat hubungan kerjasama baik kita dengan kerajaan Arab Saudi, walaupun sebanyak 28,900 kuota yang dibenarkan kepada jemaah haji pada tahun ini dan 26 ribu pada tahun-tahun yang lalu, kita sentiasa mengusahakan. Kita minta supaya Arab Saudi bagilah kalau ada kuota-kuota yang daripada negara lain.

Jadi, sebab itu saya suka hendak beritahu bahawa status *standby* itu macam kita *standby* dekat dengan *airport* juga. Ada setengah orang dia faham, *standby* itu dia cucuk, dia buat semua penjelasan kewangan dan sebagainya. Dia rasa dia boleh pergi dah, bahkan bukan setakat buat penjelasan kewangan, dah cucuk, dia buat kenduri pula, baca Yaasin dah, dah terima sedekah. Jadi, bila keadaan itu berlaku, dia menimbulkan masalah katakan di saat akhir. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, kedudukan ini, Arab Saudi saban tahun dia juga rasa mungkin sayang kerana Tabung haji ini dianggap sebagai efisien, dianggap sebagai terbaik. Sebab itu kalau ada kata tidak baik itu, silap. Sebab kita bercakap fakta tetapi dia memberikan pada saat akhir. Kita juga mengusahakan walaupun saat akhir, tambahan yang diberikan bergantung kepada berapa yang Arab Saudi bagi. Dia kadang-kadang mencecah sampai ribuan yang diberi kepada kita, maka timbullah apa yang kita katakan bahawa saat akhir tersebut. Akan tetapi saat akhir itu bukan atas sifat kerana hendak menganiayai dan sebagainya. Atas sifat kita hendak membantu dan menolong bagi hendak menyegerakan haji pada tahun tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, kelima ialah sejauh mana kebenaran warganegara ini yang pergi haji dengan kumpulan yang tidak melalui TH dan menghadapi risiko. Memang saban tahun ada sahaja pihak-pihak yang tertentu yang mengaku mengadakan pakej haji dan sebagainya. Akan tetapi kumpulan ini terpaksa menghadapi risiko yang terlalu tinggi dan di dalam negeri lagi bakal haji terdedah kepada risiko terkandas kerana tiada jaminan visa yang diperolehi atau gagal mendapat tempat dalam penerbangan komersial. Di Tanah Suci pula, mereka boleh ditahan sama ada di Jeddah sendiri ataupun dalam perjalanan hampir hendak sampai ke Mekah, ada satu kawasan, sekali lagi *check point* untuk menentukan Visa Haji dia itu. Maka, kalau dia bukan atas Visa Haji, tidak dibenarkan masuk, sekali lagi ditangkap. Jadi, ini kedudukan yang terpaksa dilalui dan mereka akan menghadapi kepayahan pula untuk menginap di Madinah dan juga di Mekah, termasuklah juga peruntukan khemah di Arafah dan Mina, tidak disediakan oleh *muassasah* Arab Saudi.

Keenam, apakah tindakan terhadap agensi pengembara yang menyebabkan jemaah terkandas dan apakah nasib jemaah tersebut. Sekiranya terdapat aduan yang dikemukakan bakal haji, yang harus mengadakan laporan kepada pihak polis, berdasarkan bukti yang kukuh, Tabung Haji juga akan turut sama membantu menyasat. Jika disabitkan peruntukan Akta 535, Akta Tabung Haji 1995, agensi pengembaraan berkenaan boleh dikenakan tindakan yang tertentu. Yang Berhormat, itulah sebahagian daripada penggulangan berkaitan dengan perkara yang berkaitan dengan Tabung Haji. Sebagaimana yang saya janjikan Tuan Yang di-Pertua, kalau ada pandangan-pandangan atau soalan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, silakan Yang Berhormat.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Saya hendak tanya. Pertama, berapa ramai yang gagal naik haji setiap tahun disebabkan oleh kuota?

Kedua, bagaimanakah pendirian Tabung Haji bila mana mereka yang memohon naik haji bersifat berulang-ulang kali, pun mereka masih lagi dapat naik haji. Ini menyekat kepada bakal-bakal haji yang baru, mohon jawapan.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau boleh bagi menyenangkan Menteri menjawab, silakan Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya mudah sahaja, tadi sewaktu saya memohon untuk meminta laluan tadi, sewaktu itu Yang Berhormat Menteri sedang bercakap tentang air zamzam. Saya hendak tahu, apakah hukumnya menjual air zamzam itu. Ada orang yang mengatakan tidak boleh jual, haram. Akan tetapi ada satu kedai di Kuala Lumpur ini menjual, membotolkan air zamzam dan cuba hendak menjualkannya. Secara peribadi saya tahu satu. Jadi, saya hendak tahu penjelasan, apa kedudukan sebenarnya dan apa patut kita buat?

Tuan Yang di-Pertua: Okey, silakan Yang Berhormat Hajah Mumtaz.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Okey, terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana telah menjawab kesemua soalan yang telah saya kemukakan sebelum ini. Untuk maklumat Yang Berhormat Menteri, bila saya sebut tentang Sahabat Ibadah tadi, memang dari segi teorinya macam itu. Akan tetapi kalau kita yang hadir sendiri, kita lihat sendiri bagaimana Sahabat Ibadah ini bagaimana, ada separuh sahabat Tabung Haji ini ada separuh yang boleh berfungsi, ramai lagi tidak berfungsi mungkin kerana kekangan ibadah ataupun mungkin kerana mereka tidak faham tugas mereka, itu yang pertama.

Kedua, berkaitan dengan tandas ini, memang kita tahu sebelum ini di bawah kuasa muassasah Arab Saudi, kita faham. Akan tetapi sebagai sebuah kerajaan, saya rasa wajar untuk kita minta secara rasmi kerana di Mina, mereka boleh buat tandas bertingkat. Ada banyak sangat tandas, bila kita *mabit* di Mina sendiri, tandas itu banyak. Akan tetapi kalau kita *mabit* di Muassim, tandasnya sikit. Jadi, kalau di Mina sendiri, dalam kawasan Mina boleh buat bertingkat, kenapa di kawasan Muassim tidak boleh buat bertingkat? Itu yang saya rasa kalau boleh kemukakan kepada Arab Saudi untuk kita bincangkan.

Ketiga, berkaitan dengan bangunan. Saya baca dalam akhbar, ada bangunan di Arab Saudi ini dimiliki oleh Tabung Haji, dalam *paper* yang memaklumkan demikian. Jadi, saya faham boleh pajak, itu saya tanya balik kenapa. Adakah bangunan ini kita beli ataupun kita pajak. Terakhir sekali, apakah hak yang boleh kita suarakan dalam mesyuarat antara Tabung Haji dengan *Muassasah Arab Saudi*.

Ini kerana kita lihat sebagai mana yang saya nyatakan dalam banyak yang telah saya kemukakan kepada Yang Berhormat Menteri dan telah menjawab, kebanyakan ini berlaku bukan masalah Tabung Haji tetapi masalah *Muassasah Arab Saudi*. Jadi, kita nampak tahun demi tahun lagi kurang khidmatnya yang diberikan kepada Tabung Haji. Maksudnya, dari segi kemudahan nampak sangat berlaku banyak kekurangan.

■1230

Sebagai contohnya saya beritahu dalam Dewan pada minggu lepas, di tempat semasa wukuf, elektrik pun tidak ada, kipas pun tidak ada. Kami bergelap dalam khemah. Difahamkan ramai juga yang pernah pergi haji sebelum ini dan mereka kata ini yang paling teruk. Apabila ditanya kepada pegawai Tabung Haji, dia kata ini masalah *Muassasah Arab Saudi*. Jadi itu yang kita minta dikemukakan secara rasmi. Kita faham ini bukan masalah Tabung Haji tetapi masalah mungkin perbincangan dengan Arab Saudi. Jikalau boleh diperbincangkan dengan lebih lanjut dalam mesyuarat-mesyuarat dengan *Muassasah Arab Saudi*. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat jawab. Tidak ada lagi. Cukuplah.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan beberapa orang yang kuota haji yang disebutkan tadi dan berapa orang yang tidak dapat. Kuota haji sebagaimana saya katakan tadi ialah pada tahun yang lalu ialah 26,000 orang dan untuk tahun ini 2011 untuk pertama kali ialah sebanyak 27,900 orang. Ini kuota tambahan, hampir 2,000 ditambah untuk tahun ini setelah kita berdaftar dengan pihak *United Nations* bagi jumlah rakyat Malaysia yang bukan lagi berjumlah 26,000 tetapi hampir 28,000 ataupun 27.9 ribu orang yang memberikan tambahan kepada kita sebanyak hampir 2,000 lagi jemaah haji pada tahun ini.

Selain daripada itu juga, apa pendirian, tetapi saya katakan awal sebelum pendirian ini saya sebutkan bahawa yang memohon dan yang layak sekarang ini yang mempunyai wang lebih daripada RM1,300 di Tabung Haji yang mendaftar untuk pergi haji ialah 733,000 orang. Jadi maknanya sekali pergi hanya setakat 28,000 secara purata. Jadi kita boleh nampak pembahagian tempoh, masa dan sebagainya. Akan tetapi apa pun kita sedang mengusahakan kuasa tambahan termasuklah apa yang saya katakan tadi kaedah kita bila dapat *last minute* pun kita masih lagi *offer* untuk orang pergi. Itulah keadaan yang berlaku dan apa pandangan tentang pendirian Tabung Haji yang berulang. Saya Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya haji itu sekali seumur hidup. Sepatutnya ramai yang memahami keadaan begitu. Akan tetapi ada juga faktor-faktor yang tertentu yang memberikan kita mempertimbangkan balik sepertimana faktor waktu pergi haji dia masih kecil, minta untuk pergi kali yang kedua.

Jadi kaedah yang seperti ini kita gunakan pendekatan Tuan Yang di-Pertua, ialah mulai tahun lepas kita hanya membenarkan orang yang balik haji, kita daftarkan lima tahun selepas dia balik baru dia boleh daftar sebagai pendaftar haji baru pula. Maknanya sebelum lima tahun dia pergi, maka dalam sistem kita wujudkan satu kaedah nama dia akan kena *reject* kerana empat tahun, tiga tahun, dua tahun dan setahun yang lepas dia telah pergi menunaikan ibadat haji dan orang yang pergi haji kali yang kedua. Ini saya hendak beritahu secara terbuka kepada semua bahawa kita, Tabung Haji sebenarnya di sana ada subsidi untuk memberikan kemudahan bagi mempercepatkan orang yang tidak cukup duit ini, subsidi semua orang yang pergi atas nama Muassasah.

Sepatutnya tambang haji berjumlah lebih kurang RM14,000 tetapi kos yang kita kenakan sepanjang 45 hari berada di Mekah dengan hanya sekadar RM9,980. Dalam erti kata mudah kerajaan Barisan Nasionallah yang memberikan kemudahan dan juga subsidi sebanyak RM4,000 kepada setiap jemaah haji. Kita sebutkan bahawa 40 hari ini, mungkin orang lain tidak terfikir, 40 hari berada di sana, pengangkutan daripada Malaysia sampai ke Jeddah dan diangkut dengan bas, bas *air cond*, pergi pula kecuali kalau *air cond* mati tadilah. Bas *air cond* hantar pergi duduk di Mekah bawa pergi ke Madinah. Dari Madinah balik ke Mekah, ke Arafah, Arafah-Mina, Mina balik ke Mekah, Mekah balik ke Jeddah, Jeddah sampai balik ke Malaysia, 40 hari, bayar sebanyak RM9,980.

Saya ingat Ahli-ahli Yang Berhormat ambil cuti 40 hari tidak perlu pergi jauhlah, pergi negara jiran berdekatan pun kosnya bukan sahaja melebihi bahkan berganda daripada RM9,980. Oleh sebab itu tambang kita adalah tambang yang paling murah di sekitar rantau ini. Di Singapura – RM18,000 untuk pergi Haji Muassasah, di Thailand – RM16,000, di Brunei – RM18,000, di Indonesia – RM15,000 ke RM18,000 mengikut tempat masing-masing. Jikalau dia daripada Jakarta – RM15,000 tetapi kalau dia duduk di Jawa, hendak bertolak penerbangan dari Jawa pergi pula ke Jakarta untuk penerbangan sebab dia kena duduk 24 jam. Tabung Haji, kita hanya duduk empat jam sahaja di Kelana Jaya ataupun tempat masing-masing. Maka kena duduk pula 24 jam dan tambangnya RM15,000 ke RM18,000. Maknanya kita memberikan satu tambang yang cukup baik dan orang yang pergi kali kedua tadi kita kenakan bayaran yang penuh iaitu lebih kurang RM14,000. Dia kena daftar lima tahun baru boleh mendaftar semula.

Akan tetapi kadang-kadang yang mana dapat pergi kali yang kedua ada pula oleh kerana dia seronok barangkali. Wartawan tanya pula dia beritahu pula, *alhamdulillah*, ini haji saya yang kedua. Jadi timbul masalah orang kata macam mana dia tidak dapat lagi tetapi orang itu dapat. Sepatutnya kita pertimbangkan kerana mungkin umurnya masih muda semasa pergi dan sebagainya. Jadi ada yang pergi kali kedua kerana dia menemani bapa atau emak dia sebab kita beri peluang kepada warga tua ini ada penemannya.

Jadi kadang-kadang faktor ini menyebabkan kerana membantu seorang, ramai pula yang marah sebab yang seorang itu pula pantang ditanya dia bercerita pula "*Alhamdulillah ini haji saya kali yang kedua*". Seronok pula selepas itu suruh teka pula, "*Kamu agak-agak aku tidak ada di Malaysia ini 40 hari pergi mana?*" Orang itu tekalah pergi US, pergi Kanada. Dia kata salah, saya pergi haji. Itu pun masalah Tuan Yang di-Pertua.

Daripada Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah, air zamzam ini sebenarnya bukan – yalah memanglah air zamzam *free* di Arab Saudi. Akan tetapi biasanya kalau kita tanya kepada penjual-penjual ini, dia kata itu *service charge* sebab dia pergi dan bawa balik itu bukan *free* dan dia kata bukan air zamzam itu datang sendiri. Oleh sebab itu, dia jual atas sebab caj servis kerana dia bawa air zamzam. Dia tidak jual air zamzam tetapi dia jual servis, mengangkut balik.

Jadi yang ini bukan kuasa daripada kita untuk hendak sekat dan sebagainya. Sejauh sekarang belum ada peraturan untuk menyekat air tersebut dijual.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu juga Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz telah sebutkan tadi bahawa sahabat ibadah. Ini kita ambil kira dan ambil perhatian sebab kita juga tidak mahu mengganggu kerana kita tidak bayar apa-apa bayaran pun kepada sahabat-sahabat ibadah ini cuma hanya mungkin barangkali atas – setengah-setengah itu bukan kerana mereka cekap agama dan sebagainya tetapi oleh kerana di sana macam-macam memerlukan bantuan di Mekah terutamanya bila orang-orang tua yang hendak pergi dia tidak tahu jalan balik dan jalan pergi.

Sahabat-sahabat ibadah inilah yang banyak membantu untuk ibadat tersebut. Selain daripada itu juga tandas di Muassim kenapa di Mina? Ini mungkin barangkali Yang Berhormat, di Mina ini oleh kerana sudah lama sebab itu kita tengok peningkatan di Mina agak baik di mana dalam peningkatan pembinaan di Mina sudah ada untuk kita melontar sampai empat tingkat dan sebagainya. Prasarana di sekeliling juga telah dibangunkan dengan agak pesat cuma mungkin prasarana di Muassim agak sedikit terlambat atau sedikit terlewat. Jadi kita sentiasa dalam perbincangan dengan Menteri Haji pada bulan April tahun akan datang. Kita akan sentiasa memberikan maklumat-maklumat untuk pandangan-pandangan kita diambil perhatian.

Selain daripada itu juga Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz telah sebutkan tentang bangunan milik. Sebenarnya peraturan di Arab Saudi, tidak boleh mana-mana warganegara di Mekah dan Madinah dimiliki oleh mana-mana warganegara melainkan warganegara Arab Saudi sahaja yang boleh membeli bangunan.

Apa yang kita buat ialah bekerjasama dan kita perkongsian pintar dengan kompeni dan syarikat pihak Arab Saudi yang membeli dan memiliki bangunan tersebut dan kita menyewa dalam tempoh yang agak panjang supaya kita dapat *lock* ataupun kita kunci harga bangunan itu supaya agak tidak menjadi mahal pada setiap tahun peningkatan bagi jemaah haji.

Selain daripada itu juga *Muassasah* Arab Saudi tentang permasalahan-permasalahan Arab ini, insya-Allah dalam kebiasaan tahun-tahun kita - sebenarnya untuk maklumat apabila mesyuarat dengan Menteri Haji itu dia ada berbelas jabatan-jabatan seperti jabatan pengangkutan – basnya, jabatan kapal terbangnya, jabatan daripada Arafah, Mina, Mekah, Madinah akan duduk sekali dan mereka macam akan menemu duga kita balik. Dia akan beritahu satu persatu jemaah bahkan mereka juga sedang mengusahakan peningkatan Tuan Yang di-Pertua, di mana kalau jemaah daripada Madinah hendak bertolak ke Mekah, dia akan beritahu, "*Kamu harus berada di sini dalam tempoh tujuh hari*". Jikalau ada bas yang keluar awal satu hari, dia akan maklumkan dalam mesyuarat tersebut dan dia beritahu termasuk dengan nombor bas, pakej mana dan sebagainya. Kita kadang-kadang terpaksa tegur balik termasuk syarikat-syarikat swasta yang menguruskan Jemaah Haji.

■ 1240

Jadi maknanya saya dapat merasakan Tuan Yang di-Pertua, sedangkan sukan yang orang buat dalam tempoh beberapa hari pun menghadapi kekurangan dan juga menghadapi banyak masalah, apatah lagi dengan ibadat haji yang datang daripada seluruh pelosok dunia dengan pelbagai taraf pendidikan dan ilmu pengetahuan, yang kaya, yang miskin dan sebagainya, yang dapat pendidikan dan tidak, pergi berkumpul hampir empat juta orang secara serentak.

Saya merasai kagum pergerakan daripada Makkah ke Arafah dalam masa yang empat juta orang, tiba-tiba dalam tempoh sehari ataupun dua hari, sunyi dan lengang. Maka semuanya sedang berada di bumi Arafah. Kemudiannya bergerak ke Muzdalifah bermalam dan kemudiannya bergerak ke Mina untuk bermalam. Kita melihat ini satu proses pergerakan yang luar biasa yang perlu kita memberikan penghormatan dan tahniah kepada Kerajaan Arab Saudi. Apa pun, pandangan-pandangan Yang Berhormat berikan saya akan mengambil perhatian untuk disampaikan dalam perbincangan dan juga dalam mesyuarat-mesyuarat haji dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu juga, Yang Berhormat Datuk Hajah Fatimah binti Hamat juga ingin tahu apakah fungsi Kompleks Pentadbiran Islam di Putrajaya yang sedang dibina dan impaknya dalam pembangunan syariah, dakwah dan pentadbiran Islam.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, Jemaah Menteri telah bersetuju supaya dibangunkan Kompleks Pentadbiran Islam baru di Presint 3, Putrajaya ataupun berdekatan dengan Masjid Tuanku Mizan. Hari ini popular dengan panggilan 'Masjid Besi' yang menempatkan lapan agensi di bawah Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Mesyuarat Lembaga Jemaah Menteri juga bersetuju agar Lembaga Tabung Haji membeli tanah daripada Putrajaya Holding dan membina bangunan kompleks tersebut dengan kos keseluruhan sebanyak RM474 juta.

Pada masa ini hanya tiga agensi sahaja yang berada di Putrajaya iaitu JAKIM, JKSM dan JAWHAR manakala yang lain berada di Kuala Lumpur dengan menyewa bangunan yang tidak begitu memuaskan. Sehubungan itu, pembangunan kompleks pentadbiran Islam itu dapat menempatkan lapan jabatan, agensi hal ehwal Islam di bawah satu bumbung, seterusnya memudahkan urusan pentadbiran dan pengoperasian. Penempatan jabatan agensi ini juga dapat memastikan penyelarasan dan sistem penyampaian yang berkesan kepada orang awam.

Tuan Yang di-Pertua, dahulu dalam sejarah kita ada Pusat Islam yang semua orang akan tergambar dalam kepala, berada di hadapan Masjid Negara. Jadi, sekarang ini Pusat Islam itu sudah tidak lagi digunakan, hanya melainkan dijaga oleh pihak Jabatan Agama Islam Wilayah (JAWI). Di bawah saya ada 14 buah agensi dan juga jabatan yang besar. Jadi, mereka berselerak, berada di sekitar Kuala Lumpur dan juga termasuk di Putrajaya. Jadi atas pemikiran untuk menyatukan dan kaedah penyampaian yang lebih berkesan, kerajaan telah bersetuju untuk kita tempatkan Pusat Islam baru berada di Putrajaya berdekatan dengan Masjid Tuanku Mizan yang menjadi lambang pentadbiran negara. Jadi kita melihat nanti pada tahun 2014, agensi agama akan berada di arus perdana pentadbiran iaitulah di Putrajaya dengan siapnya pembinaan bangunan yang sedang berjalan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya beralih kepada saranan agar tindakan diambil terhadap aktiviti memurtadkan orang Islam yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Ahmad bin Hussin. Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Perkara 11(4) Perlembagaan Persekutuan jelas memperuntukkan bahawa undang-undang negeri dan Persekutuan boleh digubal untuk mengawal dan menyekat perkembangan apa-apa doktrin atau kepercayaan agama di kalangan orang yang menganuti agama Islam.

Berdasarkan kepada peruntukan tersebut, beberapa buah negeri telah mewujudkan Undang-undang Mencegah Murtad melalui penggubalan undang-undang kawalan dan sekatan pengembangan agama bukan Islam kepada orang-orang Islam.

Usaha bagi mencegah gejala murtad ini memerlukan kerjasama yang bersepadu daripada semua pihak termasuk Polis Diraja Malaysia, pihak berkuasa agama negeri dan majlis agama Islam negeri memandangkan hal ehwal Islam berkaitan agama Islam adalah di bawah bidang kuasa negeri dan negeri-negeri yang telah menguatkuasakan enakmen kawalan dan sekatan pengembangan agama bukan Islam kepada orang Islam adalah seperti mana berikut.

Sebelum daripada itu Tuan Yang di-Pertua, mungkin perbincangan ini dibincangkan panjang, bahkan sehingga menimbulkan Perhimpunan Himpun dan sebagainya. Seperti mana dalam persidangan Dewan Rakyat yang lalu, saya memaklumkan pada penggulangan yang seperti ini juga. Saya menjelaskan bahawa kita sudah mempunyai enakmen di peringkat negeri yang tidak ramai. Saya gunakan bahasa pada hari itu yang saya ingat, "ramai sangat yang tidak mengetahui kewujudan Enakmen Untuk Mencegah Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam Kepada Orang Islam" iaitu Terengganu - Enakmen Bil.1 tahun 1980 berkuat kuasa pada 1 April 1986, Kelantan - Enakmen bil. 11 tahun 1981 berkuat kuasa 1 Januari, Selangor - Enakmen No.1 berkuat kuasa pada 8 Julai 1988, Melaka - Enakmen No.1 1988, berkuat kuasa pada 1 Januari 1990, Kedah - Enakmen bil. 11 1988 berkuat kuasa 1 Oktober 1988, Pahang - Enakmen No.5 1989, berkuat kuasa 1 Mac 1990, Johor - Enakmen No.12 tahun 1991, berkuat kuasa 23 April 1992, Negeri Sembilan - Enakmen No. 9 tahun 1991, berkuat kuasa pada 5 April 2007, Perlis - Enakmen No.6 tahun 2002, berkuat kuasa pada 1 Januari 2007.

Bagi Wilayah Persekutuan, pelaksanaan Undang-undang Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam sedang dikaji dengan serius dan terperinci.

Saya suka menekankan di sini Tuan Yang di-Pertua, bahawa enakmen-enakmen ini apabila dikuatkuasakan ianya dibicarakan bukan dalam Mahkamah Syariah kerana saya amat menghormati dan juga berterima kasih kepada mereka yang telah mewujudkan enakmen ini kerana kalau di Mahkamah Syariah, ia tidak boleh melibatkan melainkan hanya orang Islam. Akan tetapi apabila berlaku keadaan yang seperti ini, dia dibicarakan di Mahkamah Sivil.

Berdasarkan enakmen tersebut, terdapat satu kes pendakwaan yang telah pun berjalan oleh pihak polis di Pahang iaitulah kes PPP dalam MA.83146 2002 pada tahun 2002 di mana beliau telah dituduh di Mahkamah Majistret Temerloh Pahang pada tahun 2002. Tertuduh telah dikenakan tindakan di bawah seksyen 4(2) Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam Pahang 1989 kerana mempengaruhi seorang wanita Melayu beragama Islam meninggalkan agama Islam. Tertuduh telah disabitkan dengan kesalahan tersebut dan dikenakan hukuman denda sebanyak RM1,500 dan hukuman penjara oleh Mahkamah Majistret Temerloh Pahang. Jadi dalam erti kata lain, kewujudan perkara ini perlu dikuatkuasakan, digerakkan maklumat, diberikan pengetahuan kepada orang ramai untuk supaya dapat memahami kewujudan perkara yang baik ini.

Bagi Undang-undang Syariah, terdapat negeri yang telah memperuntukkan kesalahan percubaan murtad. Sebagai contoh, negeri Melaka telah memperuntukkan hukuman bagi kesalahan percubaan murtad dan syubhah. Dalam percubaan murtad, dalam Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri Melaka 1988, seksyen 6, dan 67 enakmen tersebut memperuntukkan seperti berikut, *“66(1) – Apabila seseorang Islam dengan sengaja, sama ada dengan perbuatan atau perkataan atau dengan cara apa jua pun, mengaku hendak keluar daripada agama Islam ataupun mengisytiharkan dirinya sebagai orang yang bukan Islam, mahkamah hendaklah, jika berpuas hati bahawa seseorang itu telah melakukan sesuatu yang boleh ditafsirkan telah cuba menukarkan iktikad dan juga kepercayaan Agama Islam sama ada dengan pengakuan atau perbuatannya sendiri, memerintahkan orang itu supaya ditahan di Pusat Bimbingan Islam untuk tempoh tidak melebihi enam bulan dengan tujuan pendidikan dan orang itu diminta bertaubat mengikut hukum syarak.”* Sambungannya,

“66(2) - Jika seorang yang telah diperintahkan supaya ditahan,

(a) bertaubat dengan serta-merta, mahkamah hendaklah setelah mengesahkan taubatnya itu membebaskan orang tersebut; atau

(b) jika orang itu pada bila-bila masa semasa dalam tahanan telah bertaubat, Pegawai Penjaga hendaklah melaporkan perkara itu kepada mahkamah, hendaklah memanggil orang itu dan mengesahkan taubatnya itu hendaklah dibuat satu perintah untuk membebaskannya”.

Seterusnya syubhah kepada percubaan murtad. Seseorang yang bersubahat di bawah seksyen 66 adalah merupakan satu kesalahan dan apabila disabitkan kesalahan tersebut boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi daripada RM5,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 36 bulan atau kedua-duanya sekali.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Zaitun binti Mat membangkitkan isu yang berkaitan Darul Quran (DQ) dan Pusat Tahfiz. Penjelasannya seperti berikut:

Program Pensijilan Darul Quran bersama UIA. Bilangan permohonan program pensijilan DQ dan UIA yang telah dibuka pada bulan September 2011 yang lalu ialah sebanyak 1,928 permohonan telah diterima. Pemohon yang layak ditemu duga ialah sebanyak 1,121 orang. Bilangan yang berjaya dalam sesi temu duga yang akan mengikuti pengajian ialah seramai 160 orang iaitu lelaki 90 orang dan perempuan seramai 70 orang.

■ 1250

Soalan berkaitan sama ada kerajaan bercadang menjadikan DQ sebagai Universiti Tahfiz. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Kebajikan Islam (JAKIM) sedang berusaha untuk menaikkan taraf Darul Quran yang sedia ada kepada kolej universiti.

Bagi tujuan tersebut JAKIM telah menubuhkan satu Jawatankuasa PEMANDU yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah JAKIM.

Bilangan tahfiz seluruh negara yang berdaftar dan yang tidak berdaftar. Jumlah Maahad Tahfiz yang terdapat di seluruh negara ialah 283 buah dan pecahannya seperti berikut:

- (i) Maahad Tahfiz milik Kerajaan Persekutuan – sebuah iaitu Darul Quran, Kuala Kubu;
- (ii) Sekolah Kerajaan Persekutuan yang melaksanakan modul tahfiz – tiga buah;
- (iii) Maahad Tahfiz milik kerajaan negeri – 29 buah;
- (iv) Maahad Tahfiz milik persendirian yang berdaftar – 250 buah; dan
- (v) Maahad Tahfiz yang tidak berdaftar JAKIM tidak dapat data dan juga maklumat mengenainya.

Adakah JAKIM mengkaji sistem hafazan di negara ini kerana banyak institusi mengambil kaedah dari luar negara? JAKIM menerusi Institusi Pendidikan Darul Quran dan secara berterusan mengkaji sistem hafazan di negara ini khususnya Darul Quran itu sendiri.

Apakah kaedah terbaik Darul Quran (DQ) untuk panduan? Sistem hafazan yang digunakan di Darul Quran merangkumi *talaqi* dan juga *musyafahah* iaitu guru mendengar bacaan pada setiap ayat. Kemudian diikuti oleh pelajar atau guru yang menyemak bacaan pelajar pada ayat-ayat yang hendak dihafal atau menyemak seketika sesi *tasmik*. Ataupun bacaan tersebut mestilah lancar, fasih dan juga bertajwid dan membaca dan melancarkan bacaan, menghafaz dengan mengulang-ulang bacaan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, isu-isu yang berkaitan dengan *huffaz* yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Zaitun binti Mat. Penjelasannya adalah seperti berikut. Pertama, berapa ramai *huffaz* yang menghafaz 30 juzuk. Darul Quran telah melahirkan *huffaz* yang menghafal 30 juzuk bagi tahun 1998 hingga 2011 adalah seramai 1,562 orang merangkumi 861 orang lelaki dan 701 orang perempuan. Manakala *huffaz* Maahad Tahfiz negeri pula dari tahun 1998 hingga 2001, jumlah seramai 1,304 orang yang merangkumi 937 orang lelaki dan 367 orang perempuan.

Selain daripada itu adakah JAKIM mempunyai penelitian terperinci supaya *huffaz* ini hafaz setelah tamat pengajian. JAKIM menerusi Darul Quran telah menetapkan sistem pengajian bagi pelajar diploma dalam tempoh tiga tahun. Oleh itu, setiap pelajar Darul Quran hendaklah mengikuti menamatkan pengajian dalam tempoh enam semester bagi mendapat Diploma Tahfiz Al-Quran.

Selain daripada itu juga adakah diwajibkan jawatan kadi menghafal 15 juzuk serta hadis dan mufti hafaz 30 juzuk dan hadis juga menulis buku. Setakat ini untuk maklumat, kemasukan pengambilan bagi kadi dan juga termasuk mufti. Kadi mengambil pendekatan kemasukan sebagaimana biasa iaitulah Sijil Pengajian Islam daripada mana-mana universiti yang diiktiraf oleh LAN (Lembaga Akreditasi Negara) dan juga untuk negeri-negeri yang tertentu.

Selain daripada itu kalaulah beliau juga termasuk di dalam senarai pengajian Islam dan kebetulan ada pula hafazannya atau pun dia menghafal beberapa juzuk maka itu adalah merupakan nilai tambah. Selain daripada itu juga mufti adalah pemilihan yang dibuat oleh pihak kerajaan negeri dengan nasihat daripada pihak kerajaan negeri kepada Raja ataupun Sultan negeri masing-masing.

Keempat, supaya JAKIM dan Kementerian Pelajaran membantu institusi tahfiz sedia ada dan beri bantuan supaya lahirkan *huffaz* yang berwibawa. JAKIM sentiasa memberikan bantuan dan pertolongan. Akan tetapi tidak dalam bentuk bantuan kewangan kepada institusi tahfiz negeri tetapi JAKIM telah memberikan bantuan kepada mereka dari segi khidmat nasihat dan kepakaran akademik. Bagi menjaga pelajar-pelajar *huffaz* di Institut Tahfiz Negeri, kerajaan negeri masing-masing telah memperuntukkan elaun khas bagi para pelajar ini. Bagi pelajar Darul Quran, JAKIM menyediakan elaun khas termasuk penyediaan kemudahan makan minum dan penginapan bagi pelajar-pelajar yang mengikuti pengajian di sini.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itulah sahaja perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator serta mengenai hal ehwal Islam yang sempat saya jawab. Mana perkara yang tidak sempat dijawab perkara tersebut dicatat dan diambil tindakan sewajarnya oleh Jabatan Perdana Menteri khususnya agensi-agensi yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih *assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*.

Tuan Yang di-Pertua: *Waalaikumussalam warahmatullaahi wabarakaatuh*. Terima kasih Yang Berhormat.

Sekarang saya persilakan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang berkenaan untuk seterusnya. Saya mintalah semua wakil-wakil kementerian hendaklah berada dalam Dewan sebelum sesuatu kalau boleh itu hadir untuk menjimatkan masa... *[Menunggu YB Timbalan Menteri masuk ke dalam Dewan]* Boleh saya dapat maklum sedikit di mana, adakah Timbalan Menteri itu ada berdekatan di bangunan ini?... Kalau tidak ada saya..., ada?

Ambil perhatianlah. Ini saya hendak tegaskan jangan berulang lagi perkara seperti ini. Baik Yang Berhormat, persilakan Yang Berhormat.

12.57 tgh.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya mohon maaf kerana terlambat sedikit.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Jabatan Perdana Menteri, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbincangan Bajet 2012 yang menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri. Sesungguhnya Jabatan Perdana Menteri amat menghargai pandangan, teguran dan juga cadangan Ahli-Ahli Yang Berhormat berkenaan.

Yang Berhormat Tuan Ahmad bin Hussin mencadangkan agar Jabatan Peguam Negara dan juga SPRM masing-masing diberi kuasa yang sama rata dalam pendakwaan kes rasuah di mahkamah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, fasal 3, Perkara 145 Perlembagaan Persekutuan dengan jelas menyatakan bahawa Peguam Negara mempunyai kuasa untuk memulakan, menjalankan atau memberhenti kepada apa-apa prosiding bagi sesuatu kesalahan. Namun demikian, mana-mana orang yang dilantik oleh pendakwa raya untuk menjadi timbalan pendakwa raya boleh menjalankan kuasa pendakwa raya. Akan tetapi hendaklah tertakluk kepada kawalan dan juga arahan pendakwa raya.

Ini adalah selaras dengan peruntukan sub seksyen 376(3), Kanun Tatacara Jenayah yang menyatakan seperti yang berikut dengan izin, "*Public prosecutor 376(3). The public prosecutor may appoint fit and proper person to be deputy public prosecutor who shall be under the general control and direction of the public prosecutor and may exercise all or any of the rights and power vested in or exercisable by the public prosecutor by or under this court or any other written law except any rights or power expressly exercisable by the public prosecutor personally and he may the Senate any or such deputy public prosecutor as senior deputy public prosecutor.*"

Tuan Yang di-Pertua, Timbalan Pendakwa Raya yang ditempatkan di Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia merupakan timbalan pendakwa raya yang dilantik oleh pendakwa raya di bawah sub seksyen 376(3). Seperti yang telah disebutkan tadi. Sememangnya diberi kuasa untuk membuat keputusan untuk menjalankan pendakwaan atau sebaliknya. Bagi kes-kes yang disiasat oleh SPRM tetapi hendaklah tertakluk kepada kawalan dan arahan pendakwa raya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat angka masa telah menunjukkan *stop jam* 1 tengah hari. Dengan ini saya tangguhkan Dewan persidangan kita sehingga jam 2.30 petang hari ini juga. Sekian terima kasih.

Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

*[Timbalan Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab, minta seorang Menteri untuk membawakan usul.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

2.32 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon]: Tuan Yang di-Pertua, mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1) saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 10 malam, dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Isnin, 19 Disember 2011.”

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya adalah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Timbalan Yang di-Pertua: Minta Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menyambung.

2.33 ptg.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. SPRM tidak diberikan kuasa untuk memulakan pendakwaan bagi kes rasuah secara penuh tanpa perlu merujuk kepada Peguam Negara kerana dalam menjalankan siasatan dan pendakwaan perlu ada dengan izin, *check and balance*. Sekiranya agensi penyiasatan dalam hal ini SPRM diberi kuasa untuk membuat keputusan untuk mendakwa maka tidak wujud satu unsur pemikiran yang bebas dengan izin, *independent of mind* dalam mempertimbangkan fakta dan keterangan sesuatu kes secara objektif.

Ini juga adalah bertentangan dengan prinsip keadilan asasi dengan izin, *nature justice* iaitu, dengan izin, *a man should not be a judge in his own cause*. Kerana Ketua Pesuruhjaya SPRM dan pegawai SPRM menjalankan kuasa siasatan mengikut seksyen 7, Akta Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694].

Tambahan pula sekiranya SPRM diberikan kuasa memulakan pendakwaan bagi sebahagian kes rasuah, manakala sebahagian lagi dikendalikan oleh Jabatan Peguam Negara maka kemungkinan timbulnya konflik dan juga tohmahan akan lebih tertera memandangkan aspek apakah yang akan menentukan setengah kes itu dikendalikan oleh SPRM. Manakala sebahagian lainnya dikendalikan oleh Jabatan Peguam Negara. Rasa tidak puas hati atas penentuan kes yang dikendalikan oleh SPRM atau Jabatan Peguam Negara akan wujud sekiranya pihak yang terlibat tidak bersetuju kes mereka dikendalikan oleh salah satu pihak. Keadaan ini akan lebih merumitkan proses pendakwaan.

Selain itu juga Perlembagaan Persekutuan dengan jelas memperuntukkan kuasa memulakan pendakwaan kepada pendakwa raya yang mana ini adalah selaras dengan prinsip undang-undang jenayah yang memperuntukkan kuasa pendakwaan kepada satu badan sahaja dan tidak diperuntukkan kepada pihak-pihak berbeza dalam sesuatu sistem keadilan jenayah. Di mana-mana negara pun kuasa untuk membuat pertuduhan dan pendakwaan adalah terletak hak kepada Peguam Negara ataupun Pendakwa raya yang bebas dan tidak dipengaruhi oleh agensi penyiasatan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat...

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Minta laluan.

Datuk Liew Vui Keong: Ya.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri bercakap mengenai SPRM. Saya hendak minta Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa sekarang ini di Kuala Lumpur, hujan satu jam cukup, banjir dan kerajaan pun belanja berbilion-bilion ringgit membuat *SMART Tunnel*. Salah satu sebab ialah mengatasi masalah banjir. Namun sekarang berbilion-bilion ringgit sudah pun dibelanjakan tetapi masalah banjir masih tidak di selesaikan. Adakah SPRM siasat apakah apa yang tidak kena dalam projek ini. Terima kasih.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dr. Ramakrishnan atas soalan ini. Sebenarnya saya rasa lebih baik saya memberikan sedikit ringkasan laporan banjir mengenai Kuala Lumpur yang berlaku beberapa hari yang lalu.

Saya telah pun dimaklumkan bahawa kejadian banjir kilat yang berlaku di beberapa buah tempat di kawasan kota Kuala Lumpur ini adalah disebabkan oleh hujan sangat lebat yang berlaku selama satu hingga dua jam di kawasan Kuala Lumpur dan sekitarnya.

Keadaan ini telah menyebabkan keadaan air di Sungai Bonus naik dan juga melimpahi tebing sungai. Jadi corak banjir kilat yang berlaku pada 13 Disember baru-baru ini, hampir menyamai kejadian banjir kilat yang berlaku pada 24 Februari 2011 yang lalu di mana hujan lebat luar biasa dicatatkan di Stesen Air Panas yang melebihi 100 milimeter dalam masa tiga jam. Stesen hujan di SM Pendidikan Khas mencatat 133 milimeter dalam masa dua jam. Tempoh ulang hujan adalah dari 5 hingga 80 tahun saya difahamkan.

Jadi saya telah pun difahamkan bahawa Kampung Baru menerima kesan yang agak teruk kali ini di mana rumah penduduk yang berada di atas jajaran Sungai Bonus telah dimasuki air sehingga 0.3 hingga 1 meter. Banjir kilat ini menyebabkan kesesakan lalu lintas yang teruk dan juga kerosakan harta benda penduduk di Kampung Baru khususnya.

Jadi saya difahamkan juga bahawa akibat daripada hujan yang lebat ini pihak Pusat Kawalan SMART telah mengaktifkan operasi Kawalan Banjir SMART dengan menjalankan prosedur menutup laluan trafik iaitu mode 3 iaitu mengosongkan bahagian dua tingkat laluan trafik dalam terowong mulai jam 4.35 petang bagi tujuan melencongkan air Sungai Klang ke kolam Berembang. Daripada penutupan laluan trafik ini dipercayai telah menyelamatkan beberapa kawasan tumpuan di Pusat Bandar raya Kuala Lumpur seperti Stesen LRT Masjid Jamek, Jalan Masjid India, Kompleks Lama Mahkamah, Dataran Merdeka, Jalan Dang Wangi, Jalan Sultan Ismail dan Lebuhraya Ampang daripada ditenggelami banjir limpahan sungai seperti mana berlaku pada masa-masa lalu sebelum siapnya Terowong SMART.

■1440

Jadi walau bagaimanapun, kejadian banjir kilat yang berlaku semalam adalah disebabkan oleh limpahan daripada Sungai Bonus yang mana ia adalah di luar kawalan sistem SMART. Seperti Yang Berhormat sedia maklum SMART ini mengawal sungai – *not* Sungai Bonus. Jadi, kita tidak dapatlah menyalahkan sistem SMART ini pada banjir kilat yang berlaku beberapa hari yang lalu. Seperti yang saya katakan ini disebabkan air naik daripada Sungai Bonus Yang Berhormat...

Puan Chew Lee Giok: Minta laluan.

Datuk Liew Vui Keong: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Datuk Liew Vui Keong: Ya, silakan.

Puan Chew Lee Giok: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya hendak tanya tentang adakah amaran telah diberitahu pada penduduk di Kuala Lumpur sebelum berlakunya banjir kilat ini? Adakah tindakan yang lebih baik digunakan, diambil oleh kementerian untuk mengurangkan berlakunya banjir kilat ini. Kalau ada *SMART Tunnel* pun masih berlaku. Adakah tindakan yang lebih baik? Terima kasih.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan ini. Untuk maklumat Yang Berhormat, sememangnya kerajaan telah pun membuat persediaan-persediaan untuk menghadapi bencana banjir semasa monsun timur pada tahun ini. Kita telah pun mendapat tahu bahawa kejadian banjir besar telah pun melanda negara-negara ASEAN iaitu Vietnam, *Cambodia*, Laos, Thailand, Myanmar serta Filipina.

Jadi, kerajaan telah pun membuat persiapan melebihi daripada kebiasaan pada baru-baru ini. Jadi, kejadian – perlu mengambil iktibar tentang situasi banjir di Thailand. Kami telah pun difahamkan ramai rakyat Thailand tidak begitu berpuas hati dengan usaha dan juga pendekatan yang ditampilkan oleh kerajaan, di mana terdapat kawasan yang tidak memperoleh bekalan yang mencukupi dan maklumat yang disampaikan kepada rakyat adalah tidak tepat.

Jadi, mengambil iktibar yang telah pun berlaku di negara-negara itu dan selama ini negara kita telah pun mengambil tindakan. Seperti yang saya katakan tadi pada sesi soal jawab lisan, mesyuarat khas persediaan menghadapi banjir tahun ini telah pun diadakan pada 15 November 2011, yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Mesyuarat ini telah pun mengambil maklum dan bersetuju bahawa Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan untuk menyelaraskan usaha bagi menyampaikan maklumat-maklumat mengenai bencana.

Melalui saluran media masa, Jabatan Meteorologi Malaysia dan juga Jabatan Pengairan dan Saliran iaitu JPS telah pun diperuntukkan bagi menyampaikan maklumat ramalan cuaca dan juga amaran paras sungai kepada rakyat. Selain daripada itu JPS dan juga pihak berkuasa tempatan telah pun melaksanakan penyelenggaraan terhadap sungai dan juga longkang-longkang supaya ianya tidak tersumbat bagi menghadapi musim tengkujuh ini. Jadi Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang ada mengambil langkah yang baik untuk memastikan rakyat-rakyat jelata dimaklumkan mengenai bencana ini.

Saya telah pun dimaklumkan bahawa portal banjir telah pun diberikan. Seperti yang saya katakan di dalam jawapan saya tadi, dilaksanakan dan kita boleh masuk ke pada portal banjir www.mkn.gov.my. Di sini akan memberi maklumat terperinci dan terkini kepada semua kawasan seperti yang kita boleh lihat hari ini. Tuan Yang di-Pertua kita boleh lihat sekiranya kita masuk ke portal banjir bahawa kawasan banjir di negeri setakat ini yang terlibat ialah negeri Terengganu iaitu Kemaman, Pahang di Kuantan dan Raub, manakala Perak di Manjung.

Bilangan bangsa yang dimaklumkan di sini, Terengganu ada 14 orang, Pahang 30 orang dan Perak 19 orang. Bilangan kematian setakat ini tujuh orang di Kelantan. Pusat pemindahan di Kuantan hanya satu, Raub satu, Manjung satu dan juga Kemaman satu. Manakala jalan ditutup satu jalan, di negeri Pahang. Di sinilah kita boleh mendapat maklumat yang terkini dan bukan sahaja di negeri-negeri yang saya sebutkan tadi tetapi di semua negeri di Malaysia ini. Itulah langkah-langkah yang telah pun diambil untuk memberi maklumat kepada rakyat mengenai ancaman banjir ini. Terima kasih.

Saya teruskan Tuan Yang di-Pertua, kepada soalan daripada Yang Berhormat Senator Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim yang ingin mengetahui mengapa kedudukan negara *corruption perception index* (CPI) jatuh walaupun negara telah mempunyai program NKRA mengenai rasuah. Untuk makluman Yang Berhormat, *Corruption Perception Index* (CPI) bukanlah satu-satunya KPI yang digunakan sebagai kayu ukur kejayaan NKRA dalam membanteras rasuah, ia merupakan salah satu daripada KPI yang telah dipersetujui oleh kerajaan. Ia juga bukannya satu kajian yang konklusif yang boleh dijadikan asas untuk menentukan keadaan sebenar rasuah di Malaysia dan hanya merupakan pandangan dan juga persepsi semata-mata.

Skor terkini *Corruption Perception Index 2011*, Malaysia menunjukkan penurunan daripada 4.4 pada tahun 2010 kepada 4.3 pada tahun ini iaitu 0.1 peratus *decrease* dengan izin. Mengambil kira jumlah kajian yang digunakan untuk menentukan skor CPI Malaysia dalam tahun 2010 sebanyak sembilan kajian telah digunakan. Manakala dalam tahun 2011, sebanyak 12 kajian telah diguna pakai, lebih daripada tiga. Tuan Yang di-Pertua, kajian-kajian baru yang dimasukkan sebagai asas penentuan skor Malaysia dalam CPI dengan izin adalah, *Political Risk Services, International Country Risk Guide, Transparency Bribe Payer Index* dan *World Justice Project Rules of Law Index*. Penambahan kajian ini menunjukkan peningkatan minat organisasi luar kepada Malaysia yang mula fokus dan juga memberi perhatian kepada program transformasi kerajaan yang sedang dilaksanakan.

Keberkesanan dan juga *outcome* pelaksanaan transformasi ini pula memerlukan satu jangka masa yang munasabah untuk dibuat penilaian. Sebagai contoh perbandingan negara-negara Asia lain seperti Singapura, Hong Kong dan juga Korea, mengambil masa sekitar lima tahun untuk meningkatkan skor CPI dan persepsi masyarakat antarabangsa terhadap negara-negara tersebut. Salah satu langkah strategik dan juga praktikal dalam usaha meningkatkan persepsi berhubung ketelusan dan juga integriti kerajaan adalah dengan penubuhan Jawatankuasa Pilihan Khas Berhubung Dengan Penambah Baik Proses Pilihan Raya, di mana cadangan daripada rakyat dibentangkan kepada Parlimen untuk dipertimbangkan.

Sehubungan itu NKRA membanteras rasuah akan mengambil maklum dan bersama-sama dengan Jawatankuasa Pilihan Khas Berhubung Dengan Penambah Baik Proses Pilihan Raya untuk menyelaraskan inisiatif-inisiatif ke arah penambah baik. Dalam kajian Tuan Yang di-Pertua oleh *Transparency International* juga iaitu *corruption barometer*, tahap keyakinan rakyat Malaysia berkenaan usaha kerajaan dalam usaha membanteras rasuah telah meningkat, di mana dalam tahun 2009 hanya 28 peratus rakyat Malaysia yakin akan keberkesanan usaha kerajaan membanteras rasuah.

■1450

Manakala pada tahun 2010 tahun ini 48 peratus dan juga tahun 2011, tahap keyakinan meningkat kepada 49 peratus. Dalam kajian yang sama juga, peratusan rakyat Malaysia yang mengaku membayar rasuah juga telah menurun kepada 1.2 peratus pada tahun 2011, berbanding dengan 9 peratus pada tahun lalu. Peningkatan persepsi baik masyarakat dan juga organisasi luar terhadap Malaysia adalah tanggungjawab semua rakyat dan juga organisasi Malaysia. Tanggungjawab ini tidak boleh diletakkan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia atau kerajaan semata-mata dan setiap daripada kita mempunyai peranan masing-masing untuk dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua...

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Minta laluan.

Datuk Liew Vui Keong: Ya, sila.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Terima kasih, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, *target* NKRA untuk *crime prevention* tahun ini ialah mahu capai satu tahap 4.9 peratus tetapi apa yang terjadi hanya turun 0.1 peratus kepada 4.3 peratus. Jadi, tahun ini kerajaan tidak boleh capai *target* 4.9 peratus. Ertinya, tidak cukup usaha ataupun tidak serius dengan *crime prevention*. Jadi, apakah untuk capai balik *target* yang terlepas, apakah langkah-langkah yang terbaru atau berlainan daripada yang biasa akan diambil oleh kerajaan. Terima kasih.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator. Untuk makluman Yang Berhormat, *crime prevention* di negara ini telah pun bertambah baik sekiranya dibandingkan dengan beberapa tahun yang lalu. Ini kerana kerajaan melalui NKRA telah pun mengadakan *lab* pada permulaannya untuk memastikan beberapa tempat di negara ini iaitu *hotspots* di mana berlakunya *crimes* yang dikenal pasti oleh pihak polis. Di situlah pihak polis telah pun meletakkan anggota-anggota polis untuk memastikan bahawa *the presence of the police force*, dengan izin, *is felt*. Ini telah pun amat berkesan dan saya telah pun dimaklumkan bahawa penurunan *crime rate* di kawasan-kawasan *hotspots* itu telah pun turun lebih daripada 35 peratus. Terutamanya di sekitar Kuala Lumpur di mana beberapa tahun yang lalu kita sering mendengar *snatch theft* yang berlaku tetapi...

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Yang Berhormat Timbalan Menteri, keputusan. Skor itu berlainan.

Datuk Liew Vui Keong: Ya, saya tahu. Keputusan. Saya tidak faham Yang Berhormat, keputusan.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Yang Berhormat Timbalan Menteri cakap apakah langkah-langkah yang sedang diambil tapi skor yang tercapai ialah turun bukan bertambah baik. Jadi, keputusan tidak menunjukkan langkah-langkah yang diambil itu tidak berkesan. Itu soalan saya.

Datuk Liew Vui Keong: Ya, terima kasih. Skor itu memang kita ambil daripada banyak kriteria. Sekiranya kita *zero down* kepada *crime prevention*, kepada penjenayah yang telah pun berlaku di negara ini, terutamanya di *hotspots* yang telah pun dikenal pasti melalui *lab* di NKRA ini kita telah pun dapat lihat keberkesanannya. Akan tetapi memang daripada keseluruhannya ia jatuh, *because* banyak faktor yang perlu diambil kira. Akan tetapi sekiranya kita tengok kepada *crime* seperti *snatch theft* yang telah pun dijadikan isu beberapa tahun yang lalu, pada baru-baru ini kita dapat lihat bahawa kita tidak dengar lagi isu *snatch theft*. Walaupun ada berlaku tetapi tidak begitu banyak sekiranya dibandingkan dengan tahun-tahun yang lalu. Ini adalah keberkesanan daripada pihak polis yang telah pun pergi ke tempat-tempat berkenaan atau *hotspots* untuk mengawal *and to make their presence felt*. Untuk makluman Yang Berhormat juga, *crime prevention* NKRA ini memang di bawah KDN. Sekiranya nanti sampai giliran mereka untuk gulung, jadi saya harap Yang Berhormat boleh bertanya pihak kementerian nanti.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Chew Lee Giok dan juga Yang Berhormat Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah ingin mengetahui bilangan individu yang telah dibawa ke mahkamah susulan penyelewengan dari Laporan Ketua Audit Negara. Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan rekod yang terdapat di Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, seramai 16 orang telah dituduh di mahkamah bagi penyelewengan yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara 2006 dan tiga orang dituduh bagi penyelewengan yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara 2008. Untuk makluman Yang Berhormat juga, seramai sembilan orang telah disyorkan diambil tindakan tatatertib oleh ketua jabatan berkenaan bagi Laporan Ketua Audit Negara 2006, lima orang bagi Laporan Ketua Audit Negara 2008 dan dua orang lagi Laporan Ketua Audit Negara 2010.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Subramaniam a/l Veruthasalam menyarankan agar Jawatankuasa Khas Pilihan Raya (PSC) diberi peluang untuk melakukan kajian yang lebih mendalam dan teliti dan segala cadangan yang dikemukakan hendaklah diimplementasikan sebelum PRU 13.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jawatankuasa Pilihan Khas berhubung dengan Penambah Baik Proses Pilihan Raya ditubuhkan bagi mengkaji perkara-perkara berkait proses pilihan raya Malaysia. Ia dianggotai oleh sembilan Ahli Dewan Rakyat yang dilantik oleh Jawatankuasa Pemilih Parlimen yang terdiri daripada seperti yang berikut:

- (i) lima anggota daripada Barisan Nasional termasuk seorang Menteri sebagai Pengerusi;
- (ii) tiga anggota daripada pembangkang; dan
- (iii) satu anggota selain anggota daripada Barisan Nasional ataupun pembangkang.

Tempoh masa pelantikan Jawatankuasa Pilihan Khas tersebut adalah selama enam bulan. Di dalam tempoh ini, Jawatankuasa ini hendaklah mengkaji perkara-perkara yang akan memperkukuhkan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) selain mengkaji proses pilihan raya yang bebas dan adil serta menyiapkan dan juga membentangkan penyata Jawatankuasa yang mengandungi syor-syor berkaitan dan juga penyata Jawatankuasa tersebut hendaklah dikemukakan kepada Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat untuk dipersetujui atau mengikut apa-apa cara yang diperintahkan oleh Majlis Mesyuarat tersebut. Jika Jawatankuasa Pilihan Khas tersebut tidak dapat melaksanakan tugas-tugas yang diserahkan dalam tempoh tersebut, perkara ini hendaklah dibawa semula ke Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat bagi maksud pelantikan tempoh pelantikan.

Dengan tertubuhnya Jawatankuasa Pilihan Khas ini, pihak-pihak yang tidak berpuas hati dengan sistem pilihan raya di negara ini akan sama-sama diberi peluang melalui wakil mereka di Parlimen untuk memberi pendapat dan juga mengkaji secara mendalam sistem pilihan raya yang difikirkan lebih baik bagi mendukung dan juga mengukuhkan lagi demokrasi yang diamalkan di negara ini. Ia merupakan satu langkah bijak yang menyediakan ruang dan juga platform kepada pihak-pihak yang berkenaan berusaha dan juga menyampaikan suara hati nurani ataupun *conscience* mereka, dengan izin, melalui wakil-wakil mereka agar pembaharuan proses pilihan raya dapat dilakukan dan juga dikemukakan kepada SPR untuk dilaksanakan. Apa juga syor, perubahan dasar mahupun pindaan undang-undang yang dicadangkan yang datangnya daripada Jawatankuasa Pilihan Khas ini, tidak lagi akan dipertikai dan dijadikan agenda politik memandangkan isu-isu perubahan dasar mahu pun pindaan undang-undang itu telah dibuat melalui perbincangan dan juga penelitian pihak-pihak yang mewakili seluruh rakyat Malaysia.

■1500

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Minta laluan.

Datuk Liew Vui Keong: Ya.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Yang Berhormat Timbalan Menteri, PSC yang ditubuhkan, mereka diberi satu tugas iaitu untuk membersihkan senarai *electoral roll* dan pelbagai lagi. PSC ini belum habis tugas mereka dan adakah ini bererti bahawa Parlimen tidak akan di bubar sehingga mereka kemukakan laporan mereka dan pembetulan-pembetulan dibuat. Adakah itu ertinya sebab kalau dibubar, PSC ini tidak ada erti. Terima kasih.

Datuk Liew Vui Keong: Yang Berhormat Senator, mengenai isu pembubaran Parlimen, saya rasa itu hanya di tangan kuasa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Bilakah ia akan dibubarkan, itu terpulang kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk membuat keputusan. Jadi saya tidak dapat menjawab soalan Yang Berhormat mengenai isu ini.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan saya ialah PSC belum habis siasatan mereka, mereka diberi tugas. Jadi sebelum mereka habis tugas mereka, Parlimen tidak boleh dibubarkan. Jikalau dibubarkan, erti penubuhan PSC pun tidak bermakna, itu soalan saya. Terima kasih.

Datuk Liew Vui Keong: Untuk makluman Yang Berhormat, kita ambil perhatian bahawa tempoh Parlimen akan lanjut sehingga Mac 2013. PSC diberikan tempoh enam bulan daripada penubuhannya di bulan November. Sekiranya kita mengira masa itu, *the next hearing* adalah pada bulan Mac. Jadi pada bulan Mac nanti kita akan bersidang lagi. Sekiranya seperti yang saya katakan tadi, sekiranya tidak cukup tempoh, mereka boleh minta Dewan untuk beri mereka tempoh melanjutkan masa. Sekiranya diberikan masa sehinggalah Parlimen bubar, saya rasa itu adalah satu langkah yang akan diambil oleh pihak kerajaan. Jadi Yang Berhormat jangan bimbang, saya yakin bahawa PSC akan menjalankan tugas seperti yang dikatakan dalam rujukan mereka iaitu menggunakan masa enam bulan daripada tarikh penubuhan...

Puan Chew Lee Giok: Minta laluan.

Datuk Liew Vui Keong: Ya, silakan.

Puan Chew Lee Giok: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mengenai laporan Audit tadi, saya hendak tanya mengenai Laporan Audit 2010, berapa kes dalam siasatan sekarang? Terima kasih.

Datuk Liew Vui Keong: Yang Berhormat bertanya soalan mengenai 2010. Mengikut maklumat yang saya ada, 2010 ada dua orang laporan, dua orang telah pun diambil tindakan tatatertib oleh ketua jabatan berkenaan bagi Laporan Ketua Audit Negara 2010.

Puan Chew Lee Giok: Minta laluan. Boleh tahu kementerian mana yang terlibat? Terima kasih.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator. Saya tidak ada maklumat mengenai kementerian mana, sekejap lagi sekiranya saya dapat maklumat daripada pegawai saya, saya akan maklumkan kepada Yang Berhormat.

Yang Berhormat Tuan Boon Som a/l Inong juga telah bertanya mengenai tanggungan oleh mahkamah dan pendakwa raya dalam kes liwat kedua yang melibatkan Ketua Pembangkang. Untuk makluman Yang Berhormat, pengiraan kos pendakwaan bagi kes liwat kedua yang melibatkan Ketua Pembangkang tidak boleh dibuat kerana kes ini masih lagi berjalan. Pengiraan kos hanya boleh dibuat selepas perbicaraan kes tersebut selesai. Untuk makluman Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini, saya telah dimaklumkan tadi Tuan Yang di-Pertua bahawa keputusan kes ini akan diputuskan oleh mahkamah pada 9 Januari 2012. Memandangkan kedua-dua pihak daripada pendakwaan dan juga pembelaan telah pun tamat dengan penghujahan mereka masing-masing. Mahkamah akan membuat keputusan kelak. Selepas itu mungkin kos yang melibatkan kes ini akan diketahui dan diumumkan oleh pihak berkenaan.

Selain daripada itu, saya juga ingin menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Ng Fook Heng mengenai peranan MDI dalam mentadbir PCCL di mana Yang Berhormat meminta Jabatan Insolvensi Malaysia memberi penjelasan mengapa pekerja Pahang *Consolidated Company Limited* mendapat faedah *lay-off* yang tidak menyebelahi mereka walaupun MDI mempunyai simpanan tetap sebanyak RM5 juta. Untuk makluman Yang Berhormat, Jabatan Insolvensi Malaysia (MDI) telah mentadbir hal ehwal penggulangan syarikat PCCL selaras dengan peruntukan Akta Syarikat 1965. PCCL telah digulung pada 23 Oktober 1987 dan Ketua Pengarah Insolvensi selaku Pegawai Penerimaan Malaysia (PPM) telah dilantik sebagai pegawai penerima dan juga likuidasi iaitu *official receiver and liquidator* dengan izin, syarikat pada 24 November 1995.

Sepanjang pentadbiran penggulangan hal ehwal PCCL, terdapat sebanyak 104 bukti hutang, *the approved of debt* telah difailkan oleh pemiutang tidak bercagar, *unsecured creditors* dengan izin, dan pemiutang keutamaan yang terdiri daripada bekas pekerja PCCL, PERKESO, Lembaga Hasil Dalam Negeri dan KWSP dengan jumlah tuntutan sebanyak RM18 juta. Selaras dengan peruntukan seksyen 229(1) Akta Syarikat 1965, PPM telah memperakukan sebanyak RM5.3 juta sahaja, *to be precise* ialah RM5,398,207.72. Dalam tempoh pentadbiran PCCL, MDI telah berjaya membuat penzahiran dan juga penghasilan aset syarikat sebanyak RM5.9 juta, *to be precise* iaitu RM5,914,527.51. Jumlah tersebut telah dihasilkan melalui kutipan bagi wang simpanan syarikat dari lima buah bank sebanyak RM2.8 juta ataupun RM2,859,161.72. Penjualan aset syarikat sebanyak RM1,963,790.20 dan faedah pelaburan sebanyak RM1,043,412.43 dan lain-lain terimaan seperti jumlah terakur daripada pihak penghutang syarikat sebanyak RM48,163.16.

Dari jumlah penghasilan tersebut, MDI telah membuat pengagihan kepada semua pemiutang yang telah diperakukan. Tuntutan mereka seperti berikut, pada tahun 1989 dan 1990 melalui perintah mahkamah bertarikh 12 Julai 1989, tuntutan bayaran keutamaan di bawah seksyen 292 (1)(b) Akta Syarikat 1965 iaitu RM1,500 gaji yang diterima oleh semua bekas pekerja telah dibayar kepada 780 bekas pekerja kesemuanya yang berjumlah RM1,400,829.70. Pada tahun 2001, pembayaran ke atas hutang keutamaan di bawah seksyen 292(f) dan (e) ialah sebanyak RM1,373,834.93. Pada tahun 2004, dividen pertama sebanyak 7.54 peratus telah dibayar kepada pemiutang tidak bercagar termasuk baki tuntutan bekas pekerja yang dibayar secara pari pasu ataupun sama rata kepada 26 pemiutang dan 910 bekas pekerja secara keseluruhannya berjumlah RM1,963,232.02.

Pada tahun 2010, pembayaran dividen kedua, dan juga terakhir sebanyak 3.99 peratus telah dibayar kepada 26 pemiutang tidak bercagar, dan 910 bekas pekerja yang keseluruhannya berjumlah RM1,56,311.07 sen.

■1510

Berkenaan dengan simpanan tetap, jumlah sebenar pelaburan yang dibuat oleh pihak MDI sepanjang pentadbiran kes ialah sebanyak RM3,830,000 dengan pulangan faedah sebanyak RM1,43,412.43 dan pelaburan ini dibuat selaras dengan seksyen 285, Akta Syarikat 1965. Oleh itu, tidak timbul sebarang isu mengenai bayaran faedah *lay-off* yang tidak menyebelahi pekerja PCCL kerana MDI telah melunaskan semua tuntutan gaji pekerja, bonus, faedah, penempatan kerja dan juga bayaran ganti rugi secara *pari passu*, selaras dengan peruntukan yang ditetapkan oleh undang-undang syarikat.

Pentadbiran hal ehwal penggulangan PCCL telah dilaksanakan dengan sempurna dan PPM akan memfailkan permohonan di mahkamah untuk pelepasan PPM sebagai pelikuidasi syarikat dan PCL dibubarkan, *dissolved* dengan izin, selaras dengan seksyen 239, Akta Syarikat 1965.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, satu isu lagi yang saya ingin bangkit sebelum saya tamat ialah mengenai isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Doris Sophia yang ingin mengetahui sama ada kerajaan menyediakan bantuan guaman kepada mangsa keldai dadah. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK) telah diperbadankan pada 25 Januari 2011 sebagai suatu syarikat khairat iaitu *charitable company* di mana Akta Syarikat 1965, dan telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 25 Februari 2011. Objektif penubuhan YBGK ini adalah untuk memberi bantuan dan nasihat guaman dalam perkara jenayah kepada semua warganegara Malaysia di peringkat tangkapan, reman, permohonan jaminan atau percbaraan.

Untuk mendapatkan ujian kemampuan, pemohon hanya akan ditanya dan dijajarkan untuk menentukan kelayakan orang yang akan menerima bantuan guaman bagi peringkat percbaraan di mahkamah. Ujian kemampuan yang digunakan adalah untuk mereka yang berpendapatan tidak lebih daripada RM25,000 setahun, atau mereka yang berpendapatan melebihi RM25,000 setahun tetapi tidak melebihi RM36,000 setahun, dan akan dikenakan bayaran sebanyak RM300. Walau bagaimanapun, YBGK tidak menyediakan bantuan guaman kepada tertuduh dalam kes yang melibatkan hukuman mati mandatori kerana khidmat tersebut telah disediakan melalui *assign council*, dengan izin.

Untuk makluman Yang Berhormat, YBGK tidak menyediakan nasihat dan juga bantuan guaman kepada keldai dadah yang ditahan di luar negara.

Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja yang saya rasa yang saya dapat jawab dan perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, di mana saya tidak sempat menjawab, saya akan memberi jawapan bertulis...

Tuan Khoo Soo Seang: Yang Berhormat Menteri, boleh minta tanya?

Datuk Liew Vui Keong: Okey.

Tuan Khoo Soo Seang: Semalam dalam perbahasan saya, saya ada bangkitkan minta kerajaan timbang semula untuk memulihkan Akta Perkhidmatan Parlimen, dan apakah pandangan Menteri?

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator. Mengenai Akta Parlimen yang telah pun ditanya oleh Yang Berhormat Senator, untuk maklumat Yang Berhormat, akta ini telah pun dikaji oleh Jawatankuasa Pembaharuan Undang-undang yang diketuai oleh saya, dan isu ini masih lagi dalam peringkat awal, di mana kami telah pun memberikan rujukan khas kepada beberapa universiti, dan juga terlibat dengan beberapa agensi di mana kami kena mendapatkan pandangan dan juga hasil *research* mereka dalam isu-isu berkenaan, dan selepas itu akan memberi maklumat seterusnya kepada pihak kementerian, sama ada akta yang dibangkitkan mengenai *Parliamentary Privileges* dan semuanya, akan dikemukakan kepada Yang Berhormat...

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Datuk Menteri, satu perkara semasa Parlimen. Datuk Menteri, pagi tadi sebelum saya datang ke Parlimen, saya buka komputer dan melawat *website* Parlimen di mana saya nampak soalan-soalan untuk hari ini tidak dipamerkan di situ. Saya nampak hanya soalan pada 13 Disember dipamerkan. Jadi semalam dan hari ini tidak di *update*. Kenapa *website* ini tidak di *update* sebab sebelum kami keluar, kami mesti sediakan soalan tambahan begitu tapi maklumat ini tidak di *update* dalam *Parliament Website*. Terima kasih.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator dan juga atas keprihatinan Yang Berhormat.

Untuk makluman Yang Berhormat, saya akan maklum kepada pihak Sekretariat Parlimen untuk memastikan bahawa maklumat-maklumat yang terkini akan kita siarkan dalam laman web rasmi Parlimen, dan juga seperti Yang Berhormat sedia maklum bahawa kita dalam proses untuk menambahbaikkan Parlimen, Dewan yang di sebelah situ dan yang ada di sini ialah sementara sahaja.

Jadi saya rasa dalam proses kita menambahbaikkan Parlimen yang moden nanti, isu-isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat mengenai *defect* atau apa-apa, dapat diatasi nanti. Terima kasih.

Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua Yang Berhormat yang telah pun mengambil peranan dalam perbahasan ini yang telah pun menyentuh isu-isu mengenai Jabatan Perdana Menteri. Dengan itu saya ucapkan sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Minta Yang Berhormat Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy untuk menjawab.

3.19 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy]: Salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Usul Rang Undang-undang Perbekalan 2012.

Pada kesempatan ini saya ingin menjelaskan perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh bidang tugas Jabatan Perdana Menteri khususnya melibatkan Unit Perancangan Ekonomi, Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Unit Kerjasama Awam-Swasta atau UKAS, Jabatan Perangkaan Malaysia dan 1MDB. Antara perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat adalah berkaitan isu-isu pengagihan, pembangunan projek kerajaan, kerjasama awam-swasta dan maklumat perangkaan.

Tuan Yang di-Pertua, 17 isu telah dibincangkan oleh 15 Ahli Yang Berhormat. Saya ucapkan terima kasih kepada mereka.

■ 1520

Izinkan saya memulakan jawapan bagi isu-isu pengagihan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali telah membangkitkan isu arah aliran akan bertambah besarnya jurang perbezaan dalam pengagihan pendapatan di Malaysia dan pekali Gini dengan izin, *Gini coefficients* yang masih tinggi lagi iaitu di sekitar 0.462. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, jurang ketaksamaan pendapatan dan ketidakseimbangan keseluruhan terus bertambah baik.

Pekali Gini berkurangan daripada 0.505 pada tahun 1980 kepada 0.442 pada tahun 1990 tetapi meningkat sedikit pada 0.462 pada tahun 2004. Bagaimanapun, pekali ini telah berjaya dikurangkan semula kepada 0.441 pada tahun 2009. Nisbah ketaksamaan pendapatan antara bandar dan luar bandar juga bertambah baik dengan pengurangan nisbah ketaksamaan pendapatan daripada 1:2.4 ratio 1:2 kepada 1.4 kepada 1:1.85 pada tempoh yang sama. Meskipun jurang ketaksamaan pendapatan telah berjaya dikurangkan, kerajaan terus berusaha untuk memperbaiki lagi corak agihan pendapatan yang lebih saksama. Antara lain ialah melalui tumpuan yang lebih besar diberikan kepada isi rumah, berpendapatan 40 peratus terendah termasuk di bandar dan di luar bandar.

Antara program berkenaan termasuklah Program Peningkatan Kapasiti bagi menyediakan kemahiran kepada golongan berpendapatan rendah untuk meningkatkan potensi mereka dalam meningkatkan pendapatan dan kualiti hidup. Program-program lain termasuk program membangunkan perniagaan kecil menerusi bantuan kredit mikro, khidmat nasihat dan latihan keusahawanan, pembinaan premis perniagaan, program-program ekonomi dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan juga melaksanakan pelbagai aktiviti lain seperti program bantuan rumah dan sewa rumah, saham amanah serta bantuan kemasukan ke sekolah bagi kanak-kanak sekolah. Kerajaan juga turut melaksanakan program-program pembangunan modal insan serta latihan kemahiran dalam bidang-bidang tertentu sebagai usaha untuk meningkatkan kapasiti dan *employability* dengan izin, kepada golongan lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi adalah satu perkara yang begitu penting sekali. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana Yang Berhormat sejak saya jadi Timbalan Menteri di sini, selalu membawa isu-isu ini - jurang perbezaan antara kaya miskin.

Izin saya mengatakan bahawa Model Baru Ekonomi diwujudkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita memang membawa kepada isu induk ini. Apa gunanya kita semakin kaya, kalau hanya segelintir sahaja masyarakat sahaja dapat menikmatinya. Maka itu sebabnya kita nampak ada tiga perkara induk. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya lebankannya sedikit ataupun jelas sedikit kerana banyak Yang Berhormat menanyakan mengenai perkara ini. So, sekali gus saya memberi satu penerangan supaya saya tidak perlu ulang balik.

Pertama itu adalah Program Transformasi Kerajaan (GTP). Dua perkara yang menjadi induk daripada tujuh ataupun tiga perkara yang menjadi daripada tujuh perkara yang penting dalam ETP adalah pertama, infrastruktur asas luar bandar (*rural infrastructure*) elektrik, air dan jalan khususnya Sabah, Sarawak, Kelantan dan Orang Asli menjadi fokus supaya *Gini coefficient* akan dapat dikurangkan. Terima kasih kepada Yang Berhormat.

Kedua, ini adalah iaitu pendapatan, *low household income*. Bagaimana kita boleh meningkatkannya? Maka pelbagai makmal telah dibuat untuk mencari *out of the box ideas*, bagaimana kita boleh memperkasakan pendapatan golongan yang rendah ini.

Ketiga, baru-baru ini adalah mengenai inflasi. Satu lagi inflasi kerana harga semakin melambung dan orang yang paling tertekan ialah golongan bawahan yang berpendapatan rendah. Bagaimana kita boleh membantu golongan di bawah mengawal harga supaya perkara ini tidak akan memberi tempas kesan kepada golongan-golongan ini. Selain daripada itu, sambil kita memberi mudarat kepada golongan-golongan secara langsung, kita pula membina kapasiti untuk orang ramai menjana pendapatan. Ini adalah ETP. ETP dua belas sektor contohnya *Greater Kuala Lumpur*. Oleh kerana migrasi yang berlaku dengan begitu serius daripada luar bandar ke bandar, kemiskinan merupakan satu perkara yang penting di bandar yang perlu ditangani. Baik dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *urban poverty is equally important then rural poverty*. Ini membawa kesan sosial yang begitu serius sekali.

Oleh kerana itu *Greater Kuala Lumpur* pula membawa konsep-konsep penjana pendapatan yang penting. Beratus ribu pekerjaan akan dijana melalui projek yang lima utama di Kuala Lumpur itu MRT, *river of life* dengan izin, Sungai Besi 1MDB, *Financial Centre* 1MDB - 75 ekar, dan projek raksasa Sungai Buloh. Dengan adanya projek-projek ini, kita berharap bahawa peluang pekerjaan dapat dijana selain daripada itu kontrak-kontrak kecil dapat ditiris ke bawah. Okey.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Boleh minta laluan? Terima kasih Dato' Timbalan Menteri. Tadi Dato' Timbalan Menteri beritahu bahawa beratus-ratus ribu kerja akan diwujudkan. Saya nampak tiap kali kerja-kerja diwujudkan, pendatang asing sahaja yang naik. Akan tetapi orang-orang Malaysia masih di keadaan yang sama. Semua projek yang diwujudkan, yang kerja ialah semua pendatang asing. Adakah apa yang dikatakan oleh Dato' bahawa 100,000 adakah khusus untuk rakyat Malaysia? Terima kasih.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Terima kasih Yang Berhormat yang bernada sinis. Tuan Yang di-Pertua, saya terima pandangan itu dengan baik. Itu sebabnya kenapa kita ada jutaan pekerja asing. Satu, ketidakupayaan rakyat tempatan merebut peluang dan satu lagi ialah tahap kemahiran dan kebolehpasaran (*employability*). Ketiga ialah modal insan kita mestilah bersedia untuk bekerja dalam peringkat yang lebih tinggi (*high level income earnings job*). Maka itu sebabnya kalau kita tengok projek-projek yang telah di *visualised* adalah projek-projek yang melibatkan kemahiran tinggi. Kita ke arah tiga konsep, satu keterangkuman (*inclusiveness*), kedua pendapatan tinggi USD15,000 sasaran 2020 di mana negara kita akan dijamin sebagai negara berpendapatan tinggi.

Dalam konteks itu, kerja yang kita tawarkan mestilah kerja-kerja yang boleh mengupayakan rakyat mempunyai kemahiran-kemahiran tertentu. Itu sebabnya kita pergi ke *high-tech jobs*, *high value jobs* kerana bawah itu kita kena *move forward towards advanced job creation*. Itu sebabnya sekarang rakyat Malaysia kita Talent Corp diwujudkan dan juga pelbagai mekanisme diwujudkan untuk... [Disampuk] Nanti dahulu Yang Berhormat saya habiskan. Yang Berhormat. Saya tidak mengizinkan sebelum saya habiskan.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Dato' tidak menjawab soalan saya.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Saya habiskan dahulu baru saya izinkan. Terima kasih. *Sorry* sir. Baik so maka kita kena sediakan modal insan yang boleh kerja. Kenapa kita contohnya saya dengarlah bila saya buat seminar baru-baru ini mengenai *Greater Kuala Lumpur*, kerja-kerja *engineering*, kerja-kerja *consultancy* yang ditawarkan. Saya dengar kita tidak ada konsultan yang mencukupi untuk mengisi kerja-kerja yang sedia ada. 30 peratus mungkin, hanya 12 peratus sahaja yang sedia ada bererti kita ada kekurangan dalam *specialization*. Balik kepada soalan Yang Berhormat katakan ramai pekerja asing ditawarkan pekerjaan daripada pekerja-pekerja tempatan.

Saya akui bahawa syarikat-syarikat perlu mengambil tanggungjawab, jangan cuba memberi kerja dengan gaji yang murah supaya hendak untung keterlaluan dan mengetepikan pekerja-pekerja yang tidak berkemahiran dan rakyat tempatan. Pemantauan itu mesti tetap akan berlaku kerana ini memang satu *concern* dalam *lab* yang baru dibincang bahawa kita tidak boleh menganaktirikan atau kera di hutan disusui, anak mati kelaparan. Seperti yang saya katakan kepada ustaz kelmarin. Memang itu tidak akan kita-itu kita akan jamin. Kita akan cuba sedaya upaya. Okey. *That is why I said hold on first*. Saya akan habiskan jawapan itu. Baik.

■1530

Selain daripada itu, perkara-perkara selain daripada ETP, koridor. Sekarang kita ada lima koridor utama iaitu SDC, SCORE, Iskandar, Koridor Utara dan Koridor Timur supaya pembangunan tidak hanya berpusat kepada bandar. Ia ada pengagihan kawasan, pembangunan wilayah, supaya golongan miskin di luar bandar pun dapat menikmati pembangunan secara *centrifugal* dan kesannya dapat ditempiasi ke tepi. Itulah dia punya fokus, maka menyeluruh. Maka, kita kena lihat daripada perspektif itu dan menyediakan populasi kita untuk menyambut segala peluang yang sedia ada. Itulah kita punya hala tuju.

Yang Berhormat Dato' Mustafa Kamal bin Mohd Yusoff telah membangkitkan isu mengenai pengurusan Program Pembasmian Kemiskinan di bawah Unit Penyelarasan Pelaksanaan JPM yang telah melibatkan peruntukan sebanyak RM691.52 juta pada tahun 2010. Saya ucapkan terima kasih kerana beliau telah mengambil data ini daripada Laporan Ketua Audit 2010.

Untuk makluman Yang Berhormat, kegagalan yang dimaksudkan adalah 54.4 peratus daripada 37 projek yang bernilai hanya RM28.37 juta daripada 68 projek yang diaudit yang dinilai keseluruhannya RM29.43 juta. Maksudnya mengelirukan sedikit. Saya ceritakanlah. Okey.

Dalam laporan itu Tuan Yang di-Pertua, dalam bidang ekonomi ada banyak. Daripada 691.52 projek ini, ada banyak jenis projek yang telah dilaksanakan. Salah satu daripadanya ialah ekonomi. Selain daripada itu adalah bantuan kewangan, baiki perumahan dan sebagainya. Salah satu daripadanya adalah bantuan ekonomi. Dalam bantuan ekonomi daripada 600 lebih juta itu, hanya 159.3 juta telah digunakan untuk itu. Daripada 159.3 juta itu, audit telah dijalankan terhadap 18 peratus projek kerana dia buat *random sampling* untuk buat audit. Daripada 18 peratus projek itu iaitu berjumlah RM29.4 juta, didapati 54 projek gagal. Maka, kita terima kelemahan ini dan dari segi *overall project*, 3,223 projek, memang prestasinya boleh menggalakkan tetapi projek-projek ini mereka fokus kepada projek-projek yang ada masalah. Maka, kita mengakui bahawa untuk makluman Yang Berhormat, perkara ini telah dibangkitkan. Siasatan telah dilakukan untuk melihat apakah kelemahan-kelemahan dan apakah cara-cara untuk kita memperkasakan untuk *Rolling Plan* seterusnya.

Yang Berhormat Tuan Ahmad bin Hussin telah menyarankan agar kerajaan mengkaji semula sistem meritokrasi kerana ia adalah bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan dan tidak boleh menguntungkan orang Melayu. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, di bawah Perkara 153, Perlembagaan Persekutuan telah diperuntukkan kedudukan istimewa orang Melayu dan kaum bumiputera di Sabah dan Sarawak. Pendekatan meritokrasi akan memperkukuhkan lagi penyertaan orang Melayu dalam sektor ekonomi sekali gus membuktikan keupayaan orang Melayu untuk bersua daya. Sua daya, berdiri atas kaki sendiri tanpa mengharapkan bantuan kerajaan. Secara umumnya, prinsip meritokrasi yang akan diamalkan bermula dengan mewujudkan persaingan di kalangan kaum bumiputera terlebih dahulu.

Di kalangan intra, sebelum inter. Ini akan membolehkan bumiputera yang benar-benar layak diberi peluang untuk memperoleh kontrak dan berusaha memperkukuhkan kapasiti supaya berupaya bersaing dengan usahawan lain di pasaran terbuka pada masa hadapan. Pendekatan ini juga adalah selaras dengan pendekatan tiga prinsip bagi menyokong matlamat pembangunan negara iaitu mesra pasaran iaitu, dengan izin, *market friendly*, berdasarkan keperluan, *need based*, dengan izin dan ketelusan, *transparency*, dengan izin, bagi melahirkan masyarakat bumiputera, khususnya kaum Melayu yang berdaya maju dan berdaya saing seiring dengan hasrat kerajaan untuk mencapai status negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Model Ekonomi Baru juga baru-baru ini Perdana Menteri telah mewujudkan tiga mekanisme atau dua mekanisme, khusus untuk kaum bumiputera iaitu EKUINAS dan TERAJU. Di dalam TERAJU, 1,100 syarikat atau usahawan akan di *hand hold*, dengan izin, supaya mereka boleh maju dari peringkat bawahan ke peringkat pertengahan dan dari peringkat pertengahan ke peringkat atasan. Maka, TEKUN juga telah digunakan secara meluas untuk beri *micro credit*. Untuk EKUINAS, orang syarikat-syarikat bumiputera untuk teraju kepada orang pertengahan, usahawan dan untuk yang bawah itu ialah *micro credit* iaitu TEKUN.

Yang Berhormat Dato' Sri Dr. Mohd. Effendi bin Norwawi turut menyarankan kerajaan untuk menubuhkan satu unit khas ala Pemandu khusus untuk membantu golongan *bottom 40* peratus. Okey. Ini selaras dengan Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali yang telah membawa isu mengenainya. Selain satu kajian dilakukan mengenai permasalahan golongan berkenaan yang ketinggalan dan pendekatan bagi mengatasi perkara tersebut. Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Dasar Pembangunan Inklusif di bawah Rancangan Malaysia Ke-10, memberi tumpuan lebih besar kepada usaha meningkatkan kapasiti dan potensi bagi membantu isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah untuk meningkatkan pendapatan dan kualiti hidup.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya teruskan jawapan ini, saya hendak katakan bahawa definisi isi rumah berpendapatan 40 peratus ke bawah adalah RM2,300 ke bawah. So, kita telah ubah definisi. Kalau dahulunya, kita ada katakan sekarang miskin tegar, miskin dan tekanan kewangan, *financially stress families*. Kita ada konsep 2,300. So, 2,300 sendiri adalah satu tahap yang telah ditingkatkan. Itu sebab dalam bajet baru-baru ini, RM3,000 ke bawah dapat RM500 iaitu BR1M, Bantuan Rumah 1Malaysia dan pelajar-pelajar sekolah dapat RM100. Pelajar universiti dapat RM200 untuk beli buku dan sebagainya. Maka, dalam konteks ini, definisi itu telah diubahsuai pada tahun ini, tahun lalu. So, ini sendiri akan membawa kepada peringkat yang lebih tinggi.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, inisiatif dan program bagi membantu golongan ini dijangkakan berdasarkan kajian dan input bersama kementerian dan agensi-agensi yang terlibat dalam membantu isi rumah miskin dan berpendapatan rendah. Dalam hal ini, kerajaan mengalu-alukan cadangan Yang Berhormat supaya ditubuhkan satu unit khas ala Pemandu khusus untuk membantu golongan bawah 40 peratus ini. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat. Langkah ini adalah selaras dengan usaha kerajaan memberi fokus yang lebih besar kepada golongan tersebut. Kerajaan akan memberi perhatian kepada cadangan dengan mengambil kira sistem dan mekanisme yang sedia ada agar tidak berlaku pertindihan. Selaras dengan matlamat meningkatkan kecekapan sistem dan mekanisme membantu golongan ini.

Sehubungan itu, kerajaan juga akan mengkaji permasalahan yang dihadapi bagi membantu penggubalan dasar dan program yang sesuai serta berkesan mengikut keperluan golongan tersebut.

Saya telah ceritakan tadi mengenai usaha-usaha yang telah dibuat oleh kerajaan melalui GTP, ETP dan sebagainya. Saya hanya hendak tambah sedikit. Baru-baru ini selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, Perdana Menteri telah melihat bahawa kadang-kadang perkara ada golongan-golongan yang tertinggal daripada sasaran GTP, ETP. Maka, diperkenalkan BR1M, yang RM500. *Direct* kerana apabila kita beri pembangunan di peringkat atasan, contohnya *Greater Kuala Lumpur*, projek-projek raksasa yang diumumkan, ia mungkin mengambil masa tetapi tekanan inflasi di peringkat akar umbi masih berdenyut. Dalam keadaan ini, kita kena beri putaran kewangan *direct* kepada orang miskin supaya ia boleh meringankan bebanan seharian mereka kerana dalam keadaan inflasi dan dalam keadaan tekanan, mereka ada duit, ringgit Malaysia.

Ini juga akan memutarakan RM10 di bawah bantal tidak berguna tiap orang akan untung 10 sen. *So, it is to revolve the money, to move the money around. That is the international economy*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. *So*, itu sebabnya di peringkat akar umbi Tuan Yang di-Pertua, sekarang kita turunkan wang untuk bantu meringankan dan menggerakkan ekonomi dalam keadaan ekonomi dunia yang semakin bergelora dan pasaran saham terumbang-ambing.

■1540

Pelaburan luar tidak menentu. Keadaan di Eropah, krisis di Itali dan krisis di Greece semakin menekan. US sekarang semakin merangkak-rangkak. Dalam keadaan begini kita kena tengok di mana kita. Itu sebabnya untuk membina negara begitu susah. Akan tetapi senang untuk memporak-perandakannya dengan tohmahan-tohmahan tertentu. Maka saya merayu kepada pihak-pihak, kawan-kawan, rakan-rakan seperjuangan daripada mana-manalah, jangan kita terbawa-bawa perkara-perkara yang belum kita tentu kesahihannya kerana kita perlu melandaskan negara dalam perjuangan yang begitu kukuh untuk mengharungi ribut yang semakin melanda.

Dalam keadaan ini kita ada juga skim latihan untuk graduan yang tidak ada kerja. 8,000, 7,000 orang tidak ada kerja daripada 93,000 orang yang telah graduan pada tahun lalu. Lain semua dapat kerja *so*, bagaimana kita jaga ini? Oleh kerana *unemployment* akan membawa satu kesan yang serius. Di *Egypt unemployment* telah menyebabkan geloranya belia. Maka kita kena jaga mereka. Itu sebab 49 syarikat GLC telah digembleng untuk membuat Skim Latihan 1Malaysia (SL1M) supaya lapan-sembilan bulan, satu tahun dia boleh kerja di situ dan mendapat dia punya kemahiran untuk terus bekerja.

Kita ada Projek Rumah 1Malaysia (PR1MA) di mana harganya RM50,000 lebih rendah daripada harga pasaran. Empat ratus ribu orang graduan baru keluar tidak boleh beli. Baru kahwin tidak boleh beli. Maka kerajaan mahu memberi tanah, minta pemaju-pemaju membina rumah dan jual murah. Maka kerajaan telah membuat 40,000 rumah dahulu. Ini dia. Kemudian Kedai 1Malaysia (KR1M). Pula ada orang tembak macam-macam Tuan Yang di-Pertua. Tujuan niatnya adalah supaya harganya murah. Oleh kerana kita tidak mahu *cartel-cartel* ini memporak-perandakan harga, sehingga melambung-lambung. *So*, kita buat, kalau kita mekanisme penawaran permintaan itu dapat kita harmonikan maka harga itu dapat diberi dengan baik. Itu sebabnya kita adakan Kedai 1Malaysia. Semoga kedai ini akan tersebar luas, supaya orang tengah ini tidak untung lebih.

Kita pula ada sekarang menu, MR1M. menu rakyat pula RM4. Okey semua boleh beli makan supaya ini untuk golongan yang berpendapatan rendah. Inilah rancangan-rancangan yang dibuat untuk memastikan bahawa bebanan rakyat dapat dikurangkan. Saya panjang lebar menjawab Tuan Yang di-Pertua minta maaf kerana saya rasa soalan daripada dua orang pemimpin Ahli Yang Berhormat ini sangat relevan dalam masa sekarang. Oleh sebab itu 40 peratus itu *we have to take care*, dengan izin, supaya mereka sama-sama menikmati kekayaan negara. Itu denyutan dasar ekonomi baru, dasar pembangunan negara, dasar wawasan negara.

Yang Berhormat Datuk Subbaiyah telah menyentuh isu mengenai pegangan ekuiti India. Yang Berhormat telah mencadangkan agar peluang penyertaan untuk kaum India dalam pakej ekonomi dapat diwujudkan. Yang Berhormat juga mencadangkan agar satu jawatankuasa diwujudkan untuk memantau ekonomi dan pegangan ekuiti kaum India yang akan diterajui oleh seorang Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat kerajaan sememangnya berusaha untuk memastikan semua rakyat menikmati peluang dan dapat menyertai pembangunan ekonomi negara secara saksama. Tuan Yang di-Pertua itu denyutannya model baru ekonomi.

Dalam proses ini kerajaan sedar terdapat rakyat yang tidak berupaya merebut peluang-peluang yang ada. Namun demikian selaras dengan dasar pembangunan *inclusive* di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh. Kumpulan yang bernasib baik ini khususnya isi rumah 40 peratus terendah akan diberi perhatian yang lebih besar termasuk masyarakat India. Inisiatifnya banyak, saya telah bincang tadi Tuan Yang di-Pertua. Itu sebabnya saya mengambil masa untuk lebar tadi kerana banyak orang telah tanya mengenai hal ini.

Antara program-program dan inisiatif yang dilaksanakan oleh masyarakat India adalah menyediakan peluang untuk masyarakat India meningkatkan pemilikan ekuiti melalui pelaksanaan program saham amanah seperti Amanah Saham Malaysia dan Amanah Saham 1Malaysia. Laporan yang baru saya dapat.

Tuan Yang di-Pertua, daripada Permodalan Nasional Berhad (PNB) pada 11 Disember 2011. Amanah Saham Malaysia yang telah ditawarkan oleh kerajaan Malaysia untuk khusus masyarakat India adalah sebanyak RM499.5 juta daripada tahun 2009 telah habis dilanggan, dijual semuanya.

Bagi Amanah Saham 1Malaysia di mana RM1.5 bilion telah diperuntukkan sebanyak 78.5 peratus telah dijual, telah dilanggan iaitu RM1,176.4 juta, tinggal lagi RM321.8 juta sebanyak 21 peratus belum dibeli. Saya mengesyorkan kepada Yang Berhormat pergilah rata-rata, uar-uarkan dan pastikan rakyat membelikannya kerana pulangannya pada tahun ini ialah 6.5 peratus dividen. Amanah Saham 1Malaysia lebih baik daripada bank.

Baru-baru ini saya dengar ada hampir sembilan orang telefon saya Tuan Yang di-Pertua. Dia memberi aduan bahawa bank tidak mahu jual saham-saham ini. Apabila pergi tanya di kaunter, dia kata sudah habis tidak ada. Ini adalah satu yang tidak bertanggungjawab. Saya memohon kepada Bank Negara membuat pemantauan dan memberi amaran yang tegas kepada bank yang sepatutnya bertanggungjawab sosial untuk melaksanakan penjualan amanah saham. Akan tetapi di peringkat akar umbi apabila orang pergi tanya dia kata tidak tahu, tidak ada, habis. Ini salah kerana mereka tidak mahu simpanan deposit mereka dikeluarkan untuk membeli saham ini. Oleh kerana dia bagi 2.6 peratus hingga 3 peratus sahaja untuk *fix deposit* bank. Akan tetapi sini kita dapat 6.5 peratus. Ini adalah selaras dengan wawasan untuk menjadikan ekuiti India 3 peratus. Ini dijanjikan pada tahun 1990, tidak jadi-jadi. So, terbantut sampai sekarang kita hanya 1.6 peratus. Maka ini adalah satu dasar wawasan negara yang perlu dihormati. Jikalau kita harapkan pagar, kalau pagar makan padi, susah..

Puan Chew Lee Giok: Minta laluan, minta laluan. Tuan Yang di-Pertua saya tanya tentang Amanah Saham 1Malaysia yang belum habis dijual. Akan adakah dia akan terbuka untuk semua kaum untuk membelinya? Terima kasih.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Terima kasih Yang Berhormat saya habiskan. Untuk masyarakat India memang, ini hanya untuk masyarakat India sahaja kerana dahulunya memang terbuka. Akan tetapi oleh kerana tiba-tiba RM3 bilion habis dijual. Kadang-kadang bank ini ada dia punya *customer* yang sedia ada. Sebelum satu hari dia sudah siap semua. Esok hari pukul sembilan, habis dijual. Saya masih ingat lagi 72 orang tunggu di luar bank Cameron Highlands pada hari penjualan saham. Pukul 9.15 pagi dia kata sudah habis dijual. Saya rasa tidak masuk akal Tuan Yang di-Pertua. Bagaimana habis semua dijual sedangkan pelancarannya pada hari berkenaan.

Maka oleh kerana ianya dijuruterai itu sebabnya ia ada macam ini. So, saya rasa pergi tanyalah bank-bank berkenaan ataupun PNB. Adakah yang belum dijual itu boleh dilanggan? Tanya kepada Permodalan Nasional Berhad.

Jangan pergi tanya ke bank, mungkin mereka kata sudah habis. Okey, saya kritikal sikit Tuan Yang di-Pertua kerana saya sudah - ini adalah proses untuk mengagihkan kekayaan. Sudahlah kita susah dapat pinjaman. Ini pun susah dapat. Macam mana ini? Inilah perlu diperbetulkan. Maka selain daripada itu program keusahawanan bantuan kewangan turut dilaksanakan dalam menggalakkan masyarakat India dalam bidang keusahawanan seperti Skim Pembangunan Usahawan Muda India (SPUMI). Untuk makluman Yang Berhormat RM35 juta telah diperuntukkan untuk pinjaman ini, untuk orang muda 45 tahun ke bawah. Kita sedang berunding dengan SPUMI untuk meningkatkan kadar umur dan meningkatkan kadar pinjaman supaya mereka boleh lebih banyak.

Baru-baru ini di dalam bajet, Amanah Ikhtiar Malaysia mendapat RM100 juta untuk kaum India khususnya untuk kecil-kecil, ibu-ibu tunggal, orang-orang miskin yang mahu pinjam RM3,000, RM5,000 untuk menjana ekonomi mereka. Di samping itu Tuan Yang di-Pertua, terdapat juga program-program yang dijalankan termasuk program peningkatan pendapatan kualiti hidup isi rumah miskin yang berpendapatan rendah khususnya latihan kemahiran untuk belia India. Kerjasama institusi latihan kemahiran awam, sektor swasta dan badan bukan kerajaan, pinjaman perumahan skim pembiayaan perumahan kos rendah bagi pekerja-pekerja estet. Kita juga ada perancangan dan pelaksanaan program-program pembangunan melalui penubuhan jawatankuasa kabinet masyarakat India yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

Jawatankuasa ini berfungsi untuk memantau dan menggubal dasar dan strategi khusus bagi pembangunan sosial ekonomi masyarakat India meliputi aspek-aspek pendidikan, guna tenaga keusahawanan dan sebagainya. Salah satu contoh Tuan Yang di-Pertua, kempen MyDaftar telah dijalankan oleh Jawatankuasa Kabinet melalui pasukan petugas khas pelaksana jawatankuasa kabinet untuk mendaftar masyarakat India yang tidak ada kad pengenalan, surat lahir, kewarganegaraan, masalah SOCSO. 14,000 kes telah didaftar seluruh negara. Pada masa akan datang isu-isu dokumen ini dapat diselesaikan supaya mereka dapat meneruskan hidup mereka dengan senang.

■1550

Saya ucapkan terima kasihlah kepada cadangan Yang Berhormat untuk mengadakan jawatankuasa khas untuk peningkatan ekuiti India dari 1.6 peratus sekarang kepada 3 peratus menjelang tahun 2020. Cadangan ini akan kami bawa supaya dapat dipertimbangkan.

Tuan Yang di-Pertua, isu pembangunan projek kerajaan juga telah menjadi isu yang penting. Saya ingin menjelaskan isu berhubung kualiti kerja dan pemantauan Projek Penyelenggaraan Infrastruktur Awam (PIA) dan Projek Infrastruktur Asas (PIAS) seperti yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Ng Fook Heng.

Pada keseluruhannya kerajaan berpuas hati dengan kualiti kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor Projek PIA dan PIAS walaupun kita mengakui bagi peringkat akar umbi masih ada permasalahannya. Kontraktor yang layak untuk menyertai proses perolehan projek berkenaan dipilih melalui Jawatankuasa Pemilihan Kontraktor dan Projek JPPK yang diwakili oleh Jabatan Kerja Raya, Jabatan Pembangunan Persekutuan, Pejabat Pembangunan Negeri, Pejabat Residen - ini hanya Sarawak sahaja Tuan Yang di-Pertua, saya fikir Tuan Yang di-Pertua sedia maklumlah dan pejabat daerah.

Pelaksanaan projek oleh kontraktor ini dipantau oleh JKR, Jabatan Pembangunan Persekutuan, Pejabat Pembangunan Negeri dan Pejabat Presiden serta Pejabat Daerah yang terlibat. Projek yang dilaksanakan ini mempunyai tempoh tanggungan kecacatan 6 hingga 12 bulan daripada tarikh kerja diperakukan. Maka sekiranya ada permasalahan dialu-alukan Yang Berhormat untuk membuat pelaporan kepada pihak-pihak berkenaan supaya dapat direkodkan.

Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman telah menyarankan agar kerajaan mengenal pasti *Key Performance Indicators* (KPI) bagi memantau projek-projek yang dibiayai oleh kerajaan terutamanya yang melibatkan projek-projek pembaikan dan penyelenggaraan supaya ia mencapai objektif yang telah ditetapkan. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pihak kerajaan telah menetapkan KPI untuk pegawai pengawal yang terdiri daripada KSU iaitu ketua-ketua setiausaha kementerian dalam melaksanakan projek-projek pembangunan. Ini salah satu hala tuju model baru ekonomi di mana mereka sama-sama dengan PEMANDU akan duduk sama bincang dengan agensi-agensis terlibat untuk merangka KPI. Antara KPI ada empat yang utama yang telah ditetapkan dalam pelaksanaan projek pembangunan.

- (i) purata perbelanjaan pembangunan kementerian hendaklah tidak kurang daripada purata perbelanjaan nasional, KPI 1;
- (ii) prestasi fizikal projek, lewat jadual dan tidak melebihi 11 peratus daripada keseluruhan bilangan projek;
- (iii) sebanyak 70 peratus projek siap hendaklah mencapai *outcome* yang telah ditetapkan; dan
- (iv) 80 peratus program dan projek kementerian serta agensi mematuhi *best practices* dengan izin, dalam pengurusan projek.

Itulah KPI yang telah diletakkan pula. Prestasi KKSU pula akan dinilai dan dipantau oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Percayalah Yang Berhormat, dalam iklim sekarang hala tuju Perdana Menteri tidak boleh main-main lagi. Ia bukan senang, macam-macam sekarang.

Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman juga telah menyentuh isu mengenai faedah penduduk Langkawi dalam Pelan Induk Lima Tahun Pelancongan Langkawi.

Baik, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat *blueprint* pelancongan Langkawi telah dirangka bagi melakar corak pembangunan Pulau Langkawi untuk menjadi antara sepuluh destinasi pelancongan dan ekopelancongan terbaik menjelang tahun 2015 tanpa meminggirkan keperluan masyarakat tempatan. Hasil perbincangan bersama pihak-pihak berkepentingan sejumlah 14 inisiatif telah dibangunkan merentasi tiga tema utama iaitu produk, infrastruktur dan pemboleh daya. Pelaksanaan *blueprint* dijangka akan memacu pertumbuhan hasil pelancongan Langkawi sebanyak 14 peratus setahun iaitu daripada RM1.9 bilion pada tahun 2010 kepada RM3.8 bilion pada tahun 2015. Pendapatan negara kasar bagi pelancong dan aktiviti berkaitan pelancongan di Langkawi pula dijangka meningkat daripada RM800 juta pada tahun 2010 kepada RM1.9 bilion pada tahun 2015.

Sejumlah 4,200 tambahan peluang pekerjaan dijangka akan dapat diwujudkan bagi penduduk Langkawi menjelang 2015. Pelaksanaan *blueprint* juga bakal memberi limpahan ekonomi kepada penduduk melalui pelbagai sektor yang sedia ada seperti penginapan, restoran, premis, hiburan bertaraf mewah. Bagi petani dan nelayan tempatan pula *blueprint* juga menawarkan Program Penanaman Kontrak Padi Mas Wangi yang dijangkakan sekarang produktiviti nilainya adalah RM4,800 sehektar. Dijangkakan tahun depan Mas Wangi ini akan dapat memberi pulangan RM11,000 sehektar, dua kali ganda.

Baik, seterusnya Yang Berhormat Datuk Abdul Rahman bin Bakar pula menyarankan agar pembangunan di tapak pangkalan udara TUDM Sungai Besi dilaksanakan dengan teratur dan canggih dari aspek pembangunan fizikal dan melibatkan semua kaum. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana minta terhadap projek 1MDB. Ini kerana perkara ini banyak mendapat perhatian di media dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat. Ingin saya mengatakan bahawa 1MDB merupakan pemaju induk dengan izin, *master developer*. *Master developer* ini samalah macam Iskandar Malaysia yang sekarang memajukan Selatan Johor, okey.

Untuk makluman Yang Berhormat, 1MDB telah diberi mandat untuk pembangunan semula Projek Pangkalan Udara (TUDM) Sungai Besi yang dikenali sebagai Bandar Malaysia - saya percaya suatu hari nanti ianya akan jadi seperti Bukit Bintang. Sebagai pemilik tanah pembangunan tersebut, 1MDB juga akan menerajui, merancang, melaksana, dan menguruskan pembangun yang meliputi pembangunan yang meliputi pembangunan komprehensif seluas 495 ekar yang akan mempromosikan *livability*. Apa ini *livability* ini? Ramai orang tidak faham *livability* ini.

Ia punya perumahan, pengangkutan, infrastruktur, *amenity*, *amenity social*, sekolah, kemudahan kesihatan, *parkingnya*, kemudahan awam seperti perpustakaan bertaraf antarabangsa, *higher institution of learning*, dengan izin, *sport*, *shopping* semuanya ada, in-situ tidak perlu keluar mana. Dia duduk di situ, di situ dia hidup dengan baik dan senang lenang. Itulah konsepnya.

Baik, dengan ciri utamanya iaitu *greater* Kuala Lumpur dia akan disebatkan *integrator* Kuala Lumpur. Maka ianya adalah merupakan satu pembangunan bersepadu, mengimbangi konsep hidup dan kerjaya. Perumahan mampu milik akan dibangunkan dalam bandar Malaysia yang terbuka kepada semua kaum dan mencerminkan masyarakat yang terangkum seiring dengan konsep 1Malaysia. Projek Rumah Mampu Milik 1MDB di Sungai besi dijangka bermula tahun depan. So tolonglah beritahu kepada orang-orang muda siapa-siapa yang layak untuk mohon dan bersiap sedia.

Bagi memastikan Projek Bandar Malaysia dilaksanakan dengan teratur dan tersusun, pertumbuhan perancangan Malaysia MIP sedang menganjurkan pertandingan reka bentuk antarabangsa bagi pihak 1MDB. Pertandingan ini antarabangsa, kini di peringkat pra kelayakan dan hasil daripada pertandingan ini akan dijadikan asas pembangunan bandar Malaysia sama seperti *reward of life* di mana lima orang telah mengemukakan pelan mereka dan juga pembangunan mereka dan salah satu telah dipilih. Sama juga 1MDB akan ditawarkan melalui pada pertandingan antarabangsa ini.

Baik isu kerjasama awam swasta juga telah dibangkitkan. Saya ingin menjawab soalan Yang Berhormat Dato' Hajah Zaitun binti Mat yang ingin mengetahui mengapa kerajaan masih menanggung pampasan tol. Tol ini dahulu selalunya Dato' Seri Samy Vellu yang jawab, sekarang saya jawab sedikitlah, ya. Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon sudah gelak. Saya punya bekas presiden, mantan presiden saya.

■1600

Kawan baik kepada Tan Sri Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon. Ya, saya bergurau sedikit Dato' kerana pembentangan ini kadang-kadang menjemukan. So, kita putus-putuskan sedikit supaya menceriakan suasana.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Baik, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan perlu membayar pampasan kepada syarikat konsesi kerana tidak ingin membenarkan syarikat menaikkan tol pada kadar yang telah dipersetujui dalam perjanjian konsesi.

Walaupun demikian, kerajaan telah mengadakan perbincangan dengan beberapa buah syarikat konsesi untuk menstrukturkan semula kadar tol dalam perjanjian konsesi masing-masing bagi mengurangkan bebanan kewangan kerajaan berhubung pampasan tol.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjelaskan juga isu yang disentuh oleh Yang Berhormat Senator Tuan Subramaniam a/l Veruthasalam yang ingin meminta kerajaan mengkaji semula projek konsesi kerajaan seperti konsesi tol dan lain-lain kerana menampakkan berat sebelah. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kerajaan sentiasa mengkaji dan menambah baik dan memperkemaskan terma dan syarat-syarat perjanjian konsesi yang diperuntukkan bagi projek lebuhraya. Di antara terma dan syarat yang telah diperkemas baru-baru ini Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah memohon dan membuat keputusan supaya tidak menaikkan tol mengikut terma-terma konsesi yang sedia ada setiap tiga tahun. Ini kerana melihat bebanan rakyat semakin mendalam.

Maka dalam konsep itu, mereka telah buat *renegotiation*, dengan izin supaya syarikat-syarikat itu faham bebanan rakyat, bebanan kerajaan dan *strike a balance*, dengan izin, antara keuntungan dan kepentingan sosial. Baik, antara terma ini yang diperkemas, kerajaan tidak lagi menjamin pinjaman komersial syarikat konsesi. Kedua, pengenalan peruntukan *profit revenue sharing, toll review mechanism*, dengan izin. Tol tidak dinaikkan secara automatik tetapi berdasarkan formula tertentu. Dahulunya ia automatik. Sekarang ada formula tertentu. Peruntukan supaya syarikat konsesi tidak menjalankan perniagaan lain selain konsesi, *ring fencing*. Okey, konsepnya *ring fencing*.

Peruntukan supaya syarikat menaikkan jajaran yang sesak melepasi piawai *level of servicing* dengan pembiayaan sendiri. *At their own cost*, Tuan Yang di-Pertua. Terma dan syarat-syarat yang diperkemas dalam perjanjian-perjanjian konsesi lebuhraya baru yang akan dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh akan datang yang sedang berjalan. Bagi perjanjian-perjanjian konsesi sedia ada yang berkuat kuasa, pihak kerajaan akan merundingkan terma dan syarat-syarat baru ini dengan pihak syarikat supaya dimasukkan dalam peruntukan perjanjian konsesi masing-masing. So, untuk makluman Yang Berhormat, usaha sedang banyak dibuat untuk perkara ini.

Yang Berhormat Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah telah membangkitkan isu mengenai tiadanya *golden share* kerajaan dalam struktur ekuiti penswastan kerja pracetak, reka bentuk, atur huruf, percetakan, pengedaran dan pemasaran Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) kepada DAWAMA Sdn. Bhd. pada tahun 2002. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, bukan semua perjanjian konsesi penswastan mensyaratkan satu saham khas kerajaan *golden share* dalam struktur ekonomi syarikat konsesi.

Hanya projek-projek penswastan yang melibatkan aset dan perniagaan strategik sahaja yang disyaratkan satu *golden share* kerajaan. Contohnya, penswastan pelabuhan, penswastan lapangan terbang yang ada perniagaan strategik tetapi yang ini adalah satu cawangan di bawah DBP. Untuk itu, apakah sebabnya kita buat ini? Ini kerana *cost saving*, dengan izin, *efficiency*...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Mohon mencelah.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya rasa semangat daripada soalan atau isu yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Dato' Mohammed Najeeb itu ialah walaupun dia menyebut tentang *golden share* di pihak kerajaan tetapi semangat daripada soalan itu ialah mengapakah projek penswastaan itu pada masa ini menghadapi masalah? Jadi, saya rasa, tumpuan jawapan yang sepatutnya Yang Berhormat Timbalan Menteri berikan ialah bahawa satu projek yang diswastakan ternyata setengah jalan, tidak berjaya dan memberikan kesan yang negatif pada percetakan dan pembekalan buku-buku teks dan majalah-majalah kepada orang ramai. Terima kasih.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Saya mengakui bahawa baru-baru ini dalam Laporan Audit juga telah diwarnakan mengenai masalah ini. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri terlalu prihatin pada perkara ini. Maka, saya rasa salah satu usahanya adalah untuk melihat semula bagaimana kita mengatur kembali segala usaha-usaha sebegini iaitu penswastaan pada perkara-perkara seperti ini. Penswastaan ini dilakukan pada tahun 2002 dan konsesinya akan tamat pada bulan Ogos 2014. Tinggal lagi mungkin satu tahun setengah.

Pertama kita akan melihat semula bagaimana ia dapat diperbetulkan. Sekiranya konsesi tidak berapa sesuai, kita cari satu jalan keluar lain. Maka, pada awalnya, semangat dan denyutannya adalah untuk memastikan bahawa perubahan teknologi begitu pantas dan cepat. Teknologi percetakan itu adalah *very dynamic*, Tuan Yang di-Pertua. Dalam keadaan sebegini saya rasa, konsesi telah dilakukan demi untuk tujuan itu. Maka, saya menerimanya dengan hati yang terbuka mengenai perkara ini dan kami akan membawa perkara-perkara ini supaya dapat kita lihat cara - beberapa usaha lain telah dibuat tetapi untuk ini, kami akan maklumkan supaya ulasan daripada Yang Berhormat itu diambil kira.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator juga telah membangkitkan isu maklumat perangkaan statistik. Yang Berhormat Dato' Syed Ibrahim bin Kader telah menyarankan supaya kerajaan mewujudkan kategori khas untuk kaum India Muslim untuk. Kita punya Presiden KIMMA yang baru dilantik sebagai Senator.

Saya mengucapkan tahniah kepada beliau Tuan Yang di-Pertua. Semasa bajet dilakukan untuk memudahkan urusan seperti penyusunan kuota dan pembahagian biasiswa. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Jabatan Perangkaan Malaysia mengumpul data mengikut etnik dan agama semasa melaksanakan banci penduduk dan perumahan tahun 2010.

So, pada tahun lalu iaitu pada bulan Disember, kita telah mengeluarkan bancian penduduk. Pada bulan Disember ini, pembancian yang lebih terperinci akan keluar. Pada tahun hadapan iaitu pada bulan Jun, akan keluar bancian mengenai ekonomi. So, laporannya akan keluar berperingkat-peringkat tetapi setakat ini Yang Berhormat, data bagi bancian tahun 2010 itu, mendapati sebanyak 1.9 juta etnik India. Daripada itu, sebanyak 4.1 peratus adalah beragama Islam. Itulah. So, hampir 78,702 orang adalah orang India Muslim, okey...

Dato' Syed Ibrahim bin Kader: Saya ingin mencelah sedikit.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Bertanya juga?

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Dato' Syed Ibrahim bin Kader: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak bertanyakan sesuatu, berkenaan dengan konsensus yang dikatakan tadi. Mengikut angka yang kita ada, adalah 674,000 orang India Muslim di Malaysia. Di Jabatan Perangkaan ini memang tidak ada satu jumlah yang dikatakan berapa ramai India Muslim. Sesiapa yang nama dia ini ada 'bin' dan 'binti', dikira dimasukkan dalam orang Melayu dan 'Anak Lelaki dan 'Anak Perempuan', dimasukkan dalam India. So, masyarakat India Muslim, tidak tahu mana mahu pergi, mana satu, sinikah ataupun situ?

So, ini yang satu kekeliruan yang telah pun berlaku. Bukannya satu etnik yang begitu kecil tetapi ini 674,000 orang itu satu bilangan yang besar, yang mana mereka tidak mendapat sebarang peruntukan yang khusus bagi mereka. Tadi yang saya dengar pun Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan tentang masyarakat India.

Akan tetapi India Muslim tidak tahu. Di manakah kita? Adakah kita di ruang masyarakat India ataupun di mana? Itu memang mengelirukan. So, itu sebab untuk ini untuk masa depan. Kita perlu satu angka yang khusus...

Tuan Yang di-Pertua: Okey, Yang Berhormat. Cukup, cukup.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Tuan Yang di-Pertua, saya menyambut baiklah...

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ada soalan lagi.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Satu lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Hendak berikan laluan Yang Berhormat Timbalan Menteri?... Okey, silakan.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya hendak mengetahui bahawa masyarakat India Muslim, bangsanya adakah India atau Melayu? Saya hendak tahu apakah bangsanya, apakah definisi bangsanya? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sebelum saya- sebelum Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab...

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Tidak mengapa, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Saya rasa Dewan ini tidak kisah India Muslimkah, Melayu, Cina, India. Kita 1Malaysia. Semua rakyat Malaysia mengikut konsep 1Malaysia sudah sama. So, tidak perlu kita sebut-sebutkan ini. Persoalannya, sama dapat atau tidak dapat itu, kita bangkitkan. Kita menjurus sekarang ini selalu diperkatakan oleh Yang Amat Berhormat bahawa 1Malaysia sama rata. Tidak ada bezanya. Semua kaum. Sekarang ini, sila bercakap dalam konteks *Malaysian*, rakyat Malaysia. Kurangkan agaknya Cina, India, Melayu dan sebagainya. Menjurus ke 1Malaysia. Teruskan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

■1610

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya minta mereka berbincang bersama dan menyelesaikan masalah.

Tuan Pengerusi: ...Ada yang boleh diselesaikan di luar itu diselesaikan di luar.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Saya meminta supaya Yang Berhormat memberikan maklum balas bahawa semua pihak mendapat bantuan seperti yang dikatakan.

Tuan Pengerusi: Okey Yang Berhormat, teruskan.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: ...Rakyat Malaysia ini.

Tuan Pengerusi: ...Teruskan.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Kepada Yang Berhormat Puan Doris Sophia telah membangkitkan enam perkara berkaitan dengan hasil dan kemajuan banci ataupun kutipan data pada peringkat nasional yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan sekitar Julai 2010. Perkara-perkara tersebut berserta jawapannya adalah berikut ya. Pertama bagaimana banci tersebut dapat menjawab segala tohmahan, bukti dan statistik, saya pun tidak tahu Tuan Yang di-Pertua apakah tohmahan yang dikatakan. Tohmahan mesti dilontarkan merata-rata maka kerja untuk di statistik dibuat mengikut lunas-lunas sedia ada.

Untuk makluman Yang Berhormat, Banci Penduduk dan Perumahan 2010 menghitung penduduk berdasarkan konsep *dejure* ini biasalah di mana mereka ada akan diambil, ia ada dua *defecto*.

Defecto itu pun dia akan tengok *the point of stay*, enam bulan dia di situ itu *point of stay*, so dia menggunakan lunas-lunas yang digunakan di peringkat antarabangsa dan ini bukan satu perkara yang dibuat sewenang-wenangnya, maklumat penduduk adalah mengikut etnik, jantina, taraf kewarganegaraan dan juga berkaitan dengan maklumat penduduk dikutip, juga orang yang bukan warganegara pun dibanci dan banci ini akan menjadi *benchmark* kerana ia akan digunakan sebagai *national-international statistic*, dengan izin, menganggarkan penduduk-penduduk Malaysia dan akan digunakan selama sepuluh tahun iaitu satu dekad seterusnya. Semasa bancian dilaksanakan sebarang isu dan tohmahan yang timbul berkaitan operasi dapat diselesaikan oleh jabatan melalui *media call centre* dengan izin *email* dan surat khabar. Bancian juga merupakan projek yang besar meliputi seluruh Malaysia dan kemungkinan berlakunya ralat liputan dan ralat kandungan.

Untuk makluman Yang Berhormat, sebanyak 33,000 pegawai kontrak telah *digemblengkan* tenaga untuk membuat kajian ini, sebanyak RM200 juta dibelanjakan hanya untuk projek ini, untuk melakukan kajian bancian ini dan latihan telah diberikan kepada pegawai-pegawai seramai 33,000 orang untuk memastikan borang itu dapat diisi dengan baik dan borang ini adalah sebanyak 15 muka surat kerana Yang Berhormat pun tanya saya di mana borang itu, inilah borangnya dan dapat dilihat di dalam *website*, pergi kepada www.statistic.gov.com, you boleh tahu apakah bentuk soalan-soalannya, maka di dalam kandungan itu kita akan tahu bahawa orang lain tidak boleh mengatakan ini tidak betul dan itu tidak betul, saksama.

Bagi memperbaiki kedua-dua ralat ini, penyiasatan penilaian liputan banci telah dijalankan, apabila mereka telah membuat banci dan selepas mereka balik, pegawai khusus akan dihantar untuk membuat *random*, adakah dia betul-betul telah melakukannya, adakah data yang diberikan adalah lebih kurang betul, so ia akan ada *verification*, ini prosesnya.

Kedua, mengenai piawaian yang digunakan, soalan yang kedua piawaian digunakan, banci yang dilaksanakan menggunakan piawaian yang diperakukan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu iaitu dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *Principles and Recommendations For Population and Housing Censuses* versi 2008, kita menggunakan konteks itu.

Ketiga, mengenai data-data yang tersedia untuk rujukan bagi isi rumah termasuk kelahiran dan kematian. Data untuk kelahiran dan kematian diperoleh daripada rekod pendaftaran sivil oleh Jabatan Pendaftaran Negara bukannya diambil begitu sahaja.

Keempat, Yang Berhormat juga telah bertanya adakah maklumat banci ini memberikan manfaat kepada rakyat. Tidak perlu saya jawab Tuan Yang di-Pertua soalan ini, tidakkan tidak digunakan untuk banci hampir RM200 juta digunakan, bukan saya sinis tetapi saya rasa *objectiveness* sedia maklum.

Kelima, berkaitan inti pati ataupun kandungan, apakah topik dan sub topik yang dikumpulkan, tolong pergi ke *website* kerana borang ini ada di sana, 15 muka surat segalanya ada di sana okey. Ini dunia ICT. Baik Yang Berhormat kalau sekiranya memerlukan maklumat lanjut tolonglah balik seperti yang dikatakan, tidak perlu www.statistik.gov.my, maka soalan terakhir Yang Berhormat ialah apakah ia melibatkan Sarawak dan Sabah, sudah tentunya terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai peruntukan khas, Yang Berhormat Puan Hajah Noriah binti Mahat mencadangkan agar peruntukan khas untuk membantu Ahli Dewan Negara menjalankan tugas untuk mereka dengan berkesan, saya telah pun memajukan permintaan ini kepada pihak ICU dan saya rasa perlulah dikemukakan kepada Perdana Menteri dan suka saya memaklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa kerajaan telah pun meluluskan peruntukan khas, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kepada Yang Berhormat daripada kerajaan persekutuan sebanyak RM200,000 untuk sepenggal selama tiga tahun.

Buat masa ini kerajaan tidak bercadang untuk menambahkan dan memberikan peruntukan baru, pandai-pandailah Yang Berhormat bagaimana hendak membuat lobi. Tuan Yang di-Pertua, akhirnya ada dua lagi saya lupa hendak jawab.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bangun. Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Sikit sahaja, sikit.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dia bangun untuk bertanya lagi.

Puan Hajah Noriah binti Mahat: Yang Berhormat...

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Mahu tanya juga?

Puan Hajah Noriah binti Mahat: Kalau itu bukan jawapannya, Yang Berhormat jawab itu bukanlah jawapan. Kalau RM200,000 itu kita memang tahu memang sudah ada. Kita meminta tambahan lagi ataupun memberikan peruntukan khas yang lain yang kita boleh gunakan untuk bagi menampung. Ada kawan-kawan saya ini jauh perjalanannya, Senator ini ada sampai ke contohnya kawan saya Orang Asli, orang Siam dia pergi Sabah dan Sarawak, jadi peruntukan itu tidak mencukupi. Oleh itu kita meminta jasa baik Yang Berhormat supaya dapat menyampaikan, sampaikan lagi kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kalau boleh tambahkan lagi peruntukan kepada 200.

Minta maaf lah bukannya kita hendak membeza-bezakan Tuan Yang di-Pertua, kalau satu tahun RM200,000, *Alhamdulillah*, kita ini senator perjalanan kita jauh, kalau Ahli Parlimen kawasannya di situ sahaja RM250,000 kalau RM2 juta pun dekat situ sahaja, kita ini sampai satu Malaysia. Saya hendak tanya Yang Berhormat cukup ke RM200,000 jalan satu Malaysia? Itu saya hendak tanya Yang Berhormat, terima kasih.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Tuan Yang di-Pertua kalau tanya saya memang tidak cukup tetapi permintaan itu akan diajukan, betul tidak? Tepuk dada tanya selera lah tetapi selepas itu pandai lobi lah, ini...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya mencadangkan apa-apa surat yang dihantar kepada Perdana Menteri tolong hantar salinan kepada saya.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Okey, okey.

Tuan Yang di-Pertua: Permohonan yang dicadangkan itu dan...

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua boleh saya tambah sedikit? Kita sudah minta, saya sudah tulis surat sudah lama, sudah dua tahun tetapi sepatah pun tidak ada jawapan. *So*, kita menuntut supaya berilah jawapan, paling tidak sehelai kertas, jawablah tidak baik tidak jawab, dosa besar itu... *[Ketawa]*

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Tuan Yang di-Pertua, saya meminta semua Ahli-ahli Yang Berhormat melalui Tuan Yang di-Pertua lah kalau ada permintaan-permintaan dan mungkin Tuan Yang di-Pertua pun boleh membantu, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya pun faham kerana saya pun Ahli Yang Berhormat di mana bebanannya memang semakin serius, saya faham.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, faham saya tidak cukup kena jawab, kena bagi duit, kena membuat tindakan. Buat apa faham, faham, tidak guna.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Jangan marah Yang Berhormat.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Marah! Marah! Marah!

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Dahulu Yang Berhormat pun Timbalan Menteri, Tan Sri, Datuk Abdul Rahman bin Bakar.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Macam mana tidak marah dua tahun tidak ada jawapan, marahlah!

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Jangan marah.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Marah betul!

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Sabar, sabar. Tuan Yang di-Pertua terima kasih.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Sudah sabar...

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat, teruskan.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Tuan Yang di-Pertua, Datuk Subbaiyah pun menanyakan mengenai usaha menarik bakat tempatan melalui *Talent Corp* dan beliau juga ingin tahu penghijrahan pegawai tempatan ke luar negara dalam tempoh sepuluh tahun yang lalu sehingga kini dan apakah sebabnya berlakunya penghijrahan ini.

Baik, untuk makluman Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, laporan Bank Dunia, *Malaysia Economic Monitor Brain Drain* yang dikeluarkan pada April 2011 meletakkan jumlah penghijrahan rakyat Malaysia ke luar negara kira-kira daripada 750,000 pada tahun 2000 iaitu sepuluh tahun yang lalu, menjelang 2010 adalah satu juta, so 750,000 meningkat menjadi satu juta.

■1620

Di antara punca-punca utama pengizinan termasuklah tahap gaji, prospek pembangunan kerjaya serta kualiti kehidupan seharian yang ditawarkan oleh negara-negara yang mereka pergi. Di antara usaha kerajaan untuk menarik balik bakat-bakat tempatan. Pertama, kita mewujudkan *Talent Corp* yang khusus dipimpin oleh Johan Merican dan mereka telah memperkenalkan program *Returning Expert Program* (REP) di bawah pengurusan *Talent Corp*. Semenjak *Talent Corp* mengambil alih Program REP pada awal tahun ini, beberapa penambahbaikan insentif kepada program tersebut telah diumumkan dan mendapat sambutan yang sangat menggalakkan.

Dulunya ada tiga kementerian yang buat ini. Masing-masing dengan hala tuju. Sekarang mereka memusatkan ini di *Talent Corp*. Sejak April 2011 hingga 30 November 2011, dalam tempoh tujuh bulan, seramai 657 orang profesional telah diberi kelulusan insentif (REP) berbanding bilangan berjumlah 1,130 orang dalam tempoh sepuluh tahun terlebih dahulu.

So dalam tujuh bulan kita sudah dapat 657 orang berbanding dengan 1,130 orang dalam tempoh sepuluh tahun. Ini bererti *the type are moving towards* Malaysia dengan izin. Dulunya ramai pergi sana untuk faktor menarik itu di mana gaji lumayan. Di Eropah dan di negara barat, pertumbuhannya sudah terbantut sedikit. Maka ramai yang mahu datang ke sini. Sebelum saya berucap di sini pun, bahas di sini, ada seorang yang datang jumpa saya dan anaknya bekerja di Mercedes di UK. Gajinya bernilai RM24,000. Dia telah ditawarkan oleh PROTON. Gajinya *super specialize*, engineer. So dia telah ditawarkan dengan gaji yang baik. Dia tertarik dengan REP. So dia mohon dan dia balik. Walaupun mereka tawarkan dia lagi 25,000 Pounds *extra* untuk dikekalkan di situ. So dia pun tolak dan dia mahu datang balik ke sini.

So saya rasa ini adalah suatu yang tengah dibuat kerana ramai tidak tahu. Sesi temu seru telah diadakan. *Outreach* bersama dengan orang di luar- rakyat Malaysia di luar dan seterusnya baru-baru ini *Talent Corp* telah berusaha untuk membina jaringan profesional. Ini sangat penting, Tuan Yang di-Pertua. Contohnya kalau kita tengok rakyat India di Bangalore. Dulunya dia pergi ke *Silicon Valley*. Hampir 40 peratus daripada perisian komputer itu dicipta oleh golongan-golongannya di sini. *Indian Institute of Technology* (IIT). So dia balik sekarang ke India dan dia buka syarikatnya dan dia buat rangkaian di seluruh Amerika dan dapatkan dia punya pekerjaan, *call center* dan sebagainya. So kita perlu menggunakan rangkaian profesional Malaysia di luar negara untuk jaring dengan negara-negara sana untuk mencari peluang-peluang ekonomi.

Baru-baru ini dari *Silicon Valley*, seramai 15 orang profesional termasuk pencipta *Youtube* telah datang untuk digital *transformation* agenda yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan AMDEC dan saya turut terlibat dalam itu. Kita dapati bahawa ramai minat terhadap Malaysia dan mereka dapat bagi input. Mereka juga mengatakan ramai juga *Malaysians* yang begitu berjaya di Amerika. So kita hendak rangkai dengan Eropah dan UK supaya mereka di sana tetapi memberi sumbangan kepada ekonomi Malaysia. *Thumb drive* ini penciptanya seorang Malaysia dari Taiwan namun *Malaysian* dari Klang. *Thumb drive* itu penciptanya adalah seorang *Malaysian*. Ramai tidak tahu. Namun dia sudah begitu berjaya di Taiwan. Bagaimana kita rangkainya dengan Malaysia. Beliau ialah seorang *Chinese*. So inilah caranya kita membuat. So, satu tarik. Dua, dengan adanya di sana, kita rangkai. So, menjadi *Global Malaysian*. Inilah satu caranya.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, ada Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus menanyakan mengenai cadangan Jambatan Labuan-Menumbuk. Bagi makluman Yang Berhormat, tidak ada cadangan untuk menghubungkan antara Labuan dan Menumbuk setakat ini dan dengan kata-kata itu Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan ribuan terima kasih.

Puan Hajah Noriah binti Mahat: Tuan Yang di-Pertua, ada soalan saya yang belum dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Terus tanya. Kalau tertinggal, maafkan.

Puan Hajah Noriah binti Mahat: Pertamanya, saya ada bertanyakan mengenai dengan soal kebajikan Ahli Parlimen termasuk insuransnya dikaji. Itu satu. Kemudian yang keduanya, saya ada mencadangkan agar rawatan di pusat perubatan, hari ini untuk keluarga ada tetapi untuk ibu bapa tidak ada. Itu saya minta jawapan.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada butiran mengenai hal ini. Saya akan kemukakan secara bertulis kepada Yang Berhormat mengenai insurans dan juga yang lain kerana setakat ini saya tidak ada.

Puan Hajah Noriah binti Mahat: Jawapan bertulis ini yang susah. Kalau tidak ada pandangan itu, Tuan Yang di-Pertua

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Saya akan bagi. Saya pasti akan bagi minggu depan. Izinkan saya. Saya janji Tuan Yang di-Pertua, perkara ini akan dapat diberi secara bertulis kerana saya tidak ada terma-terma Ahli Parlimen – Senator.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak apa. Itu sahaja, Yang Berhormat. Agaknya bagilah agaknya, bagilah *benefit*, dengan izin, kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kita. Namun saya ingin mengingatkan bahawa semasa dalam persidangan, wakil-wakil Kementerian hendaklah tentukan membuat catatan untuk pihak Kementerian yang menjawab semua isu yang dibangkitkan.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Ada. Pegawai saya pun ada di sini.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan dan sekiranya ada perkara-perkara yang tidak terjawab, saya akan maklumkan sekiranya dibawa seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Dipersilakan, Yang Berhormat.

4.26 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasih kepada beberapa Ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan beberapa isu yang berkaitan dengan portfolio saya.

Yang Berhormat Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad membangkitkan beberapa perkara mengenai peranan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) dan Kawasan Rukun Tetangga (KRT). Saya ingin memaklumkan bahawa sejak pelancaran dan pelaksanaan secara giatnya Gagasan 1Malaysia yang memberi tumpuan untuk memupuk perpaduan di kalangan rakyat, JPNIN telah giat menubuhkan lebih banyak lagi KRT di seluruh negara. Pertambahan sebanyak hampir 40 peratus dari 4,000 KRT kepada 5,579 KRT sekarang. KRT memang merupakan institusi atau mekanisme akar umbi untuk menggalakkan pemastautin dan juga penyokong sesuatu kawasan perumahan supaya bergaul, mengadakan beberapa program termasuk juga Program Skim Rondaan Sukarela (SRS), Program Sosial, Program Alam Sekitar ataupun Kualiti Hidup, program untuk Jiran Wanita, Jiran Muda dan sebagainya supaya menjalinkan perhubungan silaturahim secara lebih rapat lagi di kalangan penduduk.

Maka sebagai petunjuk pencapaian KRT, bagi tahun yang lepas iaitu 2010, sebanyak 190,000 aktiviti telah diadakan yang melibatkan 6.2 juta orang - kerana terdapat aktiviti-aktiviti yang melibatkan orang yang sama tetapi diadakan beberapa kali setahun. Maka ini telah dapat menggalakkan pergaulan sosial di peringkat akar umbi.

Antara aktiviti adalah Kempen Kibar Bendera yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Khalid di mana KRT juga merupakan organisasi di akar umbi yang menganjurkan program ini bersama-sama dengan Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan di peringkat antarabangsa. Maka itulah sesuatunya aktiviti yang bertujuan memupuk semangat patriotisme di kalangan rakyat.

■1630

Soalan kedua yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Khalid ialah sama ada geran aktiviti diberi kepada KRT, sememangnya ada iaitu kita memberi geran pentadbiran sebanyak RM400 sebulan dan geran aktiviti berdasarkan kepada cadangan aktiviti yang dikemukakan secara spesifik dan konkrit. Kalau tidak ada aktiviti yang dikemukakan seperti yang berlaku di kalangan KRT yang tertentu, maka kita tidak memberi geran aktiviti. Di samping itu, setiap KRT juga diharapkan untuk mengutip derma daripada kedai-kedai dan juga pengusaha tempatan yang menyokong aktiviti KRT. Kesemuanya ini adalah berdasarkan kepada semangat kesukarelaan ataupun *volunteerism* dengan memupuk semangat kejiranan.

Yang Berhormat Tuan Khalid juga membangkitkan bagaimana JPNIN dapat memainkan peranan secara lebih efektif dalam menangani isu-isu sensitif. Saya ingin menegaskan di sini bahawa KRT merupakan rangkaian atau jalinan *network* yang penting di peringkat akar umbi, di mana kita memupuk semangat perpaduan melalui aktiviti-aktiviti yang konkrit, iaitu di peringkat akar umbi. Namun peringkat sekolah, JPNIN dengan kerjasama Kementerian Pelajaran dan juga Kementerian Pengajian Tinggi telah mewujudkan Kelab Rukun Negara di peringkat sekolah menengah dan sekolah rendah di mana setakat ini 4,811 Kelab Rukun Negara telah ditubuhkan iaitu hampir 50 peratus daripada jumlah sekolah yang terdapat di negara kita ini sudah mempunyai KRN yang bertujuan untuk menggalakkan pelajar-pelajar kita untuk menghayati semangat Rukun Negara dan juga melalui pelbagai aktiviti memupuk perpaduan dan menggalakkan pergaulan.

Di peringkat institusi pengajian tinggi telah ditubuhkan 129 sekretariat rukun negara yang menganjurkan pelbagai aktiviti seperti perbahasan mengenai tajuk-tajuk dan isu-isu semasa untuk meningkatkan kesedaran para pelajar IPT supaya mereka lebih peka, komited dan lebih matang terhadap proses pembinaan negara. Di samping itu, mulai daripada tahun 2009, JPNIN telah memulakan kursus melatih *mediator community*, iaitu mereka yang diberi kursus secara insentif oleh seorang pakar dalam bidang mediasi sosial iaitu Yang Berbahagia Datuk Dr. Wan Halim yang dahulu bekas profesor dari Universiti Sains Malaysia untuk supaya dapat memainkan peranan sebagai *mediator* untuk membantu menyelesaikan apa juga sengketa yang mungkin berlaku di kalangan rakyat di akar umbi.

Maka setakat ini telah berjaya melatih seramai 299 orang *mediator* yang terdiri daripada pemimpin KRT dan pemimpin masyarakat. Tujuan kami ialah untuk melatih lebih ramai lagi *mediator* komuniti dengan sasaran sekurang-kurangnya 200 *mediator* komuniti setiap tahun. Walau bagaimanapun, bilangan ini masih tidak mencukupi dan kita akan cuba mempergiatkan lagi usaha latihan *mediator* komuniti ini kerana kami menganggap bahawa satu jaringan atau *network community mediator* akan dapat membantu untuk menyelesaikan juga sengketa supaya ianya tidak mencetuskan kejadian yang lebih besar sekiranya dibiarkan merebak.

Oleh itu adalah jelas bahawa JPNIN memang sentiasa memainkan peranan dalam arah ini. Di samping itu, JPNIN telah menubuhkan jawatankuasa mempromosikan persefahaman dan keharmonian di antara penganut agama yang terdiri daripada pemimpin-pemimpin kesemua agama. Mereka ini telah beberapa kali bermesyuarat tetapi yang lebih penting lagi mereka sentiasa mengadakan perjumpaan tidak formal di antara mereka sendiri untuk mewujudkan perhubungan silaturahim dan persefahaman supaya apabila berlaku apa-apa isu yang berkaitan dengan agama, mereka dengan cepatnya dapat berhubung, berdialog dan juga cuba menyelesaikannya.

Di samping itu, kita telah menganjurkan bersama dengan pertubuhan lain dan menaja pertubuhan lain untuk menganjurkan pelbagai jenis forum dan dialog mengenai perpaduan dan keharmonian. Di samping itu, kita menggalakkan dan menaja pelbagai jenis kajian mengenai perhubungan antara etnik oleh kalangan penyelidik dan profesor di institut pengajian tinggi.

Yang Berhormat Tuan Khalid juga membangkitkan persoalan sama ada perlukah atau tidak diberi gred jawatan yang lebih tinggi untuk ketua pengarah dan semua pegawai. Sememangnya ini merupakan hasrat kami untuk mempertingkatkan lagi supaya kita dapat menarik lebih banyak bakat untuk berkhidmat dalam jabatan kami. Walau bagaimanapun, kami mematuhi kepada garis panduan untuk perbelanjaan secara berhemah supaya kita tidak akan terlalu meningkatkan belanjawan operasi atau *operation expenditure*. Oleh itu, perkara ini masih di dalam perbincangan.

Di samping itu Yang Berhormat Tuan Khalid membangkitkan soalan sama ada kakitangan kontrak yang telah berkhidmat begitu lama akan diberi satu ganjaran dan satu pelantikan yang lebih tetap. Ini memang merupakan satu aspek yang harus kita ambil perhatian kerana kita mempunyai agak ramai pegawai dan kakitangan secara kontrak, terutamanya ialah guru dan penolong guru tabika yang seramai hampir 1,700 orang setiap satu di mana kita memperbaharui kontrak mereka setiap tahun. Oleh itu kami berpendapat bahawa mungkin lebih baik kalau boleh dijadikan lebih sistematik dan tetap, tetapi ini masih di dalam peringkat perundingan dengan Jabatan Perkhidmatan Awam.

Akhir sekali ialah Yang Berhormat Tuan Khalid, membangkitkan sama ada harus diwujudkan satu kementerian khas untuk perpaduan negara. Sememangnya pernah diwujudkan kementerian khas untuk perpaduan negara khasnya selepas tahun 1969.

■1640

Akan tetapi selepas itu adalah dianggap bahawa JPNIN sebagai agensi pusat di bawah Jabatan Perpaduan akan lebih berkesan kerana ianya dapat memainkan peranan bukan sahaja untuk rukun tetangga dan aktiviti di bawah anjurannya. Akan tetapi ia juga dapat berhubung dengan kementerian-kementerian dan agensi-agensi lain untuk bersamasama bekerjasama dan untuk menganjurkan pelbagai jenis program bersama. Misalnya dengan Kementerian Belia dan Sukan dengan Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, pernah kami mewujudkan satu muzikal yang dinamakan KITA, KITA ini bukan nama parti politik tetapi KITA untuk kitalah. Satu muzikal untuk mempromosikan, menonjolkan perhubungan antara etnik dalam kehidupan seharian. Maka ia dianggap sebagai agak berjaya, maka usaha-usaha seumpama ini elok dilaksanakan sekiranya JPNIN terus kekal sebagai agensi pusat di bawah Jabatan Perdana Menteri. Ini kerana hal ehwal perpaduan ini memang merupakan tanggung jawab semua orang dan semua kementerian dan agensi, apalagi di bawah Gagasan 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit tentang sistem pengambilan penjawat awam yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Subramaniam, yang telah membangkitkan isu-isu yang berkaitan dengan pelantikan khasnya perlunya pemantauan secara teliti supaya penjawat awam lebih mencerminkan komposisi kaum dan tidak memilih mengikut kaum atau parti politik. Saya ingin memaklumkan bahawa memang menjadi dasar kerajaan sekarang untuk menggalakkan penyertaan semua kaum dalam perkhidmatan awam kita, berdasarkan kepada semangat Gagasan 1Malaysia.

Oleh itu, sememangnya kita nampak ada peningkatan dari segi bilangan pemohon dan juga bilangan pelantikan dalam tiga tahun kebelakangan ini. Sebagai contoh, untuk pemohon dari kaum India, pada tahun 2007 ialah lebih 800,000 orang, tahun 2008 hampir 25,000 orang, tahun 2009 seramai 50,000 orang dan tahun sudah ialah 58,000 orang dan untuk enam bulan pertama tahun ini sudah melebihi 30,000 pemohon. Maka ini menunjukkan bahawa kempen oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam melalui beberapa saluran termasuk juga diadakan soalan-soalan lazim ditanya atau *frequently ask question* dalam bahasa Cina dan bahasa Tamil dalam laman web Suruhanjaya Perkhidmatan Awam sendiri. Dengan program *outreach* iaitu pergi berjumpa dengan pertubuhan-pertubuhan Cina atau India untuk menggalakkan mereka dan juga anak-anak mereka menyertai atau memohon dalam perkhidmatan awam. Maka hasil daripada usaha ini, pelantikan pegawai dan penjawat awam untuk kaum India telah meningkat dari 1,100 lebih setahun sampai melebihi daripada 2,300 hingga 2,400 setahun.

Untuk keturunan Cina, meningkat juga daripada 1,300 ke 2,300 hingga 2,700 dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Akan tetapi kita tidak menafikan bahawa bilangan pemohon walaupun telah meningkat dari kaum Cina dan India, masih kecil berbanding dengan pemohon dari Melayu dan bumiputera Sabah dan Sarawak. Sebagai contoh, untuk enam bulan pertama tahun ini, dari pemohon Melayu adalah lebih daripada 780,000 orang manakala daripada bumiputera Sabah dan Sarawak ialah 122,000 orang berbanding dengan hanya 30,000 orang keturunan India dan 18,000 orang dari keturunan Cina.

Oleh itu, kita masih tidak dapat melantik lebih ramai lagi kerana ini berdasarkan sistem untuk memilih berperingkat termasuk juga temu duga, di mana sistem penyenaian pendek atau *short-listed* adalah berdasarkan kepada keputusan peperiksaan SPM, STPM dan juga bergantung kepada bidang atau jawatan yang memerlukan kelayakan yang tertentu. Walau bagaimanapun, saya ingin menegaskan di sini bahawa kerajaan memang amat peka dan amat komited untuk menggalakkan penyertaan daripada semua dalam perkhidmatan awam. Berkaitan dengan perkhidmatan awam, Yang Berhormat Datuk Subbaiyah a/l Palaniappan juga telah membangkitkan dan mencadangkan agar PEMANDU untuk mengkaji semula sistem perkhidmatan awam dan untuk mengurangkan pertindihan antara jabatan dalam fungsi dan tugas.

Saya ingin mengatakan bahawa ini memang merupakan komitmen dalam Program Transformasi Kerajaan, di mana kita menggalakkan supaya diturunkan tembok, dibina jambatan atau titi supaya kita menggalakkan kerjasama dan sinergi yang lebih erat antara jabatan dan agensi. Sekiranya terdapat pertindihan, kita akan mengurangkannya dan akan membantu untuk menggalakkan supaya kerjasama lebih erat. Beberapa contoh dapat saya beri secara ringkas, misalnya kerjasama antara pihak polis dan pihak tentera dalam meningkatkan lagi keselamatan. Kerjasama di antara kementerian dalam membasmi kemiskinan di bawah NKRA, isi rumah berpendapatan rendah yang diterajui oleh rakan saya yang duduk di sebelah, Yang Berhormat Dato' Sri Shahrizat binti Abdul Jalil tetapi melibatkan beberapa Menteri yang berkaitan.

Melalui satu sistem urus tadbir yang dikenali sebagai *Delivery Task Force* atau DTF yang dipengerusikan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Setiap bulan diadakan mesyuarat untuk memastikan bahawa penyelarasan dan kerjasama yang rapat dan berkesan berlaku antara semua kementerian dan agensi dengan tujuan yang sama. Saya ingin memaklumkan bahawa di bawah Model Ekonomi Baru, di mana diadakan enam strategik *reform* inisiatif atau inisiatif pembaharuan strategik.

Di antaranya ialah satu yang diberi tumpuan untuk penyampaian perkhidmatan awam, di mana melalui makmal selama lapan minggu maka diadakan perbincangan secara mendalam, bagaimana kita mempertingkatkan lagi keberkesanan dan kecekapan perkhidmatan awam. Sememangnya ini menjadi salah satu daripada sasaran dan komitmen Gagasan 1Malaysia. Akhirnya saya - yang akhir tetapi yang terpenting sekali...

■1650

Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman: Minta laluan Yang Berhormat.

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Ya, boleh. Ya, silakan.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum Yang Berhormat kata hendak buat yang terakhir, saya hendak minta pandangan Yang Berhormat berhubung dengan dua perkara. Iaitu berhubung dengan kakitangan awam ini. Kita telah dengar banyak komen berhubung dengan bilangan kakitangan awam di negara kita ini. Istimewa pula pihak pembangkanglah yang mengatakan kalaulah mereka itu berkuasa, mereka itu akan mengurangkan dan sebagainya.

Pada pandangan Yang Berhormat, yang sebenarnya macam mana kedudukan bilangan pegawai-pegawai kakitangan kerajaan sekarang ini? Adakah satu penyelidikan yang terperinci dibuat, adakah betul bilangan ini lebih daripada yang dikehendaki? Itu yang pertama. Kedua, tadi Yang Berhormat mengatakan memberi angkalah, lebih daripada 200,000 bumiputera minta kerja kerajaan dan hanya 18,000 daripada kaum Cina. Apakah tindakan kerajaan demi untuk semangat 1Malaysia ini?

Apakah tindakan kerajaan yang sebenarnya diambil untuk menarik orang-orang Cina dan bukan bumiputera untuk bekerja sebagai kakitangan awam. Supaya - saya sendirilah berpendapat bahawa memang tidak cukup kaum *non* bumiputera yang menduduki sebagai pegawai-pegawai di pentadbiran kita. Terima kasih.

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahim yang membangkitkan dua perkara yang penting dan menarik. Pertamanya, mengenai bilangan penjawat awam dan nisbahnya berbanding dengan bilangan penduduk. Kami sedang dalam proses untuk mengkaji isu ini secara perbandingan dengan negara-negara lain termasuk negara-negara yang maju. Kita belum dapat satu gambaran yang menyeluruh tetapi sebagai secara interim iaitu laporan interim, saya boleh memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa ini juga bergantung pada definisi perkhidmatan awam (*civil service*). Ini adalah sebab di antara negara-negara maju yang tertentu, *civil service* tidak merangkumi perkhidmatan pelajaran. Guru tidak dianggap sebagai *civil service* sebab ada misalnya, di Amerika Syarikat, guru dilantik oleh kerajaan negeri (*state government*).

Begitu juga polis dan askar serta tentera, tidak dianggap sebagai *civil service*. Akan tetapi di Malaysia, ketiga-tiga kategori ini dimasukkan ke dalam bilangan 1.3 juta di mana guru sahaja adalah hampir 500,000 orang. Akan tetapi kita masih tidak cukup guru. Sebenarnya, kalau kita membandingkan nisbah bilangan pelajar setiap guru, kita masih jauh lebih tinggi daripada negara-negara maju. Oleh sebab itu, saya boleh mengatakan bahawa kalau kita hendak membuat perbandingan, kita mesti membandingkan epal dengan epal, oren dengan oren seperti kata orang putihlah. *You cannot compare apple to orange*, di mana kalau kita mengambil kira semua tentera dan polis sebagai *civil service*, di mana di negara maju mereka tidak berbuat demikian, maka kita akan mempunyai satu bilangan yang lebih besar. Oleh sebab itu, kajian interim yang didapati ialah kita mesti objektif dalam kajian kita.

Saya cuma ambil contoh guru sahaja. Kita tidak mencukupi dari segi nisbah pelajar kepada guru, masih terlalu tinggi, masih lebih daripada 35 ke 40 orang pelajar setiap guru. Manakala di negara maju ialah 20 orang. Kita memerlukan dan kena memperbesarkan lagi. Oleh itu, saya berharaplah bahawa isu ini pihak pembangkang mestilah juga rasional dan objektif. Janganlah membuat tuduhan hanya berdasarkan kepada bilangan atau permainan angka. Kita hendak kaji, kita kaji secara objektif, secara perbandingan, *comparative study*. Itu jawapan saya.

Keduanya, untuk pemohon dari kaum-kaum lain, memang kita tengah berusaha. Misalnya, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) telah mengadakan beberapa sesi bersama dengan Pertubuhan Cina Hwa Chong, bersama-sama berbincang dengan ibu-bapa. Kita juga adakah *roadshow* kepada sekolah-sekolah Cina, sekolah menengah Cina, untuk mendedahkan mereka kepada perkhidmatan awam supaya salah faham dan juga prejudis yang mungkin ada, kita boleh kurangkan dan hilangkan. Maka, itulah caranya. Oleh itu, kita sudah nampak peningkatan. Akan tetapi oleh sebab pada asalnya bilangan pemohon terlalu kecil, maka peningkatan ini walaupun sudah dua atau tiga kali ganda tetapi masih kecil. Walau bagaimanapun, saya yakinlah bahawa dengan sikap positif dari semua pihak, maka kita akan dapat membaik pulih keadaan ini.

Akhirnya, saya ingin menyentuh satu perkara yang penting yang telah dibangkitkan sekali lagi oleh kawan saya Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus iaitu mengenai transformasi negara, transformasi nasional yang bermula dengan transformasi kerajaan diikuti oleh transformasi ekonomi dan transformasi politik. Sekarang masuk ke dalam bidang transformasi sosial. Maka, beliau telah membangkitkan bahawa memang dalam proses ini yang sebagai dasarnya kita memerlukan transformasi sikap (*attitude transformation*).

Saya memang amat bersetuju dengan cadangan dan pandangan Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus yang sebagai seorang intelektual yang mengkaji secara mendalam sebab dalam segala-galanya, sikaplah yang penting. Akan tetapi saya ingin menegaskan bahawa memang di dalam Gagasan 1Malaysia sudah merangkumi aspek perubahan sikap. Ini adalah kerana kalau kita mengikutkan Gagasan 1Malaysia, komitmennya ialah, "Rakyat Didahulukan", *people first*. Maka, itu sudah menjadi satu panduan yang utama dalam apa juga yang kita laksanakan, khasnya untuk pemimpin kerajaan dan juga penjawat awam. Maka, rakyatlah harus didahulukan, *people first*. Itu sebagai satu nilai yang memandu kepada sikap. Ia sudah pastinya kalau kita mematuhi dan kita menghayati sikap ini, maka kita sudah akan menjadi lebih cekap, lebih peka kepada keperluan rakyat, maka dengan sendirinya akan berubah sikap dan pendekatan. Itulah satu aspek...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Daripada tadi, minta laluan sikit.

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Ya?

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Laluan sedikit Yang Berhormat.

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Ya, boleh, boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih..

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tolong *onn* kan *you* punya *mic*.

Dato' Firdaus bin Haji Abdullah: ...Akan tetapi yang saya cadangkan Yang Berhormat ialah supaya program perubahan sikap itu dipakejkan, disangkarkan dalam satu program dengan rangka-rangka kegiatan yang lebih terperinci dan diatur secara sistematik. Saya gembira bahawa Yang Berhormat menyedari sikap adalah satu *variable*, satu angkuh yang paling penting dalam usaha kita membina sebuah negara bangsa. Dalam usaha kita memperkasakan ekonomi, dalam usaha kita merubah cara kita berpolitik.

■1700

Saya hendak berkongsi pandangan ataupun mengingatkan kita semua Tuan Yang di-Pertua. Mengenai rasa terkilan Yang Amat Berhormat Mantan Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Tun Dr. Mahathir dua minggu sebelum beliau meletakkan jawatan telah diinterview oleh Minggu Malaysia. Antara isu yang ditimbulkan ialah bahawa menjawab satu pertanyaan Tun Dr. Mahathir mengatakan antara perkara yang dia terkilan selama 22 tahun menjadi Perdana Menteri ialah tidak berjaya atau belum berjaya merubah sikap dan *attitude* orang Melayu. Ini antara perkara yang diakui dengan secara sikap yang *gentleman* oleh Tun Dr. Mahathir.

Kemudian kira-kira tiga tahun yang lalu dalam ucapan Perhimpunan Agung UMNO, Tun Abdullah sebagai Presiden UMNO pada masa itu menamakan ucapannya sebagai merubah minda. Semuanya ini mencerminkan betapa pemimpin-pemimpin tertinggi pada peringkat itu menyedari peri pentingnya sikap itu dirubah. Oleh kerana itu saya rasa kalau sekiranya perubahan sikap ini hanya di sambil-sambilkan sahaja seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Kita tidak akan dapat mencapai kejayaan yang berkesan. Saya mengimpikan supaya gerakan revolusi mental di awal tahun 70-an dahulu dihidupkan kembali.

Saya mengimpikan umpamanya Kempen Berbudi Bahasa yang dicetuskan oleh Yang Berhormat Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim. Dikembangkan supaya ia dihayati oleh setiap pihak tidak terbatas kepada budi bahasa sahaja. Sebagai contoh sekali lagi kalau boleh Tuan Yang di-Pertua, saya dalam ucapan semalam saya beritahu bahawa saya memberikan ceramah kepada sekumpulan pegawai-pegawai tinggi kerajaan kira-kira dua minggu yang lalu. Di samping kuiz tentang apa dia makna MBMMBI. Saya bertanya satu lagi soalan kepada pegawai kerajaan itu. Apa dia kepanjangan daripada MBE iaitu Model Baru Ekonomi?

Jawapan yang saya terima paling kurang 10 atau 15 orang menjawab, MBE katanya ialah *medal of British Empire* sedangkan yang lebih relevan ialah Model Baru Ekonomi. Di sini menggambarkan bahawa pegawai-pegawai kerajaan sendiri tidak mengetahui, tidak memahami dan tidak menghayati konsep-konsep utama, dasar-dasar utama dalam pemerintahan kita. Sikap inilah yang saya rasa perlu diubah, perubahan itu tidak memadai dengan cara yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Perubahan itu haruslah diprogramkan, itu cadangan saya. Terima kasih

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Ya saya memang pada prinsipnya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus bahawa perubahan minda dan juga revolusi mental itu memang amat penting. Akan tetapi kami juga telah membincangkan perkara ini dalam kerajaan dan melalui makmal iaitu proses untuk mengubah minda atau mengubah sikap dan nilai. Hanya dapat dihasilkan melalui satu proses menjalankan, melaksanakan tugas sesuatu dan bukanlah boleh dihasilkan dengan secara perbincangan dalam forum atau seminar. Memang itu akan membantu tetapi dengan secara itu masih tidak mencukupi iaitu penglibatan secara mendalam dan *engagement*, perkataannya *engagement* dalam proses membuat sesuatu.

Kita kalau ubah prosesnya seperti yang telah dilaksanakan melalui makmal, melalui transformasi kerajaan dengan memberi tumpuan, dengan membangkitkan soalan. Apakah yang penting untuk rakyat? Kita dapati jawapannya melalui *opinion poll* siasatan terhadap kepandaian rakyat dan kita membuat kajian terhadap laporan-laporan dalam media masa dan kita mengenal pasti enam NKRA.

Untuk setiapnya kita melibatkan lebih daripada satu kementerian atau agensi. Ini ialah satu kaedah pengurusan prestasi yang baru yang didapati berkesan di syarikat antarabangsa seperti Shell. Juga didapati berkesan diamalkan dalam kerajaan negara maju yang tertentu seperti Britain, Australia.

Di mana mereka mengguna pakai kaedah baru ini supaya kita mengurangkan tembok, membina titi seperti yang saya sebut tadi. Supaya kita membuka minda kepada idea yang baru, pendekatan yang baru. Dengan mengamalkan pendekatan yang baru ini secara teliti, secara berfokus maka kita mengubah sikap dalam prosesnya. Proses perubahan ini didapati akan lebih berkekalan berbanding dengan cuma dari segi perbincangan ataupun menggunakan cogan kata yang tertentu. Ini yang memang juga penting tetapi tidak mencukupi. Oleh itu perkataan transformasi yang disebut-sebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebenarnya mengandungi kesemuanya ini merangkumi proses perubahan.

Saya memang setuju bahawa kita mungkin haruslah mengkaji dengan lebih mendalam lagi. Juga mempromosikan secara lebih berkesan lagi supaya mereka yang terlibat memahami gambaran dan perspektif yang menyeluruh, falsafah Gagasan 1Malaysia yang merangkumi penerapan nilai-nilai murni dan nilai-nilai aspirasi yang disebutkan dalam buku ini. Mungkin kita perlu untuk mengaitkan nilai-nilai ini dengan proses, kalau tidak begini mungkin mereka atau kita sendiri tidak faham. Maka saya mengucapkan terima kasih kerana dibangkitkan aspek atau sudut ini yang pada saya merupakan tahap yang lebih maju lagi...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: *[Bangun]*

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Okey, dipersilakan.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat. Saya rasa saya faham apa Yang Berhormat maksudnya. Saya rasa Yang Berhormat dan saya sefaham tentang apa yang kita kehendaki cuma kita tidak sefaham bagaimana cara mencapai apa yang kita kehendaki itu. Walau bagaimanapun, kerana Yang Berhormat sendiri mengakui sefaham dengan saya tetapi tidak sefaham tentang apa yang hendak dicapai tetapi tidak sefaham apa bagaimana cara mencapainya. Permintaan saya pada Yang Berhormat cubalah fahamkan kolega-kolega Yang Berhormat di dalam Kabinet supaya memahami apa yang sama-sama kita fahami ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat saya rasa Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus perlu berbincang agak lebih lanjut lagi dengan Yang Berhormat Menteri, supaya memahami, sama-sama sefaham. Silakan Yang Berhormat.

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Mungkin kalau boleh Tuan Yang di-Pertua kita bersama-sama mengadakan satu sesi sepanjang hari.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat kalau dua orang...

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Akan tetapi bukan dalam Dewan ini kita secara...

Tuan Yang di-Pertua: Dua orang Ph.D ini kalau bercakap agaknya dengar sahaja pun agaknya tidak faham juga... *[Ketawa]*

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Kami juga mengelirukan kami sendiri juga dalam proses ini. Mungkin tetapi inilah, inilah sebagai satu cara menerokai pendekatan dan perjalanan yang barulah.

Tuan Yang di-Pertua: Betul Yang Berhormat betul.

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Yang penuh dengan cabaran. Oleh itu saya memang amat menghargai peluang untuk berdialog tetapi kita boleh menyambungkan dialog ini secara lebih informal dan mungkin melibatkan lebih ramai lagi Ahli Yang Berhormat yang berminat. Kita hendak tetapkan satu tarikh dalam bulan Januari atau yang mana yang sesuai kita adakan sesi ini. Dengan ini Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua..

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Dengan ini Tuan Yang di-Pertua saya ucapkan terima kasih.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Tuan Yang di-Pertua satu soalan saya tertinggal.

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Oh. Silakan, silakan.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Saya minta satu permintaan daripada Jabatan Perdana Menteri. Sudah tiga Menteri sudah jawab tetapi soalan saya tidak dijawab.

Tuan Yang di-Pertua: Apa dia Yang Berhormat sila, sila apa yang tertinggal.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Soalan saya ialah pelantikan Dato' Seri Samy Vellu sebagai Duta Khas Infrastruktur Asia Selatan, kenapa dia dilantik? Kemudian apakah manfaat daripada pelantikannya, berapa banyakkah kontrak yang dapat selepas pelantikannya? Jadi itulah soalan saya yang saya minta.

■1710

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat pelantikan ini berasaskan daripada pertimbangan yang tertentu termasuk juga pengalaman dan juga jalinan *connection* beliau yang telah dapat bangun dalam tempoh berpuluh tahun di mana beliau memang sebagai seorang pemimpin utama masyarakat India dan juga pemimpin utama negara. Beliau mempunyai perhubungan baik di India dan di tempat-tempat yang berkenaan di mana tujuannya untuk beliau menerokai bidang-bidang kerjasama antara India dan Malaysia khususnya dalam bidang infrastruktur.

Maka mengenai hasil, saya ingat saya tiada angka di sinilah. Mungkin pada suatu hari kita boleh menjawab dengan begitu tepatnya soalan itu.

Tuan Yang di-Pertua: Cukup Yang Berhormat, cukup. Terima kasih. Ada apa-apa Yang Berhormat hendak sambung lagi setakat itu sahajakah?

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Begitu sahaja saya mohon menyokong dan juga ucapkan terima kasih kepada semua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Itulah bunyinya jawapan daripada Jabatan Perdana Menteri. Sekarang saya persilakan Kementerian Pelajaran.

5.12 ptg.

Timbalan Menteri Pelajaran II [Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya bagi pihak Kementerian Pelajaran Malaysia ingin merakamkan jutaan terima kasih di atas pembentangan Bajet 2012 oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan pada 7 Oktober 2011 yang lalu kerana memberikan peruntukan yang begitu besar kepada Kementerian Pelajaran kerana daripada RM50 bilion yang dikhususkan untuk tujuan pendidikan, RM37.3 bilion diberikan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia.

Beberapa janji yang telah disebut telah pun ditunaikan oleh Kerajaan Barisan Nasional yang baik hati ini. Contohnya kita telah pun membayar pendahuluan pendidikan sebanyak RM100.00 kepada pelajar-pelajar sebelum menghadapi sesi persekolahan 2012. Justeru Kementerian Pelajaran Malaysia merakamkan ucapan terima kasih di atas keprihatinan semua Ahli Yang Berhormat kerana telah mengambil perhatian yang serius terhadap bajet yang dibentangkan melalui perbincangan yang berlangsung daripada 8 hingga 14 Disember 2011.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran akan memastikan dasar ataupun program yang dirancang ataupun digubal dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin dan memberikan manfaat kepada semua termasuklah guru dan murid seperti yang diharapkan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Malasingam a/l Muthukumar dan Yang Berhormat Senator Dato' Syed Ibrahim bin Kader.

Tuan Yang di-Pertua menyentuh tentang bantuan kepada Sekolah Agama Rakyat seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi dan Yang Berhormat Dato' Dr. Johari bin Mat. Kementerian Pelajaran Malaysia sentiasa membuka ruang kepada sekolah berkenaan untuk mendaftar sebagai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan ataupun SABK yang layak mendapat segala kemudahan yang disediakan oleh kerajaan seperti Sekolah Bantuan Kerajaan yang lain.

Sebagai kerajaan yang prihatin dan mementingkan kesejahteraan semua rakyat, sejumlah RM312.8 juta telah dibelanjakan untuk Sekolah Agama Rakyat dari tahun 2006 hingga 2011. Untuk makluman Yang Berhormat juga pada tahun 2011 Kementerian Pelajaran Malaysia telah membelanjakan lebih kurang RM318 juta untuk membantu Sekolah Agama Bantuan Kerajaan ataupun SABK ini. Sebab itulah kita mengharapkan lebih banyak sekolah-sekolah agama rakyat dan negeri yang mendaftar di Kementerian Pelajaran.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2011, peruntukan yang disalurkan kepada Sekolah Agama Rakyat adalah seperti pengurusan sebanyak RM27.5 juta, pembangunan RM23 juta dan kursus RM6 juta dan perpustakaan RM4.6 juta dan yang berkaitan dengan SABK seperti mana saya sebut tadi untuk pembangunan sahaja kita berbelanja sebanyak RM20.5 juta.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan perlindungan insurans kepada murid seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajah Noriah binti Mahat. Skop perlindungan Skim Takaful Pelajar Sekolah Malaysia yang diperolehi melalui kadar insurans RM1.50 setahun adalah seperti berikut:

- (i) kematian akibat kemalangan ialah RM5,000.00;
- (ii) lumpuh berkekalan seluruh badan akibat kemalangan ialah RM15,000.00;
- (iii) terpisah ataupun putus anggota daripada badan atau kehilangan penglihatan akibat kemalangan RM15,000.00 iaitu untuk kedua-dua belah tangan di atas pergelangan atau kedua-dua belah kaki di atas buku lali ataupun kehilangan kekal penglihatan kedua-dua belah mata dan jika kehilangan daripada satu-satu mana-mana anggota badan ataupun penglihatan maka manfaatnya ialah RM7,500.00; dan
- (iv) khairat kematian akibat mati sakit biasa ialah RM1,000.00 dan saya hendak maklumkan dalam kes pelajar-pelajar kita yang terkorban di Kuala Dipang pada tahun lalu selain daripada mereka mendapat manfaat RM5,000.00 ini Kementerian Pelajaran juga telah memberikan bantuan RM10.00 setiap tiga pelajar yang terkorban tersebut.

Untuk makluman Yang Berhormat melalui tahun 2012 seperti mana bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yuran RM1.50 untuk Takaful Insurans ini tidak akan lagi dibayar oleh pelajar kerana yuran-yuran itu termasuk di dalam yuran yang dihapuskan iaitu RM24.50 untuk Sekolah Rendah dan RM33.50 untuk Sekolah Menengah.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai penglibatan PIBG dalam program dan aktiviti sekolah seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff dan Yang Berhormat Senator Tuan Ng Fook Heng. Mesyuarat Agung Tahunan PIBG adalah berperanan dalam memutuskan dalam apa juga perkara termasuk program atau aktiviti melibatkan sekolah dan PIBG.

Dalam hal ini perancangan program dan juga bajet yang diperlukan bagi menjayakan program yang dirancang akan turut diperincikan dalam mesyuarat tersebut. Selain itu program dan aktiviti yang dirancang oleh PIBG perlu mendapat persetujuan daripada Pengarah Pelajaran Negeri untuk dilaksanakan. Perkara-perkara yang berkaitan dengan peranan PIBG ini adalah dijelaskan di dalam peraturan-peraturan pendidikan PIBG 1998 dan Surat Pekeliling sedia ada sebagai panduan kepada PIBG di semua sekolah.

Untuk makluman surat siaran terkini, Bil. 4, Tahun 2011 berkaitan garis panduan kutipan bayaran keperluan persekolahan murid di sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan telah dikeluarkan pada 14 November 2011. Usaha memperkasakan PIBG juga telah dibincangkan dalam Konvensyen PIBG Kebangsaan 2011 yang telah diadakan daripada 9 hingga 11 Disember 2011 di Institut Aminuddin Baki, Genting Highland. Sebab itulah Tuan Yang di-Pertua, kita harap ibu bapa faham dan mesti hadir pada setiap Mesyuarat Agung PIBG untuk memutuskan jumlah bayaran yang hendak dikenakan oleh PIBG.

Ini sebenarnya adalah bukan di pihak kementerian sebenarnya ini adalah PIBG. Sebab itulah kita juga telah menegur alumni sekolah-sekolah tertentu bahawa mereka hanya boleh mengutip bayaran daripada bekas-bekas pelajar di sekolah tersebut sahaja. Tidak boleh dikutip daripada pelajar-pelajar yang belajar di sekolah tersebut. Begitu juga sebagai contoh majalah, satu keluarga satu majalah sahaja dan itu pun tidak boleh dipaksa. Jadi sebab itu pekeliling kita adalah cukup jelas sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua mengenai berkenaan PPSMI dan MBMMBI. Yang Berhormat Senator Tuan Ahmad bin Hussin dan Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Khalid bin Ahmad membangkitkan mengenai PPSMI dari segi perundangan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat subjek Matematik dan Sains adalah mata pelajaran teras yang wajib diajar di semua sekolah di dalam sistem pendidikan kebangsaan. Seksyen 18, Akta Pendidikan 1996 telah menetapkan bahawa kokurikulum kebangsaan hendaklah diguna pakai di semua sekolah, Peraturan-peraturan Pendidikan Kurikulum Kebangsaan 1997 memberikan kuasa kepada Menteri untuk menentukan bahan yang sesuai untuk diguna pakai di dalam pembelajaran dan pengajaran kurikulum.

■1720

Peraturan 4 menyatakan seperti berikut. Pertama; Menteri boleh menentukan bahan yang sesuai bagi pengajaran dan pembelajaran kurikulum dan kegiatan kokurikulum di sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan. Oleh itu berhubung dengan MBMMBI seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Hajah Mumtaz Md. Nawī. Seperti mana yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Pelajaran iaitu bahawa kita akan meneruskan MBMMBI dan tidak ada *reversed*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

KPM juga telah mengeluarkan Surat Pekeliling Ikhtisas, Bil.12/2011, bertarikh 4 November 2011 bagi menjelaskan pelaksanaan dasar ini di mana melalui pelaksanaan dasar ini pengajaran dan pembelajaran Matematik dan Sains di sekolah rendah akan dilaksanakan dalam Bahasa Malaysia sepenuhnya pada tahun 2016. Manakala di sekolah menengah penggunaan Bahasa Malaysia sepenuhnya bagi kedua-dua mata pelajaran ini ialah pada tahun 2021. Ini yang kita sebut sebagai *soft landing*.

Kajian Kementerian Pelajaran ke atas semua sekolah di bawah kementerian menunjukkan bahawa kebanyakan sekolah telah pun melaksanakan pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Malaysia dengan izin, Tuan Yang di-Pertua iaitu kebanyakan sekolah ini telah pun *landed* sebenarnya. Dapatan kajian menunjukkan kurang 5 peratus daripada jumlah kelas di 7,495 buah sekolah rendah menggunakan bahasa Inggeris sepenuhnya dalam pengajaran dan pembelajaran matematik dan sains. Maksudnya kurang 5 peratus daripada jumlah bilik darjah. Manakala di sekolah menengah kurang 9 peratus daripada jumlah kelas 2,192 buah sekolah menggunakan bahasa Inggeris dalam pengajaran dan pembelajaran Matematik dan Sains. Maka berdasarkan dapatan ini kebanyakan murid mengikuti pengajian dan pembelajaran Matematik dan Sains dalam Bahasa Malaysia ataupun dwibahasa.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat juga telah membangkitkan usaha untuk memartabatkan Bahasa Kebangsaan. Untuk makluman, kerajaan sentiasa berusaha memartabatkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan, bahasa rasmi dan bahasa pengantar pendidikan. Sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perkara 15, Perlembagaan Persekutuan, Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67, Akta 32 dan Akta Pendidikan 1996, Akta A550. Bagi menegaskan semula pelaksanaan Bahasa Kebangsaan dalam perkhidmatan awam, kerajaan telah mengeluarkan pekeliling panduan penggunaan Bahasa Kebangsaan dalam perkhidmatan awam pada 28 Oktober 2011 yang lalu.

Kerajaan telah menubuhkan jawatankuasa pelaksana Bahasa Kebangsaan yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri untuk memastikan agar taraf Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan terus terpelihara dan memantau pelaksanaan Bahasa Kebangsaan di semua jabatan dan agensi kerajaan serta sektor yang berimpak tinggi termasuk pengiklanan, papan tanda perumahan, perbankan dan perkhidmatan awam.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan Pendidikan Islam, Yang Berhormat Senator Hajah Mumtaz Md. Nawī juga telah membangkitkan pelbagai perkara berkaitan Pendidikan Islam. KPM telah melaksanakan Pendidikan Islam sebagai mata pelajaran teras yang wajib dipelajari oleh semua murid Islam walaupun di sebuah sekolah itu mempunyai satu orang murid Islam. Mata pelajaran Pendidikan Islam terus diajar dalam jadual waktu harian.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Puan Zaitun Mat dan Yang Berhormat Senator Hajah Mumtaz Md. Nawī, perwujudan Maahad Tahfiz adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Walau bagaimanapun, Kementerian Pelajaran Malaysia boleh membantu sekolah-sekolah arus perdana yang lain sekiranya sekolah berkenaan berdaftar sebagai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). Untuk makluman inisiatif terkini, Kementerian Pelajaran Malaysia terhadap program tahfiz adalah seperti berikut:

- (i) kita akan meneruskan program tahfiz yang sedia ada di SABK atau Sekolah Agama Bantuan Kerajaan;
- (ii) seperti mana yang dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Pelajaran, kita akan melaksanakan Program Tahfiz di SMK terpilih ataupun Sekolah Menengah Kebangsaan Agama yang terpilih; dan
- (iii) kita juga akan menubuhkan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Tahfiz.

Mengenai dengan pelaksanaan j-QAF seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Johari Mat, sejak tahun 2005 sehingga kini, KPM telah melaksanakan Program j-QAF di 4,747 buah sekolah rendah dan hanya tinggal 529 sekolah rendah sahaja lagi yang belum melaksanakan program tersebut. KPM menjangkakan pada tahun 2012 semua sekolah rendah yang mempunyai murid Islam akan melaksanakan Program j-QAF. Buat masa ini jumlah guru j-QAF adalah seramai 18,010 dengan kekurangan sebanyak 3,016 orang. Maka, antara langkah mengatasi kekurangan guru tersebut ialah dengan melaksanakan latihan perguruan sepenuh masa serta pengambilan secara latihan perguruan berasaskan sekolah iaitu (LPBS).

Sepanjang pelaksanaan j-QAF, Kementerian Pelajaran mendapati program ini sangat berkesan berdasarkan pencapaian murid melebihi 94 peratus menguasai keempat-empat kemahiran j-QAF iaitu Jawi, Al-Quran, bahasa Arab dan Fardu Ain.

Satu pencapaian yang amat membanggakan apabila melihat anak-anak kita yang masih di bangku sekolah rendah tetapi telah khatam Al-Quran. Sehubungan dengan itu, KPM memang bersedia dan sedang merancang untuk memperluaskan j-QAF di peringkat sekolah menengah. Untuk makluman Program Perintis j-QAF Menengah akan dilaksanakan pada pertengahan tahun 2012 tahun hadapan dan pelaksanaan sepenuhnya pada tahun 2013.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan isu 1,000 pelatih program khidmat negara PLKN yang tidak menguasai kemahiran menulis dan membaca. Untuk maklumat Yang Berhormat Senator Hajah Mumtaz Md. Nawī, KPM telah memberikan khidmat kepakaran bagi membangunkan model membaca dan menulis i-smart kepada pelatih tersebut. Dapatan awal menunjukkan punca utama kumpulan pelatih ini tidak menguasai kemahiran tersebut adalah disebabkan mereka tidak melalui Program Intervensi seperti KIA2M dan Protein semasa di sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Senator Hajah Zainab Abu Bakar dan Yang Berhormat Senator Hajah Mumtaz Md. Nawī perekrasan sistem pendidikan vokasional akan dilaksanakan mengikut pelan tindakan strategik dalam tempoh 2011-2020 yang dibahagikan kepada tiga fasal. Fasal lonjakan iaitu 2011-2013, fasal peningkatan 2014-2016 dan fasal pemerkasaan 2017-2020.

Untuk mencapai hasrat ini, KPM telah menyediakan pelan strategik transformasi pendidikan vokasional yang mengandungi lima strategi iaitu lima inisiatif dan 11 tindakan.

Pelan strategik ini akan mengarusperdanakan pendidikan vokasional di peringkat sekolah bermula pada tahun 2013. Ini bermakna pendidikan vokasional akan tersendiri menjadi pendidikan arus perdana. Dalam melaksanakan transformasi pendidikan vokasional ini, KPM telah mengambil langkah memperkenalkan program pendidikan asas vokasional iaitu PAV pada peringkat menengah rendah iaitu Tingkatan 1 hingga 3. Jadi, mata pelajaran vokasional akan dihapuskan secara berperingkat dan digantikan dengan PAB iaitu Program Asas Vokasional ini.

Murid yang mengikuti program ini akan dianugerahkan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) tahap satu dan dua di akhir Tingkatan 3. Usaha ini akan dapat melahirkan tenaga kerja mahir di negara pada usia yang lebih muda. Sebagai projek rintis sebanyak 15 buah sekolah menengah kebangsaan telah dikenal pasti untuk melaksanakan Program PAV ini pada tahun 2012. Taburan kepada murid-murid yang telah memohon sedang dilakukan. Sehingga kini secara keseluruhan permohonan kemasukan adalah melebihi 100 peratus di kebanyakan negeri.

Di peringkat menengah atas pula sebanyak 78 buah sekolah menengah vokasional (SMV) yang sedia ada akan dinaiktarafkan sebagai kolej vokasional dengan menawarkan program pengajian selama empat tahun dan menggunakan sistem semester.

Ada lebih kurang lapan semester untuk melayakkan mereka dianugerahkan Diploma Vokasional Malaysia atau pun setaraf SKM tahap empat. Program Kolej Vokasional akan mengukuhkan kemahiran komunikasi bahasa Inggeris, keusahawanan melalui *school enterprise* dan kemahiran insaniah *soft skill*. Kemasukan di kolej vokasional adalah berdasarkan kepada keputusan PMR seperti mana sebelum ini untuk memasuki sekolah menengah vokasional.

■1730

Kursus-kursus yang ditawarkan adalah merupakan bidang yang diperlukan oleh enam koridor ekonomi negara dan juga memenuhi *National Key Economic Area* (NKEA). Sebanyak 53 kursus pengajian telah dikenal pasti yang meliputi 12 bidang keutamaan sebagai projek rintis, 15 SMB akan dinaik taraf kepada kolej vokasional pada tahun 2012 dan pengambilan pertama pelajar di kolej vokasional adalah pada minggu pertama Januari 2012. Sehingga kini permohonan ke kolej vokasional telah melebihi 200 peratus. Di samping kolej vokasional KPM, pihak swasta dialu-alukan untuk menawarkan program kolej vokasional swasta melalui PFI. Setakat ini KPM telah mencadangkan dua buah syarikat yang akan melaksanakan kolej vokasional swasta dalam bidang penyelenggaraan pesawat dan mekatronik. Dalam skim ini pihak kerajaan akan membayar kepada pihak swasta berdasarkan bilangan murid di kolej berkenaan. KPM menyasarkan seramai 165,000 akan menyertai program ini menjelang 2015 dan meningkat kepada 324,300 orang murid tahun 2020.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat]***

Dalam konteks ini lebih banyak prasarana pendidikan vokasional akan dibangunkan termasuklah tujuh buah SMB baru dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh. Untuk makluman, bilangan guru dalam bidang teknik dan vokasional di KPM adalah seramai 3,575 orang.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan pendidikan Orang Asli seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Muhammad Olian bin Abdullah dan Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat. Untuk makluman, data keciciran murid Orang Asli di sekolah menengah telah menurun berbanding tahun-tahun sebelumnya. Sebagai contoh, pada tahun 2010 peratus keciciran adalah sebanyak 29 peratus berbanding tahun 2009 iaitu sebanyak 31.8 peratus. Penurunan kadar keciciran ini menunjukkan langkah-langkah yang berkesan yang dilaksanakan oleh KPM seperti penubuhan asrama di sekolah-sekolah Orang Asli. Sehingga kini, terdapat 42 buah sekolah daripada 93 buah sekolah Orang Asli dilengkapkan dengan kemudahan asrama.

Di samping itu, pelaksanaan Kelas Dewasa Ibu Bapa Orang Asli dan Penan iaitu yang dipanggil sebagai KEDAP juga membantu meningkatkan penyertaan murid ke sekolah. Pada tahun 2011 sebanyak RM9.21 juta telah diperuntukkan untuk melaksanakan KEDAP di 137 sekolah Orang Asli di Semenanjung, 14 di Sarawak iaitu Penan dan 14 di Sabah iaitu peribumi. KEDAP ini Tuan Yang di-Pertua di mana ibu bapa akan masuk kelas ini iaitu tiga kali seminggu dan mereka akan dibayar elaun kehilangan mata pencarian iaitu sebanyak lebih kurang RM12 kerana mereka tidak masuk hutan dan sebagainya untuk menggalakkan mereka menyertai kelas ini dan keutamaan kita dalam kelas ini juga termasuklah bahasa Malaysia, membaca dan sedikit bahasa Inggeris. Sebab itu Orang Asli sekarang ini boleh cakap Inggeris.

Pelaksanaan tersebut telah melibatkan seramai 4,950 penyertaan dan akan diteruskan pada tahun 2012. KPM juga telah melaksanakan Program K9 ataupun Komprehensif 9 di Sekolah Kebangsaan Paloh Hinai, Pekan dan akan di Long Bajang Sarawak. K9 ini maksudnya ialah sekolah tersebut digabungkan daripada tahun satu hingga Tahun 6 sekolah rendah dan Tingkatan 1 hingga Tingkatan 3 sekolah menengah. Maksudnya sekolah menengah rendah dibenarkan dibuat di sekolah rendah tersebut. Jadi pelajar ini setelah tamat Tahun 6 mereka tidak perlu pergi keluar untuk masuk ke sekolah menengah di tempat lain.

KPM turut merancang dua lagi sekolah seperti tersebut yang dipanggil K9 ataupun Komprehensif 9 ini iaitu di SK Batau, Kuala Lipis dan SK Pos Kemar, Gerik Perak dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Orang Asli.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Fatimah binti Hamat membangkitkan peranan jemaah nazir sekolah. Antara program yang dirancang dan dilaksanakan oleh jemaah nazir sekolah untuk meningkatkan kecekapan adalah antara setiap nazir sekolah mesti melalui proses Program Mentor-Mentee, setiap tahun sesi ceramah, taklimat, penataran ilmu diberikan kepada nazir sekolah di peringkat kebangsaan seperti negeri dan cawangan bertujuan memberi pengetahuan dan mengemas kini maklumat tentang perkembangan pendidikan negara dan perkongsian ilmu dibuat bersama-sama bahagian lain di KPM untuk mendapatkan perkembangan terkini dalam bidang kurikulum, kokurikulum dan hal ehwal murid Kementerian Pelajaran Malaysia. JNJK juga terlibat dalam penggubalan kurikulum yang diadakan dalam makmal KPM dan nazir sekolah diberi kursus penulisan laporan, kursus ICT, bimbingan kaunseling, kursus menangani stres dan sebagainya dan akhirnya sesi perkembangan staf diadakan di peringkat kebangsaan, negeri dan cawangan.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah peruntukan pembangunan sejumlah RM1.9 bilion diperuntukkan bagi tujuan pembangunan untuk semua jenis sekolah. Manakala RM2.7 bilion pula diperuntukkan untuk program-program pembangunan yang lain seperti latihan guru, perolehan tanah, pembelian peralatan dan sebagainya.

Berdasarkan jumlah peruntukan yang kecil dalam konteks pembangunan fizikal untuk maklumat Yang Berhormat Senator Tuan Ng Fook Heng, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Noriah binti Mahat, Yang Berhormat Senator Tuan Muhammad Olian bin Abdullah, Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah, Yang Berhormat Senator Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah, Yang Berhormat Senator Puan Chew Lee Giok, Yang Berhormat Senator Datuk Subbaiyah a/l Palaniappan, Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Yeow Chai Thiam kementerian akan memberi tumpuan kepada sekolah-sekolah yang benar-benar memerlukan perhatian berdasarkan kepada kajian audit fizikal sekolah yang telah dilaksanakan. Ini adalah untuk memastikan semua sekolah yang memerlukan penambahbaikan segera dapat di selenggara supaya persekitaran pengajaran dan pembelajaran yang kondusif dapat diwujudkan.

Bagi pembinaan Sekolah Jenis Kebangsaan Bukit Serdang seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Chew Lee Giok, Kementerian Pelajaran telah pun meluluskan dan menyediakan peruntukan untuk pembinaan sekolah tersebut tetapi kita masih berhadapan dengan masalah tapak untuk membina sekolah tersebut. Walau bagaimanapun, Kementerian Pelajaran ingin menyatakan bahawa tapak bagi SJK(C) Sungai Long dan SJK(C) Kajang telah diluluskan melalui tapak *reserve* pendidikan. Selain itu, peruntukan tambahan sebanyak RM0.9 bilion...

Puan Chew Lee Giok: Minta laluan, minta laluan. Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Puan Chew Lee Giok: ...Tentang Sekolah Jenis Kebangsaan Bukit Serdang ini saya hendak tahu jawapan lebih tepat tapak tanah itu sebab isu ini telah dimainkan oleh pihak pembangkang di Serdang ini sebab jangan kita hendak tunggu sampai PRU13 hendak sampai baru kata di mana. Saya minta bantuan Kementerian Pelajaran. Terima kasih.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Jawapannya mudah Yang Berhormat. Kita minta Kerajaan Negeri Selangor bagi tanahlah kalau dia bising sangat sebab dia banyak tanah. Buat apa tanah dikorek untuk jual pasir dan sebagainya. Bagilah untuk kita bina sekolah. Selain itu, peruntukan tambahan sebanyak RM1.9 bilion yang diwujudkan melalui tabung khas pembinaan, penambahbaikan dan penyelenggaraan sekolah seperti yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa pembentangan bajet juga akan menggunakan kaedah yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya setakat ini sahaja yang dapat dijelaskan mengenai perkara-perkara yang menyentuh Kementerian Pelajaran yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Perkara-perkara yang tidak sempat dijelaskan akan tetap diambil perhatian dan tindakan sewajarnya...

Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah: Mohon mencelah.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Boleh tanya sekejap. Soalan saya terlalu mudah sebenarnya tapi tidak ada dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hendak tahu apa sudah terjadi kepada langkah kementerian menyemak kembali sukatan mata pelajaran Sejarah. *It's a very straight forward*, dengan izin.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Yang Berhormat, saya minta maaf mungkin tertinggal untuk menjawab soalan tersebut tetapi untuk makluman Yang Berhormat seperti mana yang telah diarahkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Pelajaran satu Jawatankuasa Mengkaji dan Menggubal Kurikulum Sejarah ini telah pun diwujudkan dan kita telah pun berada di peringkat akhir sebenarnya untuk mendapatkan maklumat kajian daripada satu jawatankuasa ini dan kita berharap kita dapat melaksanakan dalam masa yang terdekat nanti. Ini kerana sebenarnya jawatankuasa ini selain daripada mengkaji tentang kurikulum tersebut kita juga akan mengkaji dari segi kaedah P&P supaya pembelajaran sejarah ini dapat dilaksanakan dalam suasana yang lebih menarik yang boleh menjadikan mata pelajaran itu sebagai mata pelajaran yang dihayati. Jadi, sebab itulah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah membuat keputusan iaitu mata pelajaran Sejarah akan dijadikan sebagai mata pelajaran wajib lulus di peringkat SPM.

■1740

Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara yang tidak sempat dijelaskan akan tetap diambil perhatian dan tindakan sewajarnya.

Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua. Ada satu soalan yang saya bangkitkan dalam perbahasan, mungkin mohon penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Berhubung dengan konsesi mencetak buku-buku Dewan Bahasa yang mana hari ini kita difahamkan bahawa Dawama gagal menjalankan tanggungjawab mencetak buku-buku keluaran Dewan Bahasa tetapi di sebaliknya, di sebalik kegagalan itu Dawama menyaman pula Dewan Bahasa kerana sebab-sebab tertentu. Saya juga ada membangkitkan isu ketelusan dalam penganugerahan kepada Syarikat Dawama Sdn. Bhd. ketika di peringkat awal dulu. Terima kasih.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Yang Berhormat. Oleh kerana kes ini telah menjadi kes mahkamah, jadi saya tidak mahu menjawabnya tetapi saya ingin memberi kepastian sebab semalam pun kami ada bermesyuarat iaitu bahawa pada hari pertama sesi persekolahan pada 3 atau 4 Januari ini, kita akan pastikan semua buku teks akan berada di atas meja setiap pelajar. Maksudnya kita jadikan itu sebagai *touch point* iaitu kita telah pun mengambil pelan 'B' walaupun berhadapan dengan masalah Dawama tetapi kita telah pun mengambil pelan 'B' dan *alhamdulillah* buku-buku sudah siap dicetak dan sudah mula dihantar.

Kita sewa kapal terbang, macam-macam kapal terbang kita sewa. Jadi, kita akan pastikan hari pertama untuk setiap pelajar mesti ada satu meja, satu kerusi dan buku teks yang mencukupi. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya ingat itu sahaja...

Puan Hajah Noriah binti Mahat: Minta laluan.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Yang Berhormat Menteri.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Ada lagi?

Timbalan Yang di-Pertua: Ramai lagi minta laluan.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Saya sudah hendak tutup dah.

Timbalan Yang di-Pertua: Beri Yang Berhormat?

Puan Hajah Noriah binti Mahat: Minta laluan sekejap saja Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Puan Hajah Noriah binti Mahat.

Puan Hajah Noriah binti Mahat: Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, mungkin soalan ini tidak perlu susah-susah jawab, mungkin tercicir agaknya. Dicadangkan bina bangunan sekolah dua tingkat. Ini bermakna bukan saya suruh roboh bangunan-bangunan yang dah dibuat, cuma pada masa-masa akan datang kerana maklumlah anak murid kuat naik ke atas tetapi cikgunya kerana umur makin lama makin meningkat, bukan daripada tua pergi muda tetapi dari muda pergi ke tua. Jadi, nampaknya sekolah ini makin lama makin tinggi. Saya ingin mencadangkan, hari itu ada cadangan supaya sekolah dibuat difikirkan semula buat dua tingkat supaya beri kemudahan untuk guru-guru yang makin lama umur makin meningkat, khasnya kepada yang mengandung kerana ramai cikgu-cikgu sekarang ini yang perempuan, orang lelaki kurang.

Satu lagi soalan saya, kalau boleh kementerian minta tolong jawab jumlah pendidik yang mempunyai ijazah sarjana dan kedoktoran untuk mengajar di sekolah-sekolah biasa ini. Minta tolong jawab, saya hari itu sudah terperinci, saya tidak mahu ulang kerana hendak jimat masa. Terima kasih.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Terima kasih. Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya ada berucap mengenai sekolah-sekolah Tamil tetapi tidak ada jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu di Malaysia ada 524 sekolah Tamil, daripada itu 322 ialah terletak di estet. Sekolah-sekolah di estet itu memang di tanah swasta, tidak dapat bantuan penuh. Jadi, warga estet ini warga miskin, bila mereka tidak dapat bantuan-bantuan macam sekolah bantuan penuh di bandar, mereka terjejas dan tidak ada pertolongan daripada kerajaan. Ibu bapa mereka pun kerja kuat, mereka pun sumbang kepada ekonomi negara ini. Jadi, kenapa mereka dianaktirikan, warga miskin ini? Jadi cadangan saya, bolehkah kerajaan anggap ataupun mengambil sekolah swasta ini sebagai sekolah bantuan penuh juga, beri semua bantuan seperti sekolah-sekolah bantuan penuh. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada seorang lagi Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya rasa cukuplah Tuan Subramaniam.

Tuan Subramaniam a/l Veruthasalam: Ya. Yang Berhormat Timbalan Menteri, cadangan saya atau soalan berkenaan dengan STPM dan *A-Level*, tidak ada apa-apa jawapan, itu sahaja. Terima kasih.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat. Pertama mengenai dengan sekolah dua tingkat ini. Saya hendak maklumkan bahawa kita memang ada beberapa *design* baru sebenarnya yang sudah pun diluluskan dan diputuskan sebab memang kalau boleh kita hendak menjimatkan dari segi kos. Saya hendak maklumkan bahawa bila kita membina sekolah, saya ambil contoh macam SK Long Badian, memang sekolah ini jauh ke pedalaman. Kita bina enam bilik darjah tetapi melibatkan kos sebanyak RM48 juta, satu kos yang besar. Ini yang menyebabkan kita perlu mencari *design* yang baru. Jadi, perkara tentang dua tingkat ini kita akan beri perhatian. Soalan kedua tadi, saya akan beri jawapan bertulis.

Mengenai dengan Yang Berhormat tadi, mengenai dengan SJK(T). Yang Berhormat, kita tidak pernah menganaktirikan SJK(T). Jadi, sebab itu saya hendak maklumkan bahawa setiap tahun kita berbelanja RM1.8 bilion untuk bayar gaji guru di SJK(C) dan SJK(T). Mengenai dengan sekolah hendak bantuan penuh, maksudnya sekolah-sekolah yang dimiliki oleh swasta ini. Ia mudah sahaja, pertama mesti dapat keputusan ibu bapa, persetujuan 100 peratus. Kedua, persetujuan daripada lembaga sebab ini melibatkan soal tanah dan sebagainya.

Kalau mereka sanggup serah tanah itu kepada kita, jadikan sekolah bantuan kerajaan, kita boleh terima, tidak ada masalah. Jadi, perkara ini cukup jelas dan kita sudah jawab banyak kali sebenarnya. Jadi, yang penting Yang Berhormat, kita tidak pernah menganaktirikan sekolah-sekolah ini. Kalau hendak tahu bahawa tahun ini sahaja untuk tabung khas pembangunan, kita sediakan RM100 juta untuk SJK(T)...

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Tadi dalam ucapan saya ada minta, apakah *breakdown* RM100 juta itu. Sekolah yang mana atau apakah projek-projek yang dibuat?

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Itu bajet 2012, jadi takkanlah saya hendak beritahu *breakdown* sekarang.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Beri satu anggaran sahajalah, belum tahu apa hendak buat?

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Kalau Yang Berhormat minta apa yang kita dah belanja 2011, kita boleh bagi tetapi 2012, takkan Yang Berhormat tidak tahu, mana boleh belanja sekarang.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Okey, terima kasih. Akan tetapi Yang Berhormat Timbalan Menteri...

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Jadi, mengenai dengan STPM, Yang Berhormat, saya akan bagi jawapan bertulis sebab saya tidak pasti bentuk soalnya.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Nampaknya Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak mahu jawab soalan saya...

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Ya?

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Apa yang saya minta tadi ialah kanak-kanak yang belajar di sekolah estet, mereka yang dilepaskan. Memang ada isu soal tanah swasta tetapi siapa yang tertinggal, murid-murid warga miskin. Itu soalan saya.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Jadi, sebab itu kita beri bantuan kepada SJK(T) Yang Berhormat, sebab itu saya kata ibu bapa kena setuju 100 peratus, lembaga kena bertolak ansur. Bagilah tanah itu pada kita, kita bangunkan, apa masalahnya, itu sahaja jawapannya Yang Berhormat. Jadi Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Itu sahaja jawapan saya.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang diberi. Minta Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi untuk menjawab.

5.49 ptg.

Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi I [Dato' Hamzah bin Zainudin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2012 yang menyentuh isu-isu berkaitan dengan kementerian saya, Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah telah membangkitkan laporan media tentang syarikat perladangan sawit Malaysia yang menebang hutan-hutan di Kalimantan dan membunuh orang utan untuk membangunkan ladang sawit. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sememangnya terdapat syarikat-syarikat perladangan sawit dari Malaysia yang melabur dengan menanam sawit di Indonesia termasuk di Kalimantan.

Saya tak mahu menafikan terdapat laporan oleh media di Indonesia yang mendakwa syarikat Malaysia terlibat dengan kegiatan pembunuhan orang hutan dan hidupan liar. Pada masa ini kementerian difahamkan bahawa pihak berkuasa di Indonesia sedang menjalankan siasatan ke atas dakwaan tersebut dan sehingga kini belum ada lagi bukti yang sah yang telah pun dikemukakan, malahan Konsulat Malaysia di Pontianak, Kalimantan turut menyiasat dan menyusuli dakwaan ini.

■1750

Saya yakin pihak berkuasa Indonesia akan menyasat dakwaan tersebut dengan adil mengikut peruntukan undang-undang yang sedia ada di Indonesia.

Kementerian saya memandang serius tuduhan seperti ini kerana Malaysia mengamalkan penanaman sawit mampan dan mesra alam. Dakwaan ini akan menjejaskan nama baik kita, nama baik industri sawit negara yang bernilai berbilion ringgit serta menjadi punca pendapatan kepada ratusan ribu rakyat tempatan.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, satu tabung telah pun diwujudkan yang kita namakan, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *Malaysian Palm Oil Wildlife Conservation Fund* (MPOWCF) yang telah pun diwujudkan dan peruntukan sebanyak RM20 juta bermula daripada tahun 2008 dan tabung ini disediakan 50 peratusnya daripada industri dan 50 peratus daripada kerajaan.

Dalam isu laporan media tersebut, kementerian saya menyokong supaya sesiapa yang dibuktikan bersalah menyebarkan dakwaan palsu tersebut atau terlibat dengan pembunuhan orang hutan dan juga hidupan liar dihadapkan ke muka pengadilan dan dijatuhi hukuman yang setimpal.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itulah sahaja yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di sini dan saya ucapkan ribuan terima kasih. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Inilah prihatin, walaupun satu soalan sahaja tapi Yang Berhormat Menteri datang juga menjawab. Beri tepukan untuk Menteri... [*Tepuk*] Sekarang minta Kementerian Dalam Negeri untuk menjawab.

5.52 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri II [Dato' Lee Chee Leong]: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada seramai 15 orang Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2012 di Dewan yang mulia ini yang melibatkan Kementerian Dalam Negeri pada 8 Disember hingga 14 Disember yang lalu.

Sebelum saya menjawab pertanyaan-pertanyaan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tersebut, izinkan saya terlebih dahulu memanjatkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada kerajaan, khususnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di atas keprihatinan beliau melalui peruntukan sejumlah RM10,672,968,900 bagi peruntukan mengurus dan belanja pembangunan sepanjang tahun hadapan serta memberi peruntukan khas sebanyak RM200 juta bagi PDRM melengkapkan keperluan peralatan yang lebih moden.

Peruntukan ini adalah tambahan kepada peruntukan perbelanjaan pembangunan sebanyak RM442 juta bagi membolehkan PDRM menaik taraf kemudahan kuarters, pejabat dan bangunan di bawah *build, lease and transfer*. KDN akan memanfaatkan sepenuhnya peruntukan yang disalurkan bagi memberi impak yang maksimum kepada usaha memelihara keamanan, keselamatan dan kesejahteraan rakyat serta negara yang menjadi teras utama kementerian ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Doris Sophia ak Brodi menyentuh berkenaan khidmat bekas polis semasa zaman koloni dahulu dan mencadangkan mereka-mereka yang layak diberi pengiktirafan. Kerajaan amat menghargai jasa dan pengorbanan anggota pasukan keselamatan termasuk bekas anggota polis khas dan polis tambahan yang pernah berkhidmat semasa zaman darurat dahulu yang terdiri daripada bekas anggota *home guard, special constable, extra police constable, auxiliary police, women auxiliary police, women special constable, borders scout* dan *jungle squad*. Atas dasar ini, sebagai tanda penghargaan dan mengenang jasa mereka dalam perjuangan menentang komunis semasa zaman darurat, kerajaan telah memberi bayaran sagu hati khas kepada mereka sebanyak RM1,000 secara *one-off* kepada setiap orang bekas anggota polis khas dan polis tambahan atau bagi mereka yang telah meninggal dunia, diberikan kepada balu atau duda mereka.

Sebagai kerajaan yang prihatin kepada rakyat, dalam pembentangan Belanjawan 2012 pada 7 Oktober yang lalu, kerajaan sekali lagi memberi sumbangan sebanyak RM3,000 secara *one-off* kepada setiap bekas anggota polis khas dan polis tambahan serta duda atau balu mereka. Selain daripada bantuan yang disebutkan di atas, pihak kerajaan juga ada memberikan bantuan kepada mereka melalui Tabung Amanah Warisan Polis yang menyediakan bantuan-bantuan kebajikan meliputi bantuan khairat kematian, bantuan perubatan, bantuan pemberian alat pergerakan dan anggota palsu, bantuan pelajaran dan bantuan bencana alam. Yang Berhormat Senator Puan Hajah Noriah binti Mahat menyentuh berkenaan pembinaan Muzium PDRM Bukit Kepong, Muar, Johor. PDRM telah memohon peruntukan sebanyak RM25 juta di bawah *Rolling Plan* kedua Rancangan Malaysia Ke-10 bagi tujuan pembinaan Galeri Muzium PDRM dan Memorial yang melibatkan reka bentuk dalaman serta kerja keselamatan bagi tebing Sungai Muar. Ini kerana tapak pelaksanaan projek dicadangkan terdedah kepada bencana banjir.

Sementara itu, peruntukan RM200,000 telah disalurkan pada tahun ini untuk tujuan baik pulih bangunan Muzium Bukit Kepong yang sedia ada dan kerja-kerja pembaikan tersebut telah dilaksanakan. Mengenai permintaan Yang Berhormat Tuan Pau Chiong Ung supaya kerajaan menambah anggota polis di kawasan pedalaman di Bintulu dan mendirikan balai polis di daerah-daerah pedalaman di Bintulu, ingin saya jelaskan dalam mempertimbangkan keperluan pembinaan sesebuah balai polis atau ibu pejabat polis, kementerian perlu memberi keutamaan kepada faktor-faktor dan keperluan lain yang lebih mendesak dan kritikal. Walau bagaimanapun, kementerian akan mengkaji keperluan untuk membina balai-balai polis di negara ini daripada semasa ke semasa.

Suka saya jelaskan di Dewan yang mulia ini, setakat 31 Ogos lalu, jumlah keanggotaan PDRM adalah seramai 110,927 orang. Penugasan keanggotaan perjawatan PDRM telah digunakan secara maksimum dan penempatan mereka adalah berasaskan kepada kepentingan dan keperluan penugasan yang mendesak. Yang Berhormat Senator Puan Norliza binti Abdul Rahim juga ada membangkitkan isu rungutan daripada pemilik premis atau bangunan balai polis komuniti yang sewa balainya dikatakan tertunggak. Beliau memohon penjelasan tentang jumlah tunggakan yang ditanggung oleh PDRM. Semakan PDRM mendapati tiada bayaran sewaan bangunan yang tertunggak melainkan bagi sewaan premis yang memerlukan sambungan perjanjian.

■1800

Walaupun bagaimanapun, sewaan tersebut akan dibayar setelah perjanjian ditandatangani memandangkan bayaran peruntukan sewaan menggunakan peruntukan semasa PDRM. Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Fatimah binti Hamat memohon supaya modul program latihan PDRM ditambah baik supaya lebih menjurus kepada pendekatan agama dan integriti. Kementerian mengambil maklum berkenaan perkara yang telah dicadangkan Yang Berhormat Senator.

Buat masa ini, modul latihan bagi anggota dan pegawai PDRM dirasakan mencukupi dalam membentuk anggota PDRM dari segi rohani dan jasmani. Ini ditambah pula dengan kursus-kursus dan program-program yang berkaitan yang diadakan dari masa ke semasa yang diberikan kepada semua anggota PDRM sepanjang perkhidmatan mereka bagi memperkasa jati diri dan sentiasa mengingatkan mereka kepada tanggungjawab dan amanah kepada agama, bangsa dan negara. Yang Berhormat Senator Puan Doris Sophia ak Brodi telah menyentuh berkenaan isu keldai dadah dan perkara-perkara yang berkaitan dengan keldai dadah ini dalam perbahasan beliau. Statistik PDRM merekodkan dari tahun 2007 hingga November tahun ini seramai 303 orang keldai dadah terdiri daripada 159 lelaki dan 144 wanita telah ditahan di luar negara. Pecahan tangkapan adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah (orang)
2007	83
2008	66
2009	56
2010	48
2011 (hingga November)	50

Bagi tempoh yang sama daripada jumlah tersebut, rakyat Sarawak yang di tahan di luar negara sebagai keldai dadah pula adalah seramai 13 orang iaitu empat lelaki dan sembilan wanita masing-masing lima orang pada tahun 2007, empat orang pada tahun 2009, dua orang pada tahun 2010 dan sehingga November 2011 seramai dua orang. Kerajaan sememangnya amat serius dalam menangani aktiviti pengedaran dadah terutamanya yang melibatkan penipuan ke atas warga negara Malaysia untuk dijadikan sebagai keldai dadah atau *drug courier*. Bagi membanteras kegiatan ini, kerajaan melalui Polis Diraja Malaysia telah pun mengambil langkah-langkah seperti berikut:

- (i) menjalinkan hubungan kerjasama antarabangsa dengan pelbagai agensi penguatkuasaan negara-negara asing untuk bertukar-tukar maklumat risikan;
- (ii) meningkatkan pemeriksaan rapi di pintu-pintu masuk utama sempadan negara dan lapangan terbang;
- (iii) mengambil tindakan pencegahan ke atas sindiket yang terlibat di bawah Akta Dadah Berbahaya Langkah-langkah Pencegahan Khas 1985;
- (iv) pemantauan juga dilakukan ke atas laman web dan PDRM akan bertindak sekiranya terdapat maklumat berikutan keldai dadah;
- (v) mengadakan program-program kesedaran kepada orang ramai terutamanya golongan belia melalui sebaran-sebaran am, media cetak dan media elektronik; dan
- (vi) mendedahkan trend penipuan dan modus operandi yang sering digunakan oleh sindiket-sindiket pengedaran dadah melalui program bual bicara dan kenyataan akhbar.

Tuan Yang di-Pertua, usaha membendung kegiatan berkenaan turut melibatkan agensi penguatkuasaan yang lain termasuklah Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia dan Kementerian Pengajian Tinggi. Melalui kerjasama dengan kastam, mesin pengimbas digunakan secara bersama bagi memeriksa bagasi dan penumpang. Kerjasama dengan imigresen pula dibuat bagi mendapatkan profil pelawat atau warganegara asing yang keluar-masuk ke negara ini.

Yang Berhormat Senator Puan Norliza binti Abdul Rahim dan Yang Berhormat Tuan Baharudin bin Abu Bakar pula membangkitkan tentang soal jenayah yang dilakukan oleh warga asing khususnya warga Afrika dan Iran yang semakin meningkat. Tidak dapat dinafikan, di kalangan warga Afrika yang ada di negara terdapat mereka yang terlibat dengan jenayah terutama yang membabitkan pengedaran dadah dan jenayah komersial.

Sebanyak 20 kes melibatkan warganegara Afrika melakukan jenayah pada tahun 2009 telah dicatatkan manakala sebanyak 30 kes melibatkan warganegara Afrika melakukan jenayah sepanjang tahun 2010. Sehingga Julai 2011 pula, sebanyak sembilan kes melibatkan warganegara Afrika melakukan jenayah pada tahun ini.

Yang Berhormat Senator Tuan Subramaniam a/l Veruthasalam menyentuh tentang kematian semasa dalam tahanan. Ingin saya maklumkan di sini bahawa sebahagian besar daripada kematian orang tahanan adalah berpunca daripada masalah kesihatan dan pergaduhan semasa tahanan. Kementerian sentiasa komited dalam membendung situasi ini dari berleluasa. Di antara perkara yang telah dilakukan ialah seperti menyiasat semua kejadian tersebut bagi proses inkues di bawah undang-undang yang diperuntukkan seperti Kanun Tatacara Jenayah, kebanyakan lokap-lokap polis terutamanya di daerah-daerah besar telah dipasang dengan CCTV bagi membantu pengawal seliaan tahanan dan komplikasi kesihatan semasa berada dalam lokap polis diberi perhatian khusus dan dirujuk ke hospital untuk mendapatkan rawatan.

Yang Berhormat Senator Dato' Azian bin Osman dan Yang Berhormat Senator Puan Norliza binti Abdul Rahim memohon penjelasan berkenaan kemasukan warga asing dan PATI serta bertanya mengapa begitu mudah PATI masuk ke negara ini tanpa pemeriksaanan dan kawalan ketat dan juga memohon penjelasan adakah pihak imigresen bertindak hanya jika ada laporan. Malaysia adalah sebuah negara yang mempunyai sempadan darat dan laut yang luas dan kebiasaannya PATI memasuki negara tanpa melalui pintu masuk yang telah ditetapkan.

Tugas-tugas penguatkuasaan pintu masuk negara dipertanggungjawabkan ke atas beberapa agensi penguatkuasaan. Jabatan Imigresen Malaysia bertanggungjawab menjalankan tugas-tugas pemeriksaan dokumen di pintu-pintu masuk negara yang diwartakan serta semasa operasi penguatkuasaan dijalankan. PATI juga merujuk kepada warganegara asing yang telah melakukan kesalahan seperti berikut:

- (i) masuk ke Malaysia tanpa memiliki pas yang sah;
- (ii) berada di Malaysia setelah tamat tempoh pas yang dikeluarkan kepadanya; dan
- (iii) melanggar syarat pas yang dikeluarkan seperti beralih daripada sektor yang dibenarkan atau diizinkan.

Jabatan Imigresen Malaysia menjalankan operasi secara berjadual dan berkala mengikut maklumat risikan jabatan serta sekiranya mendapat maklumat atau laporan daripada orang awam.

Jabatan Imigresen Malaysia juga mempunyai arahan tetap Ketua Pengarah Imigresen mengenai tatacara pengendalian operasi penguatkuasaan Akta Imigresen 1959/63, Peraturan-peraturan Imigresen 1963 dan Akta Pasport 1966 yang dikeluarkan pada 21 Ogos 2001 yang telah menggariskan bahawa setiap maklumat-laporan yang diterima hendaklah diproses mengikut klasifikasi.

Berhubung kemasukan warganegara asing dari negara-negara Afrika dan Iran sebagaimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Norliza binti Abdul Rahim, Yang Berhormat Tuan Baharudin bin Abu Bakar dan Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah. Setiap pelawat warga asing yang tiba di Malaysia perlu menjalani proses kawalan dan semakan imigresen seperti satu, semakan dokumen perjalanan bagi memastikan bahawa dokumen yang dimiliki oleh pelawat tersebut adalah merupakan dokumen yang sah dan tulen. Ia juga bertujuan mengelakkan pelawat yang menggunakan dokumen perjalanan milik individu lain yang mungkin disalahgunakan untuk menjalankan kegiatan jenayah di negara ini.

■1810

Kedua, memastikan bahawa setiap pelawat warga asing yang memasuki negara ini dengan tujuan lawatan sosial mempunyai tiket bagi perjalanan pulang ke negara asal mereka. Ini bagi memastikan bahawa pelawat tersebut tidak tinggal lebih masa daripada tempoh yang telah dibenarkan.

Ketiga, semakan melalui senarai syak jabatan bagi memastikan bahawa setiap pelawat warga asing yang memasuki Malaysia adalah bebas daripada sebarang rekod kesalahan sama ada kesalahan imigresen ataupun kesalahan jenayah.

Keempat, pengambilan biometrik NERS di setiap pintu masuk keluar negara. Melalui sistem ini, cap jari serta biodata setiap warga asing yang masuk dan keluar dari Malaysia akan disimpan secara elektronik. Hasilnya, kerajaan akan mempunyai profil bagi setiap warga asing yang memasuki dan berada dalam negara ini. Pengambilan dan pengesahan biometrik seseorang warga asing yang telah direkodkan boleh disemak dengan pangkalan data NERS yang berupaya mengesahkan identiti warga asing tersebut. Dengan ini, ia seterusnya boleh menangani isu pemalsuan identiti dan dokumen perjalanan melalui pendaftaran dan data biometrik cap jari, sekali gus dapat membanteras pemerdagangan orang dan penyeludupan manusia.

Semua proses di atas adalah bertujuan untuk menjamin hanya pelawat asing yang tulen sahaja yang dibenarkan untuk memasuki Malaysia. Setiap proses yang dinyatakan perlu dilaksanakan oleh pegawai imigresen dalam tempoh satu minit seperti yang telah ditetapkan oleh piagam pelanggan JIM.

Yang Berhormat Senator Tuan Pau Chiong Ung dan Yang Berhormat Tuan Baharudin bin Abu Bakar pula meluahkan kebimbangan masyarakat dengan kebanjiran warga asing yang tidak bekerja dan kehadiran mereka menimbulkan ketidakselesaan di kalangan rakyat. Di antara tindakan yang diambil oleh kerajaan dalam menangani masalah warga asing ini ialah seperti berikut:

- (i) memperketatkan saringan di pintu-pintu masuk negara;
- (ii) mengadakan kerjasama dengan pelbagai agensi kerajaan yang lain seperti Kementerian Pengajian Tinggi, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia, Jabatan Imigresen, RELA dan lain-lain;
- (iii) mengadakan lebih kerap aktiviti-aktiviti seperti perjumpaan dengan kumpulan masyarakat untuk meningkatkan lagi kesedaran mengenai peranan untuk turut serta membantu kerajaan dalam menjaga keselamatan dan ketenteraman awam; dan
- (iv) meningkatkan operasi besar-besaran di samping mengenakan tindakan undang-undang pencegahan terhadap warga asing yang melanggar undang-undang dan mengganggu ketenteraman awam.

Yang Berhormat Senator Tuan Ng Fook Heng bertanya sama ada kemasukan warga Singapura dikira setiap hari dan ingin tahu bagaimana rekod jumlah kemasukan warga Singapura ke Johor sebanyak 14 juta setiap tahun direkodkan sedangkan bilangan rakyat Singapura hanya berjumlah lingkungan 4 juta sahaja.

Statistik Jabatan Imigresen Malaysia adalah berdasarkan rekod pergerakan kemasukan di mana daripada Januari sehingga September 2011, jumlah rekod pergerakan kemasukan warganegara Singapura adalah sebanyak 3,880,715 kali. Purata kemasukan warganegara Singapura ke Malaysia adalah sebanyak 431,191 kali sebulan. Jumlah kemasukan warga Singapura yang tinggi adalah kerana warga Singapura tersebut sering masuk ke Malaysia berulang kali bagi tujuan melancong, bekerja dan melawat keluarga. Kebanyakan warga Singapura juga kerap memasuki Malaysia untuk tempoh dua hingga tiga jam sahaja untuk beberapa kali dalam tempoh seminggu bertujuan untuk membeli belah dan menjadikan Johor Bahru sebagai destinasi menjamu selera.

Yang Berhormat Senator Puan Norliza binti Abdul Rahim, Yang Berhormat Senator Tuan Khoo Soo Seang dan Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Fatimah binti Hamat menyentuh berkenaan pelaksanaan Program 6P.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Program Penyelesaian Menyeluruh Mengenai Pendatang Tanpa Izin (PATI) atau Program 6P adalah sebahagian daripada usaha penting dalam agenda kerajaan untuk memantapkan pengurusan warga asing di negara ini, sekali gus membantu menangani jenayah rentas sempadan khususnya jenayah pemerdagangan orang dan penyeludupan manusia.

Program 6P merupakan satu pakej inisiatif yang menggabungkan beberapa syor yang dikemukakan oleh Makmal Pengurusan Warga Asing (MPWA). Ini adalah antara inisiatif-inisiatif awal MPWA yang dilaksanakan dengan memberikan fokus kepada menangani isu pendatang asing tanpa izin yang berada di negara ini. Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Pekerja Asing dan Pendatang Asing Tanpa Izin pada 22 Jun yang lalu telah memutuskan untuk melaksanakan Program 6P ini yang merangkumi enam proses iaitu pendaftaran, pemutihan, pengampunan, pemantauan, penguatkuasaan dan pengusiran. Proses pendaftaran PATI iaitu fasa pertama dalam Program 6P telah dilaksanakan pada 1 Ogos hingga 31 Ogos tahun ini di Semenanjung dan Wilayah Persekutuan Labuan. Manakala bagi negeri Sabah, ia dilaksanakan pada 18 Julai hingga 8 Ogos yang lalu. Bagi negeri Sarawak pula, ia telah dimulakan pada 1 November dan berjalan sehingga kini.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga tamat tarikh proses pendaftaran Program 6P pada 31 Ogos lalu, seramai 2,320,034 orang PATI dan pekerja asing sah telah berdaftar melalui sistem biometrik. Daripada jumlah tersebut, seramai 1,303,126 atau 56 peratus adalah PATI dan seramai 1,016,908 atau 44 peratus pula adalah pekerja asing yang sah. Sebahagian besar daripada PATI tersebut telah berdaftar dengan syarikat-syarikat pengurus yang dilantik oleh kerajaan iaitu sebanyak 78 peratus, hanya 22 peratus PATI yang didaftarkan oleh Jabatan Imegresen Malaysia.

Melalui Program 6P ini, rekod Jabatan Imigresen Malaysia menunjukkan pekerja asing sah dan PATI warganegara Indonesia merupakan jumlah tertinggi iaitu seramai 1,045,921 iaitu terdiri daripada 405,312 pekerja asing sah dan 640,609 PATI.

Warganegara Bangladesh adalah golongan kedua terbesar dengan jumlah 400,700 orang iaitu 132,897 bagi pekerja asing yang sah dan 267,803 bagi PATI.

■1820

Ini diikuti dengan negara *Myanmar*, Nepal dan India. Dari segi jantina jumlah lelaki adalah 977,140 orang atau 75 peratus. Sehingga 14 November 2011 status program 6P melalui proses pengampunan yang didapati pulang ke negara asal secara sukarela adalah sebanyak 51,544 orang PATI. Bagi proses pemutihan pula seramai 91,908 orang PATI telah terlibat menguruskan untuk di regulasasikan sebagai pekerja asing sah.

Yang Berhormat Senator Puan Norliza juga bertanya adakah kerajaan berjaya menambah hasil daripada bayaran levi pas dan visa dikenakan ke atas pekerja asing yang diputihkan melalui proses pemutihan? Sudah tentu kerajaan berjaya menambah hasil daripada bayaran levi yang dikenakan ke atas pekerja asing yang diputihkan melalui proses pemutihan. Ini adalah kerana sebelum ini PATI telah bekerja dengan secara haram dan kerajaan tidak dapat mengutip hasil daripada bayaran yang sepatutnya dikenakan. Walau bagaimanapun, jumlah hasil kutipan hanya dapat diketahui setelah selesai proses pemutihan ini.

Yang Berhormat Senator Puan Norliza juga memohon penjelasan tentang bilangan syarikat mengurus pemutihan 6P yang diberikan kelulusan dan apakah kriteria pemilihan yang digunakan? Proses pendaftaran PATI di Semenanjung Malaysia dilaksanakan oleh Jabatan Imigresen Malaysia dengan bantuan syarikat-syarikat pengurus yang dilantik oleh kerajaan. Manakala pendaftaran PATI di Sarawak dan Sabah dilaksanakan oleh Jabatan Imigresen Malaysia sahaja.

Pendaftaran pekerja asing yang sah pula hanya dilaksanakan oleh JIM. Kementerian telah melantik sejumlah 336 syarikat pengurus bagi membantu Jabatan Imigresen Malaysia mendaftar PATI di bawah program 6P. Pelantikan syarikat dilakukan secara tawaran iklan melalui laman web Kementerian Dalam Negeri. Syarikat-syarikat yang telah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan telah disaring dan diperakukan oleh jawatankuasa panel pemilihan syarikat pengurus untuk dilantik sebagai syarikat pengurus di bawah program ini.

Penentuan kriteria syarikat pengurus ini adalah hasil persetujuan dalam beberapa mesyuarat bersama yang telah dinyatakan. Oleh itu terdapat beberapa kriteria yang ditetapkan oleh jawatankuasa pelantikan pengurus tersebut iaitu:

- (i) mempunyai *manpower*;
- (ii) merupakan agensi pekerjaan dan pengurusan sumber manusia;
- (iii) syarikat mempunyai modal berbayar RM100,000 dan ke atas;
dan
- (iv) menunjukkan status kewangan yang stabil bila dirujuk dengan SSM.

Yang Berhormat Puan Norliza Abdul Rahim juga bertanya adakah PATI yang di ampun sudah disaring bersih daripada rekod jenayah. Adakah kos berkaitan ditanggung sepenuhnya oleh mereka ini serta peranan dan fungsi yang telah terlaksana menerusi unit khas termasuk empat sub unit yang menangani masalah berkaitan program 6P.

Proses pengampunan merupakan fasa di mana tiada tindakan perundangan diambil ke atas PATI yang ingin kembali ke negara asal mereka. Sebelum melalui proses pengampunan, mereka perlu melalui tapisan keselamatan Jabatan Imigresen Malaysia dan semakan rekod jenayah. Sekiranya PATI tersebut mempunyai rekod jenayah, mereka akan ditahan oleh agensi penguatkuasaan.

Kos perjalanan pulang dan dokumen perjalanan di tanggung oleh PATI sendiri. Bagi PATI yang tidak memiliki dokumen perjalanan yang sah, sekiranya mereka memilih untuk pulang ke negara asal, pihak kementerian akan bekerjasama dengan kedutaan masing-masing untuk menyediakan dokumen perjalanan untuk kembali ke negara asal.

Bagi parti yang memilih untuk bekerja dan sekiranya menepati kriteria pekerjaan, kementerian akan bekerjasama dengan pihak kedutaan untuk mengeluarkan pasport sebelum diserap untuk bekerja di Malaysia.

Empat sub unit yang ditubuhkan oleh kementerian adalah untuk menangani isu-isu spesifik dan ianya tiada kaitan secara langsung dengan program 6P. Walau bagaimanapun, ia membantu pengurusan menyeluruh kehadiran warga asing di negara ini.

Yang Berhormat Senator Puan Norliza dan Yang Berhormat Senator Tuan Khoo Soo Seang seterusnya ingin tahu perancangan KDN kepada parti yang enggan terlibat dalam program 6P dan apakah tindakan selanjutnya yang dikenakan kepada mereka ini. Adakah mekanisme yang diguna pakai untuk membolehkan warga asing yang memerlukan pekerjaan atau tidak bermajikan memperoleh pekerjaan yang sah.

Bagi PATI yang tidak berdaftar akan ditangkap dan diambil tindakan perundangan dan mereka akan melalui proses pengusiran diikuti dihantar pulang ke negara asal mereka. PATI berdaftar yang tidak mempunyai majikan akan disenaraikan dalam data *pool program* 6P. Mereka ini boleh diputihkan dengan syarat terdapat majikan yang berminat untuk menggaji mereka di mana proses permohonan adalah tertakluk kepada dasar dan syarat semasa proses pemutihan program 6P.

Yang Berhormat Senator Puan Noliza memohon penjelasan sama ada kerana KDN mempunyai pangkalan data kemasukan warga asing dan penjelasan tentang NERS, manakala Yang Berhormat Datuk Hajah Fatimah binti Hamat ingin mengetahui sejauh mana proses pendaftaran biometrik dapat membantu JIM dan PDRM agar negara tidak menjadi transit bagi sindiket peredaran dadah dan perdagangan manusia.

Sistem pangkalan data biometrik dan sistem sekuriti nasional yang dikenali sebagai *National Enforcement and Registration System* (NERS) merupakan pangkalan data warga asing. Melalui sistem NERS ini, cap jari serta biodata setiap warga asing akan diambil semasa di pintu-pintu masuk negara dan disimpan secara elektronik. Hasilnya kerajaan mempunyai profil setiap warga asing yang memasuki dan berada dalam negara ini. *Profile* tersebut akan dimuatkan dalam pangkalan data yang boleh diguna pakai secara holistik oleh agensi-agensi selain Jabatan Imigresen Malaysia di mana rujukan silang sentiasa dapat dilakukan dengan pangkalan data agensi masing-masing bagi tujuan pelbagai.

Pelengkap NERS *code* juga akan dicetak dan ditampal di atas pasport warga asing tersebut. Setelah NERS siap di bangunan sepenuhnya kelak, pegawai penguat kuasa semasa operasi penguatkuasaan di lapangan boleh mengimbas NERS *code* yang di letakkan di atas pasport warga asing menggunakan telefon bimbit yang dilengkapi *mobile enforcement system*. Ini di mana maklumat biometrik akan disemat secara *real time online* bagi memastikan pelawat tersebut berada di negara ini menggunakan pas yang bersesuaian dan dalam tempoh yang dibenarkan.

■1830

Melalui sistem pangkalan data biometrik dan sistem *security national* yang mana dikenali sebagai *National Enforcement and Registration System* (NERS) ini, cap jari serta biometrik setiap warga asing akan disimpan secara elektronik. Hasilnya kerajaan mempunyai profile setiap warga asing yang memasuki dan berada di dalam negara ini. Profil tersebut akan dimuatkan dalam pangkalan data yang boleh diguna pakai secara holistik oleh agensi-agensi selain Jabatan Imigresen Malaysia di mana rujukan silang sentiasa dapat dilakukan dengan pangkalan data agensi masing-masing bagi tujuan pelbagai. Data-data ini yang diperolehi dari sistem *NERS* ini tidak boleh diubah di mana maklumat identiti seseorang warga asing ini akan disimpan kekal.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Penampilan biometrik ini berasaskan piawai antarabangsa yang mana membolehkan kerjasama di antara agensi-agensi antarabangsa dan agensi-agensi penguat kuasa dalam negara dilakukan dengan lebih berkesan.

Memandangkan maklumat identiti warga asing yang terdiri dari data biometrik dan biodata ini disimpan kekal, ini secara langsung boleh mengekang penggunaan dokumen perjalanan berdasarkan identiti palsu bagi tujuan kemasukan Malaysia atau sebagai transit untuk ke destinasi seterusnya. Penampilan dan pengesahan biometrik seseorang warga asing yang telah direkodkan sebelum ini boleh disemat dengan pangkalan data NERS yang berupaya mengesahkan identiti warga asing tersebut.

Dengan ini, ia seterusnya boleh menangani isu pemalsuan identiti dan dokumen perjalanan melalui pendaftaran dan data biometrik cap jari yang tidak boleh dipalsukan itu sekalipun dapat menangani isu sindiket pengedaran dadah dan memperdagangkan manusia. Selain itu penggunaan sistem biometrik ini juga boleh memberi kesan positif di antaranya seperti berikut:

- (i) kerajaan berupaya mengumpul data berhubung jumlah PATI yang berada di dalam negara kita; dan
- (ii) penampilan data biometrik dalam proses pendaftaran dapat membantu memantapkan pemantauan dan penguatkuasaan terhadap warga asing di mana sekali gus meningkatkan kawalan keselamatan negara.

Yang Berhormat Senator Puan Norliza binti Abdul Rahim membangkitkan sama ada perlunya Akta Imigresen dikaji semula dan dipinda mengikut keadaan semasa seperti pemberian *Visa on Arrival* terhadap warga China yang masuk dahulu dan kemudian baru memohon visa pelancong. Dasar imigresen negara ini merupakan suatu perkara yang dinamik dan sering kali berubah bagi memenuhi keperluan negara. Sebagai contoh *Visa on Arrival* sebelum ini diperkenalkan selaras dengan sasaran untuk mempermudah dan menggalakkan kemasukan pelancong asing.

Namun, setelah didapati terdapat banyak penyalahgunaan kemudahan BOA, kerajaan memutuskan untuk memansuhkan kemudahan tersebut. Walau bagaimanapun kementerian pada masa ini sedang mengkaji semula perundangan sedia ada. Sebagai contohnya dari segi hukuman yang boleh dikenakan bagi kesalan di bawah Peraturan-peraturan Imigresen 1963.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat...

Puan Norliza binti Abdul Rahim: Minta laluan.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Puan Norliza binti Abdul Rahim: Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah menjawab dengan begitu panjang lebar dan baik. Cuma soalan saya tadi, *Visa on Arrival* ini telah dimansuhkan sebagai mana yang telah dimaklumkan. Bolehkah saya tahu bila ianya dimansuhkan? Terima kasih.

Dato' Lee Chee Leong: Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak silap saya mungkin tahun ini atau tahun yang lepas. Saya akan menjawab secara bertulis.

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat Timbalan Menteri, teruskan.

Dato' Lee Chee Leong: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat memohon agar diselesaikan masalah anak tidak sah taraf yang menyebabkan konflik bin dan binti demi masa depan kanak-kanak tersebut. Tuan Yang di-Pertua, anak tidak sah taraf mengikut definisi Jabatan Pendaftaran Negara adalah:

- (i) anak yang dilahirkan oleh ibu kandungnya tanpa akad nikah yang sah dalam Islam; dan
- (ii) anak yang dilahirkan oleh ibu kandungnya dalam tempoh kurang daripada enam bulan dari tarikh perkahwinan ibu kandungnya dengan lelaki pasangannya.

Berdasarkan keputusan Majlis Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan, nasab bagi anak tidak sah taraf adalah Abdullah atau pilihan nama Asmaul Husna. Sebarang perubahan nasab bagi anak tidak sah taraf seharusnya mendapat persetujuan Majlis Fatwa Kebangsaan.

Yang Berhormat Senator Boon Som a/l Inong menyentuh berkenaan kegunaan keturunan Siam dan keturunan Thai dalam sijil lahir. Pada tahun 2004, JPN telah memutuskan penentuan bagi semua keturunan yang tidak boleh ditafsirkan mengikut Perkara 160 Perlembagaan Persekutuan hendaklah mengikut negara di mana pemohon berasal.

Walau bagaimanapun, pada bulan Jun 2009 melalui arahan Jabatan Pendaftaran Negara bilangan 4/2009, penggunaan keturunan Siam telah diguna pakai semula bagi rakyat Malaysia yang berketurunan Siam yang lahir di Malaysia. Manakala keturunan Thai hanya digunakan bagi rakyat Thailand yang lahir di negara ini.

Yang Berhormat Senator Puan Norliza binti Abdul Rahim memohon penjelasan setakat manakah usaha-usaha *outreach* JPN dapat maklum rakyat yang duduk jauh di kawasan pedalaman dan setakat manakah keberkesanan Unit Khas Bergerak (UKB) yang masuk ke kawasan kampung dan desa. Kerajaan sentiasa peka dan prihatin berhubung isu rakyat di kawasan pedalaman yang tidak mempunyai pengenalan diri. Sehubungan itu, mana-mana rakyat tempatan yang layak akan dikeluarkan dengan dokumen pengenalan diri. Kementerian Dalam Negeri melalui Jabatan Pendaftaran Negara telah melaksanakan program *out-reach* melalui program MyDaftar di Semenanjung Malaysia seperti di UKB di Sabah dan Sarawak secara berjadual sejak tahun 2002.

Penumpuan program *outreach* ini adalah di kawasan pedalaman dan kawasan-kawasan yang sukar dihubungi bagi urusan pendaftaran dokumen pengenalan diri. JPN telah membuat perancangan tahunan untuk semua program *out-reach* yang akan dilaksanakan secara berterusan meliputi seluruh Malaysia. Selain dari jadual yang telah diatur, kementerian juga turut mengadakan operasi khas di kawasan-kawasan yang terdapat permintaan daripada wakil rakyat, pegawai daerah, ketua masyarakat atau lain-lain agensi kerajaan serta badan bukan kerajaan.

JPN juga telah merancang untuk meningkat lagi jumlah program *outreach* ke kawasan-kawasan terpencil mengikut kekerapan dan keperluan yang bersesuaian terutamanya kawasan penduduk yang masih ramai menghadapi masalah tiada dokumen pengenalan diri. Program *outreach* JPN ini melibatkan aktiviti taklimat, majlis dialog, dan sesi penerangan selain daripada aktiviti mendaftar. Selain itu, JPN juga turut menjalinkan kerjasama dengan pihak NGO, agensi-agensi kerajaan dan swasta serta pemimpin masyarakat. Sehubungan itu, pihak JPN amat mengalu-alukan serta mengharapkan kerjasama semua pihak yang bertanggungjawab untuk turut sama mengadakan program *outreach* seumpama ini.

■1840

Selain itu, program *outreach* ini juga telah dijadikan sebagai *key performances indicator* (KPI) bagi Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri. Sehingga bulan Oktober 2011, JPN telah melaksanakan sebanyak 339 buah program *outreach* dengan penerimaan sebanyak 9,923 permohonan dokumen pengenalan diri melalui program *outreach* yang dilaksanakan. Keberkesanan program ini dapat dilihat dengan pengurangan kes-kes penduduk yang tidak mempunyai dokumen pengenalan diri serta berkurangan kes pendaftaran lewat kehadiran serta kad pengenalan yang diterima oleh JPN.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Doris Sophia ak Brodi dan Yang Berhormat Senator Dr. Malasingam a/l Muthukumar menyentuh berkenaan penagihan dadah dan pemulihan kepada penagih dadah di negara ini. Beliau bertanya pencapaian dalam memulihkan penagih dadah. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, mengikut statistik tahun 2010, jumlah penagih dadah yang dikesan adalah seramai 23,642 orang iaitu 17,238 orang penagih baru dan 6,404 orang penagih berulang iaitu 6,334 orang lelaki dan 70 orang perempuan. Jumlah penagih yang telah menjalani rawatan perubatan dan pemulihan di Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN) adalah seramai 7,605 orang iaitu 7,465 orang lelaki dan 140 orang perempuan. Daripada seramai 6,404 orang penagih berulang ini, kaum Melayu mencatatkan jumlah tertinggi iaitu 4,628 orang. Diikuti kaum Cina seramai 907 orang, kaum India seramai 832 orang, peribumi Sabah 14 orang dan lain-lain 23 orang.

Bagi tempoh bulan Januari sehingga bulan Jun tahun 2011, jumlah penagih dadah yang dikesan adalah seramai 6,280 orang iaitu 4,124 orang terdiri daripada penagih baru dan 2,156 orang adalah penagih yang berulang. Jumlah penagih yang telah menjalani rawatan perubatan dan pemulihan di Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik adalah seramai 4,959 orang iaitu 4,801 orang lelaki dan 158 orang perempuan. Jumlah penagih yang berulang adalah seramai 2,156 orang iaitu 2,130 orang lelaki dan 26 orang perempuan. Kaum Melayu adalah seramai 1,583 orang, kaum India adalah seramai 300 orang, kaum Cina adalah seramai 257 orang, peribumi Sabah adalah seramai tiga orang, peribumi Sarawak adalah seramai dua orang dan 11 orang lain-lain.

Langkah dan kaedah rawatan yang dilaksanakan bagi mengelakkan penagihan dadah yang berulang dan memastikan penagih dadah pulang ke pangkal jalan adalah seperti berikut:

- (i) melaksanakan konsep rawatan secara terbuka melalui penubuhan Klinik *Cure and Care 1Malaysia*;
- (ii) bagi program pemulihan dalam komuniti pula, kerajaan melalui AADK telah memperkenalkan pusat khidmat AADK dan rumah komuniti AADK; dan
- (iii) CCH pula ditubuhkan untuk memberikan ruang kepada ahli-ahli masyarakat melibatkan diri secara langsung mengendalikan program-program rawatan dan pemulihan dadah dalam komuniti. AADK pula telah menjalankan transformasi program rawatan dan pemulihan di PUSPEN.

Bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat Senator Dr. Malasingam a/l Muthukumar berkenaan pusat pemulihan dadah swasta yang didaftarkan di bawah Akta Penagih Dadah 1983 di negara ini adalah sebanyak 86 buah. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 49 buah daripadanya mendapat peruntukan bantuan geran tahunan berjumlah RM5 juta untuk menjalankan program rawatan dan pemulihan.

Bagi rampasan dadah pula, rekod AADK menunjukkan rampasan dadah yang dilakukan oleh PDRM, KDRM dan Bahagian Perkhidmatan Farmasi Kementerian Kesihatan Malaysia pada tahun 2010 adalah seperti berikut:

- (i) heroin, 299.32 kilogram;
- (ii) ganja, 1,064.35 kilogram;
- (iii) syabu, 887.29 kilogram;
- (iv) candu masak, 4.42 kilogram;
- (v) candu mentah, 0.01 kilogram; dan,
- (vi) pil-pil ATS, 2,511,982 biji.

Bagi tahun ini, dari bulan Januari sehingga bulan Jun 2011 adalah seperti berikut:

- (i) heroin, 354.11 kilogram;
- (ii) candu masak, 0.12 kilogram;
- (iii) ganja, 669.86 kilogram;
- (iv) syabu, 579.55 kilogram;
- (v) candu mentah, 0.74 kilogram; dan
- (vi) pil-pil ATS, 678,065 biji.

Yang Berhormat Senator Dr. Malasingam juga bertanya tentang jumlah kakitangan yang ada di Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK). Untuk makluman Dewan yang mulia ini, jumlah kakitangan AADK adalah seramai 6,020 orang dengan pecahan kakitangan mengikut kaum Melayu (5,328 orang), Cina (44 orang), India (129 orang), lain-lain (519 orang).

Yang Berhormat Senator Dato' Syed Ibrahim bin Kader bertanya berkenaan keahlian bagi Lembaga Penapis Filem daripada wakil kaum India. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, Lembaga Penapis Filem mempunyai seramai 76 orang ahli yang terdiri daripada pelbagai bangsa di Malaysia yang mempunyai kemahiran dalam pelbagai bahasa seperti bahasa Inggeris, Mandarin, Tamil dan Hindi. Bagi ahli India adalah seramai tujuh orang. Semua penapisan filem dibuat berasaskan pada empat prinsip utama garis panduan penapisan filem iaitu:

- (i) ketenteraman dan keselamatan awam;
- (ii) sosiobudaya;
- (iii) keagamaan; dan

(iv) kesopanan dan ketidaksusilaan.

LPF juga sentiasa mengerjakan dengan pihak Jabatan Kemajuan Islam (JAKIM) dalam proses penapisan filem yang menyentuh isu-isu yang berkaitan dengan agama Islam di samping bekerjasama dengan pihak PDRM dalam meneliti isu-isu yang berkaitan keselamatan dan ketenteraman awam di dalam sesebuah filem. Yang Berhormat Senator Datuk Paul Kong Sing Chu dan Yang Berhormat Senator Tuan Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus menyentuh berkenaan isu pendatang asing dan kewarganegaraan di Sabah dan Labuan. Yang Berhormat Senator Datuk Paul Kong Sing Chu meminta sebuah Suruhanjaya Diraja ditubuhkan.

■1850

Kementerian berpandangan adalah wajar menunggu laporan akhir Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen atau *Select Committee* Mengenai Penambahbaikan Pilihan Raya dibentangkan sebelum sebarang tindakan diambil berhubung perkara ini. Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan tambahan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Puan Norliza, beliau bertanyakan bilakah pelaksanaan pemansuhan BOA. Untuk makluman Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, pemansuhan adalah pada 16 Ogos 2010 melalui Pekeliling Imigresen Bil.21/2010.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahaja penjelasan-penjelasan yang dapat saya...

Puan Norliza binti Abdul Rahim: Minta laluan.

Dato' Lee Chee Leong: ...Saya berikan mengenai isu-isu...

Puan Norliza binti Abdul Rahim: Boleh?

Dato' Lee Chee Leong: ...Ya.

Puan Norliza binti Abdul Rahim: Saya ada bertanyakan mengenai jumlah tunggakan balai-balai komuniti polis yang terletak di premis-premis persendirian, sebab saya dimaklumkan terdapat banyak balai-balai polis komuniti ini yang mempunyai tunggakan yang tidak dibayar oleh kementerian. Jadi saya memohon diberikan penjelasan berapakah jumlahnya? Saya ada bertanya soalan itu terima kasih.

Dato' Lee Chee Leong: ...Tuan Yang di-Pertua, memang saya ada makluman tentang angka ini, saya akan jawab secara bertulis.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahajalah penjelasan-penjelasan yang...

Dato' Dr. Johari bin Mat: Tuan Yang di-Pertua, sedikit.

Dato' Lee Chee Leong: ...Dapat saya berikan mengenai isu...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat seorang lagi Yang Berhormat, yes.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri yang menjawab. Saya hendak bertanyakan sedikit berhubung dengan "bin" dengan "binti" itu tadi. Saya membaca Fatwa Kebangsaan pada tahun 1981 di mana bin dan binti itu tidak boleh dibuat kepada sesiapa apabila anak-anak itu lahir tidak cukup enam bulan tetapi boleh dibuat kepada bin Abdullah tetapi akhir-akhir ini tidak boleh langsung dibuat dengan apa-apa nama sekalipun. Jadi persoalan yang saya timbulkan itu ialah saya prihatin kepada anak-anak ini yang akan membesar dan apabila mereka membesar, mereka akan tersisih. Dari segi psikologinya sangat tinggi, mereka akan tersisih kerana itu saya memohon kepada pihak kerajaan supaya membuat kajian lain sebab saya tengok yang tidak cukup enam bulan itu satu pendapat. Satu pendapat daripada banyak pendapat.

Sekurang-kurangnya ada pendapat lain lagi yang boleh dikaji dapat menyelesaikan masalah ini dan ramai pakar di dalam negara kita dan juga boleh diambil mana-mana pakar yang berkemampuan membuat kajian tentang anak-anak yang tidak cukup taraf ini, untuk bin ini. Ada yang tiada bin itu kerana dia berkahwin di Thailand. Apabila berkahwin di Thailand tidak cukup usia juga hendak bin kan. Jadi, saya berharap perkara ini boleh dikaji semula. Saya minta sangat supaya pihak kementerian dan juga kerajaan supaya memberikan perhatian. Saya bimbang ini akan melahirkan satu lagi gejala sosial di kalangan masyarakat anak-anak kita, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Lee Chee Leong: Tuan Yang di-Pertua, saya akan ambil maklum dan akan membawa perkara ini untuk perbincangan Kementerian.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya pun ada mendengar tempoh hari dan saya berharap pegawai-pegawai itu mengambil berat di dalam perkara ini. Persoalannya senang sahaja, anak yang tidak cukup apabila dia tiga bulan ke atas maknanya tidak boleh dibinkan atau dibintikan kepada orang Islam lah dan sekarang pihak pendaftaran memerlukan sesuatu keputusan di pihak-pihak yang bertanggungjawab.

Oleh yang demikian, apa yang akan terjadi kepada anak-anak yang di dalam keadaan itu dari segi tidak bersekolah pun tidak boleh, hendak buat apa pun tidak boleh dan apa hendak jadi benda itu dan saya berharap mungkin Yang Berhormat tidak dapat jawab sekarang, boleh agaknya pihak Kementerian ambil fokus, ambil perhatian perkara-perkara seperti ini? Ini perlu diberikan jawapan. Saya tidak boleh salahkan Yang Berhormat Timbalan Menteri kalau baru hendak berikan sekarang macam nampak daripada sini tadi, itu bukan caranya? Tolong *brief* Timbalan Menteri awal-awal yang menjawab ini untuk senang Timbalan Menteri menjawab.

Saya hendak memberikan peringatan kepada pegawai-pegawai Kementerian mana-mana sekalipun supaya menentukan, supaya senang pihak Kementerian menjawab, tidak menampakkan tidak elok kepada kita di sini apabila ada yang bertanya baru terkejut-kejut hendak menghantar. Bila masanya Timbalan Menteri hendak menghayati, ambil ingatan perkara ini. Yang Berhormat tidak perlu jawab, saya berharap Yang Berhormat yang membangkitkan soalan itu biarkan dia membuat kajian itu barulah menjawab secara bertulis.

Dato' Lee Chee Leong: Tuan Yang di-Pertua keputusan itu adalah keputusan Majlis Fatwa.

Tuan Yang di-Pertua: Betul, betul keputusan fatwa Yang Berhormat bangkitkan fatwa ini dari segi agama, *that is very delicate issue*, dengan izin. Fatwa itu ada bermacam-macam pendapat. Oleh yang demikian pihak kerajaan khususnya pendaftaran menerima sesuatu keputusan. Kalau tidak ada keputusan dia akan teruskanlah. Akan tetapi sekarang tidak ada apa-apa yang memerlukan sesuatu keputusan dibuat oleh mana-mana pihak ataupun badan-badan yang tertentu.

Ini melibatkan Agama Islam, jabatan agama khususnya Majlis-majlis Fatwa, dalam fatwa itu juga terdapat berbagai-bagai pendapat Yang Berhormat, pelbagai tafsiran itu sahajalah Yang Berhormat, agaknya untuk itu saya berharap pegawai pun turut mendengar supaya jangan besok agaknya - penting ini, saya mendapat maklum ramai anak-anak yang dalam keadaan seperti ini bersekolah pun tidak boleh, mendapatkan surat beranak pun tidak boleh. Saya rasa ini bukan kesilapan dia hendak dilahirkan sedemikian tetapi kesilapan pihak-pihak yang tertentu, okey. Terima kasih.

Dato' Lee Chee Leong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, setakat inilah sahajalah penjelasan-penjelasan yang dapat saya berikan mengenai isu-isu yang telah dibangkitkan sepanjang tempoh perbincangan. Saya berharap daripada penjelasan tersebut ianya telah dapat menjawab kesemua soalan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pertanyaan dan membangkitkan isu-isu yang berkaitan dengan Kementerian Dalam Negeri. Kementerian akan mengambil perhatian dan tindakan ke atas perkara-perkara yang telah dibangkitkan. Saya memberikan jaminan bahawa mana-mana pertanyaan yang tidak dapat dijawab oleh saya pada kali ini akan diambil catatan untuk tindakan susulan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, sekarang saya mempersilakan Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan. Dipersilakan Yang Berhormat.

6.58 ptg.

Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan I [Dato' Joseph Salang anak Gandum]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan memberikan pandangan serta saranan yang menyentuh bidang tugas Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan atau KPKK sepanjang sesi perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2012.

Pihak kementerian akan memberikan perhatian dan mengambil tindakan susulan kepada isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, secara keseluruhannya antara isu berkaitan kementerian yang telah menarik minat Ahli-ahli Yang Berhormat bolehlah dirumuskan merangkumi beberapa isu seperti:

- (i) isu ASTRO;
- (ii) isu berkenaan cukai perkhidmatan 6 peratus bagi talian telefon prabayar;
- (iii) isu pemantauan *blog* atau *website* yang menyebarkan fitnah;
- (iv) isu penggunaan parabola; dan
- (v) isu penebusan jalur lebar di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat beberapa perkara yang dibangkitkan berkaitan ASTRO, seperti pertama, yuran langganan yang mahal. Kementerian kami melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia atau SKMM memandang serius isu yang dibangkitkan dan sentiasa memastikan kadar bagi mana-mana perkhidmatan termasuk pakej langganan yang ditawarkan oleh pemberi perkhidmatan mematuhi prinsip penetapan kadar iaitu berdasarkan kos, adil dan tidak mengandungi diskaun yang tidak munasabah yang boleh memudaratkan peluang persaingan.

■1900

Isu kedua ialah isu monopoli ASTRO. Pihak kerajaan sangat mengalu-alukan peningkatan jumlah pengendali siaran televisyen berbayar dan sentiasa memastikan bahawa permohonan untuk lesen pemberi perkhidmatan aplikasi kandungan di mudah cara untuk tujuan ini dengan syarat bahawa semua kriteria kelayakan untuk lesen tersebut dipatuhi oleh pemohon.

Pihak kerajaan juga berpandangan bahawa dengan adanya lebih banyak pengendali siaran televisyen berbayar, peluang kepada penerbit-penerbit kandungan tempatan untuk memaparkan kandungan mereka akan bertambah dan secara langsung memajukan industri kandungan tempatan. Mereka boleh menyediakan perkhidmatan mereka melalui pelbagai teknologi seperti *Internet Protocol Televisyen (IPTV)* dan televisyen mudah alih atau *mobile TV*, kabel dan sebagainya.

Ketiga, isu kualiti perkhidmatan ASTRO. Bagi isu *rain fade* atau gangguan perkhidmatan penyiaran apabila waktu hujan, ia tidak dapat di atasi sepenuhnya memandangkan frekuensi Ku-band yang diguna pakai oleh sistem ASTRO sememangnya terdedah kepada gangguan hujan terutamanya di negara tropika seperti di Malaysia. Di samping pemantauan dan penguatkuasaan standard mandatori untuk mutu perkhidmatan oleh penyedia aplikasi kandungan termasuk ASTRO, beberapa pendekatan telah diambil bagi mengurangkan masalah gangguan hujan ini seperti penggunaan antena parabola atau pepiring satelit dan *decoder Beyond* yang telah meningkatkan kualiti transmisi atau penerimaan siaran berbanding *decoder* yang lama.

Mengenai isu berkenaan cukai perkhidmatan 6 peratus bagi talian telefon prabayar...

Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencelah.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh, Yang Berhormat. Dipersilakan.

Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam isu yuran langganan ASTRO, isu yang saya bangkitkan Yang Berhormat Timbalan Menteri ialah terdapat berbagai-bagai versi berhubung dengan apabila ASTRO merasionalisasikan yuran langganan bermula bulan Julai 2011. Apabila dia menaikkan yuran itu, pihak kementerian mengatakan tidak boleh naik dan ada satu lagi kementerian iaitu Kementerian Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan juga mengatakan tidak boleh naik. Namun akhirnya tidak ada keputusan yang hari ini kita rasa semua orang membayar yuran yang baru. Jadi itulah sebenarnya isu yang saya bangkitkan. Minta pandangan Yang Berhormat.

Dato' Joseph Salang anak Gandum: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Tuan Yang di-Pertua, memang betul apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Senator tadi bahawa ada sedikit kekeliruan berkenaan dengan isu yang ditimbulkan berkenaan dengan kenaikan atau rasionalisasi yuran ASTRO pada masa itu. Sebagaimana yang saya ketahui bahawa selepas beberapa perbincangan, maka tidak ada keputusan mengatakan adakah ASTRO telah melakukan kesalahan dalam merealisasikan caj ataupun melanggar peraturan dalam AKM 98 atau tidak. Sebagaimana yang kita semua ketahui bahawa ASTRO telah berpindah dari rejim yang lama iaitu Akta Penyiaran kepada AKM 98 baru-baru ini dan masih terdapat kekeliruan. Saya mengaku bahawa ada kekeliruan pada masa itu.

Setelah perbincangan diadakan, maka saya percaya kementerian masih tidak mengambil apa-apa tindakan terhadap ASTRO oleh kerana mungkin terdapat sebab-sebab tertentu bahawa rasionalisasi itu adalah munasabah. Sebagaimana yang saya telah difahamkan pada masa kini, ramai pelanggan ASTRO – tadi saya buat perhitungan.

Pada tiga bulan pertama selepas rasionalisasi ini diatur oleh pihak ASTRO, maka lebih dari 800,000 orang pelanggan bertukar kepada pakej yang lebih murah. Begitu juga lebih kurang 21 peratus hingga 25 peratus dari semua pelanggan ASTRO memang tidak dikenakan caj yang lebih tinggi iaitu *basic package* bernilai RM37.95. Sebagaimana yang kita semua ketahui juga bahawa pada mulanya, beberapa tahun yang lalu, ASTRO memberi pakej yang terendah iaitu RM49.95 dan ini telah dikurangkan kepada hanya RM37.95. Begitu juga *channel* atau saluran ASTRO telah bertambah untuk pakej yang sama tetapi bayaran yang dikenakan adalah lebih murah. Memandangkan keadaan yang begini, maka buat masa kini tidak ada tindakan yang difikirkan harus dikenakan kepada ASTRO.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan isu pengenaan cukai perkhidmatan 6 peratus bagi talian telefon prabayar, cukai perkhidmatan merupakan cukai penggunaan dan dicaj terhadap pengguna sebagaimana yang digariskan dalam perundangan cukai perkhidmatan selaras dengan mekanisme percukaian negara. Oleh itu, pematuhannya merupakan satu keperluan undang-undang. Isu pengenaan cukai perkhidmatan 6 peratus bagi talian telefon prabayar ini sedang dibincangkan bersama antara Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, Kementerian Kewangan dan syarikat-syarikat telekomunikasi untuk mencari penyelesaian yang tidak akan membebaskan pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan isu pemantauan blog atau *website* yang menyebarkan fitnah, kementerian sentiasa peka akan cabaran dan bahaya wujudnya laman-laman web dan blog yang menyiarkan unsur-unsur negatif terutamanya unsur-unsur hasutan, fitnah dan juga perkauman. Tindakan undang-undang sewajarnya akan diambil sekiranya terdapat laman-laman web dan blog yang dikenal pasti mempunyai kandungan yang berunsur negatif. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kesemua jenis kandungan berangkai termasuk kandungan laman web dan blog di *internet* adalah tertakluk kepada undang-undang negara seperti Akta Hasutan 1948 kanun keseksaan dan termasuk juga AKM 98.

Isu penggunaan parabola. Penggunaan *parabolic dish antenna* atau cakera parabola untuk orang awam bagi tujuan penerimaan siaran televisyen luar negara masih diharamkan kerana terdapat sumber-sumber kandungan yang boleh memberi kesan negatif kepada rakyat negara ini dan adalah sukar untuk memastikan kandungan yang disiarkan itu mematuhi Akta Penapisan Filem 2002, kod kandungan serta arahan dan garis panduan berkaitan. Buat masa ini, penggunaan cakera parabola hanya dibenarkan untuk kategori-kategori seperti berikut:

■1910

- (i) orang kenamaan yang tertentu seperti Yang di-Pertuan Agong, Sultan-Sultan dan Tuan-Tuan Yang Terutama;
- (ii) badan-badan penyiaran atau syarikat-syarikat telekomunikasi dengan bersyarat; dan
- (iii) perwakilan-perwakilan asing atas dasar timbal balik atau *reciprocity*.

Selain itu, penggunaan cakera parabola juga dibenarkan untuk tujuan pendidikan jarak jauh dan penggunaan korporat bagi acara-cara tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, penembusan jalur lebar di Sabah. Sehingga 7 Disember 2011, kadar penembusan jalur lebar isi rumah di negeri Sabah adalah sebanyak 33 peratus, bersamaan dengan 213,107 langganan isi rumah. Peningkatan sebanyak 7 peratus daripada awal tahun 2011. Daripada jumlah langganan jalur lebar tersebut, sebanyak 11 peratus merupakan langganan jalur lebar talian tetap, 15.5 peratus adalah langganan jalur lebar tanpa wayar. Manakala selebihnya disumbangkan daripada program pengagihan komputer 1Malaysia dan pusat jalur lebar komuniti. Walau bagaimanapun, bagi meningkatkan kadar penembusan jalur lebar isi rumah di Sabah kepada 50 peratus, pelbagai usaha sedang dilaksanakan. Antara inisiatif yang sedang dilaksanakan adalah seperti berikut:

- (i) menggalakkan pelanggan telefon melanggan jalur lebar mudah alih dengan memperkenalkan beberapa pakej jalur lebar mampu milik atau mampu langgan;
- (ii) mempromosikan perkhidmatan jalur lebar talian tetap sedia ada;
- (iii) mengadakan aktiviti promosi dan kesedaran di lokasi-lokasi tertentu – setakat ini aktiviti ini telah dilaksanakan di Sandakan, Tawau, Papar dan Beaufort;
- (iv) dalam program T3, pembinaan menara telekomunikasi di Sabah telah diperuntukkan sejumlah 212 menara di mana 78 menara siap dibina, manakala baki 134 menara dalam proses pembinaan. Bagi negeri Sarawak pula, 203 menara telah diperuntukkan di mana 62 telah siap dan 141 dalam proses pembinaan; dan
- (v) meningkatkan liputan dan capaian jalur lebar kepada orang ramai melalui Program Komputer 1Malaysia dan pelaksanaan kampung tanpa wayar (KTW).

Bagi Program Komputer 1Malaysia, setakat 31 Ogos 2011, sebanyak 56,654 unit *netbook* telah diedarkan di Sabah, manakala 131 buah lokasi KTW dari jumlah 500 lokasi telah siap dilaksanakan di negeri tersebut. Selebihnya akan disediakan sebelum penghujung tahun 2012.

Tuan Yang di-Pertua, disentuh juga perwujudan saluran khas untuk menyiarkan program berkaitan ibadah haji pada musim haji di ASTRO.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak ASTRO telah pun menyiarkan program-program sempena musim haji tahun ini. Salah satu program yang telah disediakan oleh pihak ASTRO ialah, *Khabar Haji* di saluran Oasis.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan berkenaan atau menyentuh perkara-perkara berkaitan kementerian kami. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air. Silakan Yang Berhormat.

7.16 mlm.

Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air [Dato' Noriah binti Kasnon]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, *assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator Dr Syed Husin Ali, Yang Berhormat Senator Doris Brodie, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdul Rahman Bakar, Yang Berhormat Senator Tuan Ahmad bin Husin, Yang Berhormat Senator Tuan Ng Fook Heng dan Yang Berhormat Senator Tuan Kho Soo Seang yang telah sudi berkongsi pandangan dan cadangan yang menyentuh bidang tugas Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air sepanjang sesi perbahasan Belanjawan 2012 yang lalu. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi penjelasan berhubung perkara-perkara yang telah disentuh dengan merangkumkan isu-isu berkenaan mengikut pensektoran.

Tuan Yang di-Pertua, sektor tenaga dan bekalan elektrik, Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali telah membangkitkan bahawa penjana bebas atau IPP yang dimiliki oleh beberapa pemilik bukan Melayu yang kaya masih lagi mendapat subsidi daripada pihak kerajaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan tidak pernah membuat sebarang pembayaran terus dalam bentuk subsidi kepada mana-mana syarikat penjana bebas atau IPP seperti yang didakwa oleh Ahli Yang Berhormat. Sehubungan dengan itu, ingin saya maklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa mana-mana IPP sama ada dimiliki oleh bumiputera atau bukan bumiputera, tidak pernah mendapat sebarang bentuk subsidi daripada pihak kerajaan.

Seterusnya, Yang Berhormat Senator Puan Doris Brodie menyentuh pelantikan kontraktor luar untuk menyelenggara suatu projek utiliti seperti bekalan air, bekalan elektrik, pemasangan lengkap serta pendawaian yang didapati tidak sempurna.

Beliau menyatakan bahawa pelantikan kontraktor dari luar menyebabkan kesukaran untuk dihubungi terutama sekali jika berlaku sesuatu perkara yang perlu perhatian segera. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelantikan kontraktor bagi pelaksanaan sesuatu projek kerajaan adalah berdasarkan kepada tatacara kewangan kerajaan yang sedang berkuat kuasa. Pemilihan kontraktor bergantung kepada kemahiran dan kepakaran di dalam bidang yang diperlukan bagi sesuatu projek yang dilaksanakan. Di setiap kementerian dan agensi, satu jawatankuasa perolehan akan ditubuhkan bagi menilai dan seterusnya memperakukan pelantikan kontraktor yang layak. Sebarang keputusan jawatankuasa perolehan berkenaan adalah merupakan keputusan bersama yang dicapai melalui satu jawatankuasa yang terdiri daripada pegawai pengawal, wakil jabatan teknik dan juga wakil Kementerian Kewangan.

Selain itu, pelaksanaan *integrity*, dengan izin, di dalam perolehan kerajaan merupakan satu komitmen bagi memastikan proses perolehan dilaksanakan secara telus dan tanpa sebarang kompromi. Di peringkat pelaksanaan projek pula, kerajaan sentiasa komited dalam memantau prestasi kerja yang dilaksanakan sama ada oleh kontraktor asing mahupun kontraktor tempatan. Pemantauan secara berkala ini dilakukan melalui mesyuarat koordinasi dan juga lawatan tapak bersama pihak-pihak berkaitan termasuklah bersama dengan pihak berkuasa tempatan. Setiap projek hanya akan diserahkan kepada agensi pengguna setelah projek sempurna dilaksanakan dan berfungsi sepenuhnya. Sebarang isu berbangkit berhubung sesuatu projek boleh terus dikemukakan kepada agensi-agensi berkaitan agar perhatian segera dapat diberikan. Kontraktor yang gagal melaksanakan projek dengan sempurna boleh dikenakan tindakan penalti atau disenaraihitamkan berdasarkan peraturan dan pekelling kerajaan yang berkuat kuasa.

■1920

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Khoo Soo Seang telah menyentuh berkenaan dengan isu-isu yang berbangkit daripada pertukaran meter yang dilaksanakan oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB).

Terlebih dahulu kementerian mengucapkan terima kasih atas keprihatinan Ahli Yang Berhormat berkenaan dengan isu penukaran meter ini dan kementerian ini mengambil maklum bahawa terdapat rungutan.

Sememangnya terdapat rungutan dan isu-isu yang dibangkitkan oleh para pengguna mengenai operasi penukaran meter oleh TNB. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penukaran meter yang dilaksanakan oleh pihak TNB adalah berdasarkan kepada tiga sebab iaitu:

- (i) kerosakan meter;
- (ii) meter lama yang dipasang di premis pengguna telah melebihi tempoh 15 tahun; dan
- (iii) pengusikan meter atau meter *tampering*, dengan izin.

Bagi memastikan isu ini dapat diatasi dengan segera, kementerian telah mengarahkan pihak TNB untuk menyediakan prosedur standard operasi atau pun *standard operation procedure* (SOP) dengan izin, yang bersifat mesra pelanggan, telus, pelaksanaan secara berhemah dan teratur di samping pelan komunikasi untuk memberi kefahaman kepada pengguna.

Bagi kes pengusikan meter pula, SOP yang diguna pakai oleh TNB telah mengalami penambahbaikan agar ia lebih menjurus kepada ketelusan dan mesra pelanggan. Di antara penambahbaikan berkaitan bermula daripada 15 September 2011 Yang Berhormat, pihak badan kerajaan atau *non-government organization* (NGO) dengan izin, turut dijemput sebagai pemerhati bagi sesi rundingan antara pihak TNB dan pengguna. Dengan penambahbaikan SOP yang diguna pakai oleh pihak TNB, rungutan pihak pengguna didapati semakin berkurangan.

Pihak kementerian juga melalui Suruhanjaya Tenaga telah sentiasa memantau pengendalian kes-kes usikan meter oleh TNB bagi memastikan pemantauan tatacara *standard operating procedure* (SOP) dengan izin, di tahap maksimum. Ini bagi memastikan ianya dijalankan dengan berhemah, telus dan adil.

Tuan Khoo Soo Seang: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya minta – saya hendak berikan dua contoh yang paling ketara. Pertamanya ialah yang saya sebut semalam di mana dia tunjukkan kepada seorang budak sekolah rendah. Selepas itu dia bawa balik dan dia kata bahawa meter itu sudah usik. Jadi kes itu saya sudah tulis kepada pengurus negeri Johor. Itu pun dia masih bawa ke mahkamah.

Kes yang kedua, baru-baru ini orang mengadu kepada saya bahawa baru tukar meter, selepas itu dicaj beribu-ribu. Dia tunjukkan kepada saya dan berkata semasa tukar meter dia suruh saya sains sebagai bukti dia menukar meter tetapi apabila saya baca borang itu, dia sains dan mengaku dia sudah usik meter itu. Jadi orang yang tidak faham itu ditipu. Apabila dia sains dia kata *you* kena sains oleh kerana saya hendak tukar meter tetapi di dalam kandungannya ialah dia mengaku dia usik meter. Saya pun tidak boleh buat apa-apa sekarang kerana dia sudah mengaku.

Puan Noriah binti Kasnon: Terima kasih Yang Berhormat. Apabila saya membaca perbincangan Yang Berhormat semalam, saya mendapat contoh dua kes ini tetapi apabila berbincang dengan pegawai TNB pagi tadi Yang Berhormat, kita tidak mendapat kes tersebut secara spesifik di mana dan sebagainya sebagaimana Yang Berhormat sebutkan tadi.

Jadi Yang Berhormat, kalau boleh selepas ini kita berjumpa dan beri kepada saya butiran-butiran terperinci dan *insya-Allah* saya akan panjangkan semakan lanjut kepada pihak TNB Johor, *insya-Allah*.

Tuan Yang di-Pertua: Bagus Yang Berhormat. Jawapan itu bagus. Yang Berhormat Tuan Khoo, ini adalah kes-kes yang kadang-kadang dengan izin, *isolated case*. Jadi, perlu Yang Berhormat beri kerjasama dengan pihak kementerian untuk membetulkannya. Ini soal pelaksanaan berlaku di mana-mana dan macam-macam. Sila Yang Berhormat.

Puan Noriah binti Kasnon: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang membantu kementerian sebenarnya ya. Tuan Yang di-Pertua, seterusnya berkenaan dengan perkhidmatan bekalan air yang telah disentuh oleh Senator Datuk Abdul Rahman bin Bakar. Saya mengucapkan terima kasih atas keprihatinan Yang Berhormat Senator terhadap isu bekalan air di Kelantan. Kementerian ini sememangnya sangat mengambil berat dan memberikan perhatian terhadap masalah air yang berlaku di negeri berkenaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, isu bekalan air di Kelantan ini sebahagian besarnya berpunca daripada kekangan kewangan yang dihadapi oleh operator air di Kelantan iaitu Air Kelantan Sdn. Bhd. (AKSB), dengan izin. Kekangan kewangan yang dihadapi menyebabkan AKSB tidak berupaya untuk menyediakan infrastruktur bekalan air yang baru ataupun membaik pulih infrastruktur yang sedia ada.

Oleh itu kebanyakan daripada infrastruktur bekalan air di negeri Kelantan sememangnya berada dalam keadaan uzur dan usang. Bagi mengatasi masalah ini Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan telah menawarkan satu skim kepada Kerajaan Negeri Kelantan untuk menstrukturkan semula industri perkhidmatan bekalan air di negeri tersebut. Melalui skim penstrukturkan semula yang ditawarkan Kerajaan Persekutuan ini, Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) akan menyediakan pembiayaan bagi membangunkan dan membaiki pulih infrastruktur bekalan air di negeri Kelantan manakala AKSB akan memberi tumpuan untuk meningkatkan tahap perkhidmatan bekalan air kepada pengguna. Kita masih lagi berunding sebenarnya Yang Berhormat dengan pihak Kerajaan Negeri Kelantan supaya penstrukturkan semula industri bekalan air di negeri Kelantan ini dapat dimuktamadkan. Sekiranya boleh buat sementara waktu ini kita mohon supaya tidak terlalu dipolitikkan supaya kita akan beri perhatian yang ikhlas untuk kesejahteraan rakyat di Kelantan.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, tentang Yang Berhormat Senator Tuan Ahmad bin Hussin yang telah mencadangkan kepada pihak kementerian ini untuk menggabungkan bil air dan kumbahan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penggabungan bil air dan kumbahan merupakan matlamat jangka panjang kerajaan bagi industri perkhidmatan air apabila kedua-dua perkhidmatan ini diintegrasikan kelak.

Buat masa ini tumpuan kerajaan adalah untuk memuktamadkan penstrukturkan semula kedua-dua industri perkhidmatan bekalan air dan pembedaan negara yang sedang dilaksanakan oleh kementerian ini. Pengintegrasian kedua-dua perkhidmatan ini dan juga penggabungan bil air dan kumbahan hanya akan dapat dilaksanakan setelah industri perkhidmatan bekalan air dan pembedaan negara distrukturkan semula dan mempunyai prestasi kewangan yang kukuh dan mapan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Ahmad bin Hussin dalam perbahasan juga turut meminta agar paip-paip berkarat dan paip asbestos yang tidak ditukar diselenggarakan dan diperbaiki. Kementerian ini mengambil maklum bahawa program penggantian paip-paip usang terutamanya paip yang berkarat dan paip jenis asbestos simen (AC) dengan izin, kepada paip yang lebih tahan lasak memang perlu dilaksanakan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, program penggantian paip merupakan sebahagian daripada aktiviti di bawah program mengurangkan kadar kehilangan air tidak terhasil ataupun *non-revenue water* (NRW) dengan izin, dan juga program baik pulih sistem agihan.

Program penukaran paip memerlukan kos yang tinggi dan justeru mekanisme pelaksanaannya perlulah dibuat secara sistematik dan holistik. Dengan pemetaan rangkaian paip yang tepat serta pembentukan *District Meter Zone* (DMZ) dengan izin, setiap rangkaian paip akan diukur kadar kebocoran, usia paip dan rekod insiden berlaku paip pecah atau bocor akan direkod di dalam sistem DMZ ini. Berdasarkan faktor usia paip, kadar kebocoran dan kekerapan paip bocor yang tinggi, maka setiap rangkaian paip akan disenaraikan mengikut keutamaan untuk pelaksanaan program penukaran paip.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi maklum balas berhubung isu berkaitan dengan status penstrukturkan semula industri perkhidmatan air negara yang turut dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Ahmad bin Hussin. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat yang cukup prihatin, sehingga kini kerajaan telah menstrukturkan semula industri perkhidmatan bekalan air di lima buah negeri iaitu di Melaka, Negeri Sembilan, Johor, Perlis dan juga Pulau Pinang. Negeri-negeri lain masih lagi di dalam peringkat perbincangan. Sehubungan dengan itu diharapkan negeri-negeri lain yang masih belum lagi memuktamadkan penstrukturkan semula industri perkhidmatan bekalan air di negeri masing-masing akan segera berbuat demikian demi untuk menjamin bekalan air yang mencukupi dan berterusan untuk rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Ahmad bin Husin juga telah menyentuh berkenaan dengan status kenaikan tarif kumbahan yang pada masa ini di bawah operasi Indah Water Konsortium (IWK).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semenjak perjanjian konsesi IWK yang ditandatangani pada 9 Disember 1993; kadar tarif pembedaan tidak pernah disemak semula dan kekal pada kadar RM8 sebulan berbanding dengan peningkatan kos operasi IWK kesan daripada pertumbuhan bilangan loji-loji pembedaan yang perlu diselenggarakan, peningkatan inflasi, peningkatan kos elektrik, peningkatan bilangan loji mekanikal dan peningkatan tahap pematuhan standard pelepasan efluen.

■1930

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, dengan kadar tarif serendah ini, IWK beroperasi pada kadar 40 peratus *operational risk* dengan izin, dan tidak berupaya untuk mengendalikan sebanyak 5,696 loji dan 1.2 juta tangki septik individu ke tahap seperti yang dikehendaki. Di samping itu, pada ketika ini kadar tarif bagi perkhidmatan pembedaan di Malaysia adalah jauh lebih rendah berbanding dengan negara-negara lain di dunia ini. Akhirnya Tuan Yang di-Pertua saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Ng Fook Heng yang dalam perbahasan beliau turut menyentuh dan sangat menyokong usaha kerajaan untuk mengurangkan pelepasan karbon dioksida sebanyak 40 peratus berbanding dengan intensiti karbon pada 2005 menjelang tahun 2020 sebagaimana pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Copenhagen.

Kementerian ini mengambil perhatian terhadap pandangan Ahli Yang Berhormat berkenaan dengan memajukan teknologi hijau dan kelestarian pembangunan negara. Jutaan terima kasih juga saya ucapkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kerana telah menunjukkan keprihatinan terhadap perkara-perkara yang telah menyentuh bidang tugas kementerian ini dan *insya-Allah* kementerian akan mengambil perhatian terhadap pandangan dan cadangan yang telah diutarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat seterusnya diterjemahkan melalui tindakan yang sewajarnya. Saya juga ingin menyeru kepada semua Ahli Yang Berhormat Tan Sri, untuk terus menyokong usaha-usaha kerajaan dan khususnya kementerian ini bagi memastikan hasrat kerajaan untuk merealisasikan tema belanjawan tahun 2012 iaitu "Belanjawan Transformasi - Membela Rakyat dan Mensejahtera Negara" dapat dicapai. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat daripada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Dipersilakan.

7.32 mlm.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah II [Datuk Joseph Entulu anak Belaun]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Pertamanya saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Perbekalan 2012 yang menyentuh berkaitan dengan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Seramai sembilan orang Ahli Yang Berhormat Senator yang mengambil bahagian dan hasil daripada pandangan-pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kena baca 27 muka surat Tuan Yang di-Pertua.

Saya yakin pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat adalah ikhlas dan merupakan satu komitmen yang tinggi bagi memastikan kecemerlangan pembangunan modal insan dan prasarana luar bandar. Yang Berhormat Senator Tuan Pau Chiong Ung bertanya berapakah sasaran kementerian mengenai jumlah kilometer jalan raya yang akan dibina pada tahun 2011 dan tahun 2012 serta berapakah projek bekalan elektrik dan air yang sedang dijalankan? Berapakah projek yang telah siap dan berapa ramai penduduk di luar bandar yang mendapat manfaat daripada projek ini?

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah panjang jalan raya di luar bandar yang akan dibina dan sebenarnya sudah dibina pada tahun 2011 dan akan dibina pada tahun 2012 adalah sepanjang 2,255 kilometer merangkumi Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Di bawah tempoh bidang keberhasilan utama negara (NKRA) dari tahun 2010 hingga tahun 2011, sehingga 30 November 2011, sejumlah 1,071 projek bekalan elektrik di luar bandar telah diluluskan untuk pelaksanaan. Daripada jumlah berkenaan, sejumlah 549 buah projek bekalan elektrik di luar bandar telah disiapkan dan bakinya sebanyak 522 buah projek sedang dalam pelaksanaan. Bagi projek bekalan air luar bandar pula sejumlah 326 projek sedang dilaksanakan dan 48 projek bekalan air luar bandar telah disiapkan oleh kementerian.

Pelaksanaan projek-projek ini telah memberi manfaat kepada 45,536 buah rumah bagi penyaluran bekalan elektrik dan 82,558 buah rumah bagi penyaluran bekalan air bersih di seluruh negara. Mengenai masalah-masalah yang dihadapi ketika pelaksanaan projek BELB dan BALB, di antara cabaran dan masalah utama kementerian sepanjang pelaksanaan projek-projek BELB adalah kos pelaksanaannya yang tinggi. Kampung-kampung yang disambung dengan kemudahan bekalan elektrik semakin jauh di pedalaman dan memerlukan pembinaan talian grid yang lebih panjang.

Di samping itu, kos pengangkutan bahan binaan juga meningkat kerana faktor lokasi yang terlalu jauh. Manakala cabaran dan masalah utama bagi pelaksanaan projek-projek BALB pula adalah kapasiti bekalan air yang tidak mencukupi menyebabkan air tidak dapat disalurkan atau sesuatu kawasan itu mengalami tekanan air rendah. Pembinaan loji rawatan air, tangki dan pam boleh mengatasi masalah ini tetapi melibatkan kos pembinaan yang tinggi.

Yang Berhormat Senator Tuan Pau Chiong Ung juga membangkitkan isu pembinaan gelanggang futsal. Berhubung dengan pembinaan gelanggang futsal, untuk makluman Yang Berhormat Senator, bagi tahun 2010 hingga tahun 2012, tiada peruntukan kewangan diluluskan kepada kementerian ini. Ini adalah disebabkan pelaksanaan projek tersebut ataupun kemudahan tersebut adalah di bawah Kementerian Belia dan Sukan sekarang.

Yang Berhormat Senator Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad memohon jalan kampung dilebarkan lagi. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian sentiasa berusaha untuk meningkatkan kemudahan asas jalan raya di kawasan luar bandar di bawah program jalan luar bandar (JALB) dan program jalan perhubungan desa (JPD) yang dahulunya dikenali sebagai program jalan kampung (PJK). Kerja-kerja bagi melebarkan jalan di luar bandar adalah termasuk dalam skop naik taraf jalan perhubungan desa sehingga mencapai lebar maksimum 14 kaki ataupun 4.3 meter yang sememangnya sentiasa dilaksanakan oleh kementerian pada setiap tahun secara berperingkat-peringkat mengikut keutamaan jalan yang dipohon dengan mengambil kira faktor-faktor seperti skop, kriteria, garis panduan yang ditetapkan, peruntukan yang diluluskan dan keperluan sebenar untuk dinaiktarafkan dari segi aliran trafik dan tahap kritikal sesuatu jalan. Yang Berhormat Senator juga mencadangkan agar jalan-jalan di luar bandar disimen.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak menjelaskan sedikit. Definisi sebenarnya jalan luar bandar, jalan perhubungan desa ini sebab saya selalu baca soalan dari Ahli-ahli Yang Berhormat, seolah-olah dua jenis jalan ini sama, tidak. Jalan luar bandar ini adalah jalan yang menghubungkan satu kampung kepada satu kampung ataupun satu kampung kepada desa. Jalan perhubungan desa adalah dalam kampung dan lebarnya tidak sama. *Spesnya* pun tidak sama. Jadi, kadang-kadang kita susah sedikit hendak memahami apa yang dimaksudkan di sini? Akan tetapi untuk menjawab soalan ini, kalau mengikut soalan ini, jalan luar bandar mana dapat disimen sebab jalan luar bandar ini yang spesifikasinya besar sedikit. Akan tetapi mengikut soalan ini, jawapan kementerian ialah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah sentiasa bekerjasama dengan Jabatan Kerja Raya yang merupakan agensi pelaksana projek jalan luar bandar dan jalan perhubungan desa untuk memastikan setiap projek adalah berkualiti dan mematuhi standard ataupun spesifikasi yang telah ditetapkan oleh Jabatan Teknikal.

Selain itu, pembinaan sesuatu jalan perlu mengambil kira faktor lokasi, bentuk muka bumi, kajian kesesuaian tanah dan peruntukan kewangan. Sekiranya kajian teknikal oleh agensi pelaksana mendapati sistem jalan simen sesuai dilaksanakan bagi sesuatu projek dan ianya boleh mengurangkan kos penyelenggaraan, maka kementerian bersetuju dengan pelaksanaan sistem tersebut.

Sistem ini juga telah diguna pakai dalam pelaksanaan projek-projek jalan perhubungan desa terutamanya di Sabah dan Sarawak termasuk penggunaan teknologi *soil stabilization*.

Berhubung dengan permohonan Yang Berhormat Senator bagi titi-titi yang dibina di setiap kampung perlu dilebarkan, untuk makluman Yang Berhormat, mulai tahun 2010, pelaksanaan projek-projek kecil seperti membina dan melebarkan titi adalah di bawah Program PIA dan PIAS dan itu dilaksanakan oleh ICU di Jabatan Perdana Menteri dan bukan di bawah kementerian ini lagi.

■1940

Sehubungan dengan itu pihak Yang Berhormat Senator bolehlah mengemukakan permohonan-permohonan bagi projek-projek kecil ini kepada pihak ICU, Jabatan Perdana Menteri untuk pertimbangan selanjutnya. Yang Berhormat Senator Puan Hajah Zainun binti A. Bakar ingin mengetahui bilangan Kampung Gerakan Daya Wawasan mengikut negeri. Demi menjimatkan masa Tuan Yang di-Pertua saya minta sebaik sahaja saya selesai menggulung, saya edarkan angka yang agak banyak ini. Jadi, saya tidak mahu baca inilah. Yang Berhormat Senator juga ingin mendapatkan penjelasan mengapa penerima bantuan ekonomi kampung semakin berkurangan bagi tahun 2012. Secara umumnya jumlah bantuan ekonomi kampung dilihat agak menurun kerana tiada peruntukan khusus diteruskan untuk program berkenaan kepada kementerian ini di bawah *Rolling Plan* pertama dan kedua, Rancangan Malaysia Kesepuluh.

Walau bagaimanapun keperluan dan bantuan berkenaan boleh diselaraskan melalui bantuan dan penglibatan pelbagai kementerian dan agensi yang lain yang ada. Jabatan ataupun Kementerian Belia dan Sukan begitu juga Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani boleh terlibat dalam memangkin kemajuan GDW ini. Berhubung dengan cadangan agar kerajaan menggiatkan semula aktiviti sosial kemasyarakatan dan ekonomi secara tersusun dan bersepadu di Kampung GDW dengan melibatkan pelbagai agensi. Ianya telah pun dilaksanakan sebelum ini dan diperkukuhkan lagi di bawah pelaksanaan Program Transformasi Luar Bandar. Sebagai contoh melalui Strategi Lautan Biru Nasional (*National Blue Ocean Strategy*) pelbagai kementerian, jabatan dan agensi telah pun dilibatkan dalam memacu proses pembangunan kampung dan masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Zainun binti A. Bakar juga berharap MARA dapat mewujudkan pusat bengkel kereta setempat supaya pembangunan usahawan dan latihan kepada golongan belia dapat dilaksanakan. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, kementerian melalui MARA telah membangunkan usahawan bengkel automatik di bawah program dan *trademark smart auto*. Program ini melibatkan perwujudan kompleks *smart auto* berkluster pelbagai perkhidmatan seperti membaiki kereta, mengecat, membaik pulih kenderaan dan lain-lain lagi secara berpusat atau setempat.

Setakat ini MARA telah membangunkan tujuh kompleks *smart auto* dengan kapasiti sebanyak 71 lot bengkel. Pada masa yang sama MARA turut membangunkan usahawan individu ataupun syarikat persendirian menerusi pembiayaan perniagaan dan menggunakan konsep *smart auto*. Untuk makluman Yang Berhormat Senator juga, berdasarkan kepada pembentangan bajet yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 7 Oktober 2011 yang lalu. Kerajaan memberi keutamaan kepada pelaksanaan projek-projek bersambung dan juga projek yang termasuk di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA). Walau bagaimanapun, kementerian melalui MARA akan mengemukakan permohonan cadangan pusat bengkel kereta setempat ataupun *smart auto* di dalam *Rolling Plan* ketiga RMKe-10.

Yang Berhormat Senator juga ingin mendapat penjelasan mengenai anggaran pecahan perbelanjaan yang diperlukan pada tahun 2012 kepada MRSM. Untuk makluman Yang Berhormat, peruntukan tersebut adalah untuk bayaran akhir pembinaan MRSM, pembelian alatan, pembinaan bengkel kemahiran hidup, peningkatan MRSM sedia ada dan membaiki pulih cerun runtuh. Yang Berhormat Senator juga ingin mendapatkan penjelasan mengenai jumlah pinjaman pembiayaan dan pelajaran yang telah dikeluarkan oleh MARA setakat ini dan sejauh manakah prestasi kutipan bagi pinjaman-pinjaman ini? Untuk makluman Yang Berhormat Senator, kemudahan pembiayaan perniagaan diwujudkan dengan tujuan untuk menyediakan kemudahan modal bagi menambah bilangan serta mempertingkatkan tahap usahawan bumiputera dalam bidang perdagangan dan perindustrian yang bersaiz kecil dan sederhana.

Sasaran kemudahan pembiayaan ditumpukan kepada usahawan bumiputera yang menjalankan perniagaan di bawah sektor pembuatan, perkhidmatan, perdagangan, pemborongan dan pengangkutan. Dari tahun 2010 sehingga Oktober 2011, MARA telah meluluskan pembiayaan perniagaan kepada 7,150 pemohon dengan jumlah pinjaman sebanyak RM498 juta. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM445 juta ataupun 89.3 peratus telah berjaya dikutip.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, kemudahan pembiayaan pelajaran disediakan dalam pelbagai peringkat pengajian dalam bidang-bidang keutamaan seperti bidang sains, teknologi, profesional, teknikal dan bidang kritikal lain, di mana penyertaan bumiputera kurang berbanding dengan kaum lain bagi memenuhi keperluan sektor swasta. Tajaan pelajaran diberikan kepada pelajar lepasan SPM sehingga ke peringkat pengajian tertinggi di institusi pengajian di dalam dan di luar negara yang terkemuka dan diiktiraf.

Dari tahun 2010 hingga Oktober 2011, MARA berjaya melahirkan modal insan seramai 21,657 graduan berteraskan keperluan strategik negara. Peruntukan sebanyak RM2.15 bilion telah disediakan oleh kerajaan. Berdasarkan jumlah tersebut sebanyak RM266 juta telah berjaya dikutip. Saya hendak tambah penerangan di sini, kutipan ini seolah-olahnya agak rendah. Ini adalah kerana kalau orang itu mencapai kelulusan yang cemerlang pinjaman ini ditukar menjadi biasiswa. Kita ada garis panduan macam mana hendak- siapa yang ditukar sepenuhnya daripada pinjaman ke biasiswa ataupun dia cuma perlu membayar 5 peratus atau 10 peratus, ada jadual.

Mengenai permohonan pembinaan MRSM di Daerah Dungun. Untuk makluman Yang Berhormat pada masa ini terdapat empat buah Maktab Rendah Sains MARA, sebuah Institut Kemahiran MARA, sebuah Kolej Kemahiran Tinggi MARA dan sepuluh buah Giat MARA yang sedang beroperasi di negeri Terengganu. Penubuhan Institusi Pendidikan Mara yang baru bergantung kepada keperluan semasa. Berdasarkan kepada pembentangan bajet yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat baru-baru ini, kerajaan memberi keutamaan kepada pelaksanaan projek-projek bersambung dan juga projek yang termasuk di bawah NKRA sahaja. Kementerian akan mempertimbangkan projek ini dalam *third rolling plan* RMKe-10.

Yang Berhormat Senator Datuk Majid bin Mahap mencadangkan pembinaan sebuah Kolej Kemahiran Tinggi MARA di Sabah. Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini terdapat dua buah Maktab Rendah Sains MARA, sebuah Institut Kemahiran MARA, sebuah Kolej Politeknik MARA dan dua puluh tujuh buah Giat MARA yang sedang beroperasi serta sebuah MRSM sedang dalam pembinaan di Sabah. Penubuhan Institusi Pendidikan MARA yang baru bergantung kepada keperluan semasa. Berdasarkan kepada pembentangan bajet yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 7 Oktober baru-baru ini. Kerajaan memberikan keutamaan kepada pelaksanaan projek-projek bersambung dan juga projek yang termasuk di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara sahaja. Kementerian akan mengemukakan permohonan cadangan pembinaan KTM di Sabah dalam *third rolling plan* Rancangan Malaysia Kesepuluh.

Isu Orang Asli. Yang Berhormat Senator Datuk Abdul Rahman bin Bakar membangkitkan isu masyarakat Orang Asli yang masih lagi hidup dalam kemiskinan. Kementerian menerusi Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) sememangnya memberi perhatian dan keutamaan kepada masyarakat Orang Asli melalui dasar dan program yang telah dilaksanakan. Agenda pembasmian kemiskinan di kalangan masyarakat Orang Asli diberi penekanan dan penumpuan secara khusus oleh kerajaan sejak Rancangan Malaysia Kelapan. Rancangan Malaysia Kesembilan dan diteruskan lagi dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh.

Ingin juga saya memberitahu Ahli-ahli Senator bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri betul-betul memberi penuh perhatian terhadap kebajikan Orang Asli.

■1950

Itulah sebabnya Yang Amat Berhormat telah banyak kali melawat beberapa kampung Orang Asli di seluruh negara. Pada bulan Julai 2009, kementerian telah mengambil inisiatif dengan mewujudkan *focus group* pembangunan Orang Asli yang merangkumi lima aspek utama meliputi pembangunan ekonomi, kemudahan prasarana, pendidikan, kesihatan dan pengetahuan tradisional serta warisan Orang Asli. Menerusi *focus group* pembangunan ekonomi Orang Asli, isu-isu kemiskinan masyarakat Orang Asli telah dibincangkan secara terperinci serta langkah-langkah penambahbaikan telah dicadangkan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh. Usaha tersebut telah menampakkan hasilnya di mana peratus Orang Asli yang terkeluar daripada kemiskinan sehingga tahun 2010 adalah sebanyak 25,236 ketua isi keluarga, *family, household*. Itu adalah 69 peratus daripada *household* yang miskin dahulu, sudah dapat kita lepaskan dari garis miskin. Itu daripada 25,236 daripada 36,658 KIR.

Pencapaian ini meningkat berbanding 51 peratus pada tahun 2009. Berdasarkan pelan strategik kemajuan Orang Asli, unjuran pengurangan kemiskinan sehingga tahun 2015 adalah dijangkakan 75 peratus KIR akan dikeluarkan dari garis kemiskinan. Berhubungan dengan cadangan supaya membina rumah-rumah Orang Asli yang moden dan selesa. Untuk makluman Yang Berhormat, pembinaan rumah di bawah program bantuan rumah adalah mengikut garis panduan Program Bantuan Rumah ataupun PBR yang meliputi skop bantuan, kadar bantuan, reka bentuk rumah dan sebagainya.

Sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan sebanyak 7,090 KIR telah menerima manfaat daripada program PBR ini melibatkan peruntukan sebanyak RM159.8 juta. Sehingga kini, sebanyak RM13,292 unit rumah PBR yang diperlukan oleh masyarakat Orang Asli dengan anggaran kos RM477.6 juta telah kita siapkan.

Pada tahun 2011, sebanyak 1,310 projek PBR telah dilaksanakan meliputi bina baru dan baik pulih dengan kos sebanyak RM26.2 juta, manakala pada tahun 2012 sebanyak RM16.5 juta telah diperuntukkan untuk pelaksanaan projek PBR di perkampungan Orang Asli melibatkan 825 unit rumah. Adalah menjadi hasrat kementerian ini untuk memastikan masyarakat Orang Asli keseluruhannya mendapat kemudahan kediaman yang selesa. Namun begitu, pelaksanaan projek PBR tersebut perlu dilaksanakan secara berperingkat dan mengikut keutamaan.

Berkaitan dengan pemberian hak milik tanah kepada masyarakat Orang Asli, kementerian telah menyediakan Dasar Pemberi Milikan dan Pembangunan Tanah kepada Orang Asli (DPPTOA) yang telah dibentangkan dan diputuskan pada mesyuarat Majlis Tanah Negara (MTN) kali ke-65 pada 6 Disember 2009. Dasar tersebut jelas menggariskan supaya masyarakat Orang Asli diberi hak milik tanah di bawah seksyen 76, Kanun Tanah Negara ke atas tanah-tanah Orang Asli yang diwartakan bagi kegunaan penempatan dan perladangan.

Matlamat utama dasar tersebut adalah untuk meningkatkan sosioekonomi dan kualiti hidup masyarakat Orang Asli melalui pembangunan tanah yang terancang dan bersepadu. Pada masa ini, pihak kementerian menerusi JAKOA sedang mengadakan perbincangan dengan pihak berkuasa negeri mengenai kaedah pelaksanaan dasar tersebut. Kementerian saya telah berjumpa dengan semua Menteri-menteri Besar yang ada berkaitan dengan penduduk Orang Asli ini, yang ada *population* Orang Asli. Di sebahagian dari negeri yang kita mengadakan perbincangan dengan kementerian sudah membuat keputusan tetapi masih ada yang dapat membuat keputusan. Kita cuba hendak mencapai satu penyeragaman, itulah sebabnya ini agak memakan masa.

Mengenai syor supaya Jabatan Orang Asli diubahsuai sesuai dengan perkembangan semasa. Selaras dengan ucapan dasar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa pembentangan bajet di Parlimen pada 15 Oktober tahun ini, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, dahulu JHEOA namanya, telah diberi nafas baru sebagai Jabatan Kemajuan Orang Asli ataupun JAKOA. Selepas itu, penjenamaan semula JHEOA kepada JAKOA pada 14 Januari 2011, turut membawa inspirasi serta inisiatif baru pentadbiran JAKOA ke arah pengurusan masyarakat Orang Asli secara berkesan melalui penyediaan Pelan Strategik Kemajuan Orang Asli merangkumi tahun 2011 hingga ke tahun 2015, pelan strategik tersebut.

Yang Berhormat Senator Tuan Muhammad Olian bin Abdullah, memohon supaya kerajaan melihat balik perancangan ataupun pelan strategik yang telah dilancarkan supaya ia bersesuaian ataupun bersamaan dengan belanjawan bagi tahun 2012. Pelan Strategik Kemajuan Orang Asli 2011 hingga 2015 adalah merupakan perancangan kementerian bagi mengadakan program pembangunan yang inklusif untuk kemajuan masyarakat Orang Asli.

Pelan strategik tersebut mengandungi enam teras strategik utama melibatkan 36 sub strategik serta 100 program dengan cadangan peruntukan sebanyak RM1.52 bilion yang akan dijangka akan memberi manfaat kepada 178,197 masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia. Peringkat awal pelaksanaan pelan strategik ini, Jabatan Kemajuan Orang Asli telah diluluskan peruntukan sejumlah RM12.8 juta untuk tahun 2011, manakala sejumlah RM114.098 juta bagi pelaksanaan program tahun 2012.

Jadi, saya harap Yang Berhormat Senator jangan lihat pada dua peruntukan pada tahun ini dan tahun yang akan datang kerana peruntukan sebenarnya untuk lima tahun yang kita harap dapat diluluskan oleh Kementerian Kewangan adalah RM1.52 bilion.

Kementerian akan memastikan supaya peruntukan tahun 2012 tersebut akan dibelanjakan berasaskan keutamaan dan kesesuaian bagi program-program yang telah dirancang dalam Pelan Strategik Kemajuan Orang Asli. Yang Berhormat Senator Datuk Majjol Mahap membangkitkan mengenai tindakan yang telah, sedang dan akan dibuat oleh kerajaan dalam menyelesaikan isu Tanah Adat Orang Asli. Berhubung isu Tanah Adat Orang Asli, Mesyuarat Majlis Tanah Negara pada 4 Disember 2009 seperti saya katakan tadi telah bersetuju supaya kedudukan kawasan rayau dikaji semula bersama kerajaan negeri dan ketua masyarakat Orang Asli.

Walau bagaimanapun, kementerian telah mengambil inisiatif untuk membincangkan kedudukan Tanah Adat Orang Asli dalam konsultasi bersama kerajaan negeri. Hasil perbincangan tersebut beberapa negeri telah bersetuju untuk mempertimbangkan pengiktirafan Tanah Adat Orang Asli. Selain itu, bengkel kursus juga telah diadakan bagi membincangkan isu tanah adat dan kawasan rayau Orang Asli yang melibatkan pemimpin masyarakat Orang Asli, pihak kerajaan negeri, tokoh akademik dan agensi serta individu yang berkaitan. Kementerian harap tidak ada ahli-ahli atau orang-orang tertentu, pihak-pihak tertentu mengambil peluang ini untuk mempolitikkan isu Tanah Adat Orang Asli ini. Kita kena adil sedikit terhadap kerajaan negeri juga, kadang-kadang permintaan sebahagian daripada pihak yang terlibat begitu besar sehingga negeri tidak mampu melayan permohonan tersebut kerana tidak cukup tanah.

Yang Berhormat Senator juga mencadangkan supaya memasukkan istilah Orang Asli dalam Artikel 153. Sememangnya masyarakat Orang Asli tidak dimasukkan secara khusus dalam Artikel 153(1), Perlembagaan Persekutuan, seperti mana kedudukan orang Melayu dan bumiputera Sabah dan Sarawak. Walau bagaimanapun, masyarakat Orang Asli mendapat pengiktirafan serta tidak dinafikan kedudukannya seperti mana yang diperolehi oleh orang Melayu serta bumiputera Sabah dan Sarawak.

■2000

Kementerian ini menerusi Jabatan Kemajuan Orang Asli sentiasa memberi perhatian dan mengiktiraf hak Orang Asli melalui pelaksanaan program-program utama jabatan iaitu pendidikan, pembangunan, sosioekonomi, kesihatan sebagaimana termaktub dalam Akta 134 yang memperuntukkan bagi mengadakan perlindungan kesentosaan dan kemajuan Orang Asli di Semenanjung Malaysia. Dari segi pendidikan sebenarnya apabila kita hendak memilih...

Tuan Ahmad bin Hussin: Yang Berhormat, saya minta sedikit.

Datuk Joseph Entulu anak Belaun: Silakan.

Tuan Ahmad bin Hussin: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Tuan Ahmad bin Hussin: Sebab Yang Berhormat sebut Orang Asli. Hendak bagi sedap hatilah. Menurut Perkara 160, Perlembagaan Persekutuan, tafsiran 160(2). Dalam Perlembagaan ini, melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain perbahasan-perbahasan yang berikut adalah mempunyai erti-erti sebagaimana diberi dengan ini kepadanya masing-masing iaitu Orang Asli. Ertinya Orang Asli Semenanjung Tanah Melayu.

Maksud di sini perkataan "Orang Asli" ada dalam Perlembagaan Persekutuan. Jadi, maknanya ia mempunyai taraf yang cukup tinggi. Yang ada ialah orang Melayu, bumiputera Sarawak, bumiputera Sabah, Orang Asli dan lain-lain. Oleh sebab itulah saya minta kalau dapat kerajaan memikirkan mentakrifkan di dalam Perkara 160 apa makna lain-lain kaum? Terima kasih.

Datuk Joseph Entulu anak Belaun: Terima kasih Yang Berhormat Senator yang membantu saya menerangkan kedudukan Orang Asli dalam perlembagaan kita. Saya baru hendak sebutkan tadi sebenarnya kedudukan Orang Asli ini kalau difikirkan dari segi kemudahan ataupun layanan yang kita beri dari Orang Asli, lebih daripada bumiputera atau pun orang Melayu.

Saya ambil contoh, dua contoh. Pertama, di tempat di mana penduduk Orang Asli ini agak ramai kita sediakan hospital khas untuk mereka. Ada doktor dan sebagainya. Orang lain yang bukan Orang Asli cuma menjadi *second class* kalau pergi ke sana kecuali apabila tidak ada Orang Asli yang dilayan oleh doktor atau pun *nurse* dan sebagainya, baru orang lain boleh masuk.

Kedua, permohonan untuk masuk MRSM ini bukan main banyak. Kita tidak cukup tempat sebab keputusan dari setahun ke setahun begitu cemerlang, meningkat kecemerlangannya. Akan tetapi untuk Orang Asli, mana-mana yang betul-betul layak dan kadang-kadang kurang layak pun kita masukkan kepada MRSM ataupun tempat-tempat yang dikira sangat sesuai untuk memajukan prestasi akademik mereka. Ini dua bukti sahaja. Banyak bukti yang lain. Saya sudah membuat pengiraan dari segi jumlah peruntukan yang diberi oleh Orang Asli dari segi per kapitanya. Tidak termasuk jalan raya dan sebagainya yang diberi kepada mereka. Akan tetapi dari segi wang saku misalnya, kos pengangkutan untuk menghantar anak ke sekolah, begitu istimewa sekali. Kalau saya Orang Asli, tidak mungkin saya mahu dimasukkan sama taraf dengan bumiputera kalau mengikut layanan yang kita beri setakat ini.

Kita berjanji terutama sekali apabila Perdana Menteri kita ini betul-betul memberi penekanan ke atas kemajuan Orang Asli, saya yakin kementerian ini akan tetap sangat prihatin terhadap kebajikan Orang Asli untuk masa depan. Bagi Artikel 160(2) tadi, yang disebut oleh Yang Berhormat Senator, itu saya rasa jelaslah sama ada kita perlu memasukkan Orang Asli sebagai bumiputera ataupun tidak Orang Asli ini sudah ada disebut dalam perlembagaan kita.

Saya sambung tentang isu Artikel 153 tadi. Sememangnya masyarakat Orang Asli tidak dimasukkan secara khusus dalam Artikel 153, Perlembagaan Persekutuan seperti mana kedudukan orang Melayu dan bumiputera Sabah dan Sarawak. Akan tetapi kedudukan mereka begitu istimewa juga.

Yang Berhormat Senator Tuan Muhammad Olian bin Abdullah meminta supaya Jabatan Kemajuan Orang Asli mengambil tindakan ke atas peratus keciciran yang agak tinggi di kalangan anak-anak Orang Asli. Kementerian menerusi JAKOA telah melaksanakan pelbagai program bagi menangani masalah keciciran di kalangan pelajar-pelajar Orang Asli seperti penyaluran pelbagai jenis bantuan persekolahan, pelaksanaan pelbagai kursus dan seminar di kalangan pelajar dan ibu bapa serta penyediaan kemudahan prasarana pendidikan. Antara bantuan pendidikan yang disalurkan kepada pelajar-pelajar Orang Asli adalah meliputi seperti berikut:

- (i) pengangkutan pelajar;
- (ii) insentif wang saku pelajar;
- (iii) yuran persekolahan;
- (iv) Rancangan Makanan Tambahan; dan
- (v) bantuan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin menerusi Kementerian Pelajaran Malaysia.

Selain daripada itu, pelajar-pelajar termasuk ibu bapa turut didedahkan dengan pelbagai kursus dan seminar yang bertujuan untuk memberi kesedaran dan perubahan minda kepada mereka. Antara kursus dan seminar yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

- (i) program mesra didik;
- (ii) program SKOR 'A';
- (iii) program pembangunan minda insan; dan
- (iv) kelas dewasa Asli dan Penan.

Selain itu, jabatan menyediakan kemudahan prasarana bagi menangani isu keciciran di kalangan pelajar orang Asli dengan pembinaan pusat intelek pelajar orang Asli di Kuala Rompin, Pahang dan Sekolah Model Khas Komprehensif- itu dipanggil K9.

Yang Berhormat Senator turut membangkitkan masalah-masalah belia Orang Asli yang tidak dapat meneruskan pelajaran ke peringkat lebih tinggi.

Selain daripada tumpuan kepada pelajar Orang Asli di peringkat persekolahan dan institusi pengajian tinggi, Jabatan Kemajuan Orang Asli juga tidak mengabaikan belia-belia Orang Asli yang tidak dapat meneruskan pengajian mereka ke peringkat yang lebih tinggi. Bagi memastikan golongan tersebut tidak terpinggir, Jabatan Kemajuan Orang Asli telah menyediakan kursus-kursus kemahiran bagi melahirkan belia dan beliawanis Orang Asli yang berkemahiran serta mampu melibatkan diri dalam kegiatan ekonomi sebagai sumber pendapatan.

Setakat ini terdapat dua pusat latihan kemahiran bagi belia dan beliawanis Orang Asli yang menyediakan modul kemahiran automatif Pusat Latihan JAKOA Damansara Damai dan kursus jahitan di Pusat Latihan JAKOA Paya Bungor, Kuantan Pahang. Selain itu, Jabatan Kemajuan Orang Asli juga turut mengadakan program-program kepada belia-belia Orang Asli yang tidak meneruskan pelajaran ke peringkat lebih tinggi seperti program bimbingan kerjaya dan program pepadanan kerjaya untuk mendedahkan mereka kepada peluang-peluang pekerjaan yang boleh diceburi.

Yang Berhormat Senator juga mencadangkan untuk menyediakan kursus-kursus yang bersesuaian dengan Orang Asli seperti kursus pertanian. Setakat ini Jabatan Kemajuan Orang Asli menerusi Program Pembangunan Minda telah memberikan tumpuan kepada kursus-kursus berbentuk kemahiran automatif untuk belia dan jahitan untuk beliawanis sahaja. Untuk tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh, Jabatan Kemajuan Orang Asli sedang mengenal pasti kursus-kursus kemahiran baru yang boleh diterokai dan bersesuaian seperti kursus pertanian, perladangan, kraf tangan dan pemandu pelancong yang dapat memberi manfaat kepada mereka.

Yang Berhormat Senator Tuan Baharudin bin Abu Bakar memohon supaya tabika KEMAS dinaiktaraf seperti mana PERMATA. KEMAS sentiasa menambah baik dari segi fizikal dan peralatan serta meningkatkan kualiti guru ke tahap diploma bagi memastikan kualiti kanak-kanak tabika di seluruh negara. Taska PERMATA KEMAS memberi fokus asuhan dan didikan kepada kanak-kanak yang berumur dua hingga empat tahun. Mulai tahun 2009, KEMAS telah menaiktarafkan peralatan dan kemudahan serta mengguna pakai kurikulum PERMATA secara berperingkat-peringkat di seluruh taska di bawah KEMAS.

■ 2010

Manakala tabika KEMAS pula memberi fokus kepada kanak-kanak berumur empat hingga enam tahun. Mulai tahun 2003, KEMAS telah mengguna pakai kurikulum standard prasekolah kebangsaan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia.

Kurikulum ini memberi penekanan kepada 4M iaitu membaca, menulis, mengira dan menaakul sebagai persediaan sebelum mereka melangkah ke Tahun Satu. Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus...

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: Mohon laluan sedikit.

Datuk Joseph Entulu anak Belaun: Ya.

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab soalan tentang KEMAS tadi. Saya ingin bertanya ada beribu-ribu guru KEMAS, saya tidak ingat jumlahnya dan selalu yang saya terima aduan daripada mereka ini adalah taraf kedudukan mereka itu masih bertaraf kontrak selama-lamanya setakat ini. Jadi, adakah kerajaan mempunyai rancangan dalam masa terdekat ini untuk menjadikan mereka ini berjawatan tetap sebab ini adalah keluhan mereka selama ini. Terima kasih.

Datuk Joseph Entulu anak Belaun: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Kementerian memang sedar banyak keluhan dari bukan sahaja guru-guru KEMAS tapi dari pegawai-pegawai KEMAS yang lain yang bertaraf kontrak. Setakat ini belum ada perancangan untuk *absorb* ataupun mengambil mereka sebagai pegawai ataupun guru tetap tetapi dari segi kemudahan sama ada kemudahan semasa sakit, kemudahan yang lain sama dengan pegawai-pegawai yang berstatus tetap.

Saya sendiri pernah tanya kenapa begitu ramai diberi status sementara ataupun kontrak dan jawapan yang saya dapat ialah selagi ada matahari mereka ini akan tetap diambil bekerja walaupun kontrak tetapi kontrak itu tidak akan ditamatkan tetapi umur bersara mengikut biasalah. Akan tetapi saya dengar itu tertakluk kepada BN kekal menjadi kerajaan... [Tepuk] Kalau orang lain menjadi kerajaan saya tidak tahulah. Jadi saya harap guru-guru KEMAS dengarlah... [Tepuk]

Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus bertanya jumlah kelas prasekolah yang dibuka di luar bandar khususnya di Sabah, Sarawak dan Labuan serta berapakah jumlah guru yang berdaftar? Jumlah keseluruhan tabika KEMAS di luar bandar ialah lebih kurang 7,000 buah kelas iaitu 65 peratus dari jumlah keseluruhan tabika KEMAS seluruh negara dan guru yang berdaftar adalah seramai 10,000 orang. Bagi jumlah tabika di Sabah terdapat sebanyak 1,125 buah kelas dengan jumlah guru seramai 877 orang. Di Sarawak sebanyak 1,071 buah kelas dengan jumlah guru seramai 816 orang. Manakala di Labuan sebanyak 21 buah kelas dan jumlah guru adalah seramai 21 orang.

Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Fatimah binti Hamat berharap kerajaan akan memastikan bangunan taska yang digunakan selamat dan mempunyai kemudahan fizikal yang sesuai. Kementerian mengucapkan terima kasih di atas keprihatinan Yang Berhormat Senator mengenai perkara ini. Kementerian sememangnya mengambil berat dan mengutamakan keselamatan bangunan yang dibina serta menyediakan ruang yang selesa untuk asuhan anak-anak. Sebenarnya kita ada spesifikasi setiap murid berapa meter persegi ruang tempat mengajar mereka ini. Itu semua kita ambil kira. Bangunan yang dibina adalah diakui selamat oleh Bahagian Teknikal kementerian dan agensi-agensi teknikal kerajaan seperti Jabatan Kerja Raya.

Yang Berhormat Senator juga berharap...

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Yang Berhormat boleh saya celah sedikit? Berkenaan dengan kedudukan bangunan yang disebutkan tadi mengikut *spec* dan sebagainya tetapi apa yang berlaku di kawasan saya, apa yang saya lihat dari segi pemantauan dan bangunan yang digunakan untuk dijadikan kelas tadika tersebut adalah daripada bangunan yang lama. Dari segi pengubahsuaian dan juga dari segi pemantauan saya rasa ia berlaku di kampung saya. Jadi nampaknya tidak berlaku seperti apa yang dilaporkan oleh Yang Berhormat. Jadi saya minta kalau boleh pihak jabatan dan KEMAS dapatkan laporan daripada KEMAS di peringkat Parlimen tertentu untuk memastikan apa yang diperkatakan bersesuaian apa yang berlaku di bawah. Jadi saya mohon. Terima kasih.

Datuk Joseph Entulu anak Belaun: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Kalau bangunan KEMAS yang dimaksudkan itu adalah KEMAS yang baru memang ada bangunan yang baru ditubuhkan ini kita menggunakan bangunan yang sementara. Di kawasan saya pun kita guna rumah panjang. Akan tetapi kerana penduduk di sana yang mendesak supaya ditubuhkan KEMAS ini cepat-cepat tidak mahu ketinggalan. Itulah sebabnya. Itu sementara dan kalau sudah lama ditubuhkan KEMAS tersebut tapi bangunannya masih juga nampak usang jadi saya akan ambil perhatian dan pegawai saya akan menentukan status sebenarnya bangunan yang tersebut. Barangkali mereka akan berhubung dengan Yang Berhormat Senator untuk menentukan tempat yang dimaksudkan.

Yang Berhormat Senator juga berharap taska KEMAS sentiasa dipantau dari segi bekalan makanan kepada pelajar bagi memastikan pelajar-pelajar taska mendapatkan makanan yang berzat dan berkhasiat. Sukacita saya memaklumkan bahawa KEMAS mempunyai satu pasukan pemantau yang bertugas untuk memantau pelaksanaan dan pematuhan kepada menu dan resipi makanan yang disediakan pada setiap hari. Pasukan pemantau ini adalah terdiri daripada Pegawai KEMAS di peringkat Parlimen, daerah, negeri dan ibu pejabat dan lawatan pemantauan ini dibuat secara berkala.

Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Fatimah binti Hamat bertanya bilangan taska KEMAS yang ada di seluruh negara dan bilangan taska KEMAS yang akan dibuka pada tahun 2012. Bilangan taska PERMATA KEMAS seluruh negara adalah berjumlah 313 buah. Manakala cadangan bilangan taska PERMATA KEMAS yang akan dibuka pada tahun 2012 adalah sebanyak sepuluh buah dan peruntukan yang sebegitulah yang telah disediakan oleh Kementerian Kewangan kepada kementerian kami.

Yang Berhormat Senator juga memohon perincian perbelanjaan bagi peruntukan prasekolah sebanyak RM203 juta dan bilangan pelajar yang bakal mendapat manfaat daripadanya. Perincian perbelanjaan tersebut adalah seperti berikut:

- (i) bayaran gaji dan elaun guru dan pembantu guru sebanyak RM90.97 juta;
- (ii) kemudahan fizikal, peralatan, pengurusan dan makanan sebanyak RM93.63 juta;
- (iii) latihan guru dan pembantu guru sebanyak RM9.58 juta; dan
- (iv) pelaksanaan kurikulum dan bantuan geran per kapita sebanyak RM8.82 juta.

Tuan Yang di-Pertua sekali lagi saya merakamkan penghargaan terutama sekali kerana kurang pencelahan dan terima kasih di atas keprihatinan, cadangan dan buah fikiran Yang Berhormat Senator-Senator di atas isu-isu Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dalam perbahasan Perbekalan 2012. Saya rasa pandangan dan saranan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator akan memberi perangsang kepada kementerian dalam membela nasib masyarakat luar bandar. Sekian, Tuan Yang di-Pertua terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Minta Kementerian Pengajian Tinggi untuk menjawab.

8.19 mlm.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi I [Dr. Hou Kok Chung]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini yang telah mengambil bahagian serta memberi cadangan dan pandangan yang bernas semasa membahaskan Bajet 2012 yang menyentuh perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian Pengajian Tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, sektor pendidikan adalah merupakan antara perkara utama yang sentiasa diberi penekanan oleh kerajaan. Kerajaan amat komited dalam soal pendidikan dan pembangunan modal insan dengan menyediakan jumlah peruntukan yang besar iaitu sebanyak RM50.1 bilion iaitu 21.6 peratus daripada keseluruhan Bajet 2012.

■2020

Daripada jumlah itu, RM12.9 bilion telah diperuntukkan untuk Kementerian Pengajian Tinggi yang merangkumi sebanyak RM10.6 bilion untuk perbelanjaan mengurus dan RM2.3 bilion untuk perbelanjaan pembangunan.

Bagi menjawab Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali dan Yang Berhormat Senator Datuk Paul Kong Sing Chu yang menyentuh mengenai pemeraksanaan IPT antaranya dari segi kualiti akademik dan R&D, suka saya nyatakan bahawa teras keempat Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) iaitu memperkasakan institusi pengajian tinggi adalah bermatlamat untuk meningkatkan kualiti IPT agar setanding dengan universiti terbaik dunia di dalam program pembelajaran, pengajaran dan penyelidikan. Di bawah teras ini, langkah memperkasakan kepimpinan IPT, peningkatan tahap profesionalisme fakulti, peningkatan kualiti tenaga pengajar melalui pendidikan pasca ijazah dan pasca doktor secara berterusan serta penambahan tenaga penyelidik sentiasa dipergiatkan dari semasa ke semasa.

Dalam meningkatkan mutu dan kualiti tenaga akademik IPT, kementerian telah menyediakan biasiswa untuk tujuh skim latihan tenaga pengajar berjumlah RM515.4 juta. Antaranya ialah biasiswa Skim Latihan Bumiputera (SLAB), Biasiswa Skim Latihan Akademik IPTA (SLAI), Program Biasiswa Pos Doktor atau sub kepakaran dan program *Post Graduate Diploma In entrepreneurship*. Kementerian juga telah melancarkan satu biasiswa baru iaitu Program MyBrain Size dengan peruntukan sebanyak RM9.5 juta.

Aktiviti penyelidikan dan pembangunan juga merupakan elemen penting dalam pemeraksanaan sesebuah universiti. Bagi menggalakkan aktiviti R&D, kerajaan sentiasa meningkatkan peruntukkan dana penyelidikan setiap tahun.

Melalui Bajet 2012, kementerian telah diperuntukkan sebanyak RM400 juta untuk dana penyelidikan fundamental berbanding RM368 juta pada tahun lalu. Melalui peruntukan ini, IPT khususnya akan dapat meneruskan aktiviti-aktiviti penyelidikan fundamental yang menjadi asas kepada penerokaan ilmu-ilmu baru sekali gus mendorong kepada penyelidikangunaan kelak.

Berkenaan pengkomersialan hasil R&D yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad, sebenarnya peratusan pengkomersialan hasil R&D IPTA telah meningkat dari setahun ke setahun. Umpamanya, pada tahun 2008, bilangan produk IPTA yang dikomersialkan secara kumulatifnya adalah sebanyak 73 produk. Bilangan ini telah meningkat kepada 127 produk pada tahun 2009 iaitu pertambahan sebanyak 54 produk. Sehingga tahun 2010, sebanyak 179 produk merangkumi 15 IPTA telah berjaya dikomersialkan dan jumlah nilai yang dikomersialkan adalah sebanyak RM46.7 juta.

Berkenaan pertanyaan Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat tentang IPTA berstatus universiti penyelidikan dan pengurangan pengambilan pelajar di peringkat ijazah pertama. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini terdapat lima IPTA yang telah diiktiraf sebagai universiti penyelidikan iaitu Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Sains Malaysia, Universiti Putra Malaysia dan Universiti Teknologi Malaysia.

Pengiktirafan universiti penyelidikan adalah bertujuan untuk menjadi enjin pembangunan negara melalui peningkatan aktiviti penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan, pemimpin dalam inovasi dan menghasilkan penyelidikan bertaraf dunia. Bagi mencapai matlamat tersebut, nisbah pengambilan pelajar pasca siswazah berbanding pelajar ijazah pertama di universiti penyelidikan akan dipertingkatkan kepada 1:1. Pada tahun 2010, nisbah keseluruhan pengambilan pelajar pasca siswazah berbanding pelajar ijazah pertama bagi kelima-lima universiti penyelidikan adalah 0.7:1 yang mana telah menunjukkan peningkatan berbanding nisbah 0.5:1 pada tahun 2008.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, memandangkan universiti penyelidikan perlu memberi tumpuan kepada program pengajian di peringkat pasca siswazah, maka pengurangan pengambilan pelajar ijazah pertama akan ditampung oleh IPTA lain yang bertaraf universiti komprehensif dan universiti berfokus. Walau bagaimanapun, perubahan nisbah pengambilan pelajar ijazah pertama di universiti penyelidikan akan dilaksanakan dengan teratur agar tidak menjejaskan ekosistem pengajian tinggi negara.

Mengenai pindaan AUKU yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi, Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah, Yang Berhormat Senator Tuan Baharudin bin Abu Bakar dan Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selaras dengan persetujuan kerajaan untuk membuat pindaan terhadap AUKU bagi membenarkan pelajar terlibat dalam kegiatan dan parti politik di luar kampus.

Kementerian Pengajian Tinggi sudah pun menubuhkan Jawatankuasa Pindaan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 yang dianggotai seramai sepuluh orang ahli. Jawatankuasa ini akan mendapatkan pandangan dan maklum balas pelbagai pihak berkepentingan terutamanya mahasiswa dan ahli akademik berhubung pindaan berkenaan. Di samping itu, jawatankuasa ini akan juga mengkaji Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta [Akta 555] agar ia juga selari dengan peruntukan dalam seksyen 15, AUKU.

Yang Berhormat Senator Tuan Ahmad bin Hussin mencadangkan agar...

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Yang Berhormat, boleh saya?... Berkenaan dengan AUKU tadi.

Sebab kita tahu dari segi AUKU ini sekarang diperkatakan agak hangat juga terutamanya daripada pihak-pihak yang cuba mengambil kesempatan terutamanya dalam konteks politik. Jadi panelnya dimaklumkan seramai sepuluh orang katanya. Jadi di dalam Dewan ini saya rasa sebelum akta ini hendak dibentangkan nanti, kalau boleh kami sebagai Ahli-ahli Dewan, saya mencadangkan diberi dulu sekurang-kurangnya penerangan dan mungkin kita boleh sama-sama berbincang ataupun menyusun atur perkara yang bersesuaian sebelum kita membentangkan atau membawa ke peringkat Dewan. Jadi itu cadangan sayalah. Kalau boleh kita sebagai Ahli-ahli Yang Berhormat di sini diberi penerangan dahulu sekurang-kurangnya. Terima kasih.

Dr. Hou Kok Chung: Kementerian Pengajian Tinggi dalam pindaan AUKU itu, kita memang mengambil berat tentang input dan maklum balas dari berbagai-bagai pihak. Kalau ada cadangan yang baik, kita memang mengalu-alukan Yang Berhormat dapat kemukakan kepada kita.

Yang Berhormat Senator Tuan Ahmad bin Hussin mencadangkan agar sistem meritokrasi bagi kemasukan ke IPTA dihapuskan dan diganti dengan sistem kuota manakala Yang Berhormat Tuan Subramaniam a/l Veruthasalam pula mencadangkan agar sistem meritokrasi diamalkan secara menyeluruh. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam memutuskan sesuatu dasar, pandangan dan tuntutan semua pihak telah diambil kira dan dikaji secara mendalam dan akhirnya kepentingan rakyat dan negara akan dijadikan keutamaan. Di bawah dasar meritokrasi yang diamalkan sekarang, semua kaum berpeluang mendapat pendidikan tinggi secara adil dan saksama.

■2030

Pelaksanaan dasar ini adalah untuk mewujudkan persaingan sihat antara kaum. Kerajaan sememangnya menyedari bahawa keseimbangan pembangunan modal insan bagi semua kaum di negara ini adalah penting dan akan sentiasa memastikan tiada keciciran sesuatu kelompok masyarakat yang akhirnya akan merencatkan pembangunan negara.

Berkenaan cadangan Yang Berhormat Tuan Subramaniam a/l Veruthasalam agar STPM dimansuhkan dan matrikulasi kebangsaan diwujudkan sebagai laluan kemasukan ke IPTA. Untuk makluman, pada masa ini kerajaan akan terus mengekalkan kemasukan ke IPTA bagi ijazah pertama melalui pelbagai kelayakan akademik iaitu Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia, matrikulasi asasi, STAM, diploma atau lain-lain kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan Malaysia dan diluluskan oleh *senate*.

Berhubung dengan pertanyaan Yang Berhormat Senator Tuan Boon Som a/l Inong tentang borang UPU yang tidak menyatakan bangsa Siam. Untuk maklumat, mulai tahun 2012 maklumat tertentu seperti taraf warganegara, kaum, agama dan jantina akan digururkan daripada borang permohonan kemasukan ke IPTA.

Yang Berhormat Senator Puan Chew Lee Giok telah mencadangkan agar UPM kembali memberi fokus kepada bidang pertanian. Suka saya memaklumkan bahawa Kementerian Pengajian Tinggi melalui institusi pengajian tinggi termasuk Universiti Putra Malaysia sentiasa berusaha melahirkan pekerja mahir dalam sektor pertanian. Ini adalah sejajar dengan dasar pertanian negara yang telah mengenal pasti sektor pertanian sebagai salah satu sektor penyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Sungguhpun nama telah ditukarkan kepada Universiti Putra Malaysia, namun UPM sentiasa memberikan tumpuan dalam bidang pertanian selari dengan bidang tujuhnya ataupun *niche area* iaitu agrobio.

UPM melalui Fakulti Pertanian menawarkan program-program pengajian berasaskan pertanian di pelbagai peringkat pengajian iaitu enam program pengajian di peringkat diploma, lima program pengajian di peringkat ijazah sarjana muda dan dua program pengajian di peringkat pasca siswazah yang bertujuan untuk melahirkan pekerja mahir dalam sektor pertanian. Selain daripada program asas yang ditawarkan, program-program penyelidikan di peringkat sarjana dan Ph.D juga ada ditawarkan di sembilan buah institut di UPM. Antaranya di Institut Biosains, Institut Teknologi Maju, Institut Kajian Dasar Pertanian dan Makanan, Institut Perhutanan Tropika dan Produk Hutan dan Institut Pertanian Tropika. Melalui penyelidikan yang dijalankan, teknologi baru yang berinovasi dalam bidang pertanian dapat dihasilkan yang akhirnya akan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Mengenai perpindahan semula pusat matrikulasi Universiti Islam Antarabangsa dari Nilai, Negeri Sembilan ke Petaling Jaya, Selangor yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Hajah Mumtaz binti Md Nawī. Untuk maklumat, perpindahan pusat matrikulasi UIAM ke Petaling Jaya terpaksa dibuat memandangkan tempoh sewaan bangunan di Nilai, Negeri Sembilan telah hampir tamat. Kebiasaannya, jika penyambungan sewaan diteruskan maka pemilik bangunan akan mengenakan kontrak tempoh sewaan yang lama sedangkan Kampus Matrikulasi UIAM yang baru di Gambang, Pahang dijangka siap dalam tahun 2012.

Oleh itu, bagi mengatasi masalah ini maka perpindahan sementara terpaksa dibuat ke Petaling Jaya yang mana bangunannya masih di bawah UIAM. Kaedah ini akan lebih menjimatkan kos berbanding penyambungan tempoh sewaan bangunan di Nilai.

Berkaitan masalah pelajar antarabangsa di IPTS seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Azian bin Osman, Yang Berhormat Senator Puan Norliza binti Abdul Rahim, Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah dan Yang Berhormat Senator Datuk Paul Kong Sing Chu. Dimaklumkan bahawa tindakan tegas termasuk tidak membenarkan pengambilan pelajar asing akan diambil ke atas kolej swasta yang terbukti bersubahat membenarkan pelajar asing menduduki peperiksaan tanpa perlu menghadiri kelas.

Kementerian Pengajian Tinggi juga akan menimbangkan menarik balik pendaftaran sebagai IPTS jika didapati kesalahan yang dilakukan amat serius dan menggugat keselamatan negara. Dalam hubungannya ini, Kementerian Pengajian Tinggi melalui mesyuarat panel bagi menimbang permohonan pengambilan pelajar antarabangsa yang ahli-ahlinya terdiri daripada wakil KPT, Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan Imigresen akan meneliti prestasi IPTS dalam pengurusan pelajar antarabangsa. Dalam tahun 2010...

Dato' Azian bin Osman: Mohon mencelah sedikit. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Timbalan Menteri. Pendek sahaja minta penjelasan. Apakah yang dimaksudkan oleh pihak kementerian kesalahan yang amat serius baru tindakan akan diambil.

Dr. Hou Kok Chung: Biasanya kalau IPTS tidak mengikut peraturan yang dikenakan oleh Kementerian Pengajian Tinggi seperti tidak melaporkan balik pelajar-pelajar yang tidak hadir dalam kuliah. Jadi itu merupakan satu kesalahan dan juga kalau pelajar-pelajar yang banyak melanggar undang-undang, memang Kementerian Pengajian Tinggi akan pergi menyiasat dan tengok apa-apa alasan yang telah diberikan oleh IPTS. Kalau kementerian tidak terima, jadi kita akan mengambil tindakan.

Dalam tahun 2010, sebanyak 24 buah IPTS telah ditarik balik kelulusan pengambilan pelajar antarabangsa manakala pada tahun 2011 sebanyak enam buah IPTS telah diambil tindakan yang sama. KPT juga sedang mengkaji proses serta kriteria yang...

Dato' Dr. Firdaus bin Abdullah: [Bangun]

Dr. Hou Kok Chung: Bolehkah saya habiskan ini?

Dato' Dr. Firdaus bin Abdullah: *Small point*, sekejap sahaja.

Dr. Hou Kok Chung: *No, this is a small one only.* KPT juga sedang mengkaji proses serta kriteria yang terlibat dalam urusan permohonan pelajar antarabangsa. KPT telah mengenakan syarat tambahan ke atas pengambilan pelajar antarabangsa dari negara sub-Sahara dengan menguatkuasakan pemakaian *No Objection Certificate* atau NOC bermula pada 1 Januari 2011. Malah KPT telah mensyaratkan semua IPT supaya melaporkan kepada KPT sekiranya ada pelajar antarabangsa mereka tidak menghadiri kelas untuk tiga hari berturut-turut.

Pelajar tersebut akan berhadapan dengan tindakan pas pelajarinya dibatalkan dan diminta pulang ke negara asalnya sekiranya gagal memberi penjelasan yang dapat diterima oleh KPT. Sila.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri kerana memberi peluang. Soalan saya ringkas sahaja. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyebut tentang tindakan-tindakan yang diambil terhadap beberapa IPTA swasta terutamanya yang telah melanggar peraturan-peraturan, melanggar syarat-syarat pengambilan pelajar-pelajar dari luar negara. Bilangan yang disebut tadi, saya lupa berapa bilangan yang disebut tadi. Tak apalah berapa bilangannya tapi yang saya nak tahu adakah nama IPTS berkenaan dihebahkan? Maksud saya begini, kalau tindakan-tindakan itu sekadar untuk membuat tindakan melarang mereka mengambil pelajar-pelajar dari luar negeri tak mencukupi.

Saya rasa masyarakat awam perlu dimaklumkan bahawa inilah IPTS yang tidak bertanggungjawab, melanggar peraturan, mengaut keuntungan dan memberi kemudahan kepada pelajar-pelajar dari luar negara yang menyalahgunakan kesempatan yang diberikan kepada mereka. Jadi kalau telah diumumkan dalam akhbar baguslah. Kalau tidak saya minta supaya benda ini diumumkan untuk kepentingan masyarakat ramai. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Hou Kok Chung: Kesalahan IPTS ataupun IPT yang lain dia bukan setakat mengambil pelajar yang tidak berpatutan, ia ada kesalahan yang lain juga seperti menawarkan kursus yang tidak mengikuti rancangan kursus yang telah dirancang dahulu ataupun mengubah premis. Ini memang kita telah banyak memberikan kompaun dan semua itu kita telah menyiarkan dalam surat khabar. Jadi inilah jawapan yang saya bagi.

■2040

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi...

Dato' Azian bin Osman: Mohon saya laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mendengar kepada penjelasan Timbalan Menteri tadi, tindakan tegas telah diambil terhadap IPTS-IPTS. Saya ingin penjelasan, apakah tindakan itu sebelum atau selepas, saya rasa mungkin sebelumnya. Laporan daripada Timbalan Menteri Kementerian Pengajian Tinggi sendiri, baru-baru ini 300 IPTS bermasalah. Sebanyak 300 jumlahnya IPTS bermasalah di negara kita. Itu satu jumlah yang besar, jadi saya rasa penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi agak *contradict* dengan apa yang dilaporkan oleh surat khabar. Seolah-olah tiada tindakan yang tegas diambil sehingga 300 IPTS – berapa jumlah IPTS kita di negara ini?

Jika 300 bermasalah, saya rasa saya tidak tahu berapa *percent* yang bermasalah daripada jumlah yang ada, IPTS. Jadi saya minta penjelasan, apakah penjelasan Yang Berhormat timbalan Menteri di sini, *contradict* dengan apa yang dilaporkan oleh surat khabar yang juga *statement* daripada *another* Timbalan Menteri. Sekian, terima kasih.

Dr. Hou Kok Chung: Sebab saya tidak tahu laporan Yang Berhormat sebut mungkin bagi saya 300 itu mungkin 300 kesalahan, bukan 300 IPTS yang telah melanggar undang-undang. Jadi, dari segi itu memang KPT tegas dan telah mengambil tindakan dan kalau saya tidak silap, pada tahun lepas kita telah memberi kompaun kepada IPTA yang salah dan jumlahnya lebih kurang sampai RM1 juta. Jadi, ini yang kita telah usahakan. KPT memang hendak menjadikan Malaysia ini sebagai *educational hub* di rantau ini. Jadi kita memang berusaha supaya matlamat kita itu dapat dicapai.

Dato' Azian bin Osman: Mohon penjelasan sedikit. Saya pun sependapat dengan sahabat saya Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah. Bolehkah atau tidak IPTS bermasalah ini disenaraikan dalam surat khabar supaya mudah untuk rakyat.

Dr. Hou Kok Chung: Memang kita ada senaraikan, kalau masuk ke web KPT, memang Yang Berhormat dapat mencari mana IPTS yang telah melanggar undang-undang.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Saya rasa menyenaraikan dalam laman web KPT lain, menyiarkan dalam media massa *printed* lain kerana yang mengakses web itu, bilangan orang terbatas. Jadi, saya rasa untuk berlaku adil kepada masyarakat awam supaya masyarakat jangan sampai tertipu juga, saya rasa maklumat tentang tindakan yang diambil terhadap IPTS-IPTS berkenaan tidak memadai hanya sekadar disiarkan dalam web sahaja. Perlu disiarkan dalam akhbar dan kalau perlu dalam bentuk iklan dan jangan dalam bentuk *news*, jangan dalam bentuk *press release*. Berapa sangatlah biaya mengiklankan tentang IPTS, sekadar untuk mengumumkan itu sahaja atau setidak-tidaknya diumumkan dalam satu sidang akhbar yang diliputi sekali oleh media elektronik. Saya minta penjelasan dan reaksi Timbalan Menteri Pengajian Tinggi.

Dr. Hou Kok Chung: Yang Berhormat, memang saya sendiri telah membuat *press conference* berkenaan dengan isu ini dan semua IPTS saya telah senaraikan dan *press* juga ada *publish* berita seperti itu. Jadi, saya rasa itu bukan satu masalah sebab memang kita bukan sahaja telah buat kenyataan PC, kita juga- supaya pelajar-pelajar baru yang tidak faham, mereka juga dapat akses web kita dan maklumat yang seperti itu.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Minta maaf Tuan Yang di-Pertua. Perkara ini penting saya rasa. Kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri mengaku beliau sendiri yang mengadakan sidang akhbar itu, bolehkah tidak saya tahu bilakah sidang akhbar terakhir yang diadakan, berapa IPTS yang terlibat dan apa kesalahan yang dilakukan? Terima kasih.

Dr. Hou Kok Chung: Jadi, ini memang panjang lebar tetapi seperti yang saya tadi sebutkan di antaranya adalah kursus-kursus yang tidak dapat kelulusan daripada KPT, menukar premis, menyediakan bilangan pensyarah yang tidak mencukupi... [Disampuk]

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Tidak faham Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya *very simple*. Mudah sahaja. Bilakah kali terakhir sidang akhbar diadakan?

Dr. Hou Kok Chung: Kalau tidak silap ialah bulan Julai tahun ini.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: *Sorry?*

Dr. Hou Kok Chung: Bulan Julai. Kalau tidak silap sayalah sebab memang *paper* ada *carry news* ini. Akan tetapi itu saya rasa kita tidak perlu bahaskan di sini, bila buat ataupun sudah buat *conference*. Okey, sekian terima kasih. Boleh saya teruskan?

Dato' Azian bin Osman: Yang Berhormat, sedikit sahaja Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, sedikit sahaja. Saya ingin memberikan pandangan. Mintalah pihak KPT bertegas dalam perkara ini. Kita tidak mahu anak-anak kita atau pelajar kita masuk ke sebuah IPTS bercampur dengan sampah-sampah daripada luar negara ini. Masuk ke sana ditipu, dinodai, macam-macam kita baca dalam surat khabar ini. Kalau tidak *strict* tentang perkara ini, anak-anak kita akan bergaul dengan mereka ini. Sudahnya jadi keldai dadah, anak-anak kita yang pandai sudah jadi tidak berjaya dan sebagainya. Walau kita hendak para pelajar jadi hab pendidikan tinggi di negara ini, kita hendak kualiti bukan sampah datang masuk ke dalam negara ini dan menjadikan masyarakat kita juga sampah. Sekian, terima kasih.

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya pun hendak masuk sedikit. Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya minta laluan sebab saya pun setuju sebab kalau kita biarkan keadaan ini berlaku terutamanya yang melibatkan si 'Awang Hitam' yang selalu kita gelarkan dia. Seperti yang kita perbahaskan semalam pun, kes berlaku seorang janda sampai hilang RM3 juta sebab permasalahan yang berlaku dengan pelajar-pelajar asing ini.

Jadi, kita hendak tahu juga dari segi pemantauan yang dibuat oleh kementerian sendiri sebab apabila *license* itu dikeluarkan terutamanya untuk menubuhkan IPTS ini, jadi mesti ada kriteria-kriteria tertentu. Apabila kesalahan pelajar-pelajar itu berlaku di dalam universiti tersebut, apakah tindakan seterusnya yang dilakukan oleh kementerian, sama ada pelajar itu sahaja ditahan atau universiti itu dikenakan tindakan-tindakan tertentu? Jadi, kita tidak nampak sekarang permasalahan, yang kita perkatakan hanyalah pelajar-pelajar asing yang melakukan kesalahan. Akan tetapi bagaimana pula dengan IPTS ataupun pihak-pihak universiti yang mengambil pelajar-pelajar ini mengikut kriteria yang macam mana, pintu belakang atau sebagainya? Jadi, saya minta penjelasan.

Dr. Hou Kok Chung: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelajar-pelajar asing bukan sahaja dia masuk di dalam institusi di bawah Kementerian Pengajian Tinggi, ada yang masuk di bawah Kementerian Pelajaran, Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Belia dan Sukan. Akan tetapi bagi mengekang persepsi kurang sihat terhadap pelajar antarabangsa ini dari terus berlaku, usaha sama secara lebih bersepadu dengan pelbagai agensi seperti Kementerian Dalam Negeri, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia, Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Pelajaran Malaysia akan digembleng.

Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi telah membangkitkan mengenai rasional penubuhan *educational hub* di Pagoh. Dimaklumkan bahawa Jemaah Menteri pada 24 Jun 2011 telah bersetuju dengan cadangan pembangunan hab pendidikan di Pagoh, Johor. Pagoh dipilih kerana secara tidak langsung ia bertindak sebagai koridor pendidikan antara *Education Cluster Division Valley Malaysia* di bawah *Greater Kuala Lumpur* di sebelah utara dan *EduCity* di Nusajaya, Iskandar Malaysia di sebelah selatan. Projek ini dilaksanakan oleh Sime Darby Property Berhad, anak Syarikat Sime Darby Berhad melalui kaedah *public-private partnership* atau PPP.

SDPB akan bertindak sebagai pemaju utama untuk membangunkan hab pendidikan Pagoh secara berfasa melalui tawaran bidaan dan kawasan selebihnya sebagai pembangunan bandar yang baru.

Mengenai pertanyaan Yang Berhormat Senator Datuk Chiu Tiang Chai tentang mekanisme pengagihan baucar buku RM200 dan adakah pelajar luar kampus dan pengajian jarak jauh menerimanya. Sukacita dimaklumkan bahawa pengagihan baucar buku RM200 kepada pelajar akan dibuat tanpa melalui wang tunai. Baucar bernilai RM200 akan diberikan kepada pelajar di peringkat ijazah, diploma, matrikulasi dan Tingkatan Enam melalui IPTA, IPTS, politeknik, Jabatan Pendidikan Negeri dan MARA. Semua pelajar penuh dan separuh masam merangkumi pelajar luar kampus dan PJJ akan diberikan baucar buku ini. Yang Berhormat Senator Dato' Zaitun binti Mat telah membangkitkan beberapa perkara berkaitan kolej komuniti.

■2050

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini kursus-kursus yang dijalankan di Kolej Komuniti Kuantan terbahagi kepada dua iaitu kursus sepenuh masa yang terdiri daripada kursus teknologi elektrik, multimedia kreatif, kulineri, operasi hotel, pelukis pelan seni bina dan teknologi pembuatan bersepadu dan yang kedua adalah kursus separuh masa. Bilangan pelajar kursus modular bagi sesi 2010/2011 ialah seramai 280 orang, manakala lulusan pelajar bagi kursus sijil dan modular sejak penubuhannya pada tahun 2001 ialah seramai 2,150 orang. Bilangan peserta yang mendaftar bagi kursus PSH di Kolej Komuniti Kuantan sejak bulan Januari hingga Disember 2011 adalah 4,022 orang.

Berkenaan cadangan kemudahan penginapan asrama untuk pelajar kolej komuniti, konsep dan dasar penubuhan kolej komuniti adalah untuk pelajar di dalam komuniti setempat yang berhampiran dengan kolej komuniti. Oleh yang demikian, kemudahan asrama tidak disediakan. Walau bagaimanapun disebabkan tuntutan semasa di mana terdapat pelajar datang dari luar daerah bagi mengikuti kursus yang tidak ditawarkan di kolej komuniti berhampiran, maka kerajaan telah membina dan menyediakan asrama di lima buah kolej komuniti tertentu sahaja berdasarkan kedudukan geografi dan kursus yang hanya ditawarkan di kolej komuniti tersebut. Kolej komuniti yang mempunyai kemudahan asrama ialah Kolej Komuniti Grik, Perak, Kolej Komuniti Rompin, Pahang, Kolej Komuniti Paya Besar, Pahang, Kolej Komuniti Jelebu, Negeri Sembilan dan Kolej Komuniti Segamat 2, Johor.

Berkenaan Jawatankuasa Penasihat Kolej Komuniti, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jawatankuasa ini sebenarnya telah ditubuhkan semenjak kolej komuniti mula beroperasi pada tahun 2000 lagi. Tujuan utama penubuhan jawatankuasa penasihat adalah untuk memberi bimbingan dan sokongan kepada program-program yang dijalankan di kolej komuniti di pelbagai peringkat dan memastikan program-program yang dijalankan oleh kolej komuniti dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh ahli-ahli masyarakat setempat di dalam kawasan Parlimen atau di daerah yang berkenaan.

Berkenaan cadangan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus agar dibuka kolej komuniti di Labuan, pada masa ini kementerian tiada perancangan untuk menubuhkan sebuah kolej komuniti di Labuan. Walau bagaimanapun kementerian mengambil maklum cadangan Yang Berhormat.

Mengulas perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Zaitun binti Mat yang ingin tahu mengapa di Pusat Perubatan UKM dan Pusat Perubatan USM dijangka akan menurun pada tahun 2012. Maklumat yang diperolehi KPT menunjukkan ia akan terus meningkat pada kadar purata 5 peratus setahun.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahaja yang dapat saya jelaskan tentang perkara-perkara yang dibangkitkan berkaitan dengan Kementerian Pengajian Tinggi. Saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang memberi pandangan dan cadangan untuk kita menambahbaikkan perkhidmatan sektor pengajian tinggi negara. Bagi isu dan cadangan yang tidak sempat dijawab, kementerian akan tetap memberi perhatian dan mengambil tindakan yang sewajarnya. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sekarang diminta Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri untuk menjawab.

8.54 mlm.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri II [Dato' Jacob Dungau Sagan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada enam Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan isu-isu untuk dijawab oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri semasa perbahasan Bajet 2012. Di antara isu yang telah dibangkitkan mengenai kementerian ini adalah berkaitan pertama, pelaburan langsung asing (FDI) dan pelaburan domestik. Kedua, pembiayaan sektor perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Ketiga, industri automotif dan yang keempat, kerjasama perdagangan di antara negara-negara ASEAN.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Abdul Rahman bin Bakar telah membangkitkan mengenai jumlah pelaburan langsung asing (FDI) yang kurang di negeri-negeri Pantai Timur berbanding negeri-negeri lain. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebagai sebuah kerajaan yang adil yang sentiasa berusaha untuk memakmurkan ekonomi negara, kerajaan tidak pernah meminggirkan mana-mana negeri ataupun membezakan antara negeri dalam menikmati limpahan kekayaan melalui pelaburan yang diperolehi sama ada pelaburan asing mahupun pelaburan domestik. Kerajaan melalui Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) sentiasa melaksanakan strategi pelaburan secara berterusan dan mengadakan pelbagai inisiatif bagi menarik pelaburan untuk memastikan Malaysia terus kekal sebagai destinasi pelaburan yang terpilih. Strategi dan inisiatif yang dilaksanakan dengan mempromosikan Malaysia secara keseluruhannya dan tidak menjurus kepada negeri-negeri tertentu. Keputusan akhir dalam menentukan destinasi pelaburan yang dipilih adalah tertakluk kepada pilihan pelabur sendiri berdasarkan kepada keputusan perniagaan setelah mengambil kira faktor-faktor seperti berikut:

- (i) keadaan politik dan ekonomi Malaysia yang stabil mewujudkan sumber manusia yang berpendidikan dan berkemahiran tinggi; dan
- (ii) infrastruktur yang baik dan sistem penyampaian kerajaan yang efisien;

Selain daripada itu, dalam memastikan pembangunan yang seimbang di antara negeri-negeri, kerajaan telah memperkenalkan lima koridor ekonomi iaitu Iskandar Malaysia, Wilayah Ekonomi Koridor Utara, Wilayah Ekonomi Koridor Timur, Koridor Sumber Tenaga Diperbaharui di Sarawak dan Koridor Pembangunan Sabah yang melaksanakan program-program yang fokus kepada pertumbuhan ekonomi di wilayah-wilayah tersebut.

Bagi tempoh Januari hingga Oktober 2011, sebanyak RM40.7 bilion pelaburan diluluskan dalam sektor perkilangan melalui 693 projek perkilangan. Daripada jumlah tersebut, RM21 bilion ataupun 51.6 peratus merupakan pelaburan langsung asing (FDI), manakala RM19.7 bilion atau 48.4 peratus merupakan pelaburan domestik.

Di antara negeri-negeri yang telah menerima jumlah pelaburan asing yang tinggi bagi tempoh Januari hingga Oktober 2011 adalah seperti berikut:

- (i) Pulau Pinang dengan jumlah pelaburan sebanyak RM3.8 bilion;
- (ii) Selangor dengan jumlah pelaburan sebanyak RM3.7 bilion;
- (iii) Johor dengan jumlah pelaburan sebanyak RM3.5 bilion;
- (iv) Sarawak dengan jumlah pelaburan sebanyak RM3.1 bilion;
- (v) Negeri Sembilan dengan jumlah pelaburan sebanyak RM1.9 bilion;
- (vi) Melaka dengan jumlah pelaburan sebanyak RM1.9 bilion; dan
- (vii) Terengganu dengan jumlah pelaburan sebanyak RM1.1 bilion.

Ketiga-tiga negeri iaitu Pulau Pinang, Selangor dan Johor telah menerima kemasukan pelaburan asing yang tinggi bagi tempoh Januari hingga Oktober 2011 dengan jumlah pelaburan asing yang diluluskan bernilai RM11 bilion atau 52.3 peratus daripada jumlah keseluruhan pelaburan asing yang diluluskan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, ketiga-tiga negeri ini sememangnya telah menerima jumlah pelaburan yang tinggi semenjak kerajaan menggalakkan pelaburan dalam industri berteknologi tinggi dalam awal tahun 2002. Di antara faktor utama yang lain yang menyebabkan para pelabur tertumpu di negeri-negeri ini adalah disebabkan oleh pembangunan infrastruktur yang pesat yang dijalankan oleh kerajaan melalui peruntukan di bawah Rancangan Malaysia lima tahun seperti taman perindustrian, lebuh raya, lapangan terbang, pelabuhan serta penubuhan institusi pengajian tinggi dan pusat penyelidikan. Negeri-negeri ini juga mempunyai beberapa industri utama yang mampan dan tertubuh termasuk industri sokongan kejuruteraan yang telah dibangunkan oleh kerajaan sejak awal tahun 70-an yang menjadi tarikan utama pelabur asing.

■ 2100

Pada kebiasaannya negeri-negeri seperti Pulau Pinang, Selangor, Johor dan Kedah merupakan pilihan utama para pelabur asing memandangkan negeri-negeri ini secara perbandingannya mempunyai infrastruktur perindustrian yang mampan serta *cluster* industri yang lama tertubuh. Walau bagaimanapun, dengan pembangunan koridor raya adalah dijangka paras pelaburan di negeri-negeri lain termasuk Sabah dan Sarawak akan meningkat dengan ketara.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali telah membangkitkan mengenai *FDI Report Outlook* yang diterbitkan oleh *Financial Times* mengenai lima pelaburan tinggi ialah China, India, Australia, Vietnam dan *Singapore*. Menurut beliau Malaysia tiada dalam senarai tersebut. Beliau juga meminta supaya kita tidak boleh bergantung kepada modal asing sepenuhnya bahkan globalisasi model tempatan hendaklah digalakkan. Apabila menerima modal asing kita hendaklah jelas untuk tujuan apa atau untuk maklumat apa ia digunakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sememangnya tidak bergantung sepenuhnya terhadap pelaburan asing dalam usaha untuk membangunkan ekonomi negara. Bagi melonjakkan lagi pertumbuhan ekonomi negara dan merencanakan pelaburan domestik, kerajaan telah memperkenalkan Program Transformasi Ekonomi (ETP) sebagai satu rancangan ekonomi yang tertumpu dan komprehensif dalam mengubah Malaysia menjadi negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Di bawah ETP sebanyak 12 bidang ekonomi utama negara atau NKEA telah dikenal pasti sebagai pemacu pertumbuhan ekonomi negara dan pelaburan swasta telah ditetapkan pada kadar 92 peratus dari jumlah RM1.4 trilion pelaburan yang diperlukan untuk kesemua 12 NKEA dari tahun 2010 hingga tahun 2020. Dari jumlah ini pelaburan domestik merangkumi 73 peratus dari jumlah keseluruhan pelaburan swasta yang diperlukan.

Sasaran yang ditetapkan ini membuktikan tekad dan iltizam kerajaan dalam merencanakan pertumbuhan ekonomi negara dan menjadikan pelaburan domestik sebagai peneraju utama pembangunan ekonomi negara. Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali juga telah membangkitkan mengenai industri automotif Malaysia yang dikatakan ketinggalan berbanding dengan negara-negara jiran dan Korea. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat industri automotif negara mampu bersaing berdasarkan kemampuan syarikat-syarikat tempatan untuk mengeksportkan produk-produk automotif ke pasaran antarabangsa. Sebagai contoh syarikat pengeluar kenderaan nasional Proton sejak penubuhannya telah mengeksport keluarannya walaupun menghadapi persaingan yang kompetitif daripada syarikat-syarikat yang lebih besar dan lebih lama dalam industri automotif. Proton di sepanjang tahun 2011 masih mampu mengeksport dan mengekalkan pasarannya ke 23 buah negara.

Produk-produk automotif, komponen, alat ganti tempatan lain juga mampu bersaing dan dapat dilihat melalui eksport komponen dan alat ganti keluaran syarikat tempatan yang berjaya menembusi pasaran di lebih 50 negara. Pada masa ini industri automotif tempatan sedang di liberalisasi secara progresif menerusi pelbagai aspek.

Di bawah perjanjian perdagangan bebas (FTA) yang sedang dirunding atau yang telah ditandatangani kerajaan, *duty import* bagi pengeksporan produk automatif sedang beransur-ansur dihapuskan atau sebahagiannya telah pun dihapuskan.

Di bawah kajian semula dasar automatif nasional pula penarikan semula pembekuan lesen pengilang telah dilaksanakan bagi segmen automatif terpilih yang dikenal pasti sebagai strategik dan berimpak tinggi kepada ekonomi negara. Pengeluaran lesen pengilang bagi segmen-segmen automatif yang telah dikenal pasti ini tidak dikenakan syarat ekuiti. Menyedari persaingan yang semakin kompetitif pelbagai langkah yang telah diambil kerajaan untuk membantu industri automatif tempatan mengekal dan terus meningkatkan tahap kemampuannya. Antara melalui penyediaan pakej geran dan insentif yang komprehensif seperti Dana Pembangunan Automatif (ADF) dan Dana Penyelarasan Industri (IAF) serta pemindahan teknologi automatif dari negara yang lebih maju ke dalam negara seperti usaha sama teknikal dengan pihak Jepun di bawah Malaysia *Japan Automotive Corporation Program*.

Di samping itu Institut Automatif Malaysia (MIA) telah ditubuhkan oleh kerajaan bagi membantu dan mengukuhkan pembangunan industri automatif tempatan. MIA berfungsi sebagai pusat penyelarasan bagi semua perkara berkaitan industri automatif termasuk dalam pengubahan dasar, pembangunan modal insan serta penyelidikan dan pembangunan dalam industri automatif. Kerajaan ketika ini sedang mengkaji semula dasar automatif nasional. Langkah ini antara lain akan turut memfokuskan kepada pengeluaran komponen-komponen strategik yang bernilai tambah tinggi seperti enjin di pasaran tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh, Yang Berhormat Dato' Syed Ibrahim bin Kader dan Yang Berhormat Senator Dato' Majjol bin Mahap telah membangkitkan mengenai pembiayaan sektor perusahaan kecil dan sederhana (PKS) termasuk *SME Revitalization Fund*, dengan izin, serta isu permohonan dan agihan dana tersebut.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, *SME Revitalization Fund* ini diwujudkan untuk membantu PKS yang menghadapi masalah perniagaan yang di luar kawalan mereka seperti keadaan ekonomi, operasi perniagaan di luar kawalan seperti kenaikan kos bahan mentah dan tenaga kerja, kelewatan bayaran daripada pembekal perkhidmatan dan kelewatan projek atas sebab-sebab teknikal ataupun *genuine business problem* dengan izin, tetapi dikenal pasti masih berdaya maju dan berpotensi untuk dipulihkan. Dana ini akan dilaksanakan secara rasmi mulai 1 Januari 2012. Di bawah pelaksanaannya, SME bank bukan sahaja akan menyediakan bantuan dalam membentuk pembiayaan tetapi juga bantuan khidmat nasihat yang bersesuaian dengan keperluan pengusaha berkenaan dalam usaha memperbaiki prestasi perniagaan mereka.

Pihak SME bank juga telah memulakan usaha-usaha dalam mengenal pasti PKS yang berpotensi untuk dibantu menggunakan dana ini. Walau bagaimanapun, pada masa ini syarat-syarat dan prosedur dana tersebut tidak dapat dimaklumkan kepada Dewan Negara kerana masih di peringkat akhir perbincangan di antara pihak Kementerian Kewangan dengan SME bank. Dana ini terbuka kepada semua PKS di seluruh Malaysia.

PKS yang berpotensi dan mempunyai daya maju untuk dipulihkan akan dibantu melalui pembiayaan dana ini. Di bawah program-program pembiayaan yang dikendalikan oleh SME bank bagi tempoh Januari hingga 30 November 2011 sebanyak RM1.67 bilion telah disalurkan kepada 1,284 PKS. Daya maju projek merupakan kriteria penting dalam pembiayaan pinjaman supaya perniagaan yang dibantu mampu berkembang dan berdaya saing.

■ 2110

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, selain dari *SME revitalization fund* dan Program Pembiayaan SME Bank, kerajaan memperuntukkan sejumlah RM5.9 bilion bagi membiayai pelaksanaan 219 program pada tahun 2011 ini. MITI melalui SME Corp Malaysia telah memperkenalkan *Business Accelerator Program* atau pun BAP dan *Enrichment and Enhancement Program* yang disebutkan E² program yang merupakan program pembangunan bersepadu yang lebih komprehensif bertujuan untuk meningkatkan keupayaan dan kemampuan PKS secara menyeluruh yang merupakan *hand holding program*, dengan izin yang mana PKS yang menyertai program ini akan dibimbing secara bersepadu dan menyeluruh.

Kedua-dua program ini diuruskan bersama oleh SME Bank dan Bank Rakyat dan lebih tertumpu kepada peningkatan keupayaan syarikat melalui bantuan latihan dan peningkatan kemahiran.

Dana Kecemasan PKS ataupun SME *Emergency Fund*, dengan izin pula, telah dilancarkan bagi membantu PKS yang terbabat dengan bencana alam sehingga menjejaskan operasi perniagaan mereka. PKS yang mengalami bencana ini boleh mengemukakan permohonan kepada *Malaysian Industry of Development Fund Finance* (MIDF) iaitu salah satu agensi di bawah MITI. Kerajaan sememangnya sentiasa mengambil langkah-langkah bagi membantu memudahkan PKS mendapat bantuan. Bagi PKS yang memohon untuk menyertai *Business Accelerator Program* dan *Enrichment & Enhancement Program* dengan izin, yang dilaksanakan oleh MITI melalui SME Corp Malaysia, beberapa proses telah dipermudahkan seperti permohonan mula dikemukakan secara *online* dan penubuhan pusat rujukan di SME Corp Malaysia untuk memberi khidmat nasihat serta bimbingan dan panduan dalam membuat permohonan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Chiu Tiang Chai telah membangkitkan mengenai langkah kerajaan bagi meningkatkan kerjasama perdagangan antara negara ASEAN termasuk mengurangkan halangan perdagangan antara negara ASEAN.

Beliau juga mencadangkan agar kerajaan menggalakkan gabungan kepakaran di antara syarikat antarabangsa dan usahawan tempatan bagi meningkatkan daya saing usahawan tempatan di peringkat global. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, objektif utama ASEAN ialah untuk membentuk satu komuniti ASEAN yang bersepadu pada tahun 2015. Tiga tonggak utama integrasi ASEAN merangkumi komuniti politik dan keselamatan, komuniti ekonomi ASEAN dan komuniti sosiobudaya. Bagi merealisasikan komuniti ekonomi ASEAN ataupun AEC, satu pelan tindakan AEC *Blueprint* telah ditandatangani oleh para pemimpin ASEAN pada 20 November 2007. Pelan Tindakan AEC merupakan dokumen yang menggariskan langkah-langkah yang perlu diambil oleh setiap negara anggota ASEAN dalam merealisasikan AEC. Pada 1 Januari 2015, langkah-langkah tersebut adalah:

- (vi) mewujudkan ASEAN sebagai pusat pengeluaran dan pasaran tunggal;
- (vii) menjadikan ASEAN sebagai kawasan ekonomi yang berdaya saing;
- (viii) menjadikan ASEAN sebagai kawasan pembangunan ekonomi yang saksama ataupun *equitable economic development* dengan izin; dan
- (ix) memastikan ASEAN terus diintegrasikan dengan ekonomi global.

Selain daripada itu AEC juga merangkumi kerjasama dalam aspek dasar persaingan, perlindungan pengguna, hak harta intelek, pembangunan infrastruktur, percukaian, dan e-dagang. AEC adalah satu peluang untuk memperluaskan lagi aktiviti perniagaan dan pelaburan syarikat-syarikat tempatan dalam komuniti ASEAN. Ia akan menjadikan ASEAN sebagai satu pusat pelaburan utama di dunia. ASEAN merupakan rakan dagangan utama Malaysia. Jumlah perdagangan Malaysia dengan negara-negara ASEAN mewakili 26.2 peratus atau RM305.9 bilion daripada jumlah dagangan global negara pada tahun 2010. Untuk sepuluh bulan pertama bagi tahun 2011, jumlah perdagangan Malaysia dengan negara-negara ASEAN mencatat RM275.3 bilion eksport ke negara ASEAN telah meningkat 6.8 peratus untuk mencatatkan RM142.71 bilion. Manakala jumlah import Malaysia ke negara ASEAN sebanyak RM132.59 bilion.

AEC akan membawa banyak faedah kepada Malaysia. Antaranya bagi membolehkan ahli perniagaan dan profesional Malaysia memperluaskan eksport ke pasaran ASEAN. Kedua, menarik pelabur asing untuk menempatkan operasi mereka di Malaysia. Ketiga, membuka peluang kepada syarikat-syarikat Malaysia untuk menempatkan operasi di negara-negara ASEAN yang lain dan yang keempat memberi peluang kepada PKS menembusi pasaran serantau sebelum dieksport ke pasaran global.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu langkah yang telah diambil bagi menggiatkan lagi perdagangan di kalangan negara-negara ASEAN adalah pemansuhan duti import bagi perdagangan intra ASEAN. Selain itu, ASEAN juga mengadakan kerjasama dalam bidang-bidang berikut:

- (i) fasilitasi perdagangan;
- (ii) *standard dan conformant*;
- (iii) fasilitasi pelaburan;
- (iv) fasilitasi pengangkutan dan kesalingan hubungan ataupun *interconnectivity* dengan izin;
- (v) memperkukuhkan bidang hak harta intelek dan dasar persaingan; dan
- (vi) menghapuskan halangan bukan takrif ataupun *non-tariff barriers*, dengan izin.

Dengan memberi keutamaan kepada bidang-bidang tersebut, ASEAN boleh mengurangkan halangan perdagangan, memudahkan proses, dan mengurangkan kos menjalankan perniagaan. Pelaksanaan AEC tahun 2015 adalah selaras dengan Program Transformasi Kerajaan dan Program Transformasi Ekonomi. Melalui AEC, negara mendapat manfaat dari segi peningkatan pelaburan dan perdagangan, peningkatan keluaran dalam negara kasar ataupun KDNK dan mewujudkan peluang pekerjaan.

Selaras dengan usaha ASEAN ke arah penghapusan NTB menjelang tahun 2015, kerajaan juga berusaha meningkatkan ketelusan dalam langkah-langkah bukan takrif atau *non-tariff measures* melalui pelbagai kerjasama, fasilitasi perdagangan serta perjanjian dengan lain-lain negara ASEAN. Kerajaan sememangnya menggalakkan usaha kerjasama syarikat-syarikat usahawan tempatan dengan syarikat-syarikat antarabangsa.

Antara syarikat-syarikat dari negara-negara ASEAN yang melabur di Malaysia melalui usahawan adalah seperti *CP Group* dari Thailand, *Auto Company* juga dari Thailand, Mayapada Bank Indonesia dan beberapa syarikat Indonesia yang memiliki hotel-hotel di Malaysia. Usaha sama sebegini membolehkan gabungan kepakaran serta pemindahan teknologi yang secara tidak langsung meningkatkan kebolehan dan keupayaan syarikat-syarikat tempatan. AEC bukan sahaja menggalakkan syarikat-syarikat ASEAN bekerjasama dengan syarikat tempatan di dalam negara tetapi membantu syarikat-syarikat tempatan memperluaskan operasi mereka di negara-negara ASEAN.

■2120

Syarikat-syarikat Malaysia mempunyai banyak pengalaman dalam aktiviti-aktiviti seperti perladangan, petroleum dan gas, perhutanan dan perkilangan, sektor perkhidmatan-perkhidmatan seperti pengangkutan udara, pelancongan, perkhidmatan perniagaan, kewangan, maritim dan telekomunikasi. Kebanyakan syarikat Malaysia kini menjalankan perniagaan dengan mengadakan operasi mereka di Thailand. Ini termasuk Indonesia, *Singapore*, Kemboja, Laos PDR atau di semua negara ASEAN.

MITI sentiasa berusaha untuk meningkatkan kesedaran syarikat-syarikat tempatan mengenai peluang-peluang kerjasama dengan syarikat-syarikat antarabangsa dan peluang perniagaan di antara negara-negara ASEAN melalui pelbagai sesi taklimat serta penglibatan, dan misi-misi perdagangan dan pelaburan yang dianjurkan oleh Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) dan Lembaga Kemajuan Pelaburan Malaysia (MIDA). Secara tidak langsung, penglibatan syarikat tempatan dalam misi-misi tersebut membantu mereka membina rangkaian serta menembusi dan meluaskan pasaran sama ada dalam negara mahupun ke negara-negara ASEAN. MATRADE, MIDA, SME Corp. turut membantu syarikat-syarikat tempatan dan PKS meningkatkan kebolehpupayaan mereka melalui pelbagai insentif dan pinjaman yang disediakan.

MATRADE dan MIDA membantu meningkatkan daya saing perusahaan dan syarikat-syarikat tempatan melalui usaha-usaha bagi mempromosikan produk-produk serta perkhidmatan mereka ke rantau ASEAN melalui pejabat yang terletak di beberapa buah negara ASEAN.

Pada masa yang sama, Majlis Penasihat Perniagaan ASEAN atau *ASEAN Business Advisory Council (ABAC)* dan Kelab Perniagaan ASEAN (*ASEAN Business Club*) juga memainkan peranan bagi menggalakkan syarikat-syarikat di Malaysia dan negara ASEAN lain mewujudkan kerjasama strategik dalam menghasilkan produk bagi pasaran global serta membolehkan produk serta perkhidmatan yang ditawarkan adalah berdaya saing.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahajalah penjelasan saya terhadap perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh bidang kuasa kementerian ini. Segala teguran dan pandangan adalah amat dialu-alukan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sekarang saya mempersilakan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

9.23 mlm.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani I [Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum]: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: *Walaikumussalam.*

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum: Salam Sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bagi pihak Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan Negara Tahun 2012, Peringkat Dasar yang menyentuh pelbagai perkara di bawah tanggungjawab kementerian ini.

Seramai 15 orang Ahli Yang Berhormat Senator telah mengambil bahagian dalam sesi perbahasan Belanjawan Negara Tahun 2012, Peringkat Dasar kali ini. Saya mengucapkan ribuan terima kasih. Sesungguhnya kementerian ini menghargai segala pandangan, teguran dan cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator sekalian.

Yang Berhormat Senator Dato' Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff mempersoalkan tentang penjenamaan semula TEMAN dan apakah status terkini TEMAN? Untuk makluman Yang Berhormat, TEMAN adalah nama singkatan kepada Terminal *Agribusiness* Negara yang bertujuan untuk memodenkan dan meningkatkan kecekapan sistem pengedaran makanan dan keluaran pertanian negara. TEMAN ditubuhkan berikutan pasar borong dan premis yang sedia ada serta amalan pengurusannya yang masih terkebelakang berbanding dengan pasar borong di negara maju.

Pelaksanaan TEMAN masih di peringkat awal dan banyak usaha yang akan dilakukan oleh kerajaan untuk menjayakannya. Pengalaman daripada negara maju seperti *Garak Market* di Korea Selatan juga mengambil masa tempoh lebih kurang lima tahun untuk menjadi sebuah pasar yang terkenal. Sekarang ia telah semakin moden dan kos untuk pembangunan semula ialah sebanyak RM2.5 bilion - untuk kursus, untuk perniagaan dan ia mengendalikan urusan perniagaan yang tertinggi di dunia.

Perancangan kerajaan pada masa kini adalah untuk membangunkan TEMAN bukan hanya sebagai pusat pengedaran makanan tetapi juga sebagai pusat transformasi desa (RTC) melalui pendekatan bersepadu gabungan jentera kerajaan, swasta dan rakyat di bawah *Blue Ocean Strategy*. TEMAN dipilih sebagai RTC berasaskan faktor kemudahan sedia ada, boleh dilaksanakan dan mudah diakses oleh kumpulan sasar. Antara usaha yang akan dilaksanakan di bawah RTC adalah untuk meningkatkan:

- (i) kemahiran ekonomi penduduk luar bandar melalui latihan dan bimbingan;
- (ii) menyebarkan dan penggunaan maklumat;
- (iii) pengeluaran hasil pertanian bernilai tinggi;
- (iv) aktiviti pemprosesan hasil tani;
- (v) pengurusan rantaian bekalan berpacuan pasaran;

- (vi) perkongsian ilmu pelajar dan pensyarah pusat pengajian, dan praktikal di lapangan;
- (vii) mengambil amalan kesihatan terutama keselamatan makanan; dan,
- (viii) mempermudah pembiayaan insurans.

TEMAN Gopeng merupakan RTC pertama dan seterusnya TEMAN Kota Bharu akan dijadikan akan dijadikan RTC seperti yang telah dibentangkan dalam Bajet 2012.

RTC di TEMAN Gopeng berupaya menyediakan perkhidmatan bagi kawasan liputan 100 kilometer serta jentera kerajaan seperti jabatan, agensi Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah, Kementerian Dalam Negeri, serta membuka pejabat di RTC TEMAN Gopeng bagi memudahkan rakyat mendapat perkhidmatannya. Begitu juga beberapa agensi pembiayaan dan insurans beroperasi di RTC berkenaan seperti TEKUN, Agro Bank, Bank Simpanan Nasional, dan Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia.

Pihak swasta juga turut memainkan peranan yang mana pasar borong seperti pasar raya borong Mydin akan beroperasi di premis TEMAN Gopeng. Pengusaha berkenaan bekerjasama dengan pengusaha tani sedia ada bagi mengedarkan hasil pertanian ke seluruh rangkaian pasaran di Malaysia. Pasar raya ini juga akan mengedarkan produk Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) ke rangkaian KR1M termasuk AgroBazar, Kedai Rakyat FAMA.

Yang Berhormat Senator Puan Chew Lee Giok mencadangkan supaya melahirkan lebih petani berilmu dan golongan graduan, serta mengadakan kursus-kursus pendek. Untuk makluman Yang Berhormat, Jabatan Pertanian melaksanakan Latihan Inkubator Usahawan Belia Tani yang bertujuan membimbing dan memberikan pengalaman secara *hand-on* di ladang yang diusahakan sendiri oleh peserta projek. Program ini merupakan satu bentuk latihan dalam bidang penternakan, tanaman untuk graduan institut pengajian tinggi awam, institut pengajian tinggi swasta, institut pertanian. Orang awam dan belia tani yang berumur 21 tahun sehinggalah 40 tahun boleh terlibat di dalam program ini. Program-program ini dijalankan bagi tempoh enam bulan di institut-institut pertanian di seluruh negara.

■2130

Program terkini yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani ialah melalui FAMA. Program ini dinamakan Kelab *MyAgrosis* dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi. Majlis pelancaran Kelab *MyAgrosis* peringkat kebangsaan pada 17 Disember 2011 di UiTM Merbok, Kedah dan akan dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia di samping majlis menandatangani memorandum persefahaman MoU di antara kedua-dua kementerian yang akan turut diadakan. Sehingga kini 480 orang mahasiswa daripada UiTM Merbok telah mendaftar diri untuk menyertai kelab ini. Objektif penubuhan kelab ini ialah untuk melahirkan generasi usahawan siswazah tani di masa-masa yang akan datang.

Isu tanah terbiar, Yang Berhormat Puan Doris Sophia mencadangkan supaya tanah terbiar di Malaysia digunakan bagi menangani ancaman *food security*. Yang Berhormat Senator Dr. Ramakrishnan mencadangkan supaya petani dan penternak diberikan tanah di luar bandar untuk diusahakan seperti di Chaah, Labis.

Yang Berhormat Tuan Haji Ahamad bin Yusop mencadangkan supaya semua tanah pertanian tidak ditukarkan untuk tujuan lain seperti projek perumahan, selain daripada sistem pengairan pertanian perlu diuruskan dengan baik.

Yang Berhormat Senator Tuan Lee Cheam Choon membangkitkan bahawa terdapat banyak tanah-tanah terbiar yang sepatutnya boleh diusahakan dengan aktiviti pertanian. Yang Berhormat Dato' Azian turut terlibat di dalam isu ini iaitu mengenai status tanah jelapang padi di Sarawak.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, persaingan penggunaan tanah bagi tujuan pembangunan dijangka memberikan tekanan kepada keluasan kawasan untuk pengeluaran makanan. Sehubungan dengan itu, penguncupan keluasan tanah akan diimbangkan dengan penggunaan tanah yang optimum.

Kawasan pengeluaran makanan yang dikenal pasti di dalam rancangan fiskal negara akan dizonkan sebagai kawasan kekal pengeluaran makanan terutama di kawasan pembangunan koridor dengan kerjasama kerajaan negeri. Amalan pertanian secara integrasi ternakan dalam kawasan perladangan industri akan digalakkan dan kawasan tanaman semula kelapa sawit akan dibangunkan dengan tanaman singkat seperti pisang, nanas dan tembikai.

Selain daripada itu, sebagai penyediaan menghadapi impak perubahan iklim boleh menjejaskan bekalan makanan, R&D akan ditumpukan kepada penghasilan *variety* dan baka, yang dapat berdaya tahan dalam pengubahsuaian sistem pengeluaran pertanian. Kementerian akan terus membantu pesawah-pesawah di kawasan yang sedia ada di Sarawak termasuk di kawasan Batang Lupar. Cadangan untuk menjadikan kawasan ini sebagai jelapang padi memerlukan kajian yang lebih lanjut memandangkan dasar semasa kerajaan, kita tidak akan lagi mewujudkan atau membangunkan jelapang padi yang baru.

Kementerian sememangnya bercadang untuk mengkaji semula subsidi dan insentif berkaitan dengan padi dan beras dan berhasrat untuk menambah baik kaedah dari segi kedah pembayaran...

Dato' Azian bin Osman: Yang Berhormat mohon laluan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang meminta laluan.

Dato' Azian bin Osman: Boleh?

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum: Ya, boleh.

Dato' Azian bin Osman: Saya bertanyakan soalan tempoh hari sama ada apa status jelapang padi di Sarawak yang dicadangkan. Jadi pada penjelasan Yang Berhormat tadi seolah-olah sama ada tidak dikaji ataupun tidak berhasrat untuk meneruskan cadangan tersebut. Jika untuk dikaji berapa lamakah kajiannya dan jika tidak berhasrat apakah alternatifnya. Ini kerana kita akan menghadapi masalah kekurangan beras suatu hari nanti balik, *nauzubillah*. Sekian terima kasih.

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum: Terima kasih Yang Berhormat, sebenarnya kita memang ada perancangan tetapi keputusan Kabinet setakat ini, kita tidak akan membangunkan lagi kawasan jelapang padi kerana kosnya begitu tinggi. Sekarang ini kita mengimport lebih kurang 30 peratus daripada beras kita dan buat sementara ini kita masih lagi berkemampuan untuk membangunkan semula kawasan jelapang padi yang sedia ada.

Kalau kita tengok di kawasan jelapang padi di Kedah iaitu di kawasan MADA. Di bawah NKEA kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM2.2 bilion untuk membangunkan kawasan yang sedia ada. Jadi kalau kita membangunkan jelapang padi yang sedia ia telah mencukupi untuk *self sufficient* kita pada masa-masa yang akan datang dan yang penting ialah kaedah-kaedah yang perlu dilaksanakan. Sebenarnya sekarang ini di Malaysia dari segi pengeluaran padi kalau dibandingkan dengan Thailand dari segi teknologi, *research*, hasilnya di Thailand hanya 2.7 dari segi output untuk satu hektar sedangkan di Malaysia kita sudah ada 3.3 tan tetapi keluasan di sana banyak.

Namun sekarang ini masalah seperti mana yang telah dibangkitkan tadi ialah bagaimana kita hendak menambahkan penyertaan graduan-graduan siswazah baru kerana kebanyakan petani-petani di kawasan kita kalau kena bahasa Kedah ini ranum maknanya 60 tahun, 70 tahun sudah tidak ada tenaga untuk pesawah. Jadi sebenarnya jelapang padi kita telah mencukupi jika dilaksanakan dengan baik. Jadi itu ialah di antara keputusan yang telah dibuat dan walau bagaimanapun pendekatannya walaupun kita tidak buka jelapang padi baru tetapi usaha-usaha yang kita jalankan ke arah untuk *self sufficient*. Ya, Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat, silakan.

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: Mohon laluan ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri menyebut tentang kita mempunyai keluasan sawah yang cukup untuk pengeluaran cuma kaedah-kaedahnya yang patut diperbaharui.

Di dalam ucapan bahas saya pada tempoh hari, saya ada menyebut tentang satu perkara yang berlaku di negeri Johor di mana pesawah-pesawah khususnya di Daerah Ledang masih dibekalkan jabatan pertanian dengan benih padi jenis lama, saya ada sebut dan ada keluar di dalam *The Star* 19 Julai 2011.

Di dalam laporan *The Star* itu berbunyi begini, berbelas-belas tahun pesawah-pesawah padi di daerah tempat saya ini dibekalkan dengan benih padi lama jenis padi angin, dipanggil padi angin sedangkan sudah ada benih-benih padi baru yang lebih produktif dan lebih tinggi outputnya. Padi angin ini satu hektar hanya boleh mengeluarkan 2.5 metrik tan sahaja sedangkan padi jenis baru MR220CL yang telah berjaya ditanam di FELCRA Seberang Perak mengeluarkan lapan tan satu hektar. Jadi pesawah-pesawah daripada tempat saya ini pergi membeli sendiri benih padi daripada pesawah-pesawah FELCRA Seberang Perak sebab jabatan pertanian tidak mahu membekalkan dan tanam sendiri dengan belanja sendiri. Hasilnya berjaya dituai pada bulan Julai yang lepas, itu yang saya katakan lapan metrik tan satu hektar.

Isunya di sini ialah kenapa Jabatan Pertanian ini begitu lambat ataupun apa masalahnya tidak mahu mengenalkan tanaman benih padi yang baru khususnya di Johor ini tadi sedangkan masa yang diambil untuk menanam padi adalah sama tiga bulan sudah mengeluarkan hasil.

■2140

Teknologi sudah ada dan sudah berjaya di Seberang Perak, takkan itu pun satu perkara yang sangat sukar. Kita bercakap tentang produktiviti, meningkatkan produktiviti petani, *research* sudah ada tetapi tidak dilaksanakan. Saya minta, saya tidak tahu kenapa, sama ada Yang Berhormat ada jawapannya tetapi sebelum itu saya sengaja hendak timbulkan ini kerana saya bimbang tidak dicatat. Tadi Yang Berhormat Menteri Pelajaran menjawab soalan-soalan, ada banyak soalan yang tidak dicatatkan dan tidak dapat dijawab, lebih kurang tujuh lapan orang Ahli-ahli Yang Berhormat tadi, perbahasannya tidak dijawab oleh Timbalan Menteri Pelajaran. Terima kasih.

Tuan Lee Cheam Choon: Saya minta celah.

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum: Tuan Yang di-Pertua, soalan Yang Berhormat itu ada jawapannya selepas ini, jadi tunggu ya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada soalan. Silakan.

Tuan Lee Cheam Choon: Terima kasih. Di dalam ucapan saya, saya telah menyentuh bahawa banyak tanah sawah terbiar yang tidak diusahakan. Jadi, adakah apa-apa rancangan ataupun adakah kementerian akan menubuhkan perbadanan atau sesebuah syarikat supaya – kepada pesawah-pesawah yang sudah tua, tidak mahu lagi bekerja. Anak-anaknya tidak mahu sambung, supaya kita sewa semua sawah yang terbiar ini dan disewakan kepada pesawah yang berminat untuk mengusahakan kerja-kerja ini. Adakah rancangan ini?

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya tanah terbiar ini rumit, kita nampak mudah dan banyak tetapi kadang-kadang bila kita cari, tuan tanah pun tidak ada, tuan tanah di sesuatu kawasan. Kita lihat memanglah hutan tetapi tuan tanah tidak ada, tanah ditinggal, jadi *problem*. Ada satu kes iaitu di Rembau, ada graduan-graduan daripada universiti dan juga yang profesional, seorang arkitek, mereka sewa balik tanah. *Very difficult*, susah untuk mendapatkan persetujuan daripada waris dan sebagainya. *It's look easy* tetapi agak susah. Kita tengok di kawasan MADA sendiri, tanah-tanah yang kita hendak majukan untuk buat estet, ia makan masa kerana kita hendak beri penerangan kepada tuan-tuan tanah yang menyewa tanah mereka.

Kadang-kadang sesetengah itu sudah sewa tiga kali dan sebagainya, *it is not easy*. Sebenarnya memang kita sedar akan perkara ini dan kita menggalakkan supaya pihak-pihak swasta untuk membuat program-program secara bersendirian. Kementerian boleh bagi sokongan dan selain daripada itu juga, tanah-tanah ini di bawah kerajaan negeri. Memang, *we are aware*, kita tahu berkenaan tanah-tanah ini dan kita memerlukan banyak perkara yang hendak diambil kira dalam soal pembangunan tanah-tanah terbiar ini. Bukan kata kita tidak mahu buat tetapi ada banyak masalah.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, saya ada nampak kes di Chaah, Labis di mana dulu estet itu dimiliki oleh 'Mat Saleh.'

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada bangkitkan soalan itu masa dalam ucapan?

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Ya, ada bangkit, Chaah dan Labis.

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum: Saya dah jawab tadi.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Saya terangkan, apa maksud saya tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada jawab tadi?

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum: Kalau belum jawab itu, belum sampai masa, *you wait until* saya jawab sebab saya jawab ikut isu. Jadi, kadang-kadang saya belum sampai kepada Yang Berhormat. Yang Berhormat telah mencelah.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, teruskan Yang Berhormat.

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum: Jadi, berkenaan dengan status tanah pertanian kepada tanah komersial adalah hak. Ini pengubahan tanah-tanah pertanian yang hendak dibuat pembangunan, untuk buat macam di Kedah sekarang ini, timbul buat pembangunan. Jadi, itu hak kerajaan negeri, kita tidak boleh buat apa-apa. Kita hanya boleh beri nasihat.

Berkenaan dengan isu pukut tunda. Yang Berhormat Tuan Ahmad bin Hussin mempersoalkan betul atau tidak pukut tunda menangkap ikan berserta benih dan seterusnya menjejaskan sumber ikan negara. Kalau benar, maka perlu haramkan pukut tunda ini. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, penggunaan pukut tunda telah dikenal pasti menjadi penyebab kepada kerosakan ekosistem dan habitat marin. Akibatnya proses pembiakan ikan dan tumbesaran hidupan laut terjejas. Walaupun pukut tunda telah memberi kesan negatif terhadap sumber dan habitat marin tetapi ianya telah menyumbangkan kepada pendaratan ikan yang tinggi kerana sifatnya yang efisien.

Walau bagaimanapun, untuk mengurangkan bilangan *vesse/* pukut tunda di zon 'B' di Pantai Barat Semenanjung Malaysia, jabatan telah memperkenalkan *Program Exit Plan* iaitu Skim Pembelian Balik *Vessel* bagi mengurangkan tekanan berlebihan terhadap sumber di perairan kurang daripada 12 batu nautika daripada pantai. Ini adalah satu program di mana *vesse/* pukut tunda zon 'B' dibeli oleh kerajaan dan dilupuskan. Pemilihan *vesse/* tersebut diberi pilihan seperti berikut:

- (i) membina *vesse/* baru yang lebih besar untuk beroperasi di zon 'C' dan C2; dan
- (ii) beralih kepada penggunaan peralatan 'mesra sumber' atau menceburi bidang perikanan yang lain seperti akuakultur dan sebagainya.

Sebanyak 116 *vesse/* pukut tunda telah dikeluarkan daripada perairan zon B, 15 di Kedah dan satu di Selangor. *Vesse/* pukut tunda dari negara lain juga tidak dibenarkan berpindah pangkalan ke negeri Kedah supaya bilangan pukut tunda tidak bercambah. Program ini juga akan diperkembangkan ke seluruh Malaysia. Dalam pengurangan tekanan terhadap sumber perikanan negara, Jabatan Perikanan telah mengambil tindakan mengaudit *vesse/* laut dalam, di mana sebanyak 141 *vesse/* terpakai daripada Vietnam yang didapati telah tidak mematuhi syarat dan telah melanggar peraturan telah dibatalkan lesennya baru-baru ini.

Pihak Penguatkuasaan Maritim Malaysia selaku agensi penguatkuasaan maritim tunggal juga memainkan peranan penting untuk membendung kegiatan *vesse/* pukut tunda yang melanggar peraturan. Pada tahun ini sebanyak 246 *vesse/* pukut tunda telah ditangkap dan dikenakan tindakan di zon kesalahan seperti menceroboh zon 'A', menggunakan nelayan asing dan beroperasi tanpa lesen. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, dulu kita denda. Sekarang kita gantung selama tiga bulan. Maknanya sekarang ini tindakannya lebih serius lagi. Jadi kalau gantung, ia akan menjejaskan dan saya nampak daripada tindakan itu, telah kurang sedikit pencerobohan.

Yang Berhormat Tuan Ahmad bin Hussin juga mencadangkan supaya elaun sara hidup kepada 16,000 orang nelayan ditambah kepada RM300, daripada RM200 kepada RM300. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, kerajaan akan terus memberi elaun sara hidup kepada nelayan sebanyak RM200 bukan kepada 16,000 nelayan sebenarnya kita bagi kepada 50,000 orang nelayan di negara kita.

Yang Berhormat Senator Tuan Ahmad bin Hussin juga mencadangkan supaya disediakan *cold room* di Kuala Kedah dan di Perlis bagi membantu menstabilkan harga ikan. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian sedang menjalankan kajian keperluan sebenar bilik sejuk di setiap negeri termasuk di Kedah dan Perlis sebagai langkah menstabilkan bekalan dalam harga ikan.

Pada masa ini, LKIM menyediakan sembilan unit bilik sejuk, *cold room* kapasiti antara 15 hingga 25 tan metrik di empat buah kompleks perikanan LKIM di negeri Kedah dan sebuah di negara Perlis. Jumlah keseluruhan kapasiti bilik sejuk ini ialah sebanyak 115 tan metrik. Selain itu kita ada juga pihak swasta. Pihak swasta ada juga *cold room* nya.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Zainun binti A. Bakar menekankan supaya tabung khas perumahan nelayan perlu dibelanjakan di Dungun, Terengganu kerana terdapat ramai nelayan yang memerlukannya.

■2150

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, peruntukan sebanyak RM300 juta telah diluluskan dan RM100 juta akan dibelanjakan setiap tahun mulai tahun 2012. Peruntukan ini akan diagihkan kepada negeri-negeri mulai tahun 2012 kepada ketua isi rumah nelayan yang layak menerima di mana nilai pembiayaan ialah yang pertama, maksimum RM20,000 untuk membaiki rumah dan maksimum RM50,000 untuk membina rumah baru. Kumpulan pembaikan rumah termasuk menyediakan bekalan air dan elektrik. Bagi pembinaan rumah baru penerima mestilah memiliki tanah sendiri. Jadi, ini kita perlu bantuan daripada kerajaan negeri kerana kebanyakan nelayan ini tidak mempunyai tanah sendiri. Jadi kepada negeri-negeri yang tertentu seperti di Kedah dan lain-lain, kita minta tolonglah supaya bila kita hendak buat projek ini cepat-cepatlah luluskan tanah itu.

Ketika ini kajian senarai nelayan yang layak sedang dilaksanakan dan dijangkakan selesai pada Januari 2012 dan nelayan yang berjaya diminta untuk melengkapkan borang bantuan perumahan nelayan. Permohonan akan dianalisa oleh jawatankuasa penilaian di peringkat daerah ataupun negeri. Berkaitan dengan peruntukan perumahan masyarakat nelayan di Dungun, ianya akan diambil kira semasa LKIM menjalankan kajian senarai nelayan yang layak.

Yang Berhormat Senator Dato' Mustafa Kamal bin Mohd Yusoff mempersoalkan mengapakah bekalan makanan negara masih belum mencapai SSL walaupun kerajaan telah menjamin sejak sepuluh tahun yang lepas. Beliau juga mempersoalkan mengapa perlu satu lagi dasar iaitu Dasar Agro Makanan Kebangsaan sedangkan semua langkah berkaitan telah dikhususkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan sehingga Rancangan Malaysia Kesepuluh. Untuk makluman Yang Berhormat, cabaran utama kepada kementerian adalah untuk meningkatkan pengeluaran makanan dalam negara dan mempromosikan tabiat pemakanan terhadap hasil tempatan untuk menggantikan hasil import.

Walau bagaimanapun, import terus meningkat kerana permintaan yang tinggi terhadap bahan makanan yang tidak dapat dihasilkan di dalam negara kerana faktor iklim dan kos pengeluaran yang tinggi terutamanya bijirin seperti gandum, barli, kacang soya, jagung, bahan makanan ternakan, bawang merah serta buah-buahan seperti epal, anggur, oren, sayur-sayuran beriklim sederhana, salad, kubis bunga dan brokoli. Kebanyakan yang kita import ialah yang tidak boleh ditanam di sini. Jadi kalau kita hendak melawat orang sakit di hospital bawalah buah-buahan tempatan macam harum manis kah daripada kita bawa epal dan sebagainya. Kita kalau melawat orang di hospital itu bawa buah anggur. Itulah masalahnya.

Namun kementerian akan terus meningkatkan usaha membaiki imbalan dagangan dengan meningkatkan eksport terutama diberikan kepada komoditi yang bernilai tinggi dan mampu bersaing di pasaran luar negara seperti produk iaitu akuakultur, rumpai laut, sarang burung walit, produk herba, buah-buahan, sayur-sayuran dan makanan proses yang telah diproses.

Penggubalan dasar baru pertanian dibuat berikutan berakhirnya tempoh pelaksanaan Dasar Pertanian Negara Ketiga iaitu daripada tempoh tahun 1998 sehingga tahun 2010.

Jemaah Menteri telah bersetuju supaya dasar baru pertanian 2011 sehingga 2020 dibuat secara berasingan iaitu Dasar Agro Makanan Negara di bawah MOA dan Dasar Industri Komoditi Negara di bawah Kementerian Perusahaan Peladang dan Komoditi bagi membolehkan tumpuan khusus diberi kepada industri-industri berkenaan. Dasar Agro Makanan Negara 2011-2020 digubal dengan mengambil kira faktor-faktor di peringkat global iaitu peningkatan harga makanan, peningkatan harga import pertanian, pertambahan penduduk, persaingan dengan industri bio-tenaga dan perubahan iklim. Dasar ini juga digubalkan sejajar dengan agenda pembangunan nasional dan dasar-dasar semasa kerajaan termasuk Model Baru Ekonomi, Program Transformasi Kerajaan, Program Transformasi Ekonomi dan Rancangan Malaysia Kesepuluh.

Bagi memperincikan inisiatif dan aktiviti yang akan dilaksanakan, kenyataan dasar dan strategi yang digariskan dalam Agro Makanan Negara akan diterjemahkan kepada pelan tindakan bagi mencapai sasaran pertumbuhan yang ditetapkan.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz bertanya apakah jaminan bekalan makanan negara mencukupi sekiranya Thailand dilanda musibah banjir. Yang Berhormat Tuan Haji Ahamat @ Ahmad bin Yeop juga mencadangkan supaya kerajaan segera membincangkan mengenai krisis dan bekalan. Ya, Yang Berhormat?

Tuan Haji Ahamat @ Ahmad bin Yusop: Nama saya Ahmad bin Yusof. Sudah dua kali Yang Berhormat sebut saya Ahmad bin Yeop.

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum: Yusof ya. Minta maaf.

Tuan Haji Ahamat @ Ahmad bin Yusop: Ahmad bin Yusof. Pencatat pun tidak betul juga ini.

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum: *Sorry, sorry.* Tersasul, tengah malam tunggu daripada tadi. Jadi tidak perlu dicelah banyak-banyak, senang saya. Jadi saya minta maaf ya. Yang Berhormat Tuan Lee Cheam Choon, ini betul kut, membangkitkan supaya Malaysia perlu mencapai tahap sara diri 100 peratus serta menjadi pengeksport beras. Beliau juga meminta supaya perbincangan diadakan bagi menghadapi krisis makanan yang bakal datang disebabkan musibah banjir yang melanda Thailand. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, import beras daripada negara Thailand merupakan 21 peratus daripada jumlah import iaitu 70 peratus daripada jumlah keperluan negara. Malaysia turut mengimport beras daripada Vietnam, Pakistan dan India. Oleh yang demikian, bencana banjir di Thailand tidak akan menjejaskan bekalan beras tempatan.

Di samping itu stok penimbal beras yang ditetapkan adalah pada tahap 292,000 tan metrik akan digunakan sekiranya berlaku kecemasan atau kekurangan bekalan beras di pasaran. Stok penimbal tersebut dapat menampung keperluan rakyat selama 45 hari. Namun begitu jika mengambil kira kedudukan stok semasa, jumlah bekalan beras sedia ada dianggarkan di antara 800,000 metrik tan sehingga satu juta metrik tan yang terdiri daripada stok penimbal, stok dagangan BERNAS, stok pengilang pemborong dan peruncit dalam satu-satu masa. Keperluan beras dalam negara dijangka dapat bertahan selama empat hingga lima bulan untuk menampung keperluan negara.

Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Fatimah binti Hamat mempersoalkan yang pertama, sejauh mana sasaran sepuluh tan sehektar tercapai. Nyatakan bantuan insentif yang diberi kepada petani? Apakah langkah menuju SSL dan yang keempat mencadangkan supaya Terengganu, Johor, Sabah dan Sarawak yang mempunyai kawasan yang sesuai untuk pertanian dijadikan tempat untuk menanam padi. Kelima, meminta penjelasan mengapa terdapat peningkatan di dalam peruntukan untuk menanam padi pada tahun 2012 berbanding dengan tahun 2011.

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga kini masih belum ada pesawah yang mencapai pengeluaran sepuluh tan per hektar walaupun di sesetengah tempat seperti di Selangor, seramai 606 orang petani berjaya mencapai hasil.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, waktu kita menunjukkan tepat jam 10. Sekarang saya ingin menyatakan bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat kita akan disambung semula pada hari Isnin, 19 Disember 2011 pada pukul 10 pagi. Sebelum itu saya hendak beri maklum sedikit kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Didapati daripada tadi, jawapan-jawapan daripada kementerian-kementerian, ramai yang membangkitkan di mana catatan-catatan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tidak dijawab.

Saya tidak menyalahkan Menteri-menteri atau Timbalan Menteri tetapi pegawai-pegawai yang ditugaskan di sini mestilah betul-betul serius dan bertanggungjawab supaya membekalkan Menteri atau Timbalan Menteri jawapan-jawapan yang senang dan dapat diterima oleh semua Ahli Yang Berhormat. Itulah sebabnya tadi bahawa ramai bangun untuk mempersoalkan. Jikalau jawapan dapat dikemaskinikan, ini akan mempercepatkan dan menyenangkan Yang Berhormat memberi jawapan.

Begitu juga saya fikir ramai juga kita di sini rindukan Menteri-menteri datang. Saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Dato' Raja Nong Chik bin Raja Zainal Abidin, sebagai seorang Menteri sungguhpun gilirannya belum sampai tetapi beliau sudah datang. Beliau sendiri sebagai Menteri datang ke mari berjumpa dengan Ahli Dewan yang mulia ini. Ramai juga Menteri dan ini kita alu-alukan kerana saya fikir apabila seorang Menteri itu menjawab, ia mempunyai satu ruang lingkup yang luas dan boleh dijawab apabila soal tambahan dibuat oleh Ahli-ahli semua. Tanpa membuang masa lagi setakat itulah sahaja pesanan saya.

Kita tangguhkan Mesyuarat kita pada hari Isnin, 19 Disember 2011. Sekian, terima kasih.

Dewan ditangguhkan pada pukul 10.01 malam.